

JURNAL PSIKOLOGI DAN KAUNSELING



JOURNAL OF PSYCHOLOGY AND COUNSELLING

TAHUN 2017

BILANGAN 8

ISSN : 1985-3602

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING**



Sidang Pengarang	IV
Pengenalan Ringkas	V
Dari Meja Editor	VI
Mengurangkan Bilangan Murid Berisiko Keciciran Sekolah Melalui Intervensi Modul Pendekatan Psikologi Kaunseling Nurhaiza Bt Che Mat	1
The Relationships Between Personal Attitude, Family Support And Recovery Level Among Drug Addicts In Malaysia Sinthumathi a/p Mariapah Haji Jamaludin B. Haji Ahmad PhD	19
Kajian Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kesediaan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Mohd Izwan Mahmud PhD Sidek Mohd Noah PhD Jamaludin Ahmad PhD Wan Marzuki Wan Jaafar PhD	38
Persepsi Remaja Berisiko Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Pusat Pemulihan Muhammad Ajib Bin Abd Razak Maziah Syafiqah Binti Mat Tob	61
Jenis Personaliti MBTI Dan Trait Kemurungan, Kebimbangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat Yee Siew Kuan Dharatun Nissa Bt Fuad Mohd Karim PhD Jamaliah Hamdan Datuk Noriah Mohd Ishak PhD Mohd Izwan Mahmud PhD	85
Pengaruh Faktor Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Kaunselor Sekolah Jafny Hj. Jaapar Rohani Hj. Idris	96



Kesan Jenis Warna Terhadap Ingatan Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Universiti Awam	113
Yee Siew Kuan Nursakinah Mat Hazir Azrina Md Azhari Nurul Suzaina Joli Afifah Mohamad Radzi Jamaliah Hamdan Roslina Ahmad Faisal Mohd Izwan Mahmud PhD	
Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Faktor-Faktor Mempengaruhi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat	128
Jamaliah Bt Hamdan Yee Siew Kuan Nawal Binti Saparin Dharatun Nissa Bt Fuad Mohd Karim PhD Datuk Noriah Mohd Ishak PhD Mohd Izwan Mahmud PhD	
Kepimpinan Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Di Institusi Pendidikan Mara (IPMa)	139
Nik Hasrawati Binti Nik Hassan Ku Suhaila Ku Johari PhD	
Solution-Focused Interviewing For Suicidal Feeling Client : A Case Study In Higher Institution	163
Farhana Sabri PhD Mohd Yahya Mohamed Ariffin PhD Mohd Khairul Anuar Bin Rahimi PhD	
Pembangunan Alat Ukur Orientasi Seks Perlakuan Gay Dan Lesbian	175
Roslee Ahmad PhD Salleh Amat PhD Mohamad Isa Amat PhD Rezeki Perdani Sawai Muhamad Khairi Mahyuddin PhD Ahmad Najaa' Mokhtar PhD	



Depression, Anxiety And Stress Among Firefighters At One Of Balai Bomba In Negeri Sembilan - A Case Study Othman Bin Ab Rahman PhD Asiah Bte Sufian Zuliana Bte Kamaruzaman	194
Kesan Modul Program Kerjaya Terhadap Kematangan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Menengah Atas Siti Mariam binti Jaafar Muhammad Nasir Bin Bistamam PhD	212
Permasalahan Diri Dalam Kalangan Pelajar Bachelo Pendidikan Di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia Nur Ayuni Mohd Taupek Jamaluddin Ahmad PhD	225
Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (I2PK) Norisham Binti Abd Ghani Phd Mohd Taufiq Bin Mahmud Nor Hafizah Bt. Mohammad Hanafi Nordiana Bt Abd Rahim Halimatun Saadiah Binti Ahmad Usuldin	249
Biodata Penulis	268

JURNAL

**PSIKOLOGI DAN
KAUNSELING**

JOURNAL OF PSYCHOLOGY AND COUNSELLING



SIDANG PENGARANG /EDITORIAL BOARD

Ketua Penyunting /Editor-in Chief

Puan Normazwin Binti Yahya

Penyunting /Editors

Norisham Binti Abd. Ghani PhD

Puan Halimatus Saadiah Binti Ahmad Usuldin

Encik Mohd Taufiq Bin Mahmud

Puan Nor Hafizah Binti Mohammad Hanafi

Pewasit /Review

Farhana Binti Sabri PhD (USIM)

Haniza Binti Rais PhD (UIA)

Nurhafizah Bt Mohd Sukor PhD (USIM)

Siti Nubailah Bt Mohd Yusof PhD (USIM)

Zaida Nor Bt Zainudin PhD (IPIS)

Jurnal Psikologi dan Kaunseling diterbitkan setiap tahun oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan yang diterbitkan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Pandangan para penulis dalam jurnal ini tidak mewakili pandangan Bahagian Psikologi dan Kaunseling atau Kementerian Pendidikan Malaysia.

Alamat Surat-menyurat /Correspondence

Ketua Penyunting /Editor-in-Chief

Jurnal Psikologi dan Kaunseling

Bahagian Psikologi dan Kaunseling

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1, Blok E9, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Telefon: 03 88721681

Faks: 03 88721680

Website: <https://www.moe.gov.my/index.php/my/>

Pegawai Edaran

Puan Halimatus Saadiah Binti Ahmad Usuldin

Hakcipta Bahagian Psikologi dan Kaunseling 2017®



PENGENALAN RINGKAS

Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK)

Ditubuhkan secara rasminya pada 1 Mac 2008 dengan memainkan peranan untuk memenuhi aspirasi merealisasikan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18/2005 : Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia** dan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2009 : Pelaksanaan Aplikasi Psikologi Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan**. Hasrat ini seiring dengan visi BPsK iaitu **Insan Sejahtera Warga Harmoni Emosi Seimbang** dan juga misi BPsK dalam **Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling untuk Memperkembangkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara** dalam kalangan warga KPM serta orang awam yang mempunyai anak-anak yang bersekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Objektif penubuhan BPsK adalah untuk :

- menyediakan dan menguruskan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti;
- memberi kesedaran kepada warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian;
- meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optimum dan berterusan;
- menyediakan pendidikan kesihatan dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan;
- melestarikan kelangsungan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada *stake-holder*.

Dalam usaha untuk memantapkan modal insan maka sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda serta warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran global. Sehubungan itu, objektif dan peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) dari aspek Psikologi dan Kaunseling perlulah merentasi semua inisiatif yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tersebut serta disiplin kerja di KPM itu sendiri. Kaunselor Organisasi perlulah berusaha melengkapkan diri untuk sama-sama berperanan membantu warga KPM dalam menjayakan PPPM. Pelaksanaan aktiviti BPsK yang menjurus kepada aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan perlu di terjemahkan menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan modul, sesi kaunseling, ujian psikometrik, klinik kaunseling bergerak, sarana psikososial dan sebagainya. Komitmen dan usaha yang berterusan mampu meningkatkan kualiti profesionalisme kaunselor organisasi BPsK ke arah menjamin kesejahteraan modal insan pada masa hadapan.



DARI MEJA EDITOR

Segala puji-pujian dan pengabdian hanya untuk Allah S.W.T., Tuhan yang mentadbir dan mencipta alam semesta. Selawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat serta para pencinta ilmu sekalian. Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kaunseling bilangan kelapan ini merupakan hasil kajian dan penulisan para kaunselor dan juga pengamal-pengamal kaunseling yang sentiasa mencari sesuatu pembaharuan dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Jurnal ini memuatkan artikel berbentuk hasil penyelidikan daripada kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah, sekolah dan pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru dan Universiti Awam tempatan. Kesemua hasil tulisan adalah dari kaunselor-kaunselor dan ahli psikologi sama ada psikologi kaunseling, psikologi pendidikan atau bidang-bidang yang menjurus kepada psikologi dan kaunseling itu sendiri. Ini adalah selaras dengan objektif penerbitan jurnal ini bagi memberikan peluang kepada para penyelidik dalam bidang psikologi dan kaunseling untuk berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan mereka agar dapat dimanfaatkan oleh pengamal-pengamal psikologi dan kaunseling.

Penyelidikan merupakan satu kaedah untuk mendapatkan penyelesaian terhadap persoalan. Memahami sesuatu persoalan merupakan langkah pertama bagi menangani sesuatu masalah. Justeru penyelidikan membolehkan kita lebih memahami masalah yang dihadapi, memahami isu yang kita perhatikan serta bergerak secara progresif ke arah penambahbaikan secara berterusan. Bagi mengecapi manfaat ini, kita perlu mengamalkan budaya penyelidikan dan penulisan saintifik, satu budaya yang seharusnya telah lama kita mulakan, maka jurnal ini merupakan sebahagian daripada proses berkenaan.

Jurnal ini adalah kompilasi penulisan ilmiah yang telah ditulis oleh individu-individu yang terlibat secara langsung dalam bidang psikologi dan kaunseling. Ianya penyelidikan yang boleh dikongsi bersama dalam kalangan pengamal kaunseling serta penyelidik di dalam bidang ini agar dapat meningkatkan lagi profesionalisme perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Malaysia. Pihak sidang editor jurnal amat mengalu-alukan hasil penulisan ilmiah sama ada berbentuk konseptual atau hasil penyelidikan untuk dimuatkan di dalam jurnal seterusnya.

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyumbang artikel, pewasit-pewasit, editor-editor dan semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha bagi memastikan jurnal ini berjaya diterbitkan.

***Sekian, Salam Negeraku Malaysia
Ketua Editor***

MENGURANGKAN BILANGAN MURID BERISIKO KECICIRAN SEKOLAH MELALUI INTERVENSI MODUL PENDEKATAN PSIKOLOGI KAUNSELING

Nurhaiza Bt Che Mat

SMK Cheras, Kuala Lumpur, 56000, WPKL

nurhaiza.gksmkcheras@gmail.com

Abstrak

Artikel ini bertujuan mengenalpasti keberhasilan impak meningkatkan kehadiran murid ke sekolah dan menangani masalah murid berisiko keciciran dari sekolah melalui perlaksanaan modul menangani masalah murid berisiko keciciran sekolah. Modul ini mula dijalankan pada tahun 2015 untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah dan menurunkan kadar murid berisiko keciciran sekolah melalui intervensi Zoom In. Modul bersepadu melibatkan guru tingkatan dan guru mentor melalui Zoom In Guru Tingkatan Dan Mentor, intervensi ibu bapa melalui Zoom In Ibu Bapa dan intervensi murid sendiri melalui satu sistem pengawalan iaitu Zoom In Murid. Manakala intervensi SPOT Sistem Pemantauan Orang Tertentu telah dijalankan pada tahun 2016 untuk menurunkan kadar murid berisiko tinggi iaitu murid murid yang pernah dibuang sekolah dan keciciran dari sistem persekolahan. Kajian ini mengaplikasikan analisis data kuantitatif secara deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk mentafsirkan data. Objektif kajian diuji menggunakan teknik peratusan. Teknik peratusan digunakan untuk melihat peningkatan kehadiran murid ke sekolah. Statistik deskriptif min iaitu bilangan jumlah digunakan untuk menunjukkan pengurangan atau peningkatan. Berdasarkan modul yang telah dijalankan, modul ini berjaya menurunkan kadar murid dibuang sekolah atau menurunkan kadar murid berisiko tinggi keciciran sekolah dan meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan perlunya ada satu modul yang sistematik dalam menguruskan murid berisiko keciciran sekolah terutama di bandar yang mempunyai peratus murid keciciran yang tertinggi. Modul ini sebagai alternatif untuk guru bimbingan dan kaunseling menjalankan intervensi menguruskan murid berisiko keciciran di sekolah.

Katakunci: keciciran sekolah; intervensi guru kaunseling; modul kehadiran murid, ponteng sekolah, buang sekolah

PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 telah berada di gelombang kedua memacu peningkatan sistem (2016 – 2020) . Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan teras pendidikan bagi menentukan kejayaan sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Aspirasi akses memerlukan 100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020. Oleh itu antara inisiatif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menangani keciciran murid ialah melaksanakan inisiatif peningkatan akses daripada prasekolah hingga menengah atas, meneruskan sokongan pendidikan sedia ada termasuk bantuan asrama, pengangkutan, Rancangan Makanan Tambahan, Susu 1Malaysia, dan bantuan persekolahan, menubuhkan jawatankuasa pemandu dan jawatankuasa teknikal bagi menangani dan memantau isu keciciran murid, pengumpulan data murid berisiko cicir di sekolah rendah dan menengah. Berdasarkan surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12, tahun 2012 mengenai perkhidmatan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, KPM telah menggariskan 4 fokus untuk penekanan guru bimbingan dan kaunseling. Antaranya ialah peningkatan disiplin murid dengan fokus adalah untuk memupuk disiplin diri murid termasuk intervensi yang perlu dilakukan bagi mencegah mereka terlibat dengan gejala-gejala disiplin dan anti sosial yang lain. Hasilnya agar dapat membentuk perwatakan murid yang berketrampilan dan terpuji.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengurangkan bilangan murid ponteng sekolah dan seterusnya mengurangkan bilangan murid dibuang sekolah menggunakan modul pendekatan psikologi kaunseling yang sistematik.

Objektif Kajian

Sehubungan dengan itu, penyelidik menyediakan satu model menguruskan murid berisiko keciciran ke sekolah bagi diaplikasikan pengurusan menangani murid yang pernah mendapat surat amaran tidak hadir ke sekolah dengan objektif:

- 1) Melihat impak peratus kehadiran murid ke sekolah melalui pendekatan psikologi dan kaunseling
- 2) Agar dapat mengurangkan tingkah laku ponteng bagi murid berisiko tinggi keciciran iaitu murid yang pernah dibuang sekolah dan penerima surat amaran ketidakhadiran sebelum dibuang sekolah dengan penggunaan kad SPOT (Sistem Pemantauan Orang Tertentu).
- 3) Agar dapat memberikan ganjaran kepada murid yang telah menunjukkan perubahan yang baik dalam sahsiah mereka dan seterusnya mempengaruhi rakan sebaya lain agar meningkatkan kadar kehadiran murid ke sekolah.

Persoalan Kajian

Berdasarkan daripada objektif kajian yang dinyatakan di atas, maka tiga persoalan dibina seperti berikut:

- 1) Apakah modul *Zoom In* dan SPOT dapat meningkatkan peratus kehadiran murid ke sekolah ?
- 2) Apakah modul *Zoom In* dan SPOT dapat mengurangkan bilangan murid ponteng sekolah?
- 3) Apakah modul *Zoom In* Murid dapat meningkatkan kehadiran penuh murid ke sekolah?

Kepentingan Kajian

Pada 10 Januari 2016, artikel Berita Harian menyiarkan mengenai Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid memaklumkan bahawa faktor yang menyebabkan kadar kehadiran murid yang rendah, di sekolah kawasan yang mempunyai ramai penduduk golongan berpendapatan rendah seperti berdekatan dengan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Kebanyakan sekolah yang mempunyai kadar ponteng tinggi terletak di kawasan sedemikian dengan kadar kehadiran murid ke sekolah sekitar 87 % sahaja. Pengkaji berada di sekolah yang majoriti murid datang dari kawasan PPR, malahan sekolah yang berada di ranking bawah peratus kehadiran murid dan kadar keciciran yang tinggi di Kuala Lumpur ialah sekolah yang berhampiran dengan PPR yang menyebabkan pengkaji berminat untuk menjalankan kajian yang dapat membantu menangani murid cicir berisiko tinggi dan sederhana melalui pendekatan dari guru bimbingan dan kaunseling. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras merupakan sebuah sekolah di tengah bandaraya Kuala Lumpur yang berhampiran dengan Projek Perumahan Rakyat. Berdasarkan Bengkel Intervensi Menangani Masalah Kehadiran Murid Di Sekolah Bagi Guru Kaunseling Dan Guru Disiplin Sekolah Sekolah di Kuala Lumpur untuk sekolah yang mempunyai kehadiran murid yang rendah di Kuala Lumpur yang dijalankan pada awal tahun 2017, pengkaji mendapati majoriti sekolah yang terlibat dalam kategori kehadiran murid ke sekolah di bawah 87%, sekolah tersebut tidak mempunyai model yang sistematik dalam menguruskan masalah ketidakhadiran murid di sekolah. Guru kaunseling juga tidak mempunyai proses kaunseling dan intervensi yang sistematik. Intervensi yang dijalankan hanyalah merangkumi intervensi dalam jangka masa pendek iaitu sesi kaunseling sama ada individu dan kelompok, dan bukannya proses jangka masa panjang dalam tahun semasa yang melibatkan pemulihan dan pemantauan secara bersepadu. Oleh sebab Kuala Lumpur mempunyai kadar kehadiran dan keciciran yang tinggi berbanding negeri lain, maka isu keciciran adalah isu yang serius di Kuala Lumpur. Malahan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) meletakkan indeks petunjuk prestasi (KPI) kehadiran murid ke sekolah sebagai fokus utama dalam Transformasi Pendidikan Daerah. Oleh itu penyelidik menjalankan kajian dengan

berfokuskan ke bulan Januari hingga September pada tahun 2015 – 2016 iaitu bulan pengajaran dan pembelajaran aktif dijalankan.

Teori Berkaitan

Pendekatan teori berdasarkan Teori Pelaziman Skinner. Menurut Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin (2008), teori ini merupakan satu proses pembelajaran yang melihat satu tingkah laku itu dapat mengubah konsekuan secara sistematik. Ia digunakan untuk pengukuhan positif berdasarkan prinsip meningkatkan tingkah laku yang positif kerana adanya ransangan. Bentuk bentuk pengukuhan positif ialah hadiah, dengan pujian dan kata – kata positif untuk mengukuhkan tingkah laku yang positif seperti memberi ganjaran setelah perlakuan berulang/ diperkuatkan atau memberi ucapan tahniah dan kata – kata jika tingkah laku adalah positif. Pengukuhan negatif ialah merangsang serta merta perasaan yang tidak selesa. Murid rasa tidak selesa, segan dan sedaya upaya tidak mengulangi tingkah laku yang negatif.

METADOLOGI KAJIAN

Persampelan

Kajian ini merupakan kajian populasi yang melibatkan keseluruhan murid di SMK Cheras manakala kajian SPOT melibatkan populasi murid tingkatan 5 yang mempunyai lebih dari dua masalah iaitu masalah ponteng sekolah tegar dan juga masalah disiplin lain yang berat.

Tatacara Kajian

Modul ini dibina dan direalisasikan dalam bentuk intervensi *Zoom In* dan intervensi SPOT (Sistem Pemantauan Orang Tertentu).

1. Model Intervensi *Zoom In* Kelas

Nama program : *Zoom In* Kelas Berdasarkan Peningkatan Kehadiran
Matlamat : Mengetahui kategori kelas cemerlang, harapan

dan lonjakan melalui kadar peratus kehadiran murid pada setiap bulan

Strategi : Ganjaran dan Motivasi

Objektif :

- 1) Agar dapat mengenal pasti kelas yang menyumbang kepada peratus kehadiran pelajar yang rendah untuk diambil tindakan segera manakala kelas yang menyumbang peningkatan kehadiran murid yang tinggi untuk disampaikan ganjaran

- 2) Agar dapat memberikan ganjaran kepada guru tingkatan dan mentor guru tingkatan yang dapat membantu meningkatkan kehadiran murid di dalam kelas mereka

- 3) Agar dapat membantu guru tingkatan yang mempunyai peratus kehadiran yang rendah untuk merancang strategi *Zoom In* Murid

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab	Sasaran	Catatan
1	Mesyuarat Jawatankuasa	PK HEM Semua guru kaunseling	AJK UBK AJK Disiplin Semua guru	
2	Mengenalpasti kelas yang terlibat melalui buku kehadiran murid atau data		Semua kelas	Kehadiran kelas sebanyak 95% sebanyak 7 kali akan di bawa ke lawatan
3	Merekodkan kelas yang terlibat untuk dijalankan sesi	Guru kaunseling	Guru kelas dan guru mentor	Kelas yang berada dibawah 87% kehadiran ke sekolah

	motivasi dan ganjaran			
4	<p>Menyampaikan anugerah galakan bagi kelas yang terlibat</p> <p><i>-Zoom In</i></p> <p>Cemerlang 95% kehadiran setiap bulan</p> <p><i>-Zoom In</i></p> <p>Lonjakan 5% meningkat kehadiran berbanding bulan lepas</p> <p><i>- Zoom In</i></p> <p>Harapan: iaitu kelas yang sentiasa meningkat kehadiran berturut-turut selama 3 bulan</p>	<p>PK HEM</p> <p>Guru kelas</p> <p>Guru kaunseling</p>	<p>Kelas mencapai 95% kehadiran</p> <p>Kelas yang dapat meningkat 5% kehadiran berbanding bulan lepas</p> <p>Kelas yang dapat meningkat kehadiran selama 3 bulan berturut</p>	<p>Guru kelas dan mentor kedua juga akan memperoleh sijil anugerah untuk diri sendiri berdasarkan anugerah yang diperolehi oleh kelas masing-masing</p>

2. **Modul Zoom In Murid**

2.1) Nama Intervensi: *Zoom In Murid* : Hati Ke Hati

Matlamat : Mengenal pasti punca pelajar tidak hadir ke sekolah untuk diberikan bimbingan.

Objektif : Agar dapat mengenal pasti pelajar yang menyumbang kepada peratus kehadiran ke sekolah yang rendah untuk diambil tindakan segera.

Strategi : Sesi kaunseling individu dan kelompok

Modul Intervensi Zoom In Murid

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab	Sasaran
1	Mesyuarat Jawatankuasa	PK HEM Guru Kelas Semua guru kaunseling	AJK
2	Mengenalpasti pelajar yang terlibat melalui buku kehadiran pelajar atau data		Murid yang menerima surat amaran
3	Menjalankan sesi kaunseling kelompok dan Ujian DASS	Guru kaunseling	Murid menerima surat amaran
4	Menjalankan sesi kaunseling individu	PK HEM Guru kelas Guru kaunseling	Murid menerima surat amaran
5	Merekodkan status DASS dan sebab tidak hadir untuk diambil tindakan intervensi yang bersesuaian	Guru Kaunseling	Murid yang menerima intervensi “Hati Ke Hati”

2.2 Nama Intervensi: *Zoom In* Murid : Murid SPOT
 (Sistem Pemantauan Orang Tertentu)

- Matlamat** : Mengenal pasti punca pelajar berisiko tinggi keciciran tidak hadir ke sekolah untuk mengenal pasti intervensi.
- Objektif** : Agar dapat menurunkan kadar murid berisiko keciciran dari sekolah.
- Strategi** : Sesi kaunseling individu dan kelompok dan pemantauan total.
- Sasaran** : Murid berisiko tinggi keciciran iaitu murid yang dikenalpasti kerana ponteng sekolah dan mendapat surat amaran ponteng berterusan dan surat amaran ketiga malahan murid yang pernah dibuang sekolah kerana tidak hadir ke sekolah.

Modul Intervensi Murid Berisiko Tinggi Keciciran

BIL	AKTIVITI	TINDAKAN
1	Murid mendaftar masuk	Penyelaras tingkatan
2	Sesi kaunseling murid	Guru kaunseling
3	Sesi konsultasi ibu bapa	Guru kaunseling
4	Menyerahkan surat aku janji murid SPOT kepada murid	Guru kaunseling
5	Menyerahkan surat makluman kepada ibu bapa mengenai SPOT	Guru kaunseling
6	Guru kaunseling menyerahkan nama murid kepada guru disiplin dan guru tingkatan	Guru kaunseling

7	Guru kaunseling menyerahkan kad SPOT berwarna merah	Guru kaunseling
8	Murid perlu mendapatkan tandatangan daripada ketua guru disiplin/ guru kaunseling pada masa 1 selama sebulan	Guru disiplin
9	Murid perlu mendapatkan tandatangan pada setiap guru subjek selama sebulan	Guru mata pelajaran
10	Guru subjek bebas mencatat apa sahaja dalam buku catatan sama ada lewat masuk kelas, tidak menyiapkan latihan, atau tidur dalam kelas, atau memuji murid kerana menyiapkan buku latihan.	Guru subjek
11	Guru kaunseling akan meletakkan nama murid sebagai murid SPOT dalam buku kawalan kelas untuk pemantauan bersama guru mata pelajaran	Guru kaunseling
12	Perjumpaan sebulan sekali bersama pentadbir dan kemajuan sahsiah dan disiplin murid bersama maklum balas dari kad SPOT	Pengetua/PK HEM/ PK Petang
13	Murid yang dipantau selama sebulan akan diberikan status berikut untuk bulan berikutnya: Kad merah: Jika tidak berpuas hati dengan kehadiran, lewat atau masalah salah laku murid Kad kuning: Jika terdapat perubahan yang lebih baik dari aspek kehadiran, lewat atau masalah salah laku	Guru kaunseling

	Kad hijau: Kehadiran ke sekolah yang cemerlang dan lewat ke sekolah kurang 3 kali sebulan dan tiada masalah salah laku.	
14	Tindakan susulan dengan ibu bapa murid SPOT bagi kes kad merah yang berterusan	Guru kaunseling
15	Ganjaran berbentuk sijil dan hadiah iringan setiap 3 bulan akan diberikan kepada murid yang menerima kad kuning atau kad hijau sahaja	Setiausaha Hal Ehwal Murid

3.0 Modul Intervensi Ibu Bapa Murid Berisiko Keciciran

Zoom In Ibu Bapa

Matlamat : Mendapatkan maklumat dari ibu bapa mengenai punca murid tidak hadir ke sekolah dan seterusnya menjalinkan kerjasama dengan ibu bapa untuk membantu menangani permasalahan murid.

Strategi : Konsultasi keibu bapaan bersemuka, telefon dan lawatan ke rumah

Objektif :

Agar dapat mengenal pasti kerjasama bersama ibu bapa bagi murid yang menyumbang kepada peratus kehadiran ke sekolah yang rendah untuk diambil tindakan segera.

Intervensi Konsultasi Keibubapaan

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab	Sasaran
1	Mesyuarat Jawatankuasa	PK HEM Guru Kelas Semua guru kaunseling	AJK
2	Mengenalpasti ibu bapa murid yang terlibat melalui buku kehadiran murid atau data	Guru Kelas Guru Mentor	Ibu bapa murid berisiko
3	Konsultasi ibu bapa bersemuka di sekolah	Guru Kaunseling	Ibu bapa yang dapat dihubungi
4	Talian Kasih bagi ibu bapa iaitu menghubungi ibu bapa melalui telefon Cakna Kasih iaitu projek lawatan ke rumah	Guru Kaunseling	Ibu bapa dihubungi dengan telefon dan lawatan ke rumah

Analisis Data

Kajian ini mengaplikasikan analisis data kuantitatif secara deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk mentafsirkan data. Objektif kajian diuji menggunakan teknik peratusan. Teknik peratusan digunakan untuk melihat peningkatan kehadiran murid ke sekolah. Statistik deskriptif min iaitu bilangan jumlah digunakan untuk menunjukkan pengurangan atau peningkatan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan pelaksanaan modul menangani murid berisiko keciciran sekolah, maka dapatan kajian telah diperolehi:

Jadual 1

Peratus Kehadiran Murid Ke Sekolah Bagi

Januari – September 2014 hingga Januari- September 2016

Tahun	Penggunaan modul	Peratus kehadiran
2014	(tiada modul sistematik)	82 %
2015	(modul diuji)	86 %
2016	(perlaksanaan modul)	87%

Jadual 2

Bilangan surat amaran ponteng sekolah dikeluarkan bagi

Januari– September 2014 hingga Januari – September 2016

Tahun	Penggunaan modul	Bilangan surat amaran
2014	(tiada modul sistematik)	741 surat amaran
2015	(modul diuji)	409 surat amaran
2016	(perlaksanaan modul)	250 surat amaran

Jadual 3

Bilangan murid tidak hadir ke sekolah hanya sehari dan hadir penuh bagi
Januari – September 2014 hingga Januari – September 2016

Tahun	Penggunaan modul	Bilangan murid
2014	(tiada modul sistematik)	75 orang
2015	(modul diuji)	114 orang
2016	(perlaksanaan modul)	160 orang

PERBINCANGAN

Model intervensi mengurus murid berisiko keciciran ini telah diuji pada tahun 2015 melalui pendekatan *Zoom In* manakala model SPOT mengurus murid berisiko tinggi keciciran telah diuji pada tahun 2016 dan menunjukkan impak yang tinggi terhadap peningkatan peratus kehadiran murid ke sekolah berdasarkan Jadual 1, mengurangkan bilangan surat amaran ponteng dikeluarkan kepada murid berdasarkan Jadual 2, dan peningkatan murid kehadiran penuh ke sekolah berdasarkan Jadual 3. Berdasarkan Transformasi Pendidikan Daerah 2.0, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bangsar Pudu telah meletakkan sekolah pengkaji sebagai sekolah yang bermasalah kehadiran murid sejak tahun 2015. Berdasarkan Dialog Prestasi sekolah-sekolah yang bermasalah kehadiran dengan PPD pada awal tahun 2017, pendekatan modul pengkaji telah menarik minat pegawai PPD untuk dijenamakan dengan program REKRUT iaitu Rekod Kehadiran Untuk Tindakan. REKRUT menggunakan pendekatan *Zoom In* yang diperkenalkan oleh pengkaji. Maka modul ini disebarluaskan kepada sekolah – sekolah di daerah Bangsar dan Pudu terutamanya kepada 42 sekolah rendah dan 17 buah sekolah menengah yang bermasalah kehadiran murid ke sekolah. Sumbangan kajian ini penting untuk menunjukkan kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam menjalankan aktiviti dan intervensi klien menggunakan modul dan intervensi yang betul untuk kes murid yang berisiko keciciran. Ini kerana Kementerian Pendidikan

Malaysia akan mengeluarkan garis panduan bagi menangani masalah murid yang keciciran dan menerangkan intervensi yang akan dilakukan oleh pihak yang berkepentingan di sekolah bagi menangani masalah murid keciciran. Walau bagaimanapun intervensi modul untuk pihak guru bimbingan dan kaunseling menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling harus juga dibekalkan untuk panduan guru bimbingan kaunseling menjalankan aktiviti sesi kaunseling kelompok atau individu dengan modul kaunseling menangani masalah keciciran murid. Kebanyakan kajian tindakan dan aktiviti sekolah memfokuskan model mengenai meningkatkan kehadiran murid ke sekolah namun modul untuk meningkatkan kehadiran murid dan intervensi murid berisiko cecir sederhana dan tinggi belum lagi diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setakat ini modul kaunseling berfokus ponteng ada dibekalkan kepada guru kaunseling yang umum untuk segala kes berkaitan murid ponteng seperti ponteng sekolah, ponteng kelas, ponteng perhimpunan. Oleh itu, modul khas untuk murid penerima surat amaran dua, tiga dan kes rayuan bersekolah semula adalah perlu sebagai rujukan dan alternatif dalam menangani masalah murid berisiko cecir terutama yang berisiko tinggi keciciran sekolah. Ini kerana apabila kehadiran murid ke sekolah meningkat mendadak pada tahun 2014 ke-2015 tetapi menunjukkan peningkatan yang perlahan pada tahun 2016, maka intervensi SPOT dijalankan secara sampel kajian kepada murid berisiko tinggi keciciran tahun 2016 yang mengundang kepada kehadiran yang rendah dalam sesebuah kelas. Intervensi SPOT ini memberikan impak yang tinggi terhadap kehadiran murid berisiko tinggi di sekolah dan diaplikasikan sepenuhnya pada tahun 2017.

Melalui intervensi *Zoom In Kelas*, murid di dalam kelas akan sentiasa bekerjasama bagi membantu kelas mencapai KPI yang disasarkan. Murid juga akan lebih mengambil berat murid lain di dalam kelasnya yang tidak hadir ke sekolah untuk memaklumkan kepada guru. Melalui intervensi *Zoom In Guru Tingkatan Dan Mentor*, maka pelantikan mentor kedua akan dilantik. Dua orang guru yang akan bekerjasama untuk mencari strategi membantu kehadiran murid kelas masing-masing terutama yang berisiko keciciran. Melalui anugerah sijil penghargaan guru, memotivasikan guru tersebut bagi membantu menguruskan kelasnya dengan lebih berkesan dengan

pemantauan kepada murid-murid tegar di dalam kelas tersebut. Ganjaran kelas terbaik kehadiran pula, dapat meningkatkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik murid untuk mengekalkan tahap kehadiran murid di dalam kelas dengan cemerlang manakala slot ceramah motivasi kepada murid bagi kelas yang berada di bawah peratus kehadiran yang tidak memuaskan diharapkan agar dapat menyuntik motivasi mereka agar hadir ke sekolah.

Melalui *Zoom In* Ibu Bapa, ibu bapa dapat bekerjasama untuk memaklumkan mengenai pergerakan anak dan tingkah laku anak yang boleh dibantu oleh guru kaunseling. Ibu bapa juga perlu dilibatkan dalam kontrak agar dapat bertanggungjawab terhadap pergerakan anak jika tidak ke sekolah. Melalui aktiviti Talian Kasih dan Cakna, ia menunjukkan bahawa pihak sekolah akan bertindak sehingga ke rumah murid bagi mengesan murid berpotensi keciciran sekolah. Ini kerana ada kes surat amaran yang dihantar tidak diterima ibu bapa kerana murid sendiri yang mengambil surat dari peti surat dan menyembunyikannya atau bertukar alamat tanpa memaklumkan kepada guru, dan ada nombor telefon yang tidak dikemaskini dan menyulitkan menghubungi ibu bapa. Aktiviti ini menyedarkan murid betapa serius pihak sekolah mengambil tindakan dan dengan sendirinya murid yang tidak mahu melibatkan ibu bapa, akan cuba hadir ke sekolah dan mengurangkan tingkah laku ponteng berterusan atau tidak ponteng ke sekolah lagi. Melalui pengetahuan guru kaunseling mengenai agensi yang perlu dirujuk, maka guru kaunseling dapat membantu isu kekeluargaan untuk ditangani oleh pihak lain yang lebih profesional.

Melalui *Zoom In* Murid, model ini sesuai digunakan bersama modul kesihatan mental untuk menjalankan intervensi kepada murid. Guru kaunseling akan menyentuh rumusan mengenai latar belakang keluarga, akujanji yang perlu dipatuhi murid dan meneroka masalah sebenar untuk strategi yang akan datang. Guru kaunseling akan membantu murid mengenalpasti sumber yang boleh didekatinya untuk membantu merealisasikan matlamat hidup dan bertindak terhadap masalah sebenar yang menyebabkannya tidak hadir ke sekolah. Melalui bimbingan kerjaya, murid dapat dibimbing untuk mengetahui bahawa terdapat pelbagai bidang akademik dan

kemahiran untuk melanjutkan pelajaran walau apa sahaja kelulusan akademik murid tersebut. Yang penting, murid masih berada dalam sistem persekolahan dalam usia yang sepatutnya mereka berada dalam sistem persekolahan. Dengan inovasi penggunaan Kad SPOT iaitu kaedah yang digunakan untuk mengawal tingkah laku negatif murid di sekolah, maka murid sedar bahawa pergerakan deviannya akan terbatas kerana pemantauan total. Melalui ulasan guru mengenai tingkah laku positif pada kad, ia akan memberikan motivasi untuk mengukuhkan tingkah laku positif dan akan memperlahankan tingkah laku negatif hingga terhapus terus.

KESIMPULAN

Rujukan berdasarkan kepada laporan data keciciran murid di sekolah menengah tahun 2016 oleh Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati peratus murid berisiko cicir di Malaysia pada tahun 2016 ialah 9386 yang mana, peratus murid sederhana risiko ialah 4264 murid dari 9386 murid yang meliputi 45.4 % murid cicir manakala murid yang tinggi risiko keciciran di sekolah menengah adalah 402 murid yang meliputi 4.3%. Selain itu, laporan pengumpulan murid berisiko cicir di sekolah KPM pada tahun 2016 juga mendapati 4.3% orang murid sekolah menengah berisiko tinggi untuk tercicir daripada sistem persekolahan. Faktor-faktor yang dikenalpasti sebagai penyumbang kepada murid berisiko tinggi untuk tercicir ialah berpunca daripada faktor murid dan faktor keluarga. Diharapkan dengan adanya modul menangani murid berisiko keciciran di sekolah, keciciran murid dapat dikurangkan dengan menjalankan intervensi ini di sekolah.

Cadangan penambahbaikan bagi program ini ialah mempelbagaikan kategori ganjaran untuk sahsiah dan disiplin murid, penyampaian anugerah sahsiah murid dijalankan sebanyak dua kali setahun, memaparkan wajah murid –murid dan data di papan kenyataan khas program bagi yang menerima anugerah, dan ganjaran khas juga untuk guru yang memberikan komitmen terhadap peningkatan sahsiah murid. Sekolah juga boleh mewujudkan konsep mentor- mantee kepada murid –murid kategori SPOT iaitu murid – murid berisiko tinggi di bawah jagaan barisan pentadbir.

RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) Modul Kemahiran Kesihatan Mental (Remaja).
- Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2016), *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016*. Penerbitan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gaitirie a/p Dewa Dasan. Perkongsian Amalan Dan Pengurusan Terbaik Perkhidmatan Kaunseling. *Program Psikologikal PRIME (ms57-75) Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan*.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan Halimatun Halaliah Mokhtar.(2005). *Kaunseling Individu Apa Dan Bagaimana*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Mohd Fadzil Che Din (2012). *Pengenalan Kaunseling*. Penerbitan Excellent Mind Resources, Kelantan.
- Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin (2008). *Teori Kaunseling Dan Psikoterapi*. Penerbit USIM
- Ziauddin Sharuddin. Langkah Atasi Ponteng Sekolah Di Ibu Kota. *Berita Harian*, 10 Januari: 1

The Relationships between Personal Attitude, Family Support and Recovery Level among Drug Addicts in Malaysia

Sinthumathi Mariapah, Jamaluddin Bin Ahmad

*Sinthumathi, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor
Jamaluddin Bin Ahmad, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor*

Abstract

Addiction to drug defined as craving or overwhelming desire to continuous intake of drugs even though the drug addicts know the consequences. The primary objective of this study focused on the recovery level of the drug addict to quit or withdraw the drug intakes and maintain the change in their attitude towards their recovery process. Besides personal attitude, the support from the family was concerned in this study on the perceived support and acceptance of the family member towards a drug addict, and how they inevitably adopt to this situation. This study focuses on the relationship between the personal attitude of the drug addicts and the support from the family in drug addiction recovery process. In the Pearson Correlation test shows that personal attitude has the strongest positive correlation with recovery level. In overall, all the results show that personal attitude is significant in this study.

Keywords: drug addicts; personal attitude; family support; recovery level

INTRODUCTION

Background of the Study

Addiction to drug defined as craving or overwhelming desire to continuous intake of drugs even though the drug addicts know the consequences. A part from that, repeated consumption of drug is also referred as drug addiction that usually accompanied by physical or psychological need for a habit-forming substance (The American Heritage® Science Dictionary, 2005). Recovery is define as “voluntarily maintained lifestyle composed characterized by sobriety, personal health and citizenship” (The Betty Ford Institute Consensus Panel; Buddy, 2012). Psychosocial and behavioural changes (Simpson, 2004) reflects the recovery in drug addicts which is influenced by various factors such as biological, psychological, sociocultural and the willingness, volunteer and hope of a drug addict to sustain sobriety, lead a meaningful life and pay attention to life goals and ambitions (Ebener & Susan, 2011). Initiation of recovery is not easy and the locus of control of the drug addicts would not be direct, but to recover from drug addiction requires personal values, beliefs, self-efficacy, self-esteem, hope and many other reasons (Terrion, 2012).

Therefore, the personal attitude of the respondents focused and emphasized in their recovering process. The primary objective of this study focused on the recovery level of the drug addict to quit or withdraw the drug intakes and maintain the change in their attitude towards their recovery process. Besides it is not easy for a drug addict in deciding to withdraw drug intakes or stop taking, but this can be done when the drug addicts are motivated to improve their recovery level. Drug addicts’ attitude can be reflected through re-evaluating their behaviors’ because attitude was the key to understand human behaviour and positive attitudes manifest well-adjusted behaviors’.

Besides personal attitude, the support from the family was concerned in this study on the perceived support and acceptance of the family member towards a drug addict, and how they inevitably adopt to this situation. The effort put by the family to change and to cure the drug addicts to become a better person, and also the parents’ perception on the treatment of the recovery process will be studied as well. Family plays a crucial, big part and central role by supporting the drug addicts in their family

to recover from drug addiction, and family can be the source of help to the treatment process (Substance Abuse Treatment and Family Abuse, 2004).

Finally, through this study I can determine the recovery level among drug addicts in a court-mandated treatment program. At the same time, the support given by the family, the respondent's willingness and effort to recover from drug addiction will contribute to the recovery processes. Thus, this indirectly will contribute to test the recovery level of the drug addicts.

Research Objective

Main Objective

To study the relationships between personal attitude, family support and recovery level among drug addicts in Malaysia.

Specific Objectives

1. To describe the respondents personal backgrounds (gender, race and age), family characteristics (education level).
2. To describe the levels of personal attitude, family support and recovery level among drug addicts in Malaysia.
3. To compare differences in personal attitude, family support, and recovery level among drug addict of different ethnics in Malaysia.
4. To determine the relationships between personal attitude, family support, and recovery level among drug addicts in Malaysia.

Research Hypothesis

- 1.H₀1: There is no significant difference in personal attitude between drug addicts from different ethnics.
2. H₀2: There is no significant difference in family support between drug addicts from different ethnics.
3. H₀3: There is no significant difference in recovery level between drug addicts from different ethnics.

4. H₀₄: There is no significant relationship between personal attitude and recovery level among drug addicts in Malaysia.
5. H₀₅: There is no significant relationship between family support and recovery level among drug addicts in Malaysia.

LITERATURE REVIEW

“Drugs are psychoactive substances that have the most significant effect on the nervous system such as causing a state of intoxication, trance, addiction, behavioural disorders and many others. Continued addiction to drugs would pose danger to self, family, community and the nation” (National Anti-Drug Agency, 2005). Therefore, drug addiction happens when a person continues to consume or take drugs regularly and when their behaviour appears to become increasingly dependent on drug and the force from outside of the person’s conscious control and drug seeking behaviour becomes increasingly compulsive (Sellman, Baker, Adamson & Geering, 2007).

Recovery Level

Recovering from drug addiction has many different levels and it is a long-term process and required various types of treatments as well as finding new meaning and purpose in life (O’rady & Skinner, 2012). Another study also shows that recovery is the change of ones’ behaviour or attitude from bad to good fortune (Taieb, Levy, Moro & Baubet, 2008). Recovery happens when people face challenges and crisis in their life because it includes attitude, process in life, and a way to approach the days challenges and improved performance in education and vocation, formulation of and movement toward life goals are examples of recovery (White & Godley, 2007). Keane states that addiction is a disease that is progressive and incurable, and this addiction can only be reversed through commitment to recovery where a person can move towards a positive adaptation in life (Keane, 2000; Borrás et al., 2010).

Stopping in taking drugs is difficult for a drug addict but it can be overcome through the recovery processes such as 12-Steps programs and other intervention

programs. The reason for a drug addict to recover from addiction is to sustain a good and a sober lifestyle. Therefore, the initiation of recovery and the long-term ability to recover is important, at the same time, the recovery process will enable a drug addict to move-on their life from drug use towards a drug free life (Scottish Government, 2008; Terrion, 2012).

Recovery can be explained using model of process of change (Prochaska & Diclemente, 1983). This process of change model consists of four stages that are pre-contemplation, contemplation, action and maintenance. In the pre-contemplation level the drug addicts are still under drug control and have no intention to recover or to change, while for pre-contemplation level, the drug addicts start to have mixed feeling about changing or not ready to change. On the other hand, in action level, the drug addicts take steps to pursuit recovery and finally are maintenance level. In this level the drug addicts are already free drug user and continue to stay substance free (Pochaska & DiClemente, 1983).

Personal Attitude on Recovering from Drug Addiction

Personal attitudes were referred as having a feeling and beliefs that stem from the stigmatized nature of drug use. Behaviour of a drug addict to recover from drug addiction is based on the attitudes that rest on the personal beliefs of the individual. Over a time of drug use, it will make a person to have less pleasure but will increase their craving and loss control over drugs and this process is referred as physiological processes which are related to self-regulation problem (Durrant, Adamson, Todd & Sellman, 2009). For an individual who is undergoing recovering process it starts with the management of a spoiled identity which means that individual has to restore his or her damaged sense of self to turning-point in giving up drugs (Keane, 2000). The relationship between the addicted self and the recovering self, highlighted in self-help texts, the person or the drug addict will develop his or her human capital through some interventions and through their own beliefs, personal values, interpersonal skills and others (Keane, 2000; Terrion, 2012).

Family Support on Drug Addicts Recovery Level

Family is one of the most important single agents of socialization in all societies because when it comes to family they are connected emotionally which indirectly plays a crucial role and contributes to family functioning and the support from them can promote adherence to treatments (Tezel et al., 2011; Gideon, 2007; Substance Abuse Treatment and Family Therapy, 2004). A part from that, the family is also an informal partner and believed to have high coherence among family members can help in substance abuse treatment in the process of rehabilitation (Tezel et al., 2011; Gideon, 2007).

Every man in this world are attached to each another and as a normal person we need support to sustain our life in this world, same goes to the drug addicts who needs and are expecting or hoping for helps form others to recover from this substance abuse. In this case, it is obvious that they will hope for the support from their family members because family has a complex role in providing the drug addicts with the sense of belonging and security in substance abuse treatment (Gideon, 2007; Substance Abuse Treatment & Family Support, 2004).

Definition of Terminology

Drug Addicts

Conceptual Definition: Drug addicts referred to those addicted to illegal drug use results in craving and loss of control (Heather, 1998).

Operational Definition: Drug addicts aged above 18 years old.

Personal Attitude

Conceptual Definition: Attitude of a person referred as a positive or negative respond towards certain idea, object, person or situation and it is related to a belief about something which describes what we should do something in a proper way (Allport, 1935).

Operational Definition: Respondents score on the Recovery Attitudes Scale (ARAS) (Murnen & Smolak, 1996). Higher score indicates higher level of personal attitude towards change.

Family Support

Conceptual Definition: Family support is the “instrumental and emotional encourage or helping provided by family members (Pinkerton, Dolan & Canavan, 2004).

Operational Definition: Respondents score on Perceived Social Support – Family Scale (PSS-Fa) (Procidano and Heller, 1983). High score indicates high family support.

Recovering Level among drug addicts

Conceptual Definition: “Recovery is the experience through which individuals, families, and communities impacted by severe alcohol and other drug (AOD) problems utilize internal and external resources to voluntarily resolve these problems, heal the wounds inflicted by AOD-related problems, actively manage their continued vulnerability to such problems, and develop a healthy, productive, and meaningful life” (White, 2007).

Operational Definition: Respondents score to the Stages of Change Scale (Donovan, Jones, Holman and Corti, 1998). Higher score of the respondents in the stages of change indicate the recovery level.

Research Limitation

This study used self-report questionnaires as a method to collect data. Limitation involved in this study is social bias. Some of the respondents may not take it seriously and this will affect or influence the results or their answer in this study. Besides that, some of them may not return the questionnaire back and this may cause missing data in the study.

Another limitation in this study is limit in generalizability. Since this study will be conducted in Perak and few police stations will be selected and limited to drug

addicts under surveillance and following interventions, hence it does not represent the whole drug addicts. It also should be noted that the sample of this study was not representative of the Malaysian population in terms of ethnicity and religion. In addition, findings may not be generalized to non-English-speaking Malaysians. Besides that, to conduct this study travelling will be troublesome, it is time consuming, and money will be drawn easily.

METHODOLOGY

Research Design

This study used a non-experimental research to collect data from the respondents. Quantitative research design will be used to determine the characteristic of the population. Correlational design will be used to determine the relationships between personal attitude and family support on the recovery level among drug addicts. Finally, survey method will be used to collect data with the self-administrated questionnaire in this study.

Sampling Method and Sample Selection

Purposive sampling technique was used in selecting the samples. The targeted sample was selected from three different states in Malaysia which has high number of surveillance drug addicts that are Perak, Pulau Pinang and Selangor. These drug addicts are those following intervention programmes and staying together with family members. The respondents consist of Malay, Chinese, Indian and other race. These drug addicts were sentenced by the court to stay under surveillance for two years and they have to do self-report each month in police station and also in National Anti-Drug Agency. Questionnaires will be distributed for data collection. All questions in the questionnaire will be translated to Malay version from original English version.

Data Collection Procedure

This study will be carried out for at least one and half year. The procedure of this study will start with getting permissions from National Anti-Drug Agency which will take two or three months and after the approval pilot study will be conducted. After that, the data will be analyzed to check for the reliability and once the instruments are reliable and validate then the actual data collection will be carried out. The researcher will distribute the questionnaires to the National Anti-Drug Agency available at district level at each state. The researcher will spend time with drug addicts to explain the questions in the questionnaires and the questionnaires will be collected immediately after the respondents answer it. Eventually, the collected data will be analyzed to obtain the results.

Instrumentations and Measurements

There are total of three questionnaires will be used in this study that are demographic form, Agreement with Recovery Attitudes Scale (ARAS, Murnen et al., 1996), Perceived Social Support-Family Scale (PSS-Fa, Procidano et al. 1983) and Stage of Change Scale (Donovan et al., 1989). Demographic form will distribute to respondents to gather their information such as gender, age, ethnic, parent's education, parent's occupation, parents' marital status and the respondents' status.

Data Processing and Analysis

The data collected were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences for version 20.0 (SPSS 20). Pilot test was used to test the reliability and validity of the instruments in this study and the results is as shown in table 5.

Descriptive statistic was used to analyze respondents' personal background information and parents' demographic information. Besides that, this test is also used to measure the level of personal attitude, family support and recovery level of the respondents.

In bivariate analysis, Statistical t-Test was used to analyze ethnic differences in personal attitude and family support on recovery level among drug addicts. The Pearson correlation was used to determine the relationship between the personal attitude, family support and recovery level among young drug addicts. Multiple regression analysis determined factors that uniquely predict recovery level of young drug addicts.

RESULTS AND DISCUSSION

Distribution of Main Variables

In Table 8, the mean score for personal attitude is 74.877 and standard deviation is 10.549. The minimum personal attitude score is 50 while maximum score is 99. 37 (34.9%) of the respondents are in low scores group and 37 (34.9%) from total 106 respondents in medium group scores. The other 32 (30.2%) of the respondents are in the high score group.

For family support, the mean score is 9.953 and standard deviation is 3.220. The minimum score is 1 and maximum score is 14. 42 (39.6%) of the respondents in low scores group and 41 (38.7%) from total 106 respondents in medium scores group. The other 23 (21.7%) of the respondents is in high scores group.

Table 8: Distributions of Independent and Dependent Variables (N = 106)

Variables	n (%)	Mean	SD.	Min.	Max.
Personal Attitude		74.877	10.549	50	99
Low (<50)	37 (34.9)				
Medium (50-99)	37 (34.9)				
High (>99)	32 (30.2)				
Family Support		7.953	3.220	1	14
Low (<7)	42 (39.6)				
Medium (7-10)	41 (38.7)				
High (>10)	23 (21.7)				

Recovery Level		8.056	1.502	4.5	13.5
Precontemplation (0-7.99)	49 (46.2)				
Contemplation (8-10.99)	52 (49.1)				
Action (11-13.99)	5 (4.7)				
Maintenance (>14)	-				

Note: SD. = Standard deviation, Min. = Minimum, Max. = Maximum

Recovery level has the mean scores of 8.056 and standard deviation is 1.502. The minimum score is 4.5 and maximum score is 13.5. 49 (46.2%) of the respondents are in pre-contemplation scores group and 52 (49.1%) from total 106 respondents in contemplation scores group. The other 5 (4.7%) of the respondents is in action scores group. No respondents score in maintenance scores group. This result shows that, 46.2% of the respondents are aware of his or her problem, 46.2% of the respondents have no intention to change his or her behaviour and only 4.7% of the respondents modify his or her behaviour towards changes.

4.2 Reliability and t-Test

Objective 3: To compare differences in personal attitude, family support, and recovery level among drug addict of different ethnics in Malaysia.

H₀1: There is no significant difference in personal attitude between drug addicts from different ethnics.

T-value (t) and significant value sig.t (p) for personal attitude is 2.141 and .035 respectively. Table 9 shows that personal attitude score is significantly different between Malay and non-Malay respondents (t=2.141, p<.05) thus the H₀1 is rejected. There is a significant difference in personal attitude between Malay and non-Malay group, Malay group (mean = 76.77) has higher mean than non-Malay group (mean = 72.41). Correlate with the previous research, the recovering drug addicts struggled to change themselves and have created a stronger sense of self-awareness towards recovering from drug addiction (Keane, 2000) and strong religious beliefs facilitates recovery from substance abuse as well (Chu & Sung, 2009).

H₀2: There is no significant difference in family support between drug addicts from different ethnics.

Table 5 shows that family support is not significantly different between respondents of different ethnic ($t=1.458, p>.05$) thus H₀2 cannot be rejected. Besides that, there is no significant difference between family support between Malay and Malay group which means Malay and Non-Malay drug addicts perceived similar level of family support.

H₀3: There is no significant difference in recovery level between drug addicts from different ethnics.

Table 5 shows that recovery level is not significantly different between respondents of different ethnic ($t=1.499, p>.05$). Thus, H₀3 cannot be rejected. Therefore, Malay drug addicts experienced similar level of recovery level with non-Malay drug addicts.

Table 9: T-test for Independents Variables and Dependent Variables (N = 106)

Variables	Mean		t	p
	Malay	Non-Malay		
Personal Attitude	76.77	72.41	2.141	.035
Family Support	8.35	7.43	1.458	.148
Recovery Level	8.24	7.81	1.499	.137

4.3 Relationship between Personal Attitude, Family Support and Recovery Level

Objective 4: To determine the relationships between personal attitude, family support, and recovery level among drug addicts in Malaysia.

H₀4: There is no significant relationship between personal attitude and recovery level among drug addicts in Malaysia.

From the Table 10, the correlation coefficient (r) for this test is 0.319 with the significant (p) value at 0.001 levels. This shows that personal attitude has positive correlation with recovery level among drug addicts. Hence, this hypothesis is rejected. There is significant relationship between personal attitude and recovery level among

drug addicts. In conjunctions to this result, there is empirical evidence showing that personal attitude contributes to the recovery level of the drug addicts. Change in attitude has become as strength of recovery on the drug addicts because recovery helps a person to achieve his or her potential, and this can only be done by changing the attitudes of the drug addicts (Ajzen, 2001).

H₀₅: There is no significant relationship between family support and recovery level among drug addicts in Malaysia.

From Table 10, the correlation coefficient (*r*) for this test is 0.024 with the significant (*p*) value at 0.808 levels. This shows that family support has no significant correlation with recovery level among drug addicts. The significant value for this test is $p > 0.01$. So, the family support with the recovery level among drug addicts show it is not a significant value, hence, this hypothesis is fail to be rejected. This happens because the family might become as a negative support agent when most family members failed to take part in treatment, intervention programs together with the recovering drug addicts and as a result, they are not familiar and unable to provide guidance towards the recovering process (Gideon, 2007).

Table 10: Pearson Correlation between Personal Attitude, Family Support and Recovery Level (N = 106)

Variable	Recovery Level	
	r	p
Personal Attitude	.319	.001
Family Support	.024	.808

DISCUSSION

The research between personal attitude, family support and recovery level among drug addicts in Malaysia find that there exists a significantly positive relationship between personal attitude and recovery level among drug addicts. A drug addict who is self-directed and strive to reach his or her full potential by giving importance on health and wellness will have a successful recovery. Hence, a drug

addict who is willing to change personal drug behavior towards recovery shows there is a significant positive relationship between personal attitude and recovery among drug addicts (Gonzales, et al, 2013). A high score shows that these drug addicts have a personal attitude towards recovery.

CONCLUSION, IMPLICATION AND SUGGESTION

Conclusion

The study was conducted to determine the personal attitude and family support received by the drug addicts under surveillance and those following intervention programs to recover from drug addiction. It was found that none of the demographic background has an effect on the recovery level of drug addicts. Nevertheless, personal attitude of the drug addicts showed that it contributes to the recovery of drug addicts and it proves that the relationship between personal attitude and recovery level was positive.

In the Pearson Correlation test shows that personal attitude has the strongest positive correlation with recovery level. Therefore, drug addicts who have higher level of personal attitudes tend to experience higher level of recovery level. Through multiple regression analysis, personal attitude is the strongest unique predictor of recovery level among the variables. Therefore, the null hypothesis is rejected. In overall, all the results show that personal attitude is significant in this study.

Implication

Therefore, through this study we can imply that increased intervention programs on personal attitude among drug addicts may help to increase the recovery level of the drug addicts. Meanwhile, the educationist, policy maker or NGOs can mainstream a role in informing the public on illegal drugs through new stories of drug busts, arrests and convictions. Additionally, the public and the drug addicts should be educated on the awareness of religious and cultural backgrounds which can provide appropriate treatment to the drug addicts (Chu & Sung, 2009).

Recommendation and Suggestion

Last but not the least, it is recommended to investigate in future study with larger samples from different regions and various states in Malaysia so that it offers greater generalization in this study. Besides that, more and different types of research need to expose to the community on how the drug addicts under surveillance experience the recovery and how they are addressed and regarded by the society to achieve the recovery goals. Instead of conducting only on male respondents, the study should deepen the exploration in gender difference because both the male and female has difference attributes toward recovery. Finally in this study can be done in both direction that is in depth interview and self-reported questionnaire.

REFERENCES

- Abbot, P., Chase, D. M. (2008). Culture and substance abuse: Impact of culture affects approach to treatment. *Psychiatric Times*, 25, 43-46.
- Ajzen, I. (2001). Nature and operation of attitudes. *Annual Review Psychology*, 52, 27-58.
- Allport, G.W. (1935). Attitudes. In C. Murchison (Ed.), *Handbook of social psychology*. Worcester, Mass: Clark University Press.
- Borras, L., Yasser, K., Riaz, K., Mohr, S., Kaufmann, Y. A., Zullino, D., & Huguelet, P. (2010). The relationship between addiction and religion and its possible implication for care. *Substance Use and Misuse*, 45, 2357-2410. DOI: 10.3109/10826081003747611.
- Brook, J. S., Whiteman & Gordon. (2002). Longitudinal foretelling drug use in the late twenties: Adolescents personality and social environmental antecedent. *Journal of Genetic Psychology*, 161, 36-42.
- Colon, B. E (2010). The strength of religious beliefs is important for subjective well-being. *Undergraduate Economic Review*, 6, Article 11.
- Chu, D. C. (2007). Religiosity and desistance from drug use. *Criminal Justice and Behaviour*, 34, 661-679. DOI: 10.1177/0093854806293485.
- Chu, D. C., & Sung, H. E. (2009). Racial differences in desistance from substance abuse: The impact of religious involvement on recovery. *International Journal Offender Therapy and Comparative Criminology*, 53, 696-716. DOI: 10.1177/0306624X08320207
- DiClemente, C. C., & Hughes, S.O. (1990). Stages of change profiles in alcoholism treatment. *Journal of Substance Abuse*, 2, 217-235
- Durrant, R., Adamson, S. Todd, F., & Sellman, D. (2009). Drug use and addiction: evolutionary perspective. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 43, 1049-1056. DOI: 10.3109/00048670903270449
- Ebener, D. J., & Smedema, S., M. (2011). Physical disability and substance abuse disorders: A convergence of adaptation and recovery. *Rehabilitation Counselling Bulletin*, 54, 131-141. DOI: 10.1177/0034355210394873

- Fauziah, I., & Naresh, K. (2009). Factors affecting drug relapse in Malaysia: An empirical evidence. *Asian Social Science*, 5, 37-44.
- Gideon, L (2007). Family role in the reintegration process of recovering drug addicts: a qualitative review of Israeli offenders. *International Journal of Therapy and Comparative Criminology*, 51, 212-226. Doi: 10.1177/0306624X06287104
- Gonzales, R., Anglin, M. D., Glik, D. C., Zavalza, C. (2013). Perception about recovery needs and drug avoidance recovery behaviours among youth in substance abuse treatment. *Journal Psychoactive Drugs*, 45(4), 297-303. DOI: 10.1018/02791072.2013.825028
- Heather, N. (1998). A conceptual framework for explaining drug addiction. *Journal of Psychopharmacology*, 12, 3-7.
- Hirschi, T. (1969). *Causes of delinquency*. Retrieved from Barkeley: University of California Press: http://www.sagepub.com/upm-data/36812_5.pdf
- Jarusiewicz, B. (2000). Spirituality and addiction. *Alcoholism Treatment Quarterly*, 18, 99-109.
- Kellar, H., Treadwell, T., Kumar, V. K., & Leach, E. (2002). The Personal Attitude Scale-II: A revised measure of spontaneity. *The International Journal of Action Methods: Psychodrama, Skill Training, and Role Playing*, 55, 35-46.
- Keane, H. (2000). Setting yourself free: techniques of recovery. *Health (London)*, 4, 324-346. DOI: 10.1177/136345930000400305.
- Koenig, H. G., McCullough, M. E., & Larson, D. B. (2001). *Handbook of religion and health*. New York: Oxford University Press.
- Laudet, A. B., (2007). What does recovery mean to you? Lessons from the recovery experience for research and practise. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 33, 243-256. doi:10.1016/j.jsat.2007.04.014
- McConaughy, E. A., DiClemente, C. C., Prochaska, J. O., & Velicer, W. F. (1989). Stages of change in psychotherapy: A follow-up report. *Psychotherapy*, 26(4), 494-503.
- National Anti-Drug Agency (2013). *January – August 2013 report*. Division of Policy, Treatment and Research National Anti-Drug Agency Malaysia.

- Norcross, J. C., Krebs, P. M., & Prochaska, J. O. (2011). Stages of change. *Journal of Clinical Psychology, 67*, 143-154. DOI: 10.1002/jclp.20758
- O'rary, C., & Skinner, W. J. W. (2012). Journey as destination: A recovery model for families affected by concurrent disorders. *Qualitative Health Research, 22*, 1047-1062.
- Pardini, D. A., Plante, T. G, Sherman, A., & Stump, J. E. (2000). Religious faith and spirituality in substance abuse recovery: Determining the mental health benefits. *Journal of Substance Abuse Treatment, 19*, 347-354.
- Pargament, K. I. (2002). Authors' responses: is religion nothing but...? Explaining religion versus explaining religion away. *Psychological Inquiry: An International Journal for the Advancement of Psychological Theory, 13*, 239-244. DOI: 10.1207/S15327965PLI1303_0
- Piko, B. (2000). Perceived social support from parents and peers: Which is the stronger predictor of adolescent substance use? *Substance Use and Misuse, 35*, 617-630.
- Sellman, J. D., Baker, M. P., Adamson, S. J., & Geering, L. G. (2007). Future of god in recovery from drug addiction. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry, 41*, 800. Doi: 10.1080/00048670701579074
- Substance Abuse and Mental Health Services Administration. *Substance abuse treatment and family therapy*. DHHD Publication No. (SMA) 05-4006. Rockville, MD: Center for Substance Abuse Treatment, Substance Abuse and Mental Health Service Administration, 2004.
- Taieb, O., Levy, A. R., Moro, M. R., & Baubet, T. (2008). Is Ricoeur's notion of narrative identity useful in understanding recovery in drug addicts? *Qualitative Health Research, 18*, 990-1000. Doi: 10.1177/1049732308318041
- Tam, C. L., & Lim, S. G. (2008). Perceived social support, coping capability and gender differences among young adults. *Sunway Academic Journal, 6*, 75-88.
- Taylor, R. J., Chatter, L. M., Jayakody, R., & Levin, J. S. (1996). Black and white differences in religious participation: A multi-sample comparison. *Journal for the Scientific Study of Religion, 35*, 403-410.

Tezel, A., Karabuluthu, E., & Sahin, O. (2011). Depression and perceived social support from family in Turkish patients with chronic renal failure treated by hemodialysis. *Journal of Research in Medical Sciences*, *16*, 666-673.

The American heritage science dictionary (2005). Boston: Houghton Mifflin Co.

The Betty Ford Institute Consensus Panel. (2007). What is recovery? a working definition from the betty ford institute. *Journal of Substance Abuse Treatment*, *33*, 221-228. doi:10.1016/j.jsat.2007.06.001

The Scottish Government Report (2008). *The road to recovery: A new approach to tackling Scotland's drug problem*. Edinburgh, May 2008 (ISBN: 978-0-7559-5657-9). Scottish Government.

Zerger, S., Strehlow, A. J., & Gundlapalli, A. V. (2008). Homeless young adults and behavioural health. *American Behavioral Scientist*, *51*, 824-842. Doi: 10.1177/0002764207311990

White, W. L. (2007). Addiction recovery its definition and conceptual boundaries. *Journal of Substance Abuse Treatment*, *33*, 229-24. doi:10.1016/j.jsat.2007.04.015

White, W. L., & Godley, S. H. (2007). Adolescent recovery. What we need to know. *Student Assistance Journal*, *19*, 20-25.

Kajian Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kesediaan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam

¹Mohd Izwan Mahmud*, ²Sidek Mohd Noah, ³Jamaludin Ahmad
& ⁴Wan Marzuki Wan Jaafar

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
^{1,2,3,4}Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembinaan modul kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti awam dengan menggunakan pendekatan Fuzzy Delphy Method (FDM). Reka bentuk kajian deskriptif digunakan untuk menganalisis keperluan pembinaan modul kesediaan kerjaya. Sampel kajian terdiri dari 12 orang pengamal kaunseling (pakar) dari 12 universiti awam yang berbeza. Satu set soal selidik yang mengandungi lima tema utama iaitu persepsi umum terhadap kesediaan kerjaya, pandangan terhadap pelajar universiti, keperluan program bimbingan kerjaya, tahap dan kesan keterlibatan pelajar terhadap program kerjaya serta keperluan program kerjaya yang berstruktur. Data dianalisis menggunakan kaedah FDM untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap lima tema bagi keperluan pembinaan modul. Dapatan kajian menunjukkan konsensus pakar bersetuju bagi lima tema tersebut melebihi 75% tahap persetujuan dengan nilai threshold ($d \leq 0.2$). Implikasi kajian ini dapat membantu ke arah penerokaan mendalam bagi pembinaan modul kerjaya yang memenuhi keperluan isu kesediaan kerjaya pelajar universiti. Di samping mengenal pasti teori kerjaya yang sesuai untuk dijadikan asas dalam pembinaan modul.

Kata kunci: program kerjaya, kesediaan kerjaya, analisis keperluan, fuzzy delphy method

PENGENALAN

Perkembangan kerjaya pelajar universiti pada abad ke-21 menekankan kemahiran teknologi dalam pengetahuan, kemahiran dan keupayaan graduan bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan (Othman, 2016); dan pelaksanaan program pencegahan dan intervensi yang lebih menyeluruh (Hartung, 2016). Keperluan pasaran pekerjaan memerlukan graduan yang kompeten dan berkemahiran dalam bidang masing-masing (Muhammad, 2012; Ishak, Ismail, & Robiah, 2008; Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara -IPPTN, 2003). Dan ini sekali gus menentukan graduan yang memenuhi keperluan pasaran diukur sejauh mana graduan universiti mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian. Akhir-akhir ini telah diakui dan disahkan graduan yang dilahirkan kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan (Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara -IPPTN 2003; Muhammad, 2012; & Ishak et al., 2008). Isu graduan menganggur dan sedang mencari pekerjaan menjadi hambatan kepada universiti dan pemain industri untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian (Zaini, 2009).

Kebolehpasaran graduan diukur sejauh mana graduan universiti mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian. Ukuran kebolehpasaran graduan menjadi kayu ukur kepada universiti bagi memastikan graduan yang dilahirkan memenuhi keperluan pasaran dan mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012). Faktor guna tenaga dalam kalangan pekerja yang berkelulusan pendidikan tinggi untuk mengisi pasaran pekerjaan pada abad ke-21 ini sangat penting bagi memastikan negara berada dalam landasan yang tepat menjelang wawasan 2020. Pelbagai dasar yang telah diperkenalkan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan demi memastikan agenda transformasi negara dapat dicapai. Salah satu dasar tersebut adalah meningkatkan keupayaan pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan yang kompeten dan berkemahiran tinggi (Morshidi, 2005; Kerajaan Malaysia, 2011; & Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012).

Kajian-kajian lepas mendapati pelajar Institusi Pengajian Tinggi mengalami masalah kesediaan kerjaya yang rendah dan sederhana (Salami, 2008; Dybwad, 2009;

Mansor & Tan, 2009; Hughes, 2011; Yon, Joeng, & Goh, 2012; Kaur, 2012; Maznizam & Abdullah, 2013; Zalizan, Amla, Norzaini, Ramlah, Rohana, Hanizah & Mohd Izwan, 2013). Kesiediaan kerjaya merupakan faktor peramal kepada keupayaan dan kebolehan pelajar pendidikan tinggi dalam menyediakan diri dengan perancangan dan penerokaan kerjaya yang sistematik. Kesiediaan kerjaya dipengaruhi oleh keupayaan individu untuk membuat pilihan kerjaya yang sesuai dengan mengambil kira faktor yang mempengaruhi perkembangan kerjaya seperti keluarga, organisasi, sosial dan ekonomi (Reardon, Lenz, Sampson & Peterson, 2006, 2012).

Program Kerjaya

Dalam konteks tempatan, kajian pembangunan program kerjaya berstruktur di peringkat sekolah telah dilaksanakan seperti Modul Merancang Kerjaya (Amla, Mizan & Salleh, 1998), Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu (Sidek, 1992), Program Maju Diri (Jamaludin, 2002), Program Ekplorasi Kerjaya (Lau, 2011), Modul Kembara Kerjaya (Amla, 2010), Bengkel Merancang Kerjaya (Abd Halit, 2007), dan Modul Kesedaran Kerjaya (Mohd Ali Jaamat, 2010). Sementara di peringkat pelajar pendidikan tinggi masih kurang kajian berkaitan dengan menguji keberkesanan program kerjaya dijalankan. Terdapat satu kajian yang telah dijalankan untuk menguji keberkesanan program kerjaya dengan mengadaptasi Modul Kembara Kerjaya (Amla, 2010) ke atas pelajar Kolej Komuniti (Jasmi, Amla, Salleh, Ghavifekr, & Zalinda, 2014). Bagaimanapun dalam konteks luar negara, kajian program kerjaya kepada pelajar pendidikan tinggi banyak dijalankan antaranya Model CIP (Hirschi & Lage, 2008), *Career Readiness Programs* (Hirschi & Lage, 2007), *Towards Working Life* (Koivisto & Vinokur, 2011), dan *Kursus Psikologi Kerjaya* (Komarraju, Swanson, & Nadler, 2013). Kajian-kajian tersebut menunjukkan terdapat kesan yang positif ke atas perkembangan kerjaya pelajar.

Dalam usaha meningkatkan kesiediaan kerjaya pelajar, pihak universiti telah memainkan peranan dengan menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling seperti kaunseling dan bimbingan kerjaya, karnival kerjaya, bengkel kerjaya, dan program-program intervensi yang lain. Bagaimanapun, persoalannya sejauh mana

program yang sedia ada sekarang mampu meningkatkan kesediaan kerjaya pelajar? Se jauh mana sasaran program intervensi kepada pelajar berisiko dijadikan satu agenda penting? Dan sejauh mana keberkesanan program kerjaya dapat membantu pelajar meningkatkan kesediaan pelajar? Di Amerika Syarikat misalnya kesediaan kerjaya dijadikan sebagai satu polisi institusi pendidikan tinggi. Polisi tersebut adalah untuk memastikan setiap pelajar pendidikan tinggi mempunyai kesediaan untuk bekerja (Castro, 2013). Pada masa yang sama, negara Malaysia juga tidak terkecuali dalam memperkenalkan beberapa polisi yang berkaitan seperti Pelan Kebolehpasaran Graduan Kebangsaan 2012 – 2017 yang bertujuan untuk memastikan tumpuan diberikan kepada penyediaan latihan, pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012). Rentetan itu, cabaran universiti pada abad ke-21 ini dilihat sebagai landasan untuk menyediakan latihan dan melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkeupayaan bagi memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan (Carnevale, 2013).

Kesediaan Kerjaya

Kesediaan kerjaya merupakan keupayaan individu untuk membuat pilihan kerjaya yang sesuai dengan mengambil kira faktor yang mempengaruhi perkembangan kerjaya seperti keluarga, organisasi, sosial dan ekonomi (Reardon et.al., 2012; Sampson, McClain, Musch, & Reardon, 2013). Sementara menurut Gysbers, (2013) menjelaskan kesediaan kerjaya merujuk kepada individu mengetahui kepentingan kejayaan atau pencapaian yang baik di universiti dan tamat belajar. Kefahaman ini membantu mereka untuk meneroka diri dan peluang-peluang pasaran kerja dengan mengikuti program kerjaya. Selain itu, Lombardi, Conley, Seburn, dan Downs, (2012); dan Conley, (2012) telah mendefinisi kesediaan kerjaya sebagai pengetahuan, kemahiran dan strategi pembelajaran dalam konteks permulaan belajar atau mendapat latihan dalam laluan kerjaya termasuklah bersedia bekerja, latihan dalam pekerjaan jangkaan asas berkaitan dengan tingkah laku di tempat kerja dan pengetahuan spesifik. Bagi Bullock-yowell, Chason, Sampson, Lenz, dan Reardon (2013) pula menyatakan kesediaan kerjaya merupakan strategi kognitif seperti

kebolehan membuat interpretasi, penyelesaian masalah dan keupayaan membuat keputusan.

Analisis Keperluan

Secara umumnya McKillip (1987) mentakrifkan analisis keperluan sebagai proses penilaian yang sistematik dalam menyediakan maklumat yang berguna tentang keperluan populasi sasaran. Dalam menjalankan analisis keperluan oleh pihak-pihak berkepentingan boleh dilakukan secara formal atau tidak formal yang bertujuan menentukan matlamat sesuatu program atau membuat penambahbaikan terhadap sesuatu program (Zainuddin, 2008). Sementara Rosset (1995) mendefinisikan analisis keperluan sebagai proses yang melibatkan empat aktiviti utama iaitu (i) reka bentuk, (ii) pembinaan, (iii) penggunaan, dan (iv) penilaian. Tujuan menjalankan analisis keperluan bergantung kepada salah satu elemen berikut iaitu (i) pencapaian optima, (ii) apa yang sepatutnya di capai; (iii) perasaan berkaitan perkara yang dikaji; (iv) sebab dan punca kepada masalah seperti kekurangan daripada segi pengetahuan dan kemahiran, persekitaran dan motivasi diri serta (v) jalan penyelesaian.

Analisis keperluan dilakukan dalam kajian pembangunan modul bertujuan untuk mengenal pasti konstruk yang diukur dalam sesuatu modul (Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulabihah & Ahmad Arifin, 2014). Pembangunan modul dilakukan sama ada sesuatu modul belum lagi wujud atau penambahbaikan terhadap modul yang telah sedia ada. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk membuat analisis kajian keperluan antaranya kaedah Delphi, analisis manusia-data-benda, analisis *tabletop*, kaedah *hybrid*, analisis tugas kognitif, analisis pemerhatian pakar, analisis kefungasian, acuan, dan analisis dokumen (Zainuddin, 2008). Dalam kajian ini, analisis keperluan adalah memberi fokus kepada penyelesaian masalah (Rosset, 1995) di mana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan isu kesediaan kerjaya pelajar universiti dan keperluan intervensi penyelesaian masalah dengan membina serta menguji keberkesanan modul kerjaya.

Objektif Kajian

Mengenal pasti keperluan pembinaan modul kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti awam dengan menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphy Method (FDM)*.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif dengan menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphy Method (FDM)*. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar yang telah dikenal pasti terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Kaedah ini mengambil kira nilai pendapat, pengalaman dan gerak hati pakar dan menggunakan maklumat terhad yang ada sekiranya pengetahuan saintifik tidak mencukupi (Rowe & Wright, 1999). Pemilihan pakar adalah ditentukan oleh pengkaji dan bilangan yang sesuai adalah seramai 10 - 15 orang (Adler & Ziglio, 1996, dalam Ridhuan et.al., 2014). Manakala Zainuddin (2008), menyatakan bahawa pendekatan ini merupakan teknik yang dipermudahkan untuk menentukan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan secara terus daripada prosedur pentadbiran dan dokumen kerja yang berkaitan.

Instrumen

Soal-selidik telah dibina berdasarkan konstruk yang telah dikenal pasti iaitu pemboleh ubah membuat keputusan kerjaya dan efikasi sendiri. Kedua-dua pemboleh ubah ini telah dikenal pasti melalui kajian-kajian lepas yang menunjukkan pelajar universiti menghadapi masalah kesediaan kerjaya yang rendah. Kesediaan kerjaya yang rendah memberi implikasi kepada keyakinan individu untuk merancang dan mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian. Dalam erti kata lain, kesediaan kerjaya adalah faktor psikologi yang menjadi ukuran kepada kebolehpasaran graduan. Setelah pemboleh ubah telah dikenal pasti, satu set soal selidik telah dibina yang mengandungi 20 item yang mewakili lima tema umum iaitu (i) persepsi umum terhadap kesediaan kerjaya; (ii) pandangan terhadap pelajar universiti; (iii) keperluan program bimbingan kerjaya; (iv) tahap dan kesan keterlibatan pelajar terhadap program kerjaya dan; (v) keperluan program kerjaya yang berstruktur.

Sampel Kajian

Sampel kajian yang terlibat dalam analisis keperluan ini adalah seramai 12 orang pengamal kaunseling (pakar) yang mewakili 12 buah universiti awam. Pemilihan 12 orang pakar adalah berdasarkan (Jones & Twiss, 1978, dalam Ridhuan et al., 2014) yang menyatakan bagi penggunaan kaedah Delphi, bilangan responden adalah 10-50 responden. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada ciri-ciri berikut seperti mempunyai pengalaman menjalankan program kerjaya; memberi perkhidmatan kaunseling dan kerjaya kepada pelajar universiti dan terlibat secara langsung dalam penganjuran program kerjaya di universiti. Satu set soal-selidik telah dihantar secara pos kepada setiap organisasi masing-masing di mana organisasi yang terlibat telah dikenal pasti melalui penglibatan atau sebagai ahli tetap dalam mesyuarat jawatankuasa Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Awam Malaysia (MAKUMA). Majlis ini dianggotai oleh semua universiti awam di mana penglibatan ahli terdiri daripada wakil bagi setiap pusat tanggungjawab yang menjalankan program kerjaya. Pengerusi kepada majlis ini adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi setiap pusingan dua tahun sekali. Majlis ini diwujudkan bertujuan untuk memantau dan menyelaras program dan aktiviti kaunseling dan kerjaya di setiap universiti awam.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphy* yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch pada tahun 1985 (Ridhuan et.al., 2014). Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden berdasarkan kaedah kuantitatif (Mohd Ridhuan et al., 2014). Setiap pakar diberikan satu set soal selidik analisis keperluan dan diminta menyatakan aras persetujuan terhadap setiap item berdasarkan skala semantik iaitu dengan nilai 0 hingga 10. Setelah semua pakar telah menyatakan aras persetujuan, mereka juga diberi peluang untuk memberikan pandangan masing-masing terhadap setiap item. Data dari skala semantik yang diperoleh kemudian diterjemahkan ke dalam bentuk data nombor *Fuzzy* dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Teknik analisis data ini dikenali sebagai pendekatan *Fuzzy Delphy* atau *Fuzzy Delphy Method (FDM)*.

Data-data kemudian dijadualkan untuk mendapatkan nilai *Fuzzy* (n_1, n_2, n_3) serta nilai purata *Fuzzy* (m_1, m_2, m_3) bagi mendapatkan nilai *threshold* (d), dan peratusan konsensus pakar. Bagi tujuan mendapatkan konsensus pakar untuk setiap item, nilai *threshold* (d) seharusnya tidak melebihi 0.2 (≤ 0.2). Manakala peratusan persetujuan pakar pula perlu melebihi nilai 75%. Manakala untuk mendapatkan nilai *threshold* (d), jarak di antara dua nombor *Fuzzy* ditentukan dengan menggunakan formula berikut iaitu :

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Rajah 1: Formula penentuan jarak di antara dua nombor *Fuzzy*

Berdasarkan formula pada Rajah 1, nilai d adalah nilai *threshold*. Jika nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 , ia bermaksud kesemua pakar mencapai kesepakatan (konsensus) terhadap item berkenaan. Namun jika sebaliknya, pusingan kedua perlu dibuat untuk melihat samada item tersebut diperlukan atau tidak (Chen, 2000, Cheng & Lin, 2002). Pendekatan *Fuzzy Delphi* juga melibatkan proses menentukan konsensus kumpulan pakar sama ada melebihi atau bersamaan dengan 75% bagi keseluruhan konstruk atau bagi setiap item. Setiap item diandaikan mencapai konsensus pakar jika peratusan konsensus pakar untuk item berkenaan adalah sama atau melebihi 75% (Chu & Hwang, 2008, Murray & Hammons, 1995 dalam Ridhuan et al., 2014). Tahap konsensus pakar yang mengandungi skor julat antara kuartil dan pentakrifan tahap konsensus pakar. Tahap konsensus pakar merupakan ukuran kekuatan bagi setiap item. Jadual 1 berikut merupakan tahap konsensus pakar ke atas item.

Jadual 1: Tahap Konsensus Pakar

Skor Julat Antara Kuartil	Takrifan Konsensus
0.00 – 1.00	Konsensus Tinggi
1.01 – 1.99	Konsensus Sederhana
≥ 2.00	Tiada Konsensus

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 adalah keputusan analisis keperluan dibincangkan berdasarkan kategori tema iaitu persepsi umum terhadap kesediaan kerjaya, pandangan terhadap pelajar universiti, keperluan program bimbingan kerjaya, tahap dan kesan keterlibatan pelajar terhadap program kerjaya, dan keperluan program kerjaya yang berstruktur.

Jadual 2: Nilai *threshold* (*d*) dan peratusan (%) konsensus pakar

Bil	Tema	Peratus (%)	Nilai <i>threshold</i> (<i>d</i>)	Tahap
1.	Persepsi umum terhadap kesediaan kerjaya	97	$0.0007 \leq 0.2$	Tinggi
2.	Pandangan terhadap pelajar universiti	85	$0.015 \leq 0.2$	Tinggi
3.	Keperluan program bimbingan kerjaya	94	$0.012 \leq 0.2$	Tinggi
4.	Tahap dan kesan keterlibatan pelajar terhadap program kerjaya	79	$0.02 \leq 0.2$	Tinggi
5.	Keperluan program kerjaya yang berstruktur	92	$0.009 \leq 0.2$	Tinggi

(i) Persepsi Umum Terhadap Kesediaan Kerjaya

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian konsensus pakar dikategorikan kepada lima konstruk iaitu persepsi umum terhadap kesediaan kerjaya, pandangan terhadap pelajar universiti, keperluan program bimbingan kerjaya, tahap dan kesan keterlibatan pelajar terhadap program kerjaya serta keperluan program kerjaya yang berstruktur. Tema persepsi umum terhadap kesediaan kerjaya merangkumi tiga item iaitu (A1) *perancangan kerjaya pelajar di peringkat universiti adalah penting*; (A2) *kesediaan kerjaya pelajar mempengaruhi kebolehpasaran dan kebolehdapatan pekerjaan graduan universiti*; dan (A3) *bimbingan kerjaya secara berstruktur sangat penting kepada pelajar untuk meningkatkan kesediaan kerjaya*. Dapatan menunjukkan bahawa nilai *threshold* (*d*) bagi item A1, A2 dan A3 adalah $0.0007 \leq 0.2$). Kekuatan konsensus pakar berada pada tahap tinggi dan ini menunjukkan kesemua pakar mempunyai konsensus yang tinggi terhadap pemboleh ubah ini. Implikasi kepada dapatan ini menunjukkan terdapat dua kesan yang utama iaitu pertama, perancangan kerjaya adalah penting kepada pelajar dan keduanya kesediaan kerjaya dapat

ditingkatkan melalui penglibatan pelajar dalam program kerjaya yang berstruktur. Sementara peratusan konsensus pakar adalah 97% di mana dapatan ini mencapai peratusan yang tinggi.

(ii) Pandangan Terhadap Pelajar Universiti

Pandangan pakar terhadap pelajar merangkumi (B1) kesedaran pelajar tentang perancangan kerjaya yang sistematik; (B2) kurang mengambil berat tentang perancangan kerjaya; (B3) keterlibatan pelajar dengan program kerjaya semasa tempoh pengajian di universiti; dan (B4) pelajar universiti memilih untuk tidak terlibat dengan program kerjaya jika diberi pilihan untuk berbuat demikian. Jadual 2, menunjukkan majoriti pakar bersetuju dengan menunjukkan nilai *threshold* (d) adalah $0.015 \leq 0.2$ iaitu berada pada tahap konsensus yang tinggi. Sementara peratus keseluruhan adalah 85% konsensus pakar dalam menilai pandangan terhadap pelajar berkaitan dengan perancangan kerjaya. Ini menunjukkan pandangan pakar terhadap pelajar universiti adalah positif iaitu mereka berpandangan bahawa pelajar boleh meningkatkan kesediaan kerjaya jika diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka dengan program kerjaya yang sesuai dengan keperluan mereka.

(iii) Keperluan Program Bimbingan Kerjaya

Analisis keperluan program bimbingan kerjaya memberi tumpuan kepada (C1) pelajar universiti yang memerlukan bimbingan secara profesional dari aspek perancangan kerjaya semasa tempoh pengajian di universiti; (C2) program kerjaya hendaklah dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa pelajar; dan (C3) program kerjaya yang berstruktur dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Nilai *threshold* (d), dan peratusan konsensus pakar bagi item C1, C2 dan C3 ditunjukkan dalam jadual 2 mendapati majoriti pakar bersetuju dengan menunjukkan nilai *threshold* (d) adalah $0.012 \leq 0.2$ dan peratus kesepakatan adalah 94%. Tahap konsensus pakar adalah tinggi berkaitan dengan keperluan menjalankan program kerjaya mengikut keperluan semasa pelajar, program kerjaya yang dijalankan hendaklah berstruktur dan pengendali program adalah mereka yang profesional dalam bidang kaunseling kerjaya. Berdasarkan konsensus pakar, menunjukkan bahawa program kerjaya yang dibina hendaklah berdasarkan kepada isu atau fenomena yang sedang berlaku dan intervensi

yang dijalankan sesuai dengan keperluan pelajar. Dapatan ini selari dengan cadangan Greene dan Staff (2012) berkaitan dengan program kerjaya yang dibina perlu mempunyai kesesuaian dengan keperluan pelajar. Di samping itu, fasilitator atau pegawai yang mengendalikan program perkembangan kerjaya juga hendaklah terlatih dan profesional.

(iv) Tahap dan Kesan Keterlibatan Pelajar Terhadap Program Kerjaya

Keterlibatan pelajar dalam program kerjaya diukur berdasarkan konsensus pakar terhadap (D1) *tahap keterlibatan pelajar yang mengikuti program perkembangan kerjaya yang dianjurkan; dan (D2) keberkesanan program perkembangan kerjaya terhadap pelajar yang terlibat*. Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan nilai *threshold (d)* bagi item D1 adalah $.252 \geq 0.2$ dan item D2 adalah $0.119 \leq 0.2$. Walaupun item D1 melebihi nilai *threshold (d)* tetapi nilai *d* konstruk adalah $0.02 \leq 0.2$ dan nilai ini boleh diterima. Sementara sebanyak 79% pakar bersetuju bahawa tahap keterlibatan pelajar terhadap program kerjaya semasa di universiti adalah rendah dan sederhana. Di samping itu, mereka juga bersetuju kesan berkaitan sesuatu program perkembangan kerjaya bagi pelajar yang terlibat juga adalah sederhana dan rendah. Ini menunjukkan dua implikasi yang penting iaitu pertama, pelajar kurang mempunyai kesedaran tentang pentingnya melibatkan diri dalam program kerjaya semasa dalam tempoh pengajian untuk menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran serta mengatasi kelemahan psikologi seperti tiada keyakinan diri, efikasi sendiri rendah, ketakutan yang melampau dan kebimbangan. Keduanya, program perkembangan kerjaya perlu ditambah baik dari semasa ke semasa dengan membuat semakan ke atas pengisian program, kandungan modul atau intervensi, kelayakan fasilitator atau pegawai, dan kesesuaian isu dengan keperluan pelajar. Implikasi ini dapat menjelaskan bahawa program perkembangan kerjaya pada masa akan datang hendaklah dijalankan secara bermodul yang berstruktur agar proses dan kesan dapat diukur secara objektif.

(v) Keperluan Program Kerjaya Yang Berstruktur

Analisis berikutnya berkaitan dengan mendapatkan konsensus pakar terhadap keperluan program kerjaya yang berstruktur. Kesepakatan pakar adalah berdasarkan

tema seperti (E1) *program perkembangan kerjaya yang dibina hendaklah mengambil kira dan memenuhi keperluan semasa pelajar; (E2) program perkembangan kerjaya yang dibina hendaklah mengambil kira kandungan modul yang sesuai dengan intervensi yang dilaksanakan; dan (E3) kandungan modul perkembangan kerjaya hendaklah dibina berdasarkan teori atau model perkembangan kerjaya.* Nilai *threshold (d)*, dan peratusan konsensus pakar bagi item E1, E2 dan E3 ditunjukkan dalam Jadual 2. Dapatan menunjukkan majoriti pakar bersetuju dengan nilai *threshold (d)* $0.009 \leq 0.2$ dan tahap konsensus pakar adalah tinggi. Sementara peratus konsensus adalah tinggi iaitu 92% berkaitan dengan keperluan menjalankan program perkembangan kerjaya secara berstruktur. Ini menunjukkan perlunya elemen berikut dalam menjalankan program perkembangan kerjaya (i) program kerjaya hendaklah memenuhi keperluan semasa pelajar; (ii) kandungan modul yang sesuai; dan kandungan modul berdasarkan teori atau model perkembangan kerjaya yang berkaitan.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan program perkembangan kerjaya terhadap pelajar universiti mempunyai implikasi terhadap tahap keterlibatan pelajar dan kesan program kerjaya sedia ada. Pandangan pakar bersetuju bahawa pelajar kurang terlibat dengan program kerjaya yang dianjurkan. Tambahan pula jika program kerjaya tersebut merupakan program bukan syarat wajib untuk mereka menghadirinya (Mohd Izwan Mahmud, Amla Mohd Salleh, Zalizan Mohd Jelas, Norzaini Azman & Abu Yazid Abu Bakar, 2016). Pada masa yang sama, program kerjaya sedia ada kurang mempunyai penilaian secara objektif terhadap setiap aktiviti dilaksanakan (Mohd Izwan et al., 2016; Zalizan et al., 2013). Implikasi terhadap dapatan ini menunjukkan program kerjaya kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar. Cadangan untuk menjadikan program kerjaya pada masa akan datang mendapat sambutan, Pusat Kerjaya di universiti awam hendaklah mengambil kira keperluan program kerjaya bagi setiap golongan atau kesesuaian tahap keperluan pelajar (Green & Staff, 2012; Sampson, Peterson, Reardon, & Lenz, 2012; & Sampson, McClain, Musch, & Reardon, 2013). Selain itu, program kerjaya yang dijalankan memerlukan

kaedah penilaian keberkesanan program yang boleh diukur secara objektif (Mohd Izwan et al., 2016; Brown, 2007; Zunker, 2006). Penilaian keberkesanan program dapat membantu pihak yang menganjur program kerjaya agar dapat mengambil tindakan susulan untuk menambah baik program kerjaya pada masa akan datang. Manakala dapatan mendapati terdapat keperluan menjalankan program kerjaya secara berstruktur iaitu dengan membina aktiviti kerjaya berdasarkan teori dan model kerjaya yang bagi menjelaskan permasalahan yang dihadapi dalam kalangan pelajar. Ini sekali gus dapat menjelaskan bahawa teori kerjaya atau model pembangunan kerjaya dapat dijadikan asas dalam pembangunan program kerjaya (Reardon, et al., 2012; & Brown, 2007).

Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa keperluan akan datang terhadap pelaksanaan program perkembangan kerjaya di universiti awam memerlukan perkara berikut (i) kajian awal terhadap isu atau fenomena yang sedang berlaku; (ii) Aplikasi teori kaunseling dan kerjaya dalam pembinaan modul; (iii) menguji kesahan dan kebolehpercayaan modul/instrumen; (iv) melaksanakan modul berdasarkan kesesuaian populasi atau sasaran; dan (v) membuat penilaian berterusan terhadap setiap aktiviti yang terdapat dalam modul serta (vi) membuat penambahbaikan berterusan terhadap modul/instrumen. Kesemua elemen tersebut merupakan impak kepada keperluan modul dalam program atau aktiviti perkembangan kerjaya pelajar. Pembinaan modul secara berstruktur adalah penting bagi memastikan setiap isu atau fenomena yang berkaitan dengan perkembangan kerjaya pelajar dapat dikendalikan dengan efektif di mana fokus kepada penyelesaian masalah bagi sesuatu isu atau fenomena (Hartung, 2016; Zunker, 2006; & Spokane 1991).

RUMUSAN

Secara kesimpulannya, terdapat keperluan untuk membina program perkembangan kerjaya secara berstruktur dalam kalangan pelajar bermula di peringkat pendidikan sekolah hingga ke peringkat universiti. Kajian akan datang hendaklah memberi fokus kepada proses pembinaan program kerjaya dengan membuat tinjauan terhadap model pembinaan modul atau intervensi yang sesuai dan mengaplikasikan teori kerjaya sebagai asas pembinaan modul kerjaya. Di samping mengambil kira keperluan semasa pelajar berkaitan dengan ciri-ciri perkembangan kerjaya mereka dengan menggunakan instrumen yang standard untuk mengenal pasti tret atau tingkah laku kerjaya.

RUJUKAN

- Abd Hanid, H. (2007). *The effectiveness of career exploration stage of career development in secondary schools in Dungun district of Terengganu*. Unpublished Doctoral Dissertation, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Amla, S., Ibrahim, M. A., & Amat, S. (1998). Career planning module. Report submitted to Ministry of Education Malaysia. IRPA Project No. 02-02-0070.
- Andrews, L. M., Bullock-Yowell, E., Dahlen, E. R., & Nicholson, B. C. (2014). Can perfectionism affect career development? exploring career thoughts and self-efficacy. *Journal of Counseling & Development*, 92(3), 270–279. doi:10.1002/j.1556-6676.2014.00155.x.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ : Prentice-Hall.
- Brown, D. (2007). *Career information, career counseling and career development* (9th edition). Boston : Allyn and Bacon.
- Bullock-yowell, E., Chason, A. K., Sampson, J. P., Lenz, J. G., & Reardon, R. C. (2013). Relationships among career thoughts , career interests , and career decision state. *The Canadian Journal of Career Development/Revue Canadienne de Développement de Carrière*, 12(1).
- Carnevale, A. P. (2013). 21st century competencies for college and career readiness. *Career Development Quarterly*, 5–9. Retrieved from www.ncda.org/nhttps://georgetown.app.box.com/s/bx78k2igtvoxlf4gd7gz.
- Castro, E. L. (2013). racialized readiness for college and career: toward an equity-grounded social science of intervention programming. *Community College Review*, 41(4), 292–310. doi:10.1177/0091552113504291.

- Chen, C.T. (2000). Extensions of the TOPSIS for group decision-making under fuzzy environment. *Fuzzy Sets and Systems* 2000, 114: 1-9.
- Conley, D. T. (2012). A complete definition of college and career readiness. Eugene, OR: Educational Policy Improvement Center. Retrieved from <http://www.epiconline.org/>.
- Dybwad, T.-E. (2009). Career maturity: a latent means and covariance structure analysis of Daidalos. *Scandinavian Journal of Psychology*, 50(2), 109–20.
- Greene, K. M., & Staff, J. (2012). Tenage employment and career readiness. *New directions for youth development*. 134, 23 -31.doi:10.1002/yd.
- Gysbers, N. C. (2013). Career-ready students: a goal of comprehensive school counseling programs. *The Career Development Quarterly*, 61(September), 283–289. doi:10.1002/J.2161.
- Hartung, P.J. (2016). Introduction to the special issue: Advancing career intervention for life design. *Career Development Quarterly*. 64 (1), 2 -3.
- Hirschi, A., & Lage, D. (2007). The relation of secondary students' career-choice readiness to a six-phase model of career decision making. *Journal of Career Development*. doi:10.1177/0894845307307473.
- Hirschi, A., & Läge, D. (2008). Increasing the career choice readiness of young adolescents: An evaluation study. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, 8, 95–110. doi:10.1007/s10775-008-9139-7.

- Hughes, C. (2011). The influence of self-concept, parenting style and individualism–collectivism on career maturity in Australia and Thailand. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, 11(3), 197–210.
- IPPTN. 2003. Laporan Akhir Kajian Masalah Pengangguran di Kalangan Siswazah. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, USM, Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Ishak Yussof, Ismail Rahmah, & Robiah Sidin. (2008). Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM. *Akademika*, 72 (Januari), 3 - 24. Retrieved from <http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/akademika/jademik.html>
- Jamaluddin Ahmad (2008). *Modul dan Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad (2002). *Kesahan, kebolehppercayaan da keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah negeri Selangor*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Janeiro, I. N., Mota, L. P., & Ribas, A. M. (2014). Effects of two types of career interventions on students with different career coping styles. *Journal of Vocational Behavior*, 85(1), 115–124. doi:10.1016/j.jvb.2014.05.006.
- Kaur, P. (2012). Career maturity among adolescents in relation. *International Journal of Research in Education Methodology*, 1(1), 10–13.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013 – 2025*.

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2012). *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*.
- Kerajaan Malaysia. (2011). *Economic Transformational Programs Report 2011*.
- Kleiman, T., Gati, I., Peterson, G., Sampson, J., Reardon, R., & Lenz, J. (2004). Dysfunctional thinking and difficulties in career decision making. *Journal of Career Assessment, 12*(3), 312–331. doi:10.1177/1069072704266673.
- Koivisto, P., & Vinokur, A. D. (2011). Global visions effects of career choice intervention on components of career preparation. *The Career Development Quarterly, 59*(June), 345–367.
- Komaraju, M., Swanson, J., & Nadler, D. (2013). Increased career self-efficacy predicts college students' motivation, and course and major satisfaction. *Journal of Career Assessment, 22*(3), 420–432. doi:10.1177/1069072713498484.
- Krishnan, Sidiropoulou-Dimakakou, D., Mylonas, K., Argyropoulou, K., & Tampouri, S. (2012). Career decision-making difficulties, dysfunctional thinking and generalized self-efficacy of university students in greece. *World Journal of Education, 2*(1), 117–130. doi:10.5430/wje.v2n1p117.
- Kristin, L. C. (2009). *Predicting career decision-making difficulties among undergraduate students: the role of career decision making self efficacy, career optimism, and coping*. Unpublished Dissertation, University of Michigan.
- Lau Poh Li. (2011). *Effect of career exploration program on career maturity and self-concept among form four students*. Unpublished PhD thesis. University of Malaya.
- Lombardi, a. R., Conley, D. T., Seburn, M. a., & Downs, a. M. (2012). College and career readiness assessment: validation of the key cognitive strategies framework. *Assessment for Effective Intervention, 38*(3), 163–171.

doi:10.1177/1534508412448668.

Mansor, A. T., & Tan, K. A. (2009). Influence of gender on career readiness among malaysian undergraduates. *Australian Journal of Career Development*, 18, 33–44. doi:10.1177/103841620901800206.

Mariah Kamaruddin (2005). *Kesahan dan kebolehppercayaan modul pembimbing rakan sebaya: Kajian di kalangan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di daerah Kinta Satu, Perak*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

Maznizam Mansor & Abdullah Mat Rashid. (2013). Career indecision: A cross-sectional survey among students of National Youth Skills Training Institutes. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 17(8) : 1073-107. doi:10.5829/idosi.mejsr.2013.17.08.12297.

McKillip, J. (1987). *Need Analysis: Tools for the Human Service and Education. Applied Social Research Methods Series*, Volume 10. Sage Publications: Thousand Oaks, CA.

Mohd Ali Jamaat. (2010). *Mengaplikasi teori Erikson, Piaget dan Super dalam pembinaan modul kesedaran kerjaya untuk pelajar sekolah menengah rendah di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar & Norlidah Alias. (2014). Application of Fuzzy Delphi Method in Educational Research. *Design and Developmental Research*. Dlm. Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt & Zaharah Hussin (pnvt). Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Morshidi Sirat. (2005). *Working Paper Transnational Higher Education In Malaysia : Balancing Benefits and Concern through Regulations*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Mohd Izwan Mahmud, Amla Mohd Salleh, Zalizan Mohd Jelas, Norzaini Azman & Abu Yazid Abu Bakar. (2016). Career interest and career information –seeking behavior among students in Malaysian education system: A case study. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, (7), 70 – 84.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Study on employability of graduates in Malaysia : A survey of employer perspectives. *Prosiding PERKEM VII*, 2(2012), 906–913.
- Murray, T.J., Pipino, L. L & Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of delphi. *Human System Management*, 6-80.
- Othman Mohamed. (2016). *Kaunseling perkembangan kerjaya abad ke 21*. Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Paivandy, S., Bullock, E. E., Reardon, R. C., & Kelly, F. D. (2008). The effects of decision-making style and cognitive thought patterns on negative career thoughts. *Journal of Career Assessment*, 16(4), 474–488. doi:10.1177/1069072708318904.
- Reardon, R. C., Lenz, J. G., Sampson, J. P., & Peterson, G. W. (2006). *Career development and planning: A comprehensive approach*. (2nd edition). United States: Thompson Learning.
- Reardon, R. C., Lenz, J. G., Sampson, J. P., Jr., & Peterson, G. W. (2012). *Career development and planning: A comprehensive approach* (4th ed.). Dubuque, IA: Kendall Hunt.

- Rosset, A. (1995). *Need analysis*. Englewood Cliff, NJ : Education Technology Publications.
- Rowe, A. & Wright, J. (1999). The delphy technique as a forecasting tool: Issues and analysis. *International Journal of Forecasting*. 15(4)255-297.
- Salami, S. O. (2008). Gender, identity status and career maturity of adolescents in Southwest Nigeria. *Journal of Social Science*, 16(1), 35–49.
- Salleh, A., Abdullah, S. M. S., Mahmud, Z., Ghavifekr, S., & Ishak, N. (2013). A structured career intervention program for academically challenged students. *Asia Pacific Education Review*, 14, 209–219. doi:10.1007/s12564-013-9259-8.
- Sampson Jr, J. P., McClain, M., Musch, E., & Reardon, R. C. (2013). Variables affecting readiness to benefit from career interventions. *The Career Development Quarterly*, 61(June), 98–110. doi:10.1002/J.2161.
- Sampson, J. P., McClain, M.-C., Musch, E., & Reardon, R. C. (2013). Variables affecting readiness to benefit from career interventions. *The Career Development Quarterly*, 61(2), 98–109. doi:10.1002/j.2161-0045.2013.00040.x .
- Scott, a. B., & Ciani, K. D. (2008). Effects of an undergraduate career class on men’s and women’s career decision-making self-efficacy and vocational identity. *Journal of Career Development*, 34, 263–285. doi:10.1177/0894845307311248.
- Sharf, R. S. (2006). *Applying career development theory to counseling* (4th ed.). Belmont, CA: Thomson, Brooks/Cole.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Construction module: How to build academic training module and module*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Publishing.

- Sidiropoulou-Dimakakou, D., Mylonas, K., Argyropoulou, K., & Tampouri, S. (2012). Career Decision-making Difficulties, DysfunCTional Thinking and Generalized Self-Efficacy of University Students in Greece. *World Journal of Education, 2*(1), 117–130. doi:10.5430/wje.v2n1p117.
- Spokane, A. R. (1991). *Career interventions*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall. Stage.
- Talib, J. A., Salleh, A., Amat, S., Ghavifekr, S., & Ariff, A. M. (2014). Effect of career education module on career development of community college students. *International Journal for Educational and Vocational Guidance, 13*(1), 1–10. doi:10.1007/s10775-014-9279-x.
- Tarigan, M., & Wimbari, S. (2011). Career planning program to increase career search self efficacy in fresh graduates. *Journal of Higher Education Theory and Practice, 11*(4), 75–88.
- Thrift, M. M., Ulloa-heath, J., Reardon, R. C., & Peterson, G. W. (2012). Career interventions and the career thoughts of pacific island college students. *Journal of Counseling & Development, 90* (April), 169–177.
- Yon, K. J., Joeng, J.-R., & Goh, M. (2012). A longitudinal study of career maturity of Korean adolescents: the effects of personal and contextual factors. *Asia Pacific Education Review, 13*(4), 727–739.
- Zaini Ujang.(2009). *The elevation of higher learning (Mengangkasa Pengajian Tinggi)*. Penerbit UTM Press. ISBN 978-983-068-454-2.

Zainudin Mohd. Isa. (2008). *Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran (LD) di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zalizan, M. J., Amla, S., Norzaini, A., Ramlah, H., Rohana, J., Hanizah, H,...Izwan, M. (2013). Laporan kajian analisis gender dalam pendidikan (Report on Gender Analysis in Education). Report submitted to Ministry of Education Malaysia.

Zunker, V.G. (2006). *Career counseling: A holistic approach* (7th edition). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole-Thompson Learning.

Persepsi Remaja Berisiko Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Pusat Pemulihan

Maziah Syafiqah Mat Tob¹, Muhammad Ajib Abd Razak²

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia^{1,2}

Abstrak

Pusat pemulihan sememangnya menyediakan perkhidmatan psikologi, bimbingan dan kaunseling. Antara jenis perkhidmatan yang diberikan adalah kaunseling individu, kaunseling kelompok, kaunseling keluarga dan bimbingan melalui intervensi dan program yang dijalankan. Kebanyakan pelatih masing-masing mempunyai pengalaman dan pernah menerima perkhidmatan tersebut. Namun, pelbagai persepsi, perasaan dan pandangan terhadap perkhidmatan tersebut berkemungkinan lahir dalam diri mereka. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Pendekatan ini digunakan bagi mengkaji dan mengenal pasti persepsi pelatih terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang pernah dialami. Objektif kajian ini adalah bagi mengkaji persepsi remaja berisiko terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan dan mengenal pasti tahap pelaksanaan perkhidmatan itu diberikan. Seramai 132 orang pelatih yang terdiri dalam kalangan remaja berisiko dari tiga buah pusat pemulihan sekitar Kuala Lumpur di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan, terdapat hubungan positif antara pelaksanaan bimbingan dan kaunseling dengan persepsi pelatih. Persepsi remaja ini terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga mempunyai perbezaan yang signifikan menunjukkan pelaksanaannya yang masih tidak seragam dan menyeluruh. Diharapkan melalui kajian ini dapat membantu pelbagai pihak menambahbaik mutu perkhidmatan kaunseling yang diberikan, khususnya dalam memastikan segala sumber dan bahan interaktif adalah memuaskan dan sentiasa melakukan penambahbaikan dari perspektif pelatih itu sendiri.

Katakunci : remaja berisiko; kaunseling; pusat pemulihan

PENDAHULUAN

Pengenalan

Perkhidmatan kaunseling merupakan satu perkhidmatan tolong bantu yang unik (Hackney, 2000). Menurut Krumboltz (1996), kaunseling melibatkan usaha yang dilakukan oleh kaunselor dalam membantu klien untuk melibatkan diri dengan jenis-jenis tingkah laku yang membantu ke arah penyelesaian masalah (Mohammad, 2009). Justeru, proses ini dapat membantu klien memahami diri dan melakukan perubahan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Golongan remaja berisiko dapat dikenal pasti menerusi ciri-cirinya berdasarkan kepada kes penglibatan salah laku dan faktor-faktor penyebab yang mendorong seseorang untuk melibatkan dirinya dalam perbuatan yang salah sehingga menyalahi had toleransi nilai dalam masyarakat (Azziyati, Fariza & Salasiah, 2013). Remaja adalah tempoh masa yang mana mereka dikatakan mengalami *storm and stress*. Zaman remaja ini adalah fasa di mana mereka ingin mencuba sesuatu yang baru, inginkan kebebasan dan perhatian dalam setiap perkara yang wujud dalam diri mereka. Pelbagai cubaan dan rintangan dihadapi remaja dalam mengharungi krisis pada usia remaja. Mereka akan mudah terpengaruh dengan pelbagai anasir sama ada dari ibu bapa sendiri mahupun rakan sebaya.

Bagi membantu golongan remaja berisiko ini, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diberikan oleh kaunselor yang berkelayakan dalam membantu mereka ke arah celik akal. Bagi memberikan perhatian yang lebih khusus bagi golongan ini, mereka diberikan perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya di pusat-pusat pemulihan. Mereka akan dirujuk kepada kaunselor dan melalui proses pemulihan sama ada atas perintah mahkamah, permintaan keluarga mahupun secara sukarela. Selain itu, pelbagai teori digunakan dalam sesi kaunseling yang dijalankan seperti pemusatan insan, teori kognitif tingkah laku, teori rasional emosi dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji persepsi mereka terhadap sesi kaunseling yang mereka jalani supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan efektif.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi pelatih yang terdiri daripada remaja berisiko terhadap perkhidmatan sesi bimbingan dan kaunseling yang pernah dilalui oleh mereka. Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah:

- i. Untuk mengetahui persepsi remaja berisiko terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan
- ii. Untuk mengkaji hubungan persepsi remaja berisiko terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- iii. Untuk mengenal pasti penambahbaikan yang boleh dicadangkan oleh remaja berisiko dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang lepas, terdapat dua hipotesis utama yang dibentuk bagi menguji pemboleh ubah terikat yang ditetapkan oleh pengkaji. Antara hipotesis yang dibentuk adalah seperti yang berikut:

- i. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min skor tahap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan & kaunseling di pusat pemulihan dengan min skor persepsi remaja berisiko di pusat pemulihan.
- ii. Tidak terdapat perbezaan min skor persepsi remaja berisiko di tiga buah pusat pemulihan yang berdaftar.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang diberikan kepada para pelatih. Lantas, melalui dapatan kajian ini boleh menyumbang kepada proses penambahbaikan mutu perkhidmatan kaunseling, intervensi dan program-program pemulihan dari semasa ke semasa. Kajian ini juga dijalankan melalui saranan pengkaji-pengkajian yang lepas seperti Monica (2014) dan Momanyi (2015). Dalam pada itu juga, kebanyakan pelatih di pusat pemulihan terdiri daripada generasi-Y, maka, adakah sistem dan program pemulihan yang diberikan adalah sesuai dengan selera dengan kehendak pelatih itu sendiri dalam membantu proses perubahan ke arah yang lebih baik dalam diri mereka. Walau bagaimanapun, Hal ini adalah penting bagi melihat sejauh mana

pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berjaya mencapai matlamatnya dalam membantu pelatih-pelatih di pusat pemulihan yang merupakan salah satu modul penting dalam pemulihan pelatih-pelatih. Berdasarkan kajian ini dapat dilihat tahap pelaksanaan kaunseling di pusat pemulihan lalu penambahbaikan dapat dilakukan agar perkhidmatan ini dapat ditingkatkan. Selain itu, kajian ini merupakan perintis kepada para penyelidik lain untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang ada di Malaysia dalam perspektif yang berbeza.

Kajian Lepas

Kajian oleh Sunyoung Jung dan Eunsil Choi (2017) dalam kajiannya terhadap Tahap Kepuasan Hidup dan Tingkah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja Korea menyatakan bahawa antara tingkah laku delinkuen yang dilakukan remaja adalah merokok, minum arak, ponteng sekolah, lari rumah, melakukan seks tanpa nikah, memukul, terlibat dengan aktiviti gangster, bergaduh dan sebagainya. Krisis remaja ini adalah hasil daripada ketidakfungsian emosi dan pengalihan tingkah laku yang berlaku kerana transisi perubahan dari zaman kanak-kanak (Nedusa & Rodica 2014). Zaman remaja juga dikatakan sebagai fasa di mana mereka mempunyai krisis identiti diri dalam menghadapi persekitaran (Moshe 2001). Bahkan, kita juga dapat melihat pada fasa ini remaja mula menunjukkan tingkah laku agresif dan keganasan sebagai respon mereka kepada persekitaran.

Punca permasalahan dalam remaja kerap kali diperdebatkan dan menjadi tumpuan bagi kajian-kajian yang ada. Berdasarkan kajian Azyyati dan rakan-rakannya (2013) dapat kita lihat bahawa antara ciri-ciri remaja berisiko yang dominan adalah mereka terdiri daripada keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran. Hal ini kerana sokongan mereka bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratan. Selain itu, menurut Nedusa & Rodica (2014) pula, antara punca yang dikatakan menyumbang kepada tingkah laku ini adalah masalah keluarga, pengaruh rakan, persekitaran, televisyen, penyalahgunaan bahan dan sebagainya.

Inisiatif perlu dilakukan bagi mengatasi permasalahan ini supaya ianya tidak menjadi barah dalam masyarakat. Program pemulihan di pusat-pusat pemulihan menjadi alat penting dalam membantu remaja bermasalah ini. Noor Hafizah (2016) telah menjalankan kajian tentang “*Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan Dan Keberkesanan*”. Kajian ini memberi tumpuan terhadap program agama yang telah dilaksanakan di setiap institusi tersebut dengan menganalisis dari aspek pelaksanaan, keberkesanan dan permasalahan dalam melaksanakan program agama terhadap pelatih di institusi tersebut. Berdasarkan kajian yang dijalankan didapati program-program agama yang dilaksanakan adalah secara tidak konsisten. Oleh itu, penambahbaikan dan program yang konsisten perlu dilaksanakan untuk pelatih-pelatih di pusat pemulihan.

Keberkesanan program yang dijalankan di pusat pemulihan perlu diteliti dan diperbaiki mengikut kesesuaian semasa. Menurut Olver & Wong (2013), dalam proses rawatan terhadap pesalah yang berisiko tinggi atau rendah dan kemajuan dalam rawatan mempunyai hubungan dengan pengurangan pengulangan semula atau sebaliknya. Golongan yang profesional dan berkemahiran adalah sangat diperlukan bagi memotivasi dan menggalakkan keterlibatan pesalah dalam program pemulihan. Mereka juga haruslah mempunyai sumber, kemahiran dan kreativiti untuk melihat isu permasalahan yang berlaku dan mengelakkan pesalah daripada meninggalkan rawatan. Kajian oleh Caldwell dan Rybroek (2013) turut menyatakan bahawa pemantauan secara berterusan diperlukan untuk melihat perubahan jangka masa panjang rawatan terhadap tingkah laku keganasan remaja.

Antara cara yang boleh dilakukan untuk melakukan pantauan adalah melalui kajian tinjauan. Momanyi (2013) dalam kajiannya telah menjalankan kajian terhadap persepsi guru dan pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi mereka dengan tahap keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Hal ini disokong oleh Comfort (2014) di mana persepsi pelajar terhadap kaunseling

menentukan sikap mereka terhadap perkhidmatan ini di sekolah. Hubungan yang positif antara persepsi pelajar dengan sikap mereka terhadap kaunseling menyebabkan perlunya usaha untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan ini.

Dapat dilihat juga bahawa peranan kaunselor dan pendekatan dalam kaunseling adalah sangat besar dalam program pemulihan. Kaunselor yang baik adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik dapat diberikan (Vemala 2013). Satu kajian tinjauan dilakukan oleh Monica (2014) mendapati bahawa aktiviti kaunseling yang berbentuk pendidikan, pembangunan projek pendidikan, latihan untuk memperbaiki sikap dan nilai dalam diri guru-guru, latihan pembangunan kemahiran perhubungan dan komunikasi serta kemahiran menganalisis, memproses dan kemahiran menggunakan teknologi maklumat dan perancangan kerjaya dapat membantu dalam mengelakkan pelajar gagal dalam persekolahan di samping penerimaan guru-guru terhadap pelajar sebagai insan yang berguna. Aspek-aspek yang dinyatakan adalah merupakan aspek psiko-pedagogi. Begitu juga peranan kaunselor di pusat pemulihan dalam membantu pelatih-pelatih dengan aspek kaunseling dan modul pemulihan yang dilaksanakan.

Definisi Operasi

Persepsi

Dalam kajian ini persepsi adalah apa tanggapan atau pandangan klien terhadap perkhidmatan kaunseling yang dilalui oleh remaja yang berisiko. Tanggapan ini akan diklasifikasikan sama ada positif atau negatif berdasarkan soal selidik yang diberikan. Oleh yang demikian, mengkaji persepsi remaja berisiko terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pengkaji memahami dan mengetahui situasi yang berlaku dalam konteks kajian ini (Rozmi 2011). Persepsi subjek kajian akan menjadi kayu pengukur akan sejauh mana keberkesanan perkhidmatan kaunseling di pusat pemulihan yang merupakan antara modul yang penting dalam membantu pelatih-pelatih. Pengukuran persepsi ini juga adalah salah satu cara untuk memahami akan senario yang berlaku dalam perkhidmatan kaunseling di pusat pemulihan.

Kaunseling

Dalam kajian ini, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan dikaji dari sudut persepsi remaja berisiko. Perkhidmatan ini disediakan kepada pelatih-pelatih di pusat pemulihan sebagai salah satu modul pemulihan yang diberikan dalam proses pemulihan akhlak bagi remaja yang pernah melakukan jenayah ataupun mempunyai tingkah laku yang tidak terkawal. Selain aspek kaunselor, penubuhan perkhidmatan kaunseling itu sendiri dilihat sama ada memberi kesan atau mendapat penerimaan yang baik dari pelatih-pelatih atau sebaliknya. Maklum balas ini adalah penting kerana ia menggambarkan persepsi mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dijalani.

Remaja Berisiko

Menurut Azyyati dan rakan-rakannya (2013) remaja berisiko dapat dikenal pasti melalui penglibatan mereka terhadap salah laku dan ciri-ciri salah laku yang dilakukan serta faktor-faktor yang menyebabkan mereka terjebak untuk membuat perlakuan yang salah sehingga melanggar norma masyarakat. Remaja sinonim dengan fasa ingin tahu yang tinggi dan suka mencuba perkara baru selain mudah terjebak dengan pengaruh rakan sebaya. Pada zaman globalisasi ini remaja juga mudah terdedah dengan pelbagai gejala sosial yang berlaku di persekitaran. Jika mereka tidak mempunyai daya tahan yang tinggi serta penyesuaian diri yang baik maka mereka mudah terjerumus ke dalam aktiviti yang tidak sihat.

Pusat Pemulihan

Kajian ini memfokuskan kepada pusat pemulihan akhlak di bawah seliaan Jabatan Kebajikan dan Masyarakat (JKM). Individu yang masuk ke dalam pusat pemulihan adalah atas perintah mahkamah di bawah Akta Kanak-kanak 2001 ataupun surat bertulis dari ibu bapa kepada mahkamah. Antara matlamat penubuhannya adalah untuk mendidik pelatih-pelatih supaya membina sikap yang positif, membentuk kepribadian yang kukuh dan memperbaiki ketrampilan mereka supaya boleh hidup berdikari dalam kalangan masyarakat setelah tamat tempoh pemulihan. Selain itu, pusat pemulihan juga diharap dapat menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan

dari segi fizikal, emosi dan mental supaya dapat meneruskan kehidupan dengan baik kelak.

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan remaja berisiko di pusat pemulihan yang datang daripada pelbagai latar belakang dan profil kesalahan salah laku. Limitasi yang utama dihadapi pengkaji dalam kajian ini adalah terdapat segelintir remaja di pusat pemulihan ini yang tidak tahu menulis dan membaca bahkan ada yang tidak fasih berbahasa Melayu. Hal ini menyukarkan proses pengumpulan data. Bagi remaja yang tidak tahu membaca dan menulis, pengkaji terpaksa membacakan arahan dan item bagi setiap soalan dalam soal selidik dan menuliskan jawapan berdasarkan maklum balas yang mereka berikan. Selain itu, aras bahasa soal selidik ini adalah tinggi sehingga remaja ini sukar untuk memahami beberapa item atau arahan yang diberikan. Pengkaji harus menjelaskan semula dalam bahasa yang paling mudah untuk mereka fahami bagi menjawab soalan yang ditujukan. Hal ini berkemungkinan kerana mereka datang daripada pelbagai latar belakang pendidikan.

METOD KAJIAN

Subjek Kajian

Pemilihan subjek kajian dipilih daripada kalangan remaja yang berusia 12 – 21 tahun yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berjumlah 132 orang secara keseluruhan. Subjek kajian sedang menjalani proses pemulihan di mana-mana pusat pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan dan Masyarakat (JKM) di kawasan Kuala Lumpur iaitu Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Asrama Bahagia Kampung Pandan, dan Asrama Sentosa.

Instrumen Kajian

Soal selidik ini diambil daripada kajian yang dilakukan oleh Momanyi (2013) dalam kajiannya *Perceptions of Teachers and Students Towards Guidance and Counselling Services in Public Secondary Schools*. Kemudiannya, item dalam soal selidik diolah berdasarkan pengubahsuaian daripada soal selidik yang telah diakui sebagai sah dan diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu.

Borang soal selidik ini mengandungi lima bahagian. Bahagian A merupakan faktor demografi, Bahagian B pelaksanaan perkhidmatan bimbingan & kaunseling di pusat pemulihan, Bahagian C pula berkenaan penubuhan unit bimbingan dan kaunseling dan Bahagian D pula persepsi remaja terhadap bimbingan dan kaunseling dan Bahagian E berkenaan cadangan penambahbaikan untuk mempertingkatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling pada masa akan datang.

Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Dapatan dari soal selidik ini akan dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif melibatkan statistik deskriptif dan inferensi. Antara kelebihan menggunakan soal selidik adalah subjek kajian boleh menjawab soal selidik tersebut tanpa bantuan atau pandangan dari pihak lain. Bahkan penggunaan soal selidik dapat mengurangkan berlakunya *sampling bias* berikutan sampel yang banyak (Rozmi, 2015). Selain itu, dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat kerana sesetengah subjek kajian tidak gemar kepada pertanyaan secara terus dan lebih sukar untuk mendapatkan kerjasama.

Data-data yang dikumpulkan adalah untuk meninjau sikap, persepsi atau pandangan penghuni pusat terhadap program-program yang dilaksanakan. Reka bentuk ini dipilih kerana ia amat sesuai memandangkan peranannya untuk meninjau dan mengenal pasti persepsi pelatih yang telah mempunyai pengalaman mengikuti program kaunseling di pusat pemulihan. Kajian tinjauan yang digunapakai dalam kajian ini juga berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma (1995) yang mengatakan bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian subjek kajian. Secara umumnya reka bentuk ini cuba melihat tentang persepsi remaja di pusat pemulihan serta keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelatih secara menyeluruh.

Analisis Data

Setelah proses pengumpulan data dijalankan data itu kemudiannya dimasukkan dalam *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Kaedah yang digunakan bagi menganalisis data daripada kajian ini adalah secara deskriptif yang mana ia akan menghurai secara menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Statistik deskriptif akan menggunakan min, sisihan piawai, median, mod, taburan norma dan skor Z bagi menyatakan ciri-ciri sesuatu pembolehubah (Momanyi 2013). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan min dan peratusan bagi menginterpretasikan data untuk mengukur pembolehubah yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

KEPUTUSAN KAJIAN

Jadual 1

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Pusat Pemulihan

Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Pencapaian Akademik	57	43.2
Kerjaya	85	64.4
Pemilihan Subjek	31	23.5
Hubungan Sosial	93	70.5
Permasalahan Keluarga	104	78.8
Isu Keagamaan	39	29.5

Berdasarkan analisis soal selidik, semua pelatih pernah melalui sesi bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan mereka. Dapat dilihat dalam jadual di atas sebanyak 43.2% remaja di pusat pemulihan mencari perkhidmatan ini untuk pencapaian akademik, 64.4% untuk kerjaya, 23.5% untuk pemilihan subjek, 70.5% untuk hubungan sosial 78.8% untuk permasalahan keluarga dan 29.5% untuk membincangkan isu keagamaan.

Jadual 2

Maklumbalas Remaja di Pusat Pemulihan terhadap Keberadaan Bahan dan Sumber bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

SM- sangat mencukupi M- mencukupi TP- tidak pasti TM- tidak mencukupi

Sumber	SM		M		TP		TM		T	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Risalah Kerjaya	18	13.6	31	23.5	24	18.2	5	3.8	52	39.4
Video/ DVD/ CD	14	10.6	20	15.2	25	18.9	8	6.16	64	48.5
Fail Klien	50	37.9	32	24.2	19	14.4	9	6.8	20	15.2
Buku panduan pelbagai kerjaya	23	17.4	24	18.2	28	21.2	8	6.1	47	35.6
Buku bimbingan dan kaunseling	14	10.6	36	27.3	36	27.3	13	9.8	32	24.2
Pejabat unit bimbingan dan kaunseling	40	30.3	29	22.0	28	21.2	9	6.8	23	17.4
Bilik bimbingan dan kaunseling	46	34.8	55	41.7	9	6.8	11	8.3	9	6.8
Kaunselor bimbingan dan kaunseling	47	35.6	43	32.6	20	15.2	16	12.1	5	3.8

T- tiada

Berdasarkan jadual 2 dapat dilihat bahawa maklumbalas yang diberikan remaja di pusat pemulihan berkenaan keberadaan bahan dan sumber dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Sebanyak 23.5% remaja mengatakan risalah kerjaya adalah pada tahap mencukupi. Bagi kewujudan penggunaan video/DVD/CD, majoriti remaja iaitu sebanyak 48.5% daripada keseluruhan subjek kajian mengatakan

bahawa tiada penggunaan video/CD/DVD dalam proses bimbingan dan kaunseling yang pernah mereka lalui di pusat pemulihan.

Fail klien adalah antara aspek yang penting dalam proses bimbingan dan kaunseling. Sebanyak 37.9% daripada subjek kajian menyatakan bahawa penggunaan fail klien adalah sangat mencukupi. Buku bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan dapat membantu proses bimbingan dan kaunseling. Sebanyak 27.3% remaja menyatakan bahawa ianya mencukupi dan sejumlah remaja yang sama tidak pasti akan kewujudan buku ini. Selain itu, 30.3% bersetuju bahawa pejabat bimbingan dan kaunseling adalah sangat mencukupi dan 41.7% lagi menyatakan bahawa bilik bimbingan dan kaunseling adalah mencukupi. Bagi kaunselor bimbingan dan kaunseling, majoriti subjek kajian iaitu 35.6% bersetuju bahawa ianya adalah sangat mencukupi/

Jadual 3

Persepsi Remaja terhadap Keberkesanan Bimbingan dan Kaunseling di Pusat Pemulihan

Sumber	SS		S		TP		TS		STS	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Kaunselor tidak menyimpan kerahsiaan maklumat yang dikongsikan	3	2.3	13	9.8	32	24.2	17	12.9	67	50.8
Anda lebih menggemari kaunselor lelaki berbanding kaunselor perempuan	9	6.8	5	3.8	15	11.4	45	34.1	58	43.9
Bimbingan dan kaunseling membina perhubungan yang baik antara kaunselor dan diri anda	62	47.0	55	41.7	8	6.1	5	3.8	2	1.5
Kebanyakan anda dan rakan yang lain menggemari kaunselor yang muda berbanding yang berusia	81	61.4	34	25.8	7	5.3	5	3.8	5	3.8
Tidak ada privasi apabila proses kaunseling berlangsung	19	14.4	10	7.6	29	22.0	18	13.6	45	34.1
Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah mengurangkan masalah/isu yang anda alami di	41	31.1	45	34.1	31	23.5	4	3.0	11	8.3

pusat pemulihan										
Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah meningkatkan kemajuan perubahan diri anda.	43	32.6	46	34.8	34	25.8	5	3.8	4	3.0
Terdapat hubungan yang baik antara anda dan kaunselor hasil daripada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling	58	43.9	59	44.7	8	6.1	3	2.3	4	3.0

Kenyataan bahawa kaunselor tidak menyimpan kerahsiaan maklumat yang dikongsikan mendapati bahawa majoriti subjek kajian iaitu 50.8% menyatakan bahawa mereka adalah sangat tidak setuju. Selain itu, didapati bahawa majoriti remaja di pusat pemulihan iaitu 43.9% sangat tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka lebih menggemari kaunselor lelaki berbanding kaunselor perempuan. Bimbingan dan kaunseling membina perhubungan yang baik antara kaunselor dan diri remaja sangat dipersetujui oleh subjek kajian iaitu 47.0% yang merupakan sebilangan majoriti yang besar.

Selain itu, 61.4% remaja di pusat pemulihan sangat bersetuju bahawa kebanyakan rakan mereka yang lain menggemari kaunselor yang muda berbanding yang berusia. Seterusnya, berdasarkan analisis didapati bahawa sebanyak 34.1% remaja sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tidak terdapat privasi apabila proses kaunseling berlangsung. Sebanyak 34.1% remaja yang setuju bahawa proses kaunseling telah mengurangkan masalah atau isu yang mereka hadapi. Kemudian, remaja ini ditanya sama ada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini telah meningkatkan kemajuan perubahan diri mereka. Sejumlah 32.6% remaja di pusat pemulihan menyatakan mereka sangat setuju bahawa ada perubahan yang baik dalam diri mereka setelah menjalani sesi bimbingan dan kaunseling diikuti 34.8% lagi yang turut bersetuju.

Jadual 4

Jadual Analisis Korelasi Pearson

Korelasi Pearson	Sig.(2-tailed)	Jumlah item (N)
0.388	0.000	128

Ujian korelasi Pearson dibuat ke atas data bagi melihat hubungan antara pelaksanaan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan dengan persepsi remaja terhadap bimbingan dan kaunseling. Hasil analisis menunjukkan nilai $r=0.388$, $n=128$ dan nilai $p=0.000$ bermaksud wujud hubungan positif yang sederhana antara pelaksanaan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan dengan persepsi remaja terhadap bimbingan dan kaunseling. Nilai $p<.01$ menunjukkan hipotesis nol ditolak. Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan dengan persepsi remaja terhadap bimbingan dan kaunseling.

Jadual 5

Jadual Analisis ANOVA

		JKD	Dk	MKD	F	Sig.
Persepsi	Antara kumpulan	99.559	2	49.780	4.260	.016
	Dalam Kumpulan	1495.976	128	11.687		
	Jumlah	1595.435	130			

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa ujian analisis ANOVA sehala bagi melihat perbezaan persepsi remaja terhadap bimbingan dan kaunseling di ketiga-tiga pusat pemulihan iaitu Sekolah Tunas Bakti, Asrama Bahagia dan Asrama Sentosa. Keputusan ujian ANOVA sehala yang diperolehi adalah signifikan di mana nilai $F(2,128) = 4.260$, $p<0.05$. Hipotesis nol ditolak, maka ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi remaja di pusat pemulihan terhadap bimbingan dan kaunseling daripada pusat pemulihan yang berbeza.

Jadual 6

Jadual Analisis Post Hoc - Tukey

Kelompok		Perbezaan Min (I-J)	Sig.
I	J		
STB	AB	1.86*	0.03
AS	AB	2.75*	0.03
AS	STB	0.88	0.63

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan remaja di pusat pemulihan mengikut pusat pemulihan yang berbeza ($p < .05$). Oleh kerana hasil analisis ini adalah signifikan, maka ujian Post-Hoc dijalankan. Ujian post hoc kaedah Tukey digunakan untuk melihat perbandingan skor persepsi antara pusat pemulihan yang terlibat. Dapat dilihat bahawa skor min bagi Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Sentosa dengan Asrama Bahagia mempunyai perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun, Asrama sentosa dengan Sekolah Tunas Bakti tidak mempunyai perbezaan signifikan yang ketara.

PERBINCANGAN KAJIAN

Keberadaan Sumber bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Risalah kerjaya boleh membantu kaunselor dalam membimbing remaja di pusat pemulihan untuk membuat pilihan kerjaya pada masa akan datang. Dapatan dalam kajian ini disokong oleh kajian Amukoa (1984) dan Momanyi (2014) yang menyatakan bahawa kebanyakan sekolah tidak mempunyai risalah kerjaya. Penggunaan alat bantuan ini dapat membantu kaunselor dalam mendidik dan mewujudkan kefahaman dalam kalangan remaja dan membantu mereka mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang sesuatu isu yang dibincangkan dalam kaunseling. Kenyataan ini disokong oleh Michael dan rakan-rakannya (2004) di mana penggunaan program komputer yang interaktif adalah sangat penting dalam proses kaunseling dan mampu dalam meningkatkan keberkesanan program kaunseling yang dijalankan.

Majoriti subjek kajian yang menyatakan tiadanya buku ini di pusat pemulihan mereka bermaksud kaunselor tidak mempunyai bahan rujukan bagi mengendalikan sesi kaunseling. Menurut Momanyi (2013) dalam kajiannya, pejabat bimbingan dan kaunseling adalah penting supaya kaunselor dapat dicari dan dirujuk dengan mudah pada masa-masa yang sangat diperlukan. K. Pressly dan Martin Heesacker (2001) telah mengkaji aspek persekitaran fizikal sama ada boleh meningkatkan keberkesanan kaunseling atau sebaliknya. Persekitaran bilik kaunseling memainkan peranan yang sangat besar dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat untuk klien dan juga kaunselor untuk membina kepercayaan dan menjalankan proses kaunseling. Elemen yang turut terlibat dalam bilik kaunseling adalah perhiasan, warna bilik, perabot, reka bentuk bilik, pencahayaan, bau, bunyi, tekstur dan suhu di bilik (Ching, 1996; Venolia, 1988; Pressly & Martin, 2001).

Menurut kajian G. Miano dan rakan-rakannya (1997) kaunselor adalah golongan profesional yang terbaik untuk melaksanakan program pencegahan dan intervensi untuk remaja yang berisiko kerana mereka adalah golongan yang terlatih dan berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes melibatkan remaja berisiko. Namun, menurut Momanyi (2013) kaunselor yang ada tidak digunakan dengan sebaik mungkin kerana persepsi yang ada dalam kalangan pelajar di sekolah. Oleh itu, persepsi yang baik terhadap guru kaunselor adalah penting bagi keberkesanan perkhidmatan ini di pusat pemulihan.

Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dilihat dari sudut sumber dan bahan yang ada di pusat pemulihan. Aspek ini dilihat mempunyai hubungan yang positif dengan persepsi remaja di pusat pemulihan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berdasarkan dapatan kajian ini. Hal ini selari dengan penemuan Stewart (2007) yang menyatakan bahawa sumber adalah kunci bagi mana-mana perkhidmatan di bahagian perkhidmatan yang mana melibatkan interaksi antara manusia. Kajian yang dilakukan oleh Caltabiano (2003) turut menemui hubungan antara sumber dan pelaksanaan bimbingan dan kaunseling adalah sangat penting dan perlu dititikberatkan untuk melihat perubahan perubahan yang lebih baik terhadap diri klien.

Persepsi Remaja Terhadap Bimbingan Dan Kaunseling

Keupayaan kaunselor untuk menyimpan kerahsiaan maklumat yang dikongsikan dalam kaunseling menggambarkan bahawa kaunselor telah mematuhi salah satu etika dalam kaunseling dengan baik. Selain itu, kaunselor juga dapat membina kepercayaan antara kaunselor dengan klien dan memudahkan sesi kaunseling berjalan. Selain kepercayaan, klien turut mendapat kefahaman yang baik tentang proses dan matlamat kaunseling dan memberikan kerjasama yang baik dalam usaha pencegahan dan pemulihan (Ivey et al. 2010). Menurut Nerison dan kawan-kawannya (1990), kepercayaan yang dibina mempunyai kesan yang positif terhadap proses kaunseling dan memberikan kesan terapeutik yang baik selain memberikan persepsi yang baik terhadap sesi kaunseling tersebut.

Melalui dapatan ini juga dapat kita lihat bahawa kaunselor perempuan adalah lebih disukai remaja di pusat pemulihan untuk berkongsi masalah peribadi yang mereka miliki. Hal ini telah disahkan melalui kajian yang dilakukan oleh Michael dan kawan-kawannya (1987) di mana jantina kaunselor memainkan peranan yang penting dalam menentukan ketutamaan pilihan klien bagi menjalani sesi kaunseling. Selain itu, kebanyakan remaja di pusat pemulihan lebih menggemari kaunselor yang muda berbanding tua. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan Momanyi (2013) yang turut melihat aspek usia kaunselor dalam menentukan persepsi klien terhadap perkhidmatan itu. Kaunselor muda kelihatan dapat memahami remaja dengan lebih baik kerana jarak umur yang tidak begitu jauh dan lebih memahami konteks keadaan yang dialami remaja itu. Majoriti remaja juga bersetuju bahawa proses bimbingan dan kaunseling membina perhubungan yang baik antara mereka dengan kaunselor. Kualiti perhubungan yang baik dalam kaunseling adalah elemen yang penting bagi memastikan kaunseling itu berjaya dan mencapai matlamatnya (Kokotovic & Tracey, 1990; William & William, 1995).

Apabila remaja di pusat pemulihan merasakan adanya privasi ketika proses kaunseling berlangsung adalah satu petanda yang baik kerana mereka berasa selamat untuk menceritakan permasalahan atau isu yang dihadapi kepada kaunselor. Kaunselor

juga berjaya menjaga kebajikan remaja dengan mewujudkan suasana yang kondusif dan selamat selain menjaga emosi mereka (Kate 2005). Menurut Cummings, Barak dan Hallberg (1995) klien merasakan sesi kaunseling itu lebih bermakna dan membantu apabila isu atau permasalahan disentuh dengan lebih mendalam selain merasakan diri lebih baik setelah sesi kaunseling tamat. Cummings et al. (1994) turut mengatakan bahawa perubahan yang positif turut disebabkan klien meletakkan emosi yang mendalam dan cuba untuk memahami isu mereka dengan lebih baik

Remaja di pusat pemulihan juga bersetuju bahawa terdapat perubahan yang baik dalam diri mereka. Klien melaporkan bahawa mereka kurang merasakan kehilangan, simptom fizikal yang menurun, tidak mudah cemas, boleh menyesuaikan diri dengan cepat, lebih berkeyakinan dan mampu melihat ke hadapan. Kaunseling juga memberikan kesan yang signifikan terhadap masalah disiplin. Baker dan Gerler (2001) mendapati bahawa pelajar yang melalui sesi kaunseling mengalami penurunan terhadap tingkah laku bermasalah dan menggalakkan lebih banyak tingkah laku yang positif.

Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini perlulah dirancang secara rapi supaya setiap program yang dilaksanakan dapat dijalankan dengan teratur dan memberi manfaat kepada pelatih (Sharifah, 1990). Pelaksanaan yang tidak menyeluruh seperti ketiadaan atau kurangnya kaunselor tetap di institusi ini menjejaskan persepsi remaja di pusat pemulihan. Persepsi remaja di pusat pemulihan adalah sangat ditekankan kerana persepsi yang positif terhadap keberkesanan bimbingan dan kaunseling memainkan peranan yang penting supaya klien benar-benar mendapat manfaat daripada program yang dijalankan (Mukadi 2009).

Cadangan Penambahbaikan Untuk Mempertingkatkan Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling

Penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memperbaiki perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan. Kaunselor perlulah menambah ilmu pengetahuan dan memperbaiki kemahiran kaunseling. Menurut Collins (1980), kaunselor harus mempunyai kemahiran yang baik dalam kaunseling

yang merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan proses kaunseling. Kaunselor juga harus pandai memanipulasikan persekitaran supaya proses kaunseling menjadi lebih menarik dan menarik untuk meneruskan lagi sesi kaunseling.

Selain itu, pusat pemulihan juga boleh mengadakan program di luar bersama dengan kaunselor. Remaja yang menunjukkan sikap yang baik boleh diberikan token dengan melakukan program di luar dari pusat pemulihan yang secara tidak langsung menjadi agen peneguhan kepada tingkah laku baik remaja itu. Kaunselor sememangnya mencari peluang untuk membina aktiviti berbentuk jangka panjang seperti mentor mentee yang dapat mewujudkan hubungan yang lebih baik dengan klien (Ibrahim et al. 2014). Hal ini juga dapat memberikan persekitaran yang baik untuk remaja membuat keputusan selain membina perhubungan yang baik antara remaja dan kaunselor. Remaja di pusat pemulihan juga harus memberikan kerjasama yang baik dalam proses kaunseling bagi memastikan matlamat kaunseling tercapai. Kerjasama yang baik akan membina perhubungan yang positif dengan kaunselor. Hubungan ini dapat membantu dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Mukadi 2009).

RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya dapat kita lihat bahawa kajian ini telah dilaksanakan bagi mengenal pasti persepsi remaja berisiko di pusat pemulihan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang mereka lalui sepanjang berada di pusat pemulihan. Pandangan mereka terhadap sumber dan bahan yang digunakan, persekitaran yang wujud ketika proses kaunseling, keupayaan kaunselor untuk mengendalikan sesi dan cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan ini di pusat pemulihan diperolehi melalui soal selidik yang mengandungi item-item untuk mengukur persepsi mereka.

Subjek kajian ini telah dipilih secara persampelan rawak mudah yang melibatkan seramai 132 orang remaja berisiko dari pusat-pusat pemulihan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur, Malaysia. Berdasarkan pertimbangan yang dibuat,

maka, tiga buah pusat pemulihan telah dipilih sebagai lokasi untuk mengutip data bagi kajian ini. Tiga pusat pemulihan itu adalah Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Asrama Bahagia Kampung Pandan dan Asrama Sentosa Sentul. Ketiga-tiga pusat pemulihan ini adalah di bawah Kementerian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Reka bentuk yang digunapakai dalam kajian ini adalah menggunakan kajian tinjauan. Data daripada kajian ini dikumpulkan melalui pentadbiran soal selidik kepada remaja di pusat pemulihan kemudian dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif digunakan bagi menguji secara empirikal hipotesis yang dibina pengkaji. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences version 23.0 for Windows*. Data kuantitatif yang diperoleh diterjemahkan kepada statistik inferensi (Korelasi Pearson dan ANOVA) dan statistik deskriptif. Tujuan penggunaan statistik inferensi adalah bagi menguji hipotesis-hipotesis yang dibina dalam kajian ini manakala statistik deskriptif pula adalah bagi memperihalkan hasil kajian. Analisis data kuantitatif ini adalah bagi melihat persepsi remaja di pusat pemulihan dengan mengukur tahap pelaksanaan perkhidmatan ini persepsi mereka terhadap proses kaunseling serta kaunselor yang terlibat dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan.

Tahap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini dilihat melalui sumber dan bahan yang digunakan. Ternyata bahan-bahan dan sumber bagi menjayakan lagi perkhidmatan ini seperti risalah, buku panduan, buku bimbingan dan kaunseling, penggunaan bahan interaktif dalam kaunseling masih kurang. Namun begitu, elemen penting seperti jumlah kaunselor, bilik dan pejabat bimbingan dan kaunseling serta penggunaan fail klien adalah memuaskan. Secara keseluruhannya dapat kita lihat bahawa mereka mempunyai persepsi yang baik terhadap perkhidmatan ini. Bahkan, terdapat hubungan positif antara tahap pelaksanaan perkhidmatan ini dengan persepsi mereka terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa remaja berisiko di pusat pemulihan mempunyai persepsi yang baik terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Bahkan, perkhidmatan ini dilihat membantu mereka berhadapan dengan

permasalahan atau isu yang mereka lalui. Cadangan penambahbaikan dari sudut perspektif mereka boleh dipertimbangkan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam mencapai matlamatnya.

Saranan Penyelidikan

Kajian ini adalah dalam skop subjek kajian di kawasan Kuala Lumpur sahaja yang meliputi tiga buah pusat pemulihan. Oleh itu, bagi penyelidikan pada masa akan datang diharapkan kajian ini dapat diperkembangkan lagi bagi konteks seluruh Malaysia supaya generalisasi terhadap populasi secara keseluruhan dapat dilakukan. Reka bentuk bagi kajian kali ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang mana hasil dapatannya hanya memberikan gambaran umum tentang sesuatu populasi. Kajian berbentuk eksperimen yang melibatkan ujian pra dan ujian pos mungkin boleh dilakukan bagi penyelidikan akan datang supaya lebih banyak pembolehubah dapat dimanipulasi bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan. Bahkan, keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat dilihat dengan lebih baik melalui kaedah eksperimen.

RUJUKAN

- American Psychological Association. (2010). Ethical principles of psychologists and code of conduct. Retrieved from <http://www.apa.org/ethics/code/index.aspx> Google Scholar.
- Azyyati, M.N., Fariza. M.S. & Salasiah, H.H. (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyyat* 35(1) 2013: 111 – 119.
- Baker, S. B., & Gerler, E. R. (2001). Counseling in schools. *The Handbook of Counseling*, Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Caldwell, F.C. & Rybroek, G.V. (2013). Effective Treatment Programs for Violent Adolescents: Programmatic Challenges and Promising Features. *Aggression and Violent Behavior* 18 (2013) 571–578.
- Chan, G.H. & Lo, T.W. (2016). The Effect of Negative Experiences on Delinquent Behavior of Youth in a Social Withdrawal Situation. *Journal of Adolescence* 50 (2016) 69-80.
- Ching, S.W. (2014). The Need for Guidance and Counselling Training for Teachers. *Social and Behavioral Sciences* 113 (2014) 36 – 43.
- Collins, Garry R. (1980). Christian Counselling: A Comprehensive Guide. Dallas: Word Books Publisher.
- Cummings, A.L., Hallberg, E.T. & Slemon, A.G. (1994). Templates of Client Change in Short-Term Counseling. *Journal of Counseling Psychology*, 41, pp. 464-472.
- Hackney, H. (2000). Practice issues for the beginning counselor. Boston: Allyn and Bacon.
- Ivey, A. E., Ivey, M. B., & Zalaquett, C. P. (2010). *Intentional interviewing & counseling facilitating client development in a multicultural society* (7th ed.). Pacific Grove, CA: Brooks.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Asrama Akhlak” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Sekolah Tunas Bakti” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

- Jung, S. & Choi, E. (2017). Life Satisfaction and Delinquent Behaviors among Korean Adolescents. *Personality and Individual Differences* 104 (2017) 104–110.
- Kokotovic, A. M., & Tracey, T. J. (1990). Working Alliance in the Early Phase of Counseling. *Journal of Counseling Psychology*, 37, 16-21.
- Krumboltz, J.D. (1996). A learning theory of career counseling. In M. L. Savickas & W. Bruce Walsh (Eds.), *Handbook of career counseling theory and practice* (pp. 55-80). Palo Alto, CA: Davies-Black.
- Miano, G., Forrest, A. & Gumaer, J. (1997). A Collaborative Program to Assist At-Risk Youth. *Professional School Counseling*, 1(1), 16-20.
- Michael, J.B., Donald, R.A. & Carol, A.G. (1987). Effect of Client Gender and Counselor Gender and Sex Roles on Willingness to See the Counselor. *Journal of Counseling Psychology*, 34(1), 27-30.
- Mohammad, A. S. M. A. (2009). *Kemahiran bimbingan & kaunseling*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Mohammad Nasir, et al. (2015). Profil Tingkah Laku Remaja Berisiko Mengambil Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1).
- Momanyi, L.M. (2013). Perceptions of teachers and students towards guidance and counselling services in public secondary schools in Ongata Rongai and Ngong Zones of Kajiado North District, Kajiado County-Kenya. *The Catholic University of Eastern Africa*.
- Monica Moraru. (2014). The counseling educational role in the prevention of the school failure process. *Social and Behavioral Sciences*, 128, 332 – 336.
- Mukadi, E.B. (2009). Recruits' and officers' perception of the effectiveness of guidance and counselling programme in the paramilitary establishment: A Case Study of the National Youth Service Training College, Gilgil. *Egerton University*.
- Nerison, R. M., & Claiborn, C. D. (1990). Counselor attractiveness, similarity, and session impact: A Field Study. Paper presented at the Annual Convention of the American Psychological Association. Retrieved from <http://eric.ed.gov/?id=ED327797>PublicationType:ReportsResearch;Speeches/MeetingPapers

- Noor Hafizah. (2016). Program agama di pusat pemulihan akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari aspek pelaksanaan dan keberkesanan. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Olver, M.E. & Wong, S.C.P. (2013). Treatment programs for high risk sexual offenders: Program and offender characteristics, attrition, treatment change and recidivism. *Aggression and Violent Behavior*, 18, 579–591.
- Pressly, P.K., & Heesacker, M. (2001). The physical environment and counseling: A review of theory and research. *Journal of Counseling & Development*, 79, 148–160.
- Vemala, T. 2013. Perceived effectiveness of counselling services among students in the tertiary educational institutions in Melaka. University Science of Malaysia.
- Wiersma, W. 1995. Research methods in educational: An introduction. (6th edition) Boston, Allyn & Bacon.
- William, A.S. & William, J.L. (1995). Client attachment and perceptions of the working alliance with counselor trainees. *Journal of Counseling Psychology*, 42(2), 187-189.
- Zaidatol, A.L.P. (2008). Memahami pelajar berisiko. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Jenis Personaliti MBTI dan Trait Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat

Yee Siew Kuan^{*a}, Dharatun Nissa bt Fuad Mohd Karim^a, Jamaliah Hamdan^a, Noriah Mohd Ishak^b, Mohd Izwan Mahmud^a

^aFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

^bPusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

Abstrak

Setiap manusia berpotensi mengalami tekanan hidup termasuk juga dengan pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai ciri-ciri yang unik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis personaliti, dan tahap trait tekanan, kemurungan, dan kebimbangan pelajar pintar dan berbakat; dan mengukur perbezaan antara jantina dan jenis personaliti dengan tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi yang melibatkan seramai 116 orang pelajar di Pusat PERMATA pintar Negara, UKM. Instrumen yang digunakan untuk mengukur personaliti adalah Myers-Briggs Type Indicator (MBTI) dan Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS). Keputusan kajian mendapati, personaliti ISTJ adalah paling dominan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Manakala tahap tekanan dan kemurungan berada dalam lingkungan normal hingga parah, sementara kebimbangan berada pada tahap normal hingga sangat parah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara MBTI dan tekanan dan kemurungan tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara MBTI dan kebimbangan. Implikasi daripada kajian ini dapat membantu pelajar pintar dan berbakat memahami personaliti dirinya dan mencari strategi menangani dan mengatasi kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang dihadapi serta membantu pelajar pintar dan berbakat dalam mengalami perkembangan sosial, emosi dan psikologi yang seimbang. Cadangan untuk kajian akan datang agar lebih banyak kajian menggunakan MBTI terhadap kemurungan, kebimbangan dan tekanan terutama dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat, membantu kaunselor untuk mengenalpasti pelajar pintar dan berbakat yang berpotensi untuk menghadapi kemurungan, kebimbangan dan tekanan melalui ujian personaliti.

Kata kunci: Personaliti, Tekanan, Kebimbangan, Kemurungan, Pelajar Pintar dan Berbakat

PENGENALAN

Pelajar pintar dan berbakat mengalami tekanan hidup sama seperti rakan-rakan sebaya mereka. Walau bagaimanapun, kerana ciri-ciri unik yang dimiliki, mereka juga mengalami kemurungan, kebimbangan dan tekanan lain yang rapat dan mempunyai kaitan dengan pintar dan berbakat mereka seperti kemurungan, tekanan dan kebimbangan. Pelajar pintar dan berbakat menghadapi isu-isu psikologi yang unik (Morawska & Sanders 2009; Neihart et al. 2015) tetapi kepintaran seolah-olah menambahkan kerumitan kepada perkembangan individu. Kajian-kajian yang lepas memberi tumpuan kepada personaliti (Dimitrijević 2012) dan kemurungan, kebimbangan dan tekanan (Cross & Cross 2015; Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak 2014; Guldnard et al. 2012) tetapi tiada kajian yang memberi tumpuan kepada personaliti dan kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Hasil daripada kajian ini berguna untuk membantu kaunselor mengenalpasti pelajar yang berpotensi mengalami kemurungan, kebimbangan dan tekanan kerana terdapat beberapa kes membunuh diri di kalangan remaja yang berpunca daripada tekanan yang tinggi. Kaunselor juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk membantu remaja untuk mempunyai kecerdasan yang lebih tinggi emosi dan membuat keputusan dengan bijak. Selain itu, Kajian ini dapat menambah pengetahuan ilmiah mengenai hubungan antara pembolehubah personaliti dan kemurungan, kebimbangan dan tekanan dan juga menyediakan maklumat untuk meningkatkan intervensi yang boleh memupuk perubahan sosial.

OBJEKTIF

Umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat jenis personaliti dan kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Bagi memenuhi tujuan utama kajian, empat objektif kajian telah dibina untuk (i) mengenalpasti jenis personaliti pelajar pintar dan berbakat, (ii) mengenalpasti kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang dihadapi oleh pelajar pintar dan berbakat, (iii) melihat perbezaan antara jantina dengan tekanan, kebimbangan dan

kemurungan dan (iv) melihat perbezaan antara jenis personaliti dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan Reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi. Kajian deskriptif digunakan untuk mengukur jenis personaliti dan tahap DASS. Sementara itu, kajian inferensi dijalankan untuk mengukur perbezaan antara jenis personaliti dan DASS. Kajian ini dijalankan di Pusat PERMATApintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia kerana ia merupakan salah satu pusat pintar dan berbakat di Malaysia di mana pelajar pintar dan berbakat di seluruh.

Malaysia berkumpul di sini. Seramai 116 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 4 dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan dua soal selidik iaitu *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) dan *Depression, Anxiety and Stress Scale* (DASS).

MBTI yang terdiri daripada 32 item merupakan soal selidik introspektif laporan sendiri yang direka untuk menguji sikap, kebolehan kognitif, dan tingkah laku. Teori Jung jenis psikologi (Briggs & Myers 1976) mencadangkan bahawa setiap orang mempunyai empat pilihan asas: (1) persepsi (*sensing* dan *intuition*); (2) penghakiman (*thinking* dan *feeling*); (3) sikap (*extroversion* dan *introvert*); dan (4) orientasi (*judging* dan *perceiving*). Keempat-empat keutamaan ini menghasilkan enam belas kombinasi yang mungkin dipanggil "jenis" yang boleh digunakan untuk mengelaskan individu (Dawes 2004).

Depression Anxiety Stress Scale-21 (DASS-21) merupakan laporan sendiri skala 21-item mengukur ciri-ciri dan tanda-tanda kemurungan, kebimbangan dan tekanan (Lovibond & Lovibond 1995). DASS 21 item adalah versi yang diubah suai dan lebih pendek daripada versi asal DASS-42. DASS-21 dilaporkan mempunyai ciri-ciri psikometrik yang telah dipertingkatkan daripada DASS-42 (Antony et al. 1998). Terdapat 21 item dengan 7 item bagi setiap keadaan emosi. Item dalam skala kemurungan memberi tumpuan kepada mood yang rendah dan harga diri yang rendah.

Item skala kebimbangan pula memberi tumpuan kepada respons takut dan rangsangan psikologi, manakala subskala tekanan adalah pada rangsangan berterusan dan ketegangan (Shea et al. 2009).

Data yang diperolehi melalui pendedaran soal selidik di analisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (IBM SPSS). Statistik deskriptif digunakan untuk mengkaji purata, sisihan piawai dan khi kuasa dua bagi setiap jenis personaliti dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Ujian t tidak bersandar digunakan untuk melihat perbezaan jantina dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan manakala ujian ANOVA pula digunakan untuk melihat perbezaan personaliti dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang dihadapi oleh pelajar pintar dan berbakat.

DAPATAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif melihat kepada jenis personaliti MBTI pelajar pintar dan berbakat seperti dalam Jadual 1. Statistik deskriptif menunjukkan 16 jenis personaliti dalam MBTI dikaji dalam kajian ini terdapat dalam kalangan pelajar pintar berbakat. Personaliti yang paling dominan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat adalah ISTJ diikuti INFJ, INTJ dan ENFP. Selain itu, kebanyakan pelajar adalah mempunyai ciri personaliti introvert berbanding ekstrovert.

Jadual 1: Statistik Deskriptif MBTI

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
ISTJ	15	12.9	12.9	12.9
ISFJ	3	2.6	2.6	15.5
ISTP	6	5.2	5.2	20.7
ISFP	7	6.0	6.0	26.7
INTJ	10	8.6	8.6	35.3
INFJ	13	11.2	11.2	46.6
INTP	7	6.0	6.0	52.6
INFP	5	4.3	4.3	56.9
ESTJ	4	3.4	3.4	60.3

ESFJ	4	3.4	3.4	63.8
ESTP	8	6.9	6.9	70.7
ESFP	3	2.6	2.6	73.3
ENTJ	7	6.0	6.0	79.3
ENFJ	9	7.8	7.8	87.1
ENTP	5	4.3	4.3	91.4
ENFP	10	8.6	8.6	100.0
Jumlah	116	100.0	100.0	

Jadual 2 menunjukkan dapatan bagi tahap tekanan kebimbangan dan kemurungan. Keputusan mendapati tekanan dan kemurungan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat berada dalam lingkungan tahap normal sehingga parah manakala kebimbangan pula berada dalam lingkungan tahap normal sehingga sangat parah. Nilai skor min bagi tekanan ($M= 12.59$, $S.P. = 4.68$) adalah paling tinggi diikuti kebimbangan ($M= 11.54$, $S.P.=4.65$) dan kemurungan ($M= 10.20$, $S.P.= 5.00$).

Jadual 2: Statistik Deskriptif bagi Tekanan, Kebimbangan dan Kemurungan

	Tekanan	Kebimbangan	Kemurungan
Min	12.59	11.54	10.20
Sisihan Piawai	4.68	4.65	5.00
Minimum	2.00	2.00	1.00
Maksimum	26.00	27.00	26.00

$N = 116$

Jadual 3 adalah keputusan ujian t-sampel bebas telah dijalankan untuk membandingkan skor tekanan antara jantina responden. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tekanan [$t(114) = 1.23$, $p > 0.05$], kebimbangan [$t(106.69) = -1.63$, $p > 0.05$] dan kemurungan [$t(114) = -0.87$, $p > 0.05$] di antara lelaki dan perempuan. Oleh itu, hipotesis nol adalah diterima.

Jadual 3: Ujian t-sampel bebas antara Tekanan, Kebimbangan dan Kemurungan dengan Jantina

	<i>t</i>	dk	Sig. (2-tailed)	MD	SED
Tekanan	1.23	114	.22	-1.07	.87
Kebimbangan	-1.63	106.69	.11	-1.40	.86
Kemurungan	-.87	114	.38	-.81	.93

Sementara itu, Jadual 4 adalah keputusan ujian ANOVA sehalu yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti MBTI dengan tekanan [$F(15,100) = .79, p > 0.05$] dan kebimbangan ($F(15,100) = .60, p > 0.05$) tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti MBTI dengan kemurungan [$F(15,100) = 3.00, p < 0.05$]. Oleh itu, kajian ini mendapati pelajar pintar dan berbakat mempunyai perbezaan yang tidak signifikan antara personaliti dengan tekanan dan kebimbangan tetapi terdapat perbezaan bagi personaliti dan kemurungan.

Jadual 4: ANOVA untuk MBTI dan Tekanan, Kemurungan dan Kebimbangan

		Jumlah kuasa dua	dk	$\bar{x} \bar{x}_2$	<i>F</i>	Sig.
Tekanan	Antara Kumpulan	267.57	15	17.84	.79	.68
	Dalam Kumpulan	2252.57	100	22.53		
	Jumlah	2520.14	115			
Kebimbangan	Antara Kumpulan	206.225	15	13.75	.60	.87
	Dalam Kumpulan	2276.56	100	22.77		
	Jumlah	2482.78	115			
Kemurungan	Antara Kumpulan	617.43	15	41.16	1.83	.04
	Dalam Kumpulan	2245.01	100	22.45		
	Jumlah	2862.44	115			

PERBINCANGAN

Kajian ini telah menemui beberapa bukti kukuh untuk menjelaskan: (a) jenis personaliti MBTI, (b) tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan, (c) perbezaan antara jantina dengan tekanan, kebimbangan dan kemurungan, dan (d) perbezaan antara jenis personaliti dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan di kalangan pelajar pintar dan berbakat.

16 jenis personaliti dalam MBTI dikaji dalam kajian ini terdapat dalam kalangan pelajar pintar berbakat. Personaliti yang paling dominan di kalangan pelajar pintar dan berbakat adalah ISTJ diikuti INFJ, INTJ dan ENFP. Di sini juga dapat dilihat kebanyakan pelajar adalah bersifat introvert berbanding ekstrovert. Pelajar pintar dan berbakat merupakan golongan heterogeneous yang lebih tinggi tahap kecerdasannya berbanding dengan kanak-kanak lain. Mereka lebih terdedah kepada masalah penyesuaian diri pada keadaan tertentu berbanding dengan kanak-kanak lain (Bee 1999). Sikap pelajar pintar dan berbakat untuk mengharapkan sesuatu hasil kerja yang sempurna akan merasa kecewa ketika berada dalam sebuah organisasi di mana budaya anggota-anggota organisasi tersebut bercanggah dengan sikap dan ekspetasi mereka. Justeru, pelajar pintar dan berbakat mungkin berada dalam dilema seperti menafikan kecerdasan diri, elak dari bergaul dengan orang lain atau meninggalkan keperluan sosialnya (Chan 2003). Keadaan ini membawa kepada masalah sosial dan masalah pendidikan yang boleh mempengaruhi personaliti dan pencapaian mereka. Maka, tidak dapat dinafikan semakin tinggi tahap kecerdasan seseorang, semakin tinggi keperluan kaunseling yang mereka perlukan (Davis & Rimm 1998).

Penemuan dapatan juga menunjukkan pelajar pintar dan berbakat menghadapi kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Ini adalah disebabkan oleh jangkaan yang tidak realistik daripada ibu bapa dan guru-guru. Ibu bapa mempunyai harapan yang tinggi kepada anak-anak mereka apabila kanak-kanak itu dikenalpasti sebagai pintar dan berbakat oleh Chan (2003) dan Kaufman (1992) kerana pelabelan berbakat oleh Yewchuck & Jobagy (1991), Coleman & Cross (1988), Delisle (1985), Galbraith (1985) dan Nur Hana et al. (2013). Ibu bapa cenderung untuk memberi tekanan kepada anak mereka untuk mencapai jangkaan yang tidak realistik yang mereka buat. Keadaan ini membawa kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam isu-isu psikologi seperti kemurungan, tekanan dan kebimbangan. Tambahan pula, guru juga mempunyai jangkaan yang menggalakkan ke arah pelajar pintar dan berbakat (Chan 2003; Kaufman 1992) kerana mereka boleh berfikir di luar kotak berbanding rakan-rakan mereka. Oleh itu, guru-guru kurang memberikan perhatian kepada pelajar pintar dan berbakat berbanding dengan rakan-rakan mereka yang lain. Hal ini secara tidak

langsung memberi tekanan kepada pelajar pintar dan berbakat. Sikap pelajar pintar dan berbakat yang tidak suka berkongsi pandangan dan masalah mereka dengan rakan-rakan turut menyumbang kepada kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Mereka lebih suka memendam perasaan mereka sehingga akhirnya membawa kepada kemurungan.

Selain itu, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Khadijah et al. (2013) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kemurungan dan kebimbangan tetapi ia adalah bercanggah bagi tekanan kerana Khadijah et al. (2013) dan Bayram dan Bilgel (2008) mendapati wanita mempunyai tekanan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Tiada perbezaan antara kedua-dua jantina ini disebabkan tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang dihadapi adalah sama banyak dan pelajar pintar dan berbakat mempunyai keupayaan yang tinggi dalam menyesuaikan diri dengan situasi baru (Gardner, 1999; Renzulli & Reis, 1997; Clark, 1997; Gargiulo, 2006; Sousa, 2003). Hal ini menyebabkan jantina tidak lagi memainkan peranan yang penting. Di samping itu, pemikiran pelajar pintar dan berbakat yang lebih tinggi daripada rakan sebaya mereka menjadikan mereka lebih selesa untuk bergaul dengan orang yang lebih tua daripada mereka kerana mempunyai tahap pemikiran yang sama.

Kajian ini turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara MBTI dengan tekanan dan kebimbangan tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara MBTI dan kemurungan. Pelajar pintar dan berbakat yang sering menghadapi tekanan dan kebimbangan terhadap diri mereka terutama dalam pencapaian akademik menjadi salah satu faktor kepada tiadanya beza antara personaliti terhadap tekanan dan kebimbangan. Akan tetapi, dalam situasi-situasi yang tertentu, pelajar pintar dan berbakat terdedah kepada diatesis kemurungan yang menjadikan terdapatnya perbezaan personaliti terhadap kemurungan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat sama ada terdapat perbezaan antara personaliti terhadap tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Memandangkan pelajar pintar dan berbakat memerlukan persekitaran pembelajaran yang berbeza bagi mengoptimumkan kebolehan mereka, diharapkan kajian ini dapat memberi penambahan maklumat tentang pelajar pintar dan berbakat daripada aspek personaliti dengan tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan personaliti menggunakan MBTI dengan tekanan, kebimbangan dan kemurungan dijalankan ke atas pelajar pintar dan berbakat terutama menggunakan kaedah kualitatif untuk memahami pelajar-pelajar ini dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

- Altaras-Dimitrijevic, A. (2012). A faceted eye on intellectual giftedness: Examining the personality of gifted students using FFM domains and facets. *Psihologija*, 45(3), 231-256.
- Antony, M., Bieling, P. J., Cox, B. J., Enns, M. W. & Swinson, R. P. (1998). Psychometric properties of the 42-item and 21-item versions of the Depression Anxiety Stress Scales in clinical groups and community a sample. *Psychological Assessment*, 10, 176-181.
- Bayram, N., & Bilgel, N. (2008). The prevalence and socio-demographic correlations of depression, anxiety and stress among a group of university students. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 43, 667-672.
- Bee, H. (1999). *The growing child: An applied approach* (2nd ed.). New York, NY: Longman.
- Briggs, K. C. & Myers, I. B. (1976). *Myers-Briggs Type Indicator: Form F*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Chan, D.W. (2003). Assessing adjustment problems of gifted students in Hong Kong: The Development of the Student Adjustment Problem Inventory. *Gifted Child Quarterly*, 47(2), 1007-118.
- Clark, B. (1997). *Growing up gifted* (5th ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Coleman, L. J., & Cross, T. L. (1988). Is being gifted a social handicap? *Journal for the Education of the Gifted*, 11(4), 41-56
- Cross, J.R. & Cross, T. L. (2015). Clinical and mental health issues in counseling the gifted individual. *Journal of Counseling & Development*, 93, 163-172.
- Davis, G.A., & Rimm, S. B. (1998). *Education of the gifted and talented*. Boston: Allyn and Bacon.
- Dawes, R. (2004). Time for a critical empirical investigation of the MBTI. *EBF*, 18, 88- 89.
- Delisle, J. (1985). The eight great gripes of gifted kids: Responding to special needs, *Roeper Review*, 8(11), 15-17.
- Galbraith, J. J. (1985). *Teaching the Gifted Child*. Newton, MA: Allyn and Bacon.
- Gardner, H. (1999). *The Disciplined Mind: What all Students Should Understand*. New York: Simon and Schuster.

- Gargiulo, R.M. (2006). *Special Education in contemporary Society: An Introduction to Exceptionality*. 2nd Edition. Thompson Wadsworth: USA.
- Guignard, J. H., Jacquet, A. Y. & Lubart, T. I. (2012). Perfectionism and Anxiety: A Paradox in Intellectual Giftedness? *PLoS ONE*, 7(7)
- Kaufman, A. S. (1992). Test reviews: Evaluation of the WISC-III and WPSI-R for gifted children. *Roeper Review*, 14(3), 154-158.
- Lovibond, P. F. & Lovibond, S. H. (1995). The structure of negative emotional states: Comparison of the Depression Anxiety Stress Scales (DASS) with the Beck Depression and Anxiety Inventories. *Behaviour Research and Therapy*, 33, 335-343.
- Lovibond, S. H. & Lovibond, P. F. (1995). *Manual for the Depression Anxiety Stress Scales*. (2nd. Ed.) Sydney: Psychology Foundation.
- Morawska, A. & Sanders, M. R. (2009). Parenting gifted and talented children: Conceptual and empirical foundations. *Gifted Child Quarterly*, 53, 163-173.
- Neihart, M., Pfeiffer, S., & Cross, T. (2015). *The social and emotional development of gifted children: What do we know?* Sourcebooks, Inc.
- Noriah Mohd Ishak & Abu Yazid Abu Bakar. (2014). Counseling Services for Malaysian Gifted Students: An Initial Study. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 36(4), 372-383.
- Nur Hana Haris Lim, Yee, S. K., & Noriah Mohd Ishak. (2013). Psychological Issues and Wellbeings of Gifted and Talented Learners. *Proceedings of International Symposium on Education, Psychology and Social Sciences*, hlm. 40-48.
- Renzulli, J.S. & Reis, M.S. (1997). *The Schoolwide Enrichment Model – Second Edition: Creative Learning Press, Mansfield*, 5-14.
- Shamsuddin, K., Fadzil, F., Wan Ismail, W.S., Azhar Shah, S., Omar, K., Muhammad, N.A., et al. (2013). Correlates of [Depression](#), [Anxiety](#) and [Stress](#) among Malaysian University Students. *Asian Journal of Psychiatry*, 6, 318-323.
- Shea, T. L., Tennant, A., & Pallant, J. F. (2009). Rasch model analysis of the Depression, Anxiety and Stress Scales (DASS). *BMC Psychiatry*, 9(1).
- Sousa, D.A. (2003). *How the gifted brain learns*. Corwin Press Inc. USA.
- Yewchuck, C., & Jobagy, S. (1991). Gifted adolescents at risk for suicide. *European Journal for High Ability*, 2, 73-85.

Pengaruh Faktor Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Kaunselor Sekolah

Jafny Hj. Jaapar ¹ dan Rohani Hj. Idris ²

¹ Guru Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield, Subang Jaya, Selangor

² Guru Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 12, Subang Jaya, Selangor

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor personaliti kaunselor sekolah dan sama ada wujud pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja kaunselor. Di samping itu, kajian juga dijalankan untuk menentukan tahap kepuasan kerja kaunselor. Seramai 310 orang kaunselor sekolah dari 10 daerah sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif. Data dikumpul menerusi soal selidik yang diterjemahkan daripada The Big Five Inventory (BFI), dan Job Descriptive Index (JDI). Nilai kebolehpercayaan bagi instrumen JDI ialah .91 dan .84. Manakala darjah kebolehpercayaan instrumen BFI ialah antara .73 hingga .80. Para kaunselor sekolah menengah menyatakan bahawa secara keseluruhannya tahap kepuasan kerja menunjukkan seramai 142 orang kaunselor (45.8%) berada pada tahap tinggi, 143 orang (46.1%) berada pada tahap sederhana dan seramai 25 orang (8.1%) berada pada tahap rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan dari segi hubungan faktor personaliti dengan kepuasan kerja, dapatan kajian menunjukkan dua daripada lima faktor personaliti (iaitu Agreeableness dan Neuroticism) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan kerja. Semua hubungan ini adalah positif kecuali hubungan antara faktor Agreeableness dan Neuroticism dengan kepuasan kerja. Hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa terdapat pengaruh yang signifikan di antara faktor personaliti terhadap kepuasan kerja kaunselor. Implikasi kajian turut dicadangkan dalam artikel ini.

Kata kunci: faktor personaliti; kepuasan kerja; kaunselor sekolah; openness to experience; conscientiousness; extraversion; agreeableness; neuroticism

PENDAHULUAN

Di dalam era pasca modenisme yang sentiasa berubah, setiap individu dan masyarakat akan terikut secara langsung atau tidak langsung dengan pengaruh sosialisasi dan pembudayaan acuan baru. Begitu juga personaliti seorang kaunselor dengan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah telah mula berkembang pesat di Malaysia. Bagi memastikan pembangunan negara seimbang dari aspek pembangunan modal insan maka kecekapan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling perlu dijana dengan kepuasan kerja kaunselornya. Ini merupakan alternatif penting bagi memastikan matlamat negara tercapai.

Kajian tentang kepuasan kerja dalam kalangan kaunselor sekolah dan guru-guru telah menarik perhatian para penyelidik dari pelbagai negara. Penurunan tahap kepuasan kerja para guru boleh mengakibatkan kemerosotan mutu kerja dan peningkatan kecelaruan psikologi dan stres kerja dalam kalangan guru (Troman & Wook, 2000). Aspek-aspek ini boleh mempengaruhi semangat, motivasi dan kesanggupan guru-guru untuk memaksimumkan potensi pengajaran mereka (Schulz & Teddlie, 1989). Pada masa yang sama, isu stres dalam kalangan kaunselor sekolah telah menjadi isu yang besar dan hangat dalam masyarakat (Kyriacou, 1987). Kesan negatif akibat daripada stres bukan lagi merupakan masalah peribadi yang harus ditanggung oleh pekerja itu sahaja, tetapi stres juga merupakan satu masalah kepada majikan, organisasi ataupun kerajaan serta menjejaskan kesihatan mental dan fizikal golongan ini (Chua, 2004). Dari segi hubungan, dan kepuasan kerja mempunyai hubungan timbal-balik. Dalam kerjaya perguruan, guru-guru telah melaporkan tahap stres kerja yang tinggi mengakibatkan tahap kepuasan kerja yang rendah (Galloway, *et al.*, 1984; Kyriacou dan Sutcliffe, 1979).

Tahap profesionalisme dan integriti guru hanya dapat dipertingkatkan lagi jika mereka dapat memaksimumkan kepuasan kerja dan meminimumkan stres kerja dalam bidang kerjaya mereka. Terdapat kajian-kajian lepas yang menunjukkan kepuasan kerja dan stres berkait rapat dengan personaliti seseorang. Sebagai contoh, dalam satu

kajian jangka panjang, Staw, Bell & Clausen (1986) mendapati personaliti seseorang individu di peringkat kanak-kanak mempengaruhi kepuasan kerja mereka dalam alam pekerjaan semasa peringkat dewasa. Dapatan tersebut telah membangkitkan minat para penyelidik untuk meneruskan kajian dalam hal ini (Judge, *et al.*, 2002). Pelbagai model dan teori telah dibentuk untuk mengkaji hubungan antara personaliti dengan kepuasan kerja (Brief, 1998 & Motowidlo, 1996). Holland (1973) turut mencadangkan bahawa pemadanan personaliti dengan persekitaran kerja akan membawa peningkatan kepuasan dalam kerjaya yang telah dipilih oleh individu berkenaan.

Selain itu, hasil penyelidikan telah menunjukkan personaliti bukan sahaja boleh meramalkan kepuasan kerja (Brief & Atieh, 1987; Jackson & Schuler, 1985), tetapi juga stres kerja (Mikkelsen & Gundersen, 2003; Motowidlo, *et al.*, 1986). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dapat dilihat menerusi pelbagai model yang meletakkan personaliti sebagai peramal atau penentu utama bagi kepuasan kerja. Model-model tersebut menjelaskan bahawa interaksi antara pelbagai tret personaliti dengan jenis pekerjaan boleh mewujudkan stres kerja (Furnham, 1992). Menurut Matthews, *et al.* (2003), tret personaliti mempunyai unsur genetik yang menyebabkan perbezaan individu dalam menghadapi reaksi psikologikal. Contohnya, individu yang mempunyai ciri neurotik akan bertendensi hidup dalam kesalahan mereka, mudah kecewa dan berkecenderung mengalami tekanan kerja serta kurang berkebolehan untuk menanganinya.

Pelbagai definisi telah diberi kepada istilah personaliti, dan salah satu daripada takrifan yang diberi melihat personaliti sebagai tret-tret (fikiran, perasaan dan tingkah laku) yang tekal yang membezakan individu dari individu yang lain. Terdapat beberapa teori yang telah cuba menjelaskan tret-tret utama manusia, seperti teori tret Carl Jung dan Hans Eysenck. Pengkaji-pengkaji kontemporari telah mencadangkan satu teori trait yang baru menerusi dapatan dari kaedah analisis faktor, dan teori ini dikenali sebagai teori lima faktor atau '*big five*' (Costa & McCrae, 1996). Terdapat lima tret utama dalam teori ini yang dikenal dengan akronim OCEAN, iaitu

keterbukaan fikiran (*Openness to experience*), kesedaran (*Conscientiousness*), sifat sosial (*Extraversion*), berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan (*Agreeableness*), dan gangguan emosi (*Neuroticism*).

Kajian-kajian dari luar negara banyak dijalankan untuk meninjau sejauh mana tret-tret personaliti mempunyai hubungan dengan kepuasan kerja (contoh: Boudreau, *et al.*, 2001; Judge, Heller & Mount, 2002) dan stres kerja (contoh: Ahart, 2003; Cook, 2005). Kebanyakan kajian tempatan pula menumpukan hubungan antara kepuasan kerja dan stres kerja dengan persekitaran pekerjaan itu sahaja (contoh: Maheran, 2005; Mohd Kamal, 2005; Faseha, 2005; Lim, 2005; Abdul Rahim, 2002). Kajian ini telah dilakukan untuk mengkaji hubungan faktor personaliti dengan kepuasan kerja dalam kalangan kaunselor sekolah menengah negeri Selangor.

Objektif Kajian :

Secara khususnya, kajian ini dapat:

1. Mengetahui tahap faktor personaliti dalam kalangan kaunselor sekolah.
2. Mengetahui tahap kepuasan kerja dalam kalangan kaunselor sekolah.
3. Mengetahui hubungan antara faktor personaliti *openness to experience*; *conscientiousness*; *extraversion*; *agreeableness*; dan *neuroticism* dengan kepuasan kerja dalam kalangan kaunselor sekolah.
4. Mengetahui pengaruh antara faktor personaliti dengan kepuasan kerja dalam kalangan kaunselor sekolah.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian adalah seperti satu peta yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu penyelidikan itu akan dijalankan. Ia adalah satu rangka rujuk mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengukuran dan analisis data, (Sabitha Marican, 2005). Kajian ini berbentuk kajian korelasi yang menggunakan pendekatan kuantitatif untuk melihat pengaruh faktor personaliti,

tekanan kerja, dan kecerdasan emosi kaunselor sekolah menengah terhadap kepuasan kerja. Menurut Mohd Majid Konting (2005), selain perkaitan variasi antara pemboleh ubah boleh ditentukan dengan menggunakan pekali korelasi, kajian korelasi juga berfaedah bagi pembentukan hipotesis penyelidikan. Kajian korelasi adalah kajian yang melihat hubungan atau pengaruh antara satu faktor dengan faktor yang lain dengan menggunakan ujian statistik korelasi.

Secara amnya kaunselor yang bertugas di sekolah-sekolah menengah di Selangor sehingga bulan April 2010 ialah seramai 1662 orang. Justeru, bagi mendapatkan saiz sampel yang munasabah bagi kajian ini, ianya berkait rapat dengan kuasa statistik. Ini kerana menurut Othman (2001), kuasa statistik memberi petunjuk kepada penyelidik sejauh manakah kajiannya boleh diteruskan secara ekonomikal dengan memperoleh dapatan yang serupa sekiranya kajian yang sama diulangi pada masa hadapan oleh penyelidik yang lain. Oleh itu, Cohen (1992, dlm. Othman, 2001) telah mencadangkan $.8$ atau $1 - \beta = .8$ sebagai tahap kuasa yang munasabah. Bagi ujian regresi, tahap kuasa berpandukan 1) kriteria signifikan α ; 2) nisbah antara bilangan n yang bersesuaian dengan bilangan pemboleh ubah tidak bersandar $nl k$. Cohen (1992, dlm. Othman, 2001) juga turut mencadangkan bagi tahap $\alpha .05$ dan mendapatkan kuasa pada tahap $.8$, nisbah $nl k$ yang bersesuaian adalah 1:20. Oleh yang demikian, bagi setiap satu pemboleh ubah tidak bersandar, kajian akan memerlukan sebanyak 20 subjek.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970) jumlah sampel yang sesuai untuk di pilih ialah 310 orang kaunselor yang bertugas di sekolah-sekolah menengah di Selangor. Kaedah persempelan yang digunakan dalam kajian ini ialah “persempelan rawak mudah”. Jumlah 310 orang sampel ini diperolehi daripada jumlah nisbah kaunselor yang terdapat dalam setiap 10 daerah di negeri Selangor yang terdiri dari Daerah Klang, Daerah Kuala Langat, Daerah Kuala Selangor, Daerah Hulu Langat, Daerah Hulu Selangor, Daerah Sabak

Bernam, Daerah Gombak, Daerah Sepang, Daerah Petaling Perdana dan Daerah Petaling Utama.

Dalam kajian ini faktor personaliti kaunselor sekolah menengah merupakan pembolehubah bebas manakala kepuasan kerja merupakan pembolehubah bersandar kajian. Instrumen yang digunakan untuk mengukur personaliti ialah ‘*The Big Five Inventory*’ (BFI) yang diperkenalkan oleh John, Donahue & Kentle (1991) dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Fatanah (1997) secara timbal balik (*back translation*) seperti yang disarankan oleh Brislin (1973). Soal selidik ini mengandungi 44 item yang mengukur 5 dimensi personaliti yang dikenali dengan akronim OCEAN, iaitu keterbukaan fikiran (*Openness to experience*), kesedaran (*Conscientiousness*), sifat sosial (*Extraversion*), berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan (*Agreeableness*), dan gangguan emosi (*Neuroticism*). Alat kajian BFI ini dipilih adalah untuk mengenal pasti tret-tret personaliti yang wujud dalam diri individu yang bekerja dan dalam kajian ini ialah kaunselor sekolah. Bahagian B pula mengandungi soal selidik *Job Descriptive Index* (JDI). Soal selidik JDI telah dibentuk oleh Cornell (1950) yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Ariffin (1981) secara timbal balik (*back translation*) seperti yang disarankan oleh Brislin (1973). Soal selidik dalam JDI mengandungi lima aspek utama kepuasan kerja yang diukur dengan 72 item. Item-item yang diukur oleh JDI ialah gaji, suasana kerja, kenaikan pangkat, teman sekerja dan penyeliaan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data kajian telah dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian dengan menggunakan perisian komputer SPSS. Skor min digunakan untuk menentukan tahap faktor personaliti serta kepuasan kerja. Nilai ini kemudiannya dibandingkan dengan jadual aras bagi memudahkan interpretasi dapatan. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan faktor personaliti dengan kepuasan kerja. Untuk meninjau sejauh mana faktor personaliti dalam mempengaruhi kepuasan kerja kaunselor pula, ujian regresi pelbagai digunakan.

Bagi tujuan melihat hubungan antara pembolehubah – pembolehubah yang tertentu dalam kajian ini, beberapa hipotesis dibentuk. Untuk mengetahui sama ada hipotesis tersebut diterima atau ditolak, kaedah analisis korelasi Pearson digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Paras signifikan yang digunakan ialah $\alpha = .05$. Walau bagaimanapun, tahap kekuatan hubungan antara pembolehubah akan ditafsir menggunakan interpretasi korelasi (Cohen, 1988) iaitu :

<i>R</i>	Kekuatan
.10 - .29	Lemah
.30 - .49	Sederhana
.50 - 1.00	Kuat

a) Taburan Tahap Faktor Personaliti

Jadual 1 Taburan Tahap Faktor Personaliti

Pembolehubah	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
<i>Openness to experience</i>				
Sederhana	253	81.6	3.36	.36
Tinggi	57	18.4		
<i>Conscientiousness</i>				
Sederhana	101	32.6	3.89	.44
Tinggi	209	67.4		
<i>Extraversion</i>				
Sederhana	254	81.9	3.45	.35
Tinggi	56	18.1		
<i>Agreeableness</i>				
Sederhana	66	21.3	4.09	.45
Tinggi	244	78.7		
<i>Neuroticism</i>				
Rendah	118	38.1	2.48	.40
Sederhana	192	61.9		

Jadual 1, menunjukkan seramai 254 orang kaunselor (81.9%) berada pada tahap sederhana dan 56 orang (18.1%) memiliki tahap faktor *Extraversion* yang tinggi. Min yang didapati daripada frekuensi *Extraversion* ialah 3.45. Sementara sisihan piawai yang didapati daripada taburan data untuk sub konstruk ini adalah .35. Faktor *Agreeableness* yang sederhana pula terdiri daripada 66 orang kaunselor (21.3%) dan seramai 244 orang (78.7%) memiliki tahap *Agreeableness* yang tinggi. Sisihan piawai faktor *Agreeableness* adalah .45 dan min pada 4.09. Faktor *Conscientiousness* pula menunjukkan seramai 209 orang kaunselor (67.4%) berada pada tahap tinggi dan seramai 101 orang (32.6%) memiliki tahap sederhana. Min untuk faktor *Conscientiousness* ialah 3.89 dan sisihan piawainya adalah .44. Selain itu, faktor *Neuroticism* menunjukkan seramai 192 orang kaunselor (61.9%) berada pada tahap sederhana dan seramai 118 orang (38.1%) berada pada tahap rendah. Sisihan pawai faktor *Neuroticism* ialah .40 dan min daripada frekuensi *Neuroticism* ialah 2.48. Faktor *Openness to experience* pula menunjukkan seramai 253 orang kaunselor (81.6%) berada pada tahap sederhana dan seramai 57 orang (18.4%) berada pada tahap tinggi. Min yang didapati daripada frekuensi *Openness to experience* ialah 3.36. Sementara sisihan piawai yang didapati daripada taburan data untuk sub konstruk ini adalah .36.

Hasil kajian ini juga menunjukkan min skor *Agreeableness* dan *Conscientiousness* berada pada tahap tinggi, manakala dimensi *Extraversion*, *Openness to experience* dan *Neuroticism* pula berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menjelaskan bahawa kaunselor sekolah tidak suka mencari kesalahan orang lain, tidak memulakan pertengkaran dengan orang lain, bertimbang rasa dan baik hati, suka bekerjasama, memiliki naluri memaafkan orang lain secara semula jadi, bersopan santun, suka membantu dan tidak mementingkan diri sendiri. Ciri-ciri seumpama ini selaras dengan dapatan kajian Perlman & McCann (1998) tentang *Student Pet Peeves about Teaching*, iaitu seseorang guru yang mempunyai dimensi *Agreeableness* tinggi akan sentiasa mempunyai hubungan antara guru dan pelajar yang mesra, mengingati nama pelajar dan memanggilnya apabila ada peluang, bersifat liberal dan fleksibel semasa pengajaran dan pembelajaran.

Hasil dapatan juga menunjukkan kaunselor sekolah mempunyai dimensi *Conscientiousness* yang tinggi. Para responden menyatakan bahawa mereka merupakan pekerja yang boleh dipercayai, bersungguh-sungguh sehingga tugas diselesaikan, buat kerja dengan teliti, tidak malas, membuat perancangan dan melaksanakannya, membuat kerja dengan cekap, teratur, tidak mudah terganggu atau hilang tumpuan. Sesungguhnya, seseorang guru yang mempunyai dimensi *Conscientiousness* yang tinggi akan sentiasa membuat persediaan mengajar yang rapi, rancangan pengajaran yang pelbagai dan bersistematik dalam persediaan bahan peperiksaan (Perlman & McCann, 1998). Bagi dimensi *Extraversion*, sifat-sifat responden seperti bersemangat tinggi, bertenaga, suka bergaul dan bersosial, dan personaliti yang tegas masih berada pada tahap sederhana. Perlman & McCann (1988) menyatakan bahawa guru yang mempunyai skor yang tinggi dalam dimensi ini adalah berinisiatif untuk mempertingkatkan komunikasi dan berkeupayaan menjalankan pengajarannya dengan menarik, aktif serta merangsangkan.

Responden kajian ini juga memiliki dimensi *Openness to experience* yang hanya berada pada tahap sederhana. Dalam erti kata lain, mereka kurang berinisiatif untuk mencari pengalaman, kurang bersifat ingin tahu tentang perkara yang berlainan dan tidak berfikiran luas. Bagi tret *Neuroticism*, walaupun nilai skor minnya = 2.48 iaitu berada dalam lingkungan tahap sederhana, sebenarnya nilai ini lebih menghampiri lingkungan tahap rendah.

Kebanyakan responden kajian menyatakan sifat-sifat seperti mudah rasa gementar, tertekan, dan kerap risau. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama mereka juga merupakan guru yang bersifat tenang, menangani tekanan dengan baik, emosi yang stabil, tidak mudah berasa kecil hati dan tenang dalam keadaan yang tegang.

b) Hubungan Faktor Personaliti Dengan Kepuasan Kerja

Jadual 2 Hubungan Faktor Personaliti Dengan Kepuasan Kerja

Faktor Personaliti	r	p
Openness to experience	.04	.43
Conscientiousness	.09	.12
Extraversion	-.04	.48
Agreeableness	.23**	.00
Neuroticism	-.18**	.001

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

Jadual 2 menunjukkan hubungan kolerasi antara faktor personaliti dengan kepuasan kerja. Faktor *Agreeableness* mempunyai hubungan positif yang lemah dengan kepuasan kerja. Faktor ini berkaitan dengan kepercayaan, sifat menolong dan prososial individu. Faktor *Agreeableness* yang tinggi akan meningkatkan kepuasan kerja dan ini menyokong dapatan yang diperolehi oleh Mohd. Kosnin & Tan Sew Lee (2008). Hubungan ini adalah signifikan, $r(310) = .23, p = .000$.

Faktor *Neuroticism* juga menunjukkan hubungan negatif yang lemah dengan kepuasan kerja. Individu yang menunjukkan ciri-ciri *Neuroticism* seperti keadaan emosi yang tidak stabil dan kegelisahan dikaitkan dengan mempunyai kepuasan kerja yang rendah seperti yang dinyatakan oleh Puspa (2007). Hubungan antara *Neuroticism* dan kepuasan kerja ini adalah signifikan, $r(310) = -.18, p = .001$. Manakala faktor *Extraversion* mempunyai hubungan negatif yang lemah dan tidak signifikan. Manakala faktor *Conscientiousness* dan *Openness to experience* pula masing-masing mempunyai hubungan positif yang lemah dengan kepuasan kerja responden dan tidak signifikan.

Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa dua daripada lima faktor personaliti (iaitu *Agreeableness* dan *Neuroticism*) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan kerja. Semua hubungan ini adalah positif kecuali hubungan antara faktor *Agreeableness* dan *neuroticism* dengan kepuasan kerja. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian lepas yang menunjukkan

bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan personaliti guru (Boudreau, *et al.*, 2001; Judge, *et al.*, 2002).

Kaitan antara faktor personaliti dan kepuasan kerja ini boleh dilihat melalui ciri-ciri yang selari dengan ciri-ciri guru yang baik. Faktor *Agreeableness* yang mengandungi ciri-ciri seperti baik hati, bersopan-santun, peramah, bersimpati, bekerjasama dan seronok didekati membolehkan kaunselor sekolah mencapai kepuasan dalam kerjanya. Manakala ciri-ciri dalam faktor *Extraversion* seperti bersemangat tinggi, bertenaga, suka bergaul dan bersosial diperlukan oleh seseorang guru apabila berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan supaya dapat berfungsi dengan cekap dan berketrampilan.

Selain itu, kaunselor sekolah yang mempunyai faktor *Conscientiousness* mempunyai ciri-ciri seperti berdikari, tersusun, boleh dipercayai, bertanggungjawab, konsisten dan bekerja keras. Personaliti ini membolehkan menghadapi cabaran pendidikan seperti permasalahan sosial, kemerosotan kerohanian dan tuntutan masyarakat. Akhir sekali, kaunselor sekolah yang rendah dalam faktor *Neuroticism* mempunyai kestabilan emosi dan tenang mampu menghadapi cabaran permasalahan sosial seperti ponteng sekolah, melawan guru, merokok dan sebagainya. Suasana kerja yang menyeronokkan, kreatif dan menyihatkan serta memiliki persepsi positif membolehkan para kaunselor sekolah mengecapi kepuasan kerja.

C) Pengaruh Faktor Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja

Jadual 3 Pengaruh Faktor Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja

Pembolehubah	b	Beta	t	p
<i>Constant</i>	212.81			
<i>Openness to experience</i>	20.07	.16	2.44	.015
<i>Conscientiousness</i>	-34.66	-.33	-3.67	.000
<i>Extraversion</i>	-36.57	-.28	-4.05	.000
<i>Agreeableness</i>	51.12	.51	5.67	.000
<i>Neuroticism</i>	-21.25	-.19	-3.05	.003
F= 9.99	Sig-F= .000	R= .38		R ² = .14

Jadual 3, menunjukkan pengaruh faktor personaliti terhadap kepuasan kerja. Analisis regresi menunjukkan faktor personaliti menerangkan varians dalam Kepuasan Kerja sebanyak 14 peratus, $R^2 = .14$, $F(5, 304) = 9.99$, $p < .05$. Kesemua faktor personaliti mempunyai sumbangan unik yang signifikan dalam menerangkan kepuasan kerja responden dengan faktor *Agreeableness* mempunyai sumbangan yang terbesar untuk menerangkan varians dalam kepuasan kerja responden ($\beta = .51$, $p < .05$) diikuti oleh faktor *Conscientiousness* ($\beta = -.33$, $p < .05$), *Extraversion* ($\beta = -.28$, $p < .05$), *Neuroticism* ($\beta = -.19$, $p < .05$) dan *Openness to experience* ($\beta = .16$, $p < .05$).

Berdasarkan ujian regresi pelbagai, dapatan menunjukkan kesemua faktor personaliti mempunyai sumbangan unik yang signifikan dalam menerangkan kepuasan kerja responden dengan faktor *Agreeableness* mempunyai sumbangan yang terbesar untuk menerangkan varians dalam kepuasan kerja responden. Sebab-sebab lain yang membawa kepada faktor *Agreeableness* sebagai peramal kepada kepuasan kerja adalah berdasarkan beberapa sifatnya seperti yang dinyatakan oleh (Costa & McCrae, 1992) ialah :

- (i) Faktor *Agreeableness* berkorelasi dengan *pro-social motives* yang bertujuan untuk mendapatkan hasil yang baik untuk diri dan orang lain.
- (ii) Faktor ini memandu kepada *the need for affiliation*, iaitu tingkah laku dan pemikiran individu tersebut mementingkan hubungan afektif yang positif.
- (iii) Faktor *Agreeableness* berkorelasi dengan *the need for intimacy* iaitu keinginan untuk mewujudkan corak perhubungan yang rapat dan interaksi atau komunikasi yang kerap dengan orang lain. Golongan yang mempunyai ciri *Agreeableness* adalah boleh dipercayai, bekerjasama, bertimbang rasa dan *moved by others*.
- (iv) Hubungan harmonis yang dipersepsikan menggalakkan mereka membuat artibusi yang positif dan berkecenderungan meminimumkan kesan negatif dalam sebarang konflik.

Ciri-ciri *Agreeableness* seperti di atas menyebabkan kaunselor sekolah tersebut berasa puas hati dengan rakan sekerja, penyeliaan, suasana kerja, gaji, pangkat dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan kepuasan kerja. Mereka juga boleh bertoleransi dengan tekanan yang mungkin dihadapi dalam aspek lebih kerja, persekitaran kerja dan juga hubungan interpersonal di sekolah.

Bagi faktor *Neuroticism* pula, kajian-kajian lepas (Cook, 2005; Boudreau, *et al.*, 2001; Brief & Atieh, 1987) menunjukkan bahawa faktor kestabilan emosi atau *Neuroticism* yang rendah mempunyai hubungan korelasi yang paling tinggi dan merupakan peramal terbaik terhadap kepuasan kerja. Faktor *Neuroticism* sebagai peramal kepada kepuasan kerja dan stres kerja guru adalah berdasarkan beberapa ciri berikut:

- (i) Kecenderungan melihat aspek negatif tugas menyebabkan guru-guru ini kurang berjaya dalam kerjaya dan kurang mengalami kepuasan kerja. Proses kognitif mereka berasaskan persepsi negatif, iaitu memfokus dan mengingati aspek-aspek yang negatif. Semakin banyak ingatan negatif, maka gangguan terhadap pencapaian kerjanya akan bertambah untuk menjadikan guru tersebut kurang mengalami kepuasan kerja (Larsen, 1992).
- (ii) Mereka cenderung berasa takut dan bimbang. Emosi-emosi negatif tersebut seterusnya mengelakkan diri daripada menanggung tugas kerjayanya, maka peluang mengalami kepuasan kerja juga akan berkurangan. Keadaan ini juga dikaitkan dengan aspek efikasi sendiri yang rendah dengan jangkaan bahawa mereka akan gagal dalam pelbagai tugas. Akibatnya mereka akan memilih jenis tugas yang kurang memberikan kepuasan (jenis yang kurang autonomi, rutin kurang identiti, tidak penting dan senang untuk dilaksanakan) sesuai dengan sifat mereka yang kurang mementingkan pencapaian kerjaya (Costa & McCrae, 1988).

- (iii) Senang dipengaruhi oleh kebimbangan dan stres serta tidak boleh berfungsi secara efektif. Mereka tidak dapat mengendalikan stres kerja yang biasa berlaku dan seterusnya mempengaruhi keupayaan untuk menunjukkan prestasi yang baik (Judge & Bono, 2001). Emosi mereka yang kurang stabil akan mempengaruhi pencapaian dan prestasi kerja serta mudah mengalami tekanan kerja.

Penerangan di atas menunjukkan bahawa kaunselor sekolah yang mempunyai faktor *Neuroticism* rendah mempunyai emosi yang stabil dan lebih berkeyakinan serta bersikap positif terhadap apa-apa cabaran dalam kerjaya profesionnya. Malah, menurut Bolger (1990), faktor *Neuroticism* juga dapat mempengaruhi strategi menangani tekanan. Sebagai rumusannya, dapatlah diperkatakan faktor *Neuroticism* dan *Agreeableness* boleh digunakan untuk meramalkan kepuasan kerja dan stres kerja dalam kalangan kaunselor sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan di antara faktor personaliti dengan kepuasan kerja (Azlina & Tan, 2008).

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, personaliti membolehkan seseorang itu lebih efektif untuk bersosial kerana individu tersebut dilihat sebagai orang yang mempunyai personaliti yang menarik, teruk atau langsung tiada personaliti. Personaliti seseorang dilihat sebagai sesuatu yang unik dan membezakannya dengan seseorang individu yang lain. Aspek tersebut dipanggil perbezaan individu. Di samping itu juga, seperti mana tuntutan terhadap keperluan para guru atau penjawat awam kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran, para kaunselor juga perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran teknologi. Ini kerana sukarlah bagi kaunselor menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta mewujudkan nilai tambah dalam perkhidmatan kaunseling yang disampaikan khususnya kepada para pelajar. Peningkatan ilmu di kalangan kaunselor seiring dengan tuntutan semasa perlu sentiasa diberi perhatian. Kaunselor yang kaya dengan pengetahuan dan kemahiran amat relevan dan penting dalam era masyarakat yang berasaskan ilmu iaitu *knowledge-based society*.

RUJUKAN

- Arnold B. B., Karen I. Van Der Zee, Kerry A.L., dan Maureen F.D.2006.The Relationship Between the Big Five Personality Factors and Burnout: A Study Among Volunteer Counselors. *The Journal of Social Psychology*. 146(1), 31-50.
- Azlina Mohd. Kosnin dan Tan Sew Lee. 2008. Pengaruh Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja Dan Stres Kerja Guru. *Jurnal Teknologi*, 48(E) Jun: 33–47
- Bono J. E. dan Locke E. A. 2000. Personality and Job Satisfaction: The Mediating Role of Job Characteristics. *Journal of Applied Psychology*. 85(2): 237-249.
- Boudreau, J. W., W. R. Boswell, T. A. Judge dan R. D. Bretz. 2001. Personality and Cognitive Ability as Predictors of Job Search among Employed Managers. *Personnel Psychology*. 54(1) : 25-50.
- Brief, A. P. 1998. *Attitudes in and Around Organizations*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Chua Bee Seok. 2004. Stres Pekerjaan, Kepuasan Kerja, Kesihatan Mental dan Kesihatan Fizikal di kalangan Guru Sekolah Menengah, Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Teknologi*. 40(E) Jun: 1-18.
- Costa, P. T. dan R. R. McCrae. 1992. Four Ways Five Factors are Basic. *Personality and Individual Differences*.13(6): 653-666.
- Judge, T. A., D. Heller dan M. K. Mount. 2002. Five-factor Model of Personality and Job Satisfaction: A metaanalysis. *Journal of Applied Psychology*. 87(3), 530-541.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1993. *Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah*. Unit Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kyriacou, C. 1997. Teachers Stress and Burnout: An International Review. *Educational Research*. 29(2): 146-152.
- Locke, E. A. 2006. “What is Job Satisfaction?” Organizational Behavior and Human Performance. *Journal of Psychology Counseling*, 4 : 309-336.

- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Motowidlo, S., J. Packard dan M. Marning. 2006. Occupational Stress: Its Causes and Consequences for Job Performance. *Journal of Applied Psychology*. 71, 618-629.
- Othman Mohamed. 2001. *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Perlman dan McCann. 1998. *Student Pet Peeves about Teaching*. In Kantonitz, B. H., Roediger III, H. L., & Elmes, D. G. 2005. *Experimental Psychology*. 8th ed. Belmont, CA: Thomsons Learning, Inc.
- Puspa A/P Suppiah. 2007. Profil Personaliti Dominan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Zon Pasir Gudang, Johor Bahru. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Pearson Prentice Hall, Malaysia Sdn. Bhd.

Kesan Jenis Warna Terhadap Ingatan Dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Universiti Awam

Yee Siew Kuan^a, Nursakinah Mat Hazir^a, Azrina Md Azhari^a, Nurul Suzaina Joli^a, Afifah Mohamad Radzi^a, Jamaliah Hamdan^a, Roslina Ahmad Faisal^a, Mohd Izwan Mahmud^b

^aPusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

^bFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

Abstrak

Kehidupan seharian manusia terdedah dengan warna terutama sekali seiring dengan peningkatan pesat dalam bidang teknologi dimana telah menggunakan spektrum warna penuh seperti televisyen, internet dan telefon bimbit. Menggunakan reka bentuk kajian eksperimen yang bertujuan untuk mengukur kesan warna terhadap ingatan nombor dan perkataan. Kajian ini terdiri daripada 36 orang pelajar melayu dari pelbagai fakulti di sebuah universiti awami. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan antara warna dengan ingatan. Implikasi dan cadangan kajian juga turut dibincangkan.

Katakunci: Ingatan, Warna, Perkataan, Nombor

PENDAHULUAN

Memori adalah salah satu bahagian penting dalam sistem kognitif manusia. Memori juga dianggap sebagai sumber daya pengetahuan kerana kesemua informasi dan maklumat tersimpan di dalam memori. Maklumat yang dimaksud adalah merupakan sesuatu atau segala perkara yang dapat ditangkap atau dirasakan oleh pancaindera manusia. Sebagai salah satu aspek kognitif, memori mempunyai batas dalam mengingat sejumlah maklumat yang banyak dan seberapa lama maklumat tersebut dapat disimpan. Memori merujuk kepada proses mental pengekodan, mengekalkan dan mendapatkan semula maklumat alam sekitar (Radvansky, 2006).

Warna sebenarnya merupakan sebuah efek cahaya yang ditangkap oleh mata manusia agar dapat melihat bentuk di sekelilingnya dan membezakannya. Secara ilmiah warna dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang diciptakan oleh sistem visual manusia kerana adanya sinaran elektromagnetik yang dikenali sebagai cahaya. Warna diterima dari tiga jenis reseptor warna pada retina manusia dan masing-masing mempunyai respon yang berbeza terhadap spektrum yang berbeza. Cahaya tidak memiliki warna, namun indera penglihatan manusia dapat mengubah gelombang cahaya yang berbeza-beza sehingga menjadi warna. Warna dipercayai menjadi pengalaman visual yang paling penting kepada manusia (Adams & Osgood, 1973). Warna berfungsi sebagai saluran maklumat yang kuat kepada sistem dan kognitif manusia yang mendapati bahawa ianya memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi memori (Wichmann et al., 2002). Emosi adalah hasil daripada pertimbangan individu tentang dunia dan penilaian interaksi dengan dunia (Desmet, 2002; Frijda, 1993; Oatley & Johnson-Laird, 1987). Emosi boleh digambarkan bersama-sama dua dimensi yang memberi kesan kepada prestasi, valens (positif-negatif) dan pengaktifan (mengaktifkan-menyahaktifkan) (Pekrun, 1992; Russell, 2003).

Pada tahun 1976, Farley & Geran menjalankan eksperimen mengenai pengaruh warna pada perhatian dan mendapati bahawa multimedia yang berwarna menyebabkan perhatian yang lebih baik dan prestasi memori yang lebih baik. Warna membantu dalam menghafal maklumat tertentu dengan meningkatkan tahap tumpuan manusia. Peranan yang dimainkan oleh warna dalam meningkatkan tahap tumpuan manusia adalah tidak disangkalkan (Pan, 2012). Sebagai contoh lain, Cabal (2005) turut menjelaskan mengenai hubungan warna dan memori, apabila kita di minta menyebutkan nama restoran yang menyediakan makanan segera yang mempunyai hubungan dengan warna kuning dan merah, rata-rata akan menyebutkan Mc Donald. Walaupun sebenarnya terdapat banyak restoran makanan segera lain, yang juga turut menggunakan warna tersebut. Banyak penelitian telah dilakukan untuk mengkaji kesan warna terhadap ingatan tetapi kebanyakan penelitian tersebut hanya berfokuskan kepada warna objek (*figure color*) bukan pada warna latar (*background color*). Berdasarkan penelitian sebelumnya juga, menyatakan bahawa warna mampu mempengaruhi ketajaman fokus atau perhatian seseorang, lantas meningkatkan kemampuan dalam menyimpan informasi didalam sistem memori manusia. (Fougnie & Marois, 2009; Pan, 2009). Pada alam modernisasi kini, penggunaan warna tidak hanya terbatas kepada warna objek saja, akan tetapi juga digunakan pada warna latar. Jadi, penting untuk kita melihat apakah terdapatnya kesan antara warna latar dan prestasi memori jangka pendek.

Jika warna boleh meningkatkan rangsangan, dan rangsangan boleh meningkatkan memori, maka ada kemungkinan bahawa kita boleh mencari warna yang boleh meningkatkan ingatan. Pada tahun 2006, Spence, Wong, Rusan dan Rastegar mendapati bahawa dalam kajian mereka, 120 peserta dilihat dalam suatu adegan urutan imej yang semulajadi pada monitor komputer. Para peserta ditunjukkan sama ada kerangka adegan yang berwarna atau babak dalam skala kelabu. Tabir yang sama kemudiannya ditunjukkan sekali lagi, sama ada yang berwarna atau skala kelabu.

Peserta telah diminta untuk menilai tabir sama ada lama atau baru. Spence et al. (2006) mendapati bahawa warna meningkatkan pengiktirafan tabir semula jadi.

Dalam kehidupan sehari-hari kita sangat terdedah dengan warna, apatah lagi dengan peningkatan pesat dalam bidang teknologi dimana telah menggunakan spektrum warna penuh seperti televisyen, internet dan telefon bimbit. Ini telah meningkatkan penyelidikan mengenai kesan warna pada proses psikologi seperti *arousal* (Greene, Bell, & Boyer, 1983; Pett & Wilson, 1996). Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa rangsangan yang sederhana boleh meningkatkan pengekaln memori (Myers, 2006). Warna telah didapati dapat meningkatkan *arousal* seseorang. Berdasarkan beberapa kajian sebelum ini (Farley & Grant, 1976; Greene, et al, 1983;. Kaya & Epps, 2004; Pan, 2009, 2010), ia telah terbukti bahawa warna menimbulkan rangsangan emosi dan juga boleh mempengaruhi tahap perhatian yang membantu dalam proses kawalan yang kemudiannya akan meningkatkan prestasi memori (Farley & Grant, 1976; Greene, et al, 1983;. Kaya & Epps, 2004; Pan, 2009, 2010).

Beberapa kajian lepas, yang menggunakan rangsangan yang kurang bermakna dan tugas eksperimen berkomputer, menunjukkan bahawa latar belakang yang serupa atau warna latar depan di pembentangan dan ujian akan membawa kepada peningkatan pengiktirafan (Dulsky, 1935; Murnane & Phelps, 1993, 1994, 1999; Spence et al., 2006; Suzuki & Takahashi, 1997; Weiss & Margolius, 1954; Wichmann et al, 2002). Jacobs dan Blandino (1992) mendapati bahawa pelajar yang mengambil peperiksaan di atas kertas merah atau kuning lebih boleh mengatasi pelajar berbanding pelajar yang mengambil peperiksaan di atas kertas putih, biru, atau hijau, meskipun penyelidikan yang lain mendedahkan bahawa warna merah sebenarnya meningkatkan kebimbangan dan memberi kesan negatif kepada pencapaian (Elliot & Maier, 2007; Hagemann et al, 2008; Ilie et al, 2008.). Namun Sinclair, Soldat dan Mark (1998) mendapati dalam kajiannya bahawa pelajar yang mengambil peperiksaan di atas kertas biru lebih boleh mengatasi pelajar yang mengambil peperiksaan pada kertas merah, selari dengan

kajian oleh Skinner (2004) yang mendapati bahawa pelajar yang mengambil peperiksaan di atas kertas putih, biru, hijau lebih boleh mengatasi pelajar yang mengambil peperiksaan di atas kertas merah atau kuning.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, warna kertas tidak berfungsi sebagai isyarat semula yang cukup kuat. Warna masih kekal sebagai sebahagian daripada perwakilan memori, tetapi kerana warna dan perkataan diproses dalam pelbagai bidang korteks, penggunaan warna sebagai petunjuk semula mungkin memerlukan tumpuan perhatian (Allington, 1974; Hanna & Remington, 1996; Prester et al., 2005). Kajian lainnya juga mendapati tiada sebarang kesan warna kertas di mana peperiksaan yang telah dicetak terhadap prestasi dalam peperiksaan. (Martinez et al., 2010; Michael & Jones, 1955).

Dalam kajian lain, Otani et al. (2007) mendapati bahawa pengiktirafan untuk cerita yang lebih membangkitkan adalah jauh lebih tinggi berbanding pengiktirafan terhadap cerita yang neutral. MacKay dan Ahmetzanov (2005) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara emosi dan ingatan. Mereka menggunakan Tabu Stroop paradigm (*taboo stroop paradigm*). Mereka meramalkan memori akan lebih baik untuk kata-kata tabu (*taboo words*) (yang lebih membangkitkan emosi) daripada perkataan neutral. Peserta dalam kajian terlibat dalam tiga keadaan eksperimen; penamaan warna, pengiktirafan lokasi dan balik percuma. Ia telah mendapati bahawa para prestasi peserta lebih baik dalam penamaan warna dan pengiktirafan lokasi yang membangkitkan emosi (perkataan pantang) daripada keadaan yang sama atau neutral (MacKay & Ahmetzanov, 2005). Keputusan ini melengkapkan kajian Heuer dan Reisberg (2007), yang mendapati pengekanan yang lebih baik dalam ingat jangka panjang dengan tahap yang tinggi rangsangan emosi. Begitu juga dengan tahap arousal membawa kepada peningkatan kedua-dua jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Menurut Christianson (1992) tahap kebangkitan emosi dipercayai mempunyai pengekanan yang lebih baik dalam ingatan jangka panjang manakala beberapa

penyelidik melaporkan kesan memudaratkan kepada pengekaln jangka pendek. Sebagai contoh dalam pembelajaran, para peserta yang mempunyai rangsangan yang tinggi memberi kesan mengingat yang lebih baik dalam penarikan semula berbanding tidak lama selepas proses pembelajaran tersebut.

Menurut Kleinsmith dan Kaplan kata-kata yang boleh menghasilkan lebih besar rangsangan telah memberi kesan lebih baik dalam mengingat selepas satu minggu daripada dua minit selepas pembelajaran (seperti yang dipetik dalam Christanson, 1992). Walau bagaimanapun, sesetengah penyelidik melaporkan bahawa tahap arousal membawa kepada peningkatan kedua-dua jangka pendek dan jangka panjang ingatan. Dalam eksperimen yang dijalankan oleh Corteen yang menggunakan aurally perkataan lebih tinggi untuk diingati semula selepas penangguhan 20 minit dan 2 minggu (seperti yang dipetik dalam Christianson, 1992). Keputusan yang sama telah dilaporkan dalam satu eksperimen yang menggunakan perkataan dibangkitkan tunggal, di mana segera dan tertunda (selepas 30 minit). Prestasi mengingati semula perkataan adalah lebih baik bagi kata-kata yang tidak mengandungi arousal (Christanson, 1992). Dari kajian yang dinyatakan di atas, tahap arousal dan perhatian dari jenis tertentu maklumat yang didapati mempunyai kesan yang besar ke atas prestasi memori sama ada dalam jangka pendek dan simpanan jangka panjang.

Perhatian sebaliknya merujuk kepada satu proses yang penting dalam ingatan. Atkinson dan Shiffrin dalam menerangkan model modal sistem memori manusia menyebut bahawa perhatian diperlukan untuk memindahkan maklumat dari deria simpanan (*sensory store*) ke penyimpanan jangka pendek (seperti yang dipetik dalam Stenberg, 2009). Menurut James perhatian merujuk kepada proses memilih maklumat yang terdapat di sekitar (Chun & Turk-Browne, 2007; Fougny & Marois, 2009; Derakshan & Eysenck, 2009). Ini bermakna bahawa apabila kita memberi perhatian kepada maklumat tertentu, kita sebenarnya memilih dan menghadkan jumlah maklumat untuk diproses. Penyelidikan telah mendapati, dengan meningkatkan tahap

perhatian, peluang untuk maklumat yang akan disimpan dalam ingatan adalah lebih tinggi (Derakshan & Eysenck, 2009). Dalam erti kata lain, maklumat yang kita beri perhatian akan lebih cenderung untuk dikenang daripada maklumat yang kita abaikan dan tidak beri perhatian. Banyak penyelidikan telah melaporkan bahawa perhatian boleh meningkatkan tahap prestasi memori dari segi kadar panggilan semula (Pan, 2010; Smilek, et al, 2001) dan juga masa tindak balas (Pan, 2009). Sebagai contoh, Cabal (2005) turut menjelaskan hubungan warna dan memori, apabila kita di minta menyebutkan nama restoran makanan cepat saji yang mempunyai hubungan dengan warna kuning dan merah, rata-rata akan menyebutkan Mc Donald. Walaupun sebenarnya terdapat banyak restoran makanan cepat saji lain, yang juga turut menggunakan warna tersebut.

Farley dan Grant (1976) mendapati bahawa peserta yang ditunjukkan dengan persembahan berwarna lebih memberikan perhatian berbanding dengan persembahan yang ditunjukkan sama ada dalam warna hitam dan putih. Anderson, Muller, dan Hillyard (2009) mendapati bahawa perhatian boleh memilih rangsangan untuk diproses (penting untuk ingatan) berdasarkan warna, bebas daripada ciri-ciri lain seperti lokasi spatial. Rangsangan berwarna, tanpa mengira lokasi menunjukkan pemprosesan yang meningkat di dalam otak. Mehta dan Zhu (2008) mendapati bahawa prestasi peserta adalah lebih baik pada tugas mengingat kembali perkataan apabila perkataan telah dibentangkan dengan latar belakang warna merah (berbanding biru atau putih). Namun, prestasi mereka adalah lebih baik pada tugas kreativiti apabila latar belakang adalah biru. Dalam kajian Pan (2012) pula meminta peserta untuk mengingat warna dan bentuk objek. Dalam ujian memori ini para peserta menunjukkan memori yang jauh lebih baik untuk warna objek daripada bentuk objek, menunjukkan perhatian yang lebih diberikan kepada kualiti ini dan mengakibatkan memori yang lebih baik.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perhatian dan kebangkitan adalah unsur-unsur penting dalam prestasi ingatan. Warna boleh menarik perhatian dan menghasilkan rangsangan emosi. Oleh itu, kedua-duanya boleh meningkatkan kemungkinan maklumat yang akan disimpan lebih lama di dalam sistem ingatan. Pan (2010) dalam kajian beliau seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa warna adalah aset penting yang boleh menyebabkan pengekalan memori yang lebih baik berbanding dengan faktor-faktor lain seperti bentuk. Berdasarkan kajian di atas adalah jelas bahawa warna, penumpuan perhatian dan arousal boleh terus mempengaruhi prestasi memori.

Maka, kajian ini bertujuan untuk mengukur kesan warna terhadap ingatan perkataan dan nombor. Hipotesis nol digunakan untuk mengukur objektif adalah seperti:

- i. Tidak terdapat perbezaan antara warna dengan jumlah perkataan yang diingati.
- ii. Tidak terdapat perbezaan antara warna dengan jumlah nombor yang diingati.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian eksperimen yang bertujuan untuk melihat perbezaan antara dua kumpulan yang berbeza. Kajian ini menggunakan kaedah *mixed design* iaitu gabungan antara *between subject* dan *within subject*. Reka bentuk *between subject* yang digunakan adalah untuk melihat perbezaan antara lelaki dan wanita melayu dari segi ingatan mereka. Manakala Reka bentuk *within subject* pula digunakan untuk melihat perbezaan dua jenis ujian yang sama yang menggunakan warna yang berbeza (sama ada merah-hijau, merah-putih, merah-merah, hijau-putih, hijau-hijau, putih-merah ataupun putih-putih) yang telah diberikan kepada responden yang sama. Kajian ini melibatkan seramai 36 orang responden yang terdiri daripada 17 orang lelaki dan 19 orang wanita. Responden berusia antara 19 hingga 24 tahun. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar berbangsa melayu di sebuah universiti awam. Responden kajian kami dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelbagai

fakulti, usia dan sebagainya. Tetapi, kajian ini hanya memfokuskan kepada responden melayu sahaja.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana warna mempengaruhi ingatan dan menentukan sama ada perkataan atau nombor mempengaruhi ingatan. Jadual 1 menunjukkan keputusan ujian ANOVA sehalu yang diperolehi melalui program SPSS adalah tidak signifikan di mana nilai [$F(2,33) = 0.47, p > 0.05$]. Hipotesis nul diterima, maka keputusan ujian ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara warna dengan jumlah perkataan yang boleh diingati semula.

Jadual 1: ANOVA untuk Warna dan Jumlah Perkataan Ingat

	Jumlah Kuasa Dua	dk	\bar{x}^2	F	Sig.
Antara Kumpulan	11.17	2	5.58	.47	.63
Dalam Kumpulan	391.83	33	11.87		
Jumlah	403.00	35			

Sementara itu, Jadual 2 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara warna dengan jumlah nombor yang boleh diingati semula [$F(2,33) = 0.66, p > 0.05$]. Keputusan ini memperlihatkan hipotesis nul diterima, maka keputusan ujian ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara warna dengan jumlah nombor yang diingati semula.

Jadual 2: ANOVA untuk Warna dan Jumlah Nombor Ingat

	Jumlah Kuasa Dua	dk	\bar{x}^2	F	Sig.
Antara Kumpulan	18.17	2	9.08	.66	.53
Dalam Kumpulan	457.83	33	13.87		
Jumlah	476.00	35			

PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan yang lebih jelas antara warna dan ingatan. Hipotesis yang pertama adalah untuk menentukan tidak terdapat antara warna dan jumlah perkataan diingat. Namun begitu, setelah analisis ANOVA dijalankan, pengkaji mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara jenis warna dengan jumlah perkataan dan jumlah nombor yang diingat. Ingatan diukur dengan menganalisis jumlah perkataan yang dapat diingat. Hasil dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan Martinez et al. (2010) yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara jenis warna dan ingatan semula berdasarkan eksperimen yang beliau jalankan. Dalam satu kajian oleh Wolters dan Goudsmit (2005), pengkaji menguji ingatan semula berdasarkan peristiwa yang traumatik dan memberi kesan. Pendedahan kepada warna-warna panas (*warm colours*) tidak akan memberi kesan sebegitu dan berkemungkinan tidak dapat menyebabkan kesan '*arousal*' yang cukup untuk mengaktifkan peningkatan ingatan secara selari. Namun begitu, hasil dapatan kajian ini tidak konsisten dengan dapatan kajian oleh Jacobs dan Blandino (1992) yang mendapati bahawa pelajar yang menjawab peperiksaan atas kertas berwarna merah lebih cemerlang berbanding pelajar yang menjawab peperiksaan atas kertas berwarna putih, biru atau hijau. Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara warna merah dengan kemampuan ingatan manusia dalam kajian ini. Ini mungkin disebabkan kawasan neural diaktivasikan semasa proses '*encoding*' ketika '*retrieval*' dan pada masa yang sama, akan memudahkan akses maklumat yang terkandung di ingatan. Walau bagaimanapun, dalam situasi tertentu, warna kertas tidak menjadi kiu '*retrieval*' yang kuat. Disebabkan warna dan perkataan diproses di kawasan korteks yang berbeza, penggunaan warna sebagai kiu '*retrieval*' mementingkan perhatian yang penting (Allington, 1974; Hanna & Remington, 1996; Prester et al., 2005). Elliot dan Maier (2007) mengkaji peranan kegunaan warna merah ke atas prestasi intelektual dan mendapati warna merah memberi kesan yang negatif ke atas prestasi dalam konteks pencapaian dan ini mungkin disebabkan warna-warna mempunyai maksud yang spesifik yang telah diasosiasi.

Dapatan kajian yang telah dijalankan mempunyai beberapa implikasi kepada pelajar. Satu implikasi membabitkan dapatan kajian adalah pelajar tidak perlu membazir wang untuk membeli pelbagai alat tulis berwarna dalam membantu ingatan kerana ia tidak memberi perbezaan samada warna yang berbeza dalam membantu ingatan. Selain itu, dapatan kajian ini juga merupakan salah satu usaha untuk memenuhi kekosongan kajian lepas di mana penelitian dan pengkajian mengenai kajian ini masih agak kurang dilakukan. Akhir sekali, memandangkan kajian ini hanya dilakukan sekali walaupun ujian *pre* dan *post* dilakukan, keputusan kajian ini tidak seharusnya digunakan untuk membuat sebarang implikasi sebab dan akibat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji menyimpulkan kajian tentang warna dan bagaimana ia mempengaruhi prestasi ingatan patut diulang semula dan memerlukan kajian yang lebih terperinci memandangkan ia adalah satu topik untuk dikaji. Untuk kajian akan datang, pengkaji mencadangkan untuk menggunakan satu sampel yang lebih besar dalam kajian berbentuk eksperimen untuk mengenalpasti sama ada terdapat nilai perbezaan yang lebih signifikan antara warna dan prestasi ingatan. Reka bentuk eksperimen juga perlu lebih mudah dan kurang kompleks supaya data lebih mudah diperoleh dan dianalisis. Oleh itu, satu kajian yang lebih terperinci juga harus dijalankan untuk mengenalpasti bagaimana emosi mempengaruhi prestasi ingatan.

RUJUKAN

- Adams, F.M. & Osgood, C.E. (1973). A cross-cultural study of the affective meaning of color. *J Cross Cult Psychol.* 4(2), 135–156.
- Allington, R. (1974). An evaluation of the use of color cues to focus attention in discrimination and paired-associate learning. *Reading Research Quarterly.* 10(2), 244-247.

- Andersen, S. K., Müller, M. M., and Hillyard, S. A. (2009). Color-selective attention need not be mediated by spatial attention. *J. Vis.* 9, 1–7.
- Cabal, Abigail L. 2005. The Effects of Color on Short-Term Memory between Males and Females. Kennesaw State University.
- Campbell, J.I.D. (1994). Architectures for numerical cognition. *Cognition*. 53,1-44.
- Christianson, S.-Å. (1992). Emotional stress and eyewitness memory: A critical review. *Psychological Bulletin*, 112(2), 284-309.
- Chun, M. M., & Turk-Browne, N. B. (2007). Interactions between attention and memory. *Current Opinion in Neurobiology*, 17, 177-184.
- Derakshan, N. and Eysenck, M. W. 2009. Anxiety, processing efficiency, and cognitive performance new developments from attentional control theory. *European Psychologist*, 14: 168–176.
- Desmet, P. M. A. (2002). Designing Emotions. Delft: Delft University of Technology.
- Dulsky, S. G. (1935). The effect of a change in background on recall and relearning. *Journal of Experimental Psychology*, 18,725–740.
- Elliot, A. J., & Maier, M. A. (2007). Color and psychological functioning. *Current Directions in Psychological Science*, 16(5), 250-254.
- Farley, F.H. & Grant, A.P. (1976). Arousal and cognition: Memory for color versus black and white multimedia presentation. *J Psychol.* 94(1):147–150.
- Fougnie, D., & Marois, R. (2009). Attentive tracking disrupts feature binding in visual working memory. *Visual Cognition*, 17, 48-66.
- Frijda, N. H. (1993). The place of appraisal in emotion. *Cognition and Emotion*, 7, 357–387
- Greene, T. C., Bell, P. A., & Boyer, W. N. (1983). Colouring the environment: Hue, arousal, and boredom. *Bulletin of the Psychonomic Society*

- Hagemann, N., Strauss, B., & Leissing, J. (2008). When the referee sees red. *Psychological Science*, 19(8), 769-771.
- Hanna, A., & Remington, R. (1996). The representation of color and form in long-term memory. *Memory & Cognition*, 24(3), 322-330.
- Heuer, F. & Reisberg, D. (2007). The memory effects of emotion, stress and trauma. In D. Ross, M. Toglia, R. Lindsay, & D. Read (Eds.), *Handbook of eyewitness psychology: Volume 1 – Memory for events* (pp. 81-116), Mahwah, NJ: Erlbaum Associates.
- Ilie, A., Ioan, S., Zagrean, L., & Moldovan, M. (2008). Better to be red than blue in virtual competition. *Cyberpsychology & Behavior*, 11(3), 375-377.
- Jacobs, K. W., & Blandino, S. E. (1992). Effects of color of paper on which the Profile of Mood States is printed on the psychological states it measure. *Perceptual & Motor Skills*, 75(1), 267-271.
- Kaya, N. & Epps, H. H. (2004). Relationship between color and emotion: a study of college students. *College Student Journal*. Retrieved 28 May 2017, from http://findarticles.com/p/articles/mi_m0FCR/is_3_38/ai_n6249223/
- MacKay, D. G., & M. V. Ahmetzanov. (2005). Emotion, memory, and attention in the taboo Stroop paradigm: An experimental analog of flashbulb memories. *Psychological Science*. 16: 25-32
- Martinez, J. V., Oberle, C. D., & Thompson, J. G. Jr. (2010). Effects of color on memory encoding and retrieval in the classroom. *American Journal of Psychological Research*. 6(1), 24-31.
- Mehta, R. & Zhu, R. (2009). Blue or red? Exploring the effect of color on cognitive task performances. *Science*, 323, 1226-1229.
- Michael, B. W., & Jones, A. R. (1955). The influence of color of paper upon scores earned on objective achievement examination. *The Journal of Applied Psychology*, 39(6), 447-450.
- Murnane, K., & Phelps, M. P. (1993). A global activation approach to the effect of changes in environmental context on recognition. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*, 19, 882–894.

- Murnane, K., & Phelps, M. P. (1994). When does a different environmental context make a difference in recognition? A global activation model. *Memory & Cognition*, 22, 584–590.
- Murnane, K., Phelps, M. P., & Malmberg, K. (1999). Context-dependent recognition memory: The ICE theory. *Journal of Experimental Psychology: General*, 128, 403–415.
- Myers D. G. (2006). *Psychology* (8th ed.). New York, NY: Worth
- Oatley, K. & Johnson-Laird, P.N. (1987). Towards a cognitive theory of emotions. *Cognition and Emotion*, 1, 29-50.
- Otani, H., Libkuman, T. M., Widner, R. L., & Graves, E. I. (2007). Memory for emotionally arousing stimuli: A comparison of younger and older adults. *The Journal of General Psychology*, 134, 23-42.
- Pan, Y. (2009). Research on the content-based working memory-driven capture of visual attention and its automaticity. Doctoral dissertation, Zhejiang University.
- Pan, Y. (2010). Attentional capture by working memory contents. *Canadian Journal of Experimental Psychology*, 64 (2), 124-128.
- Pan Y. (2012) Attentional capture by working memory contents. *Canadian Journal of Experimental Psychology*. 64(2), 124–128.
- Pekrun, R. (2000). A social-cognitive, control-value theory of achievement emotions. In J. Heckhausen (Ed.), *Motivational psychology of human development: Developing motivation and motivating development* (pp. 143–163). New York, NY: Elsevier Science.
- Pett D. & Wilson T. (1996). Colour research and its application to the design of instructional materials. *Educational Technology Research and Design*. 44 (3), 19-35
- Prester, G. E., Clariana, R., & Peck, A. (2005). Memory-context effects of screen color in multiple choice and fill-in tests. *Journal of Educational Multimedia & Hypermedia*, 14(4), 415-436.

- Radvansky G. (2006). *Human Memory*. Boston (MA): Pearson Education Group.
- Russell, J. A. (2003). Core affect and the psychological construction of emotion. *Psychological Review*, 110, 145–172.
- Sinclair, R. C., Soldat, A. S., & Mark, M. M. (1998). Affective cues and processing strategy: Color-coded examination forms influence performance. *Teaching of Psychology*, 25(2), 130-132.
- Skinner, N. (2004). Differential test performance from differently colored paper: White paper works best. *Teaching of Psychology*, 31(2), 111-113.
- Smilek, D., Dixon, M.J., Cudahy, C. & Merikle, P.M. (2001). Synaesthetic photisms influence visual perception. *Journal of Cognitive Neuroscience*, 13: 930-936.
- Spence, I., Wong, P., Rusan, M., & Rastegar, N. (2006). How color enhances visual memory for natural scenes. *Psychological Science*, 17(1), 1-6.
- Sternberg, R. J. (2009). *Cognitive Psychology*. Belmont: Wadsworth Cengage Learning
- Suzuki, K., & Takahashi, R. (1997). Effectiveness of color in picture recognition memory. *Japanese Psychological Research*, 39, 25–32
- Weiss, W., & Margolius, G. (1954). The effect of context stimuli on learning and retention. *Journal of Experimental Psychology*, 48, 318–322.
- Wichmann, F. A. Sharpe, L. T. Gegenfurtner, K. R. (2002). The contributions of color to recognition memory for natural scenes. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*, 28, 509–520.
- Wolters, G., & Goudsmit, J. J. (2005) Flashbulb and event memory of September 11, 2001: Consistency, confidence and age effects. *Psychological Reports*, 96, 605-619.

Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Faktor-faktor Mempengaruhi dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat

Jamaliah Hamdan^{a*}, Dharatun Nissa bt Fuad Mohd Karim^a, Yee Siew Kuan^a, Nawal Saparin^a, Noriah Mohd Ishak^b, Mohd Izwan Mahmud^a

^a Jamaliah Hamdan, Dharatun Nissa bt Fuad Mohd Karim, Yee Siew Kuan, Nawal Saparin, Mohd Izwan Mahmud, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

^b Noriah Mohd Ishak, Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kepintaran boleh menjadi aset atau beban kepada pelajar pintar dan berbakat. Ciri-ciri yang berkaitan dengan keupayaan intelek yang tinggi memberi kesan kepada bagaimana pelajar pintar dan berbakat mengalami perkembangan sosial, emosi, dan perkembangan kerjaya tanpa mengira tahap pencapaian akademik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara kecerdasan emosi (KE) dan faktor-faktor mempengaruhi KE dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Di samping menentukan perbezaan KE antara jantina. Reka bentuk kajian adalah kajian deskriptif dan korelasi yang melibatkan seramai 138 orang pelajar di Pusat PERMATApintar Negara, UKM. Instrumen yang digunakan adalah ujian Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT) dan faktor mempengaruhi KE digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis secara deskriptif, korelasi pearson dan ujian t menggunakan SPSS versi 23. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat mempunyai tahap KE yang sederhana dan faktor utama yang paling mempengaruhi KE adalah intrapersonal. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan KE mempunyai hubungan positif signifikan dengan intrapersonal [$r = .338, p < .05$], manakala hubungan negatif signifikan antara KE dengan penyesuaian [$r = -.283, p < .05$]. Selain itu, tidak terdapat perbezaan signifikan KE antara jantina di mana lelaki ($M = 3.44, SP = .27$) dan perempuan ($M = 3.51, SP = .33$); $t(448) = -0.154, p > 0.05$. Implikasi daripada kajian ini dapat membantu dalam merangka satu kandungan sistem pendidikan yang bersesuaian kepada pelajar pintar dan berbakat. Cadangan kajian akan datang turut dibincangkan.

Kata kunci: kecerdasan emosi (KE), intrapersonal; mood am; penyesuaian; pengurusan tekanan; Interpersonal; pelajar pintar dan berbakat.

PENDAHULUAN

National Association for Gifted Children (NAGC) (2010) mengemaskini definisi kepintaran dengan menyatakan:

Gifted individuals are those who demonstrate outstanding levels of aptitude (an exceptional ability to reason and learn) or competence (documented performance or achievement in top 10% or rarer) in one or more domains. Domains include any structured area of activity with its own symbol system (e.g., mathematics, music, language) and/or set of sensorimotor skills (e.g., painting, dance, sports).

Berdasarkan definisi dari NAGC, definisi ini mempunyai beberapa persamaan dengan definisi yang dikemukakan oleh Dr François Gagne (1985) iaitu perbezaan antara kepintaran (tidak terlatih dan kebolehan yang dipamerkan secara semulajadi) dan bakat (kebolehan penguasaan sistematik yang dibangunkan). Dalam kedua-dua kes, pencapaian terletak atas 10% daripada umur rakan sebaya dan merangkumi satu atau lebih lima bidang iaitu intelektual, kreatif, sosioafektif, sensorimotor dan “lain-lain”.

Menurut Mayer dan Salovey (1990), kecerdasan emosi (KE) adalah keupayaan untuk memantau perasaan dan emosi sendiri dan orang lain untuk membezakan dan menggunakan maklumat untuk membimbing pemikiran dan tindakan sendiri. Model ini telah disokong oleh penyelidikan Mayer, Caruso dan Salovey (1999); Mayer, DiPaolo dan Salovey (1990) dan Mayer dan Salovey (1990, 1993, 1997). KE juga merujuk kepada pelbagai unsur termasuk motivasi, empati, suka bergaul, kemesraan dan keyakinan (Mayer et al. 2001). Menurut Goleman (1998) pula, KE adalah kemampuan seseorang: (i) untuk memahami perasaannya, (ii) untuk mendengar orang lain dan perasaan mereka, dan (iii) untuk boleh menyatakan emosi dengan cara yang produktif.

KE telah diukur oleh tiga model utama, dan antara salah satu model adalah oleh Peter Salovey dan John Mayer yang membuatkan kita faham bahawa KE sebagai satu bentuk kecerdasan yang merupakan keupayaan kognitif. Kemudian, Reuven Bar-On

pula mencipta model KE sebagai kecerdasan campuran yang terdiri daripada keupayaan kognitif dan aspek-aspek personaliti di mana ia menonjolkan bagaimana kognitif dan personaliti pengaruh kesejahteraan umum. Model terakhir pula diperkenalkan oleh Daniel Goleman yang juga menunjukkan KE sebagai kecerdasan bercampur yang melibatkan keupayaan kognitif dan personaliti. Walau bagaimanapun, model ini tidak seperti model Bar-On di mana model Goleman memberi tumpuan kepada bagaimana faktor-faktor kognitif dan personaliti menentukan kejayaan di tempat kerja. Model Salovey dan Mayer diukur menggunakan Mayer-Salovey-Caruso Emotional *Test Intelligence* (MSCEIT) manakala model Bar-On diukur menggunakan Emotional Quotient Inventory (EQ-i) dan model Goleman telah diukur dengan emosi Inventori Kecekapan (ECI), kecerdasan emosi *Appraisal* (EIA) dan Soal Selidik Profil Kerja - Versi Kecerdasan Emosi (WPQei). Kajian telah mendapati bahawa hubungan antara ketiga-tiga model KE wujud dan tidak ketara.

Dalam kajian Lam dan Kirby (2002), mereka mendapati bahawa KE tidak menyumbang kepada prestasi berasaskan kognitif individu yang melebihi tahap yang dikaitkan dengan kepintaran umum tetapi teori semasa adalah mungkin lebih bijak mengenai manfaat tambahan kecerdasan emosi terhadap darjah kecerdasan. KE mungkin bukan peramal yang kuat terhadap prestasi kerja tetapi ia merupakan asas untuk mengukur keupayaan emosi yang merupakan peramal yang kuat dengan prestasi kerja (Goleman 1998). Hubungan antara kecerdasan mental dan KE telah secara teorinya dijelaskan oleh Goleman (2001) apabila dia menerangkan kecerdasan mental sebagai menyusun fungsi dan menentukan jenis pekerjaan seseorang individu yang akan cemerlang dalam kerja tertentu apabila tahap kecerdasan mentalnya adalah agak sama.

Terdapat bukti yang bercanggah pendapat menunjukkan sama ada lelaki dan perempuan berbeza dengan ketara dalam tahap umum KE. Kajian oleh Goleman (1998) mendapati tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi antara lelaki dan perempuan. Tetapi, kajian oleh Mayer dan Geher (1996), Mayer, Caruso dan Salovey (1999) dan Mandell dan Pherwani (2003) mendapati bahawa wanita lebih cenderung

untuk mendapat skor KE yang lebih tinggi berbanding lelaki, dalam kedua-dua tetapan profesional dan peribadi. Apabila mengukur prestasi menggunakan Mayer-Salovey-Caruso Ujian Kecerdasan Emosi (MSCEIT), didapati bahawa perempuan mendapat skor yang lebih tinggi berbanding lelaki pada kecerdasan emosi (Brackett dan Mayer 2003). Tetapi, apabila menggunakan Bar-On Emotion Quotient Inventory (EQ-i) dan Self-Report emosi Test Intelligence (SREIT), didapati bahawa tidak ada bukti perbezaan antara lelaki dan perempuan.

METODOLOGI

Persampelan

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan khusus Reka bentuk kajian ini kaedah tinjauan. Kajian ini memilih tapak penyelidikan di Pusat PERMATA pintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pusat PERMATA pintar Negara dipilih kerana ia merupakan salah satu pusat pintar dan berbakat di Malaysia di mana semua pelajar pintar dan berbakat di seluruh Malaysia berkumpul di sini.

Instrumen

Kajian ini menggunakan soal selidik iaitu *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test* (MSCEIT).

Analisis data

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu KE dan faktor yang mempengaruhi KE. Soalan-soalan kecerdasan emosi telah dibangunkan berdasarkan *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test* (MSCEIT) versi 2.0. MSCEIT v 2.0 adalah ujian EQ yang memerlukan peserta untuk melengkapkan satu set tugas yang berkaitan sama ada bagaimana melihat emosi, menggunakan emosi, memahami maklumat emosi dan menguruskan emosi (Mayer et al. 2002). Persepsi emosi diukur dengan menilai tahap dan jenis emosi dinyatakan pada pelbagai jenis gambar. Fasilitasi pemikiran diukur dengan meminta peserta untuk menarik persamaan antara emosi dan sensasi fizikal (seperti cahaya, warna, suhu) dan juga emosi dan fikiran manakala pemahaman diukur dengan menjelaskan bagaimana

emosi boleh bercampur dengan emosi lain (contoh: bagaimana emosi boleh berubah dari satu dengan yang lain seperti marah). Brackett dan Mayer (2003) menyatakan bahawa pengurusan emosi boleh diukur dengan efektif sendiri atau teknik pengurusan yang lain. Item yang digunakan untuk penyelidikan ini adalah pemahaman emosi.

DAPATAN

Deskriptif

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif melihat kepada skor min KE dan faktor utama mempengaruhi KE dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat seperti dalam Jadual 1. Keputusan menunjukkan Min KE adalah berada pada tahap sederhana ($\bar{x} = 3.48$, $SP = .312$). Manakala pecahan secara peratus menunjukkan majoriti pada tahap sederhana sebanyak 73%, dan bakinya sebanyak 37% adalah pada tahap KE yang tinggi. Berikutnya, dapatan juga menunjukkan faktor yang mempengaruhi KE di kalangan pelajar pintar dan berbakat. Faktor intrapersonal menunjukkan min yang tertinggi ($\bar{x} = 3.77$, $SP = .53$) diikuti pengurusan tekanan ($\bar{x} = 3.72$, $SP = .79$), interpersonal ($\bar{x} = 3.70$, $SP = .47$), mood am ($\bar{x} = 2.69$, $SP = 1.06$) dan penyesuaian ($\bar{x} = 2.62$, $SP = 2.62$). Memandangkan faktor yang paling mempengaruhi KE adalah intrapersonal, maka tidak dapat dinafikan pelajar pintar dan berbakat lebih cenderung untuk mengatasi sesuatu perkara atas usaha dirinya.

Jadual 1: Tahap kecerdasan emosi dan faktor mempengaruhi

Kategori	Kecerdasan Emosi	Faktor Mempengaruhi Kecerdasan Emosi				
		Intrapersonal	Mood Am	Penyesuaian	Pengurusan Tekanan	Interpersonal
Min	3.48	3.77	2.69	2.62	3.72	3.70
SP	.312	.53	1.06	.87	.79	.47
Tahap Sederhana	73%	44.6%	-	-	-	-
Tinggi	37%%	55%	-	-	-	-

$N = 138$,

Dapatan kajian berikutnya seperti Jadual 2 menunjukkan terdapat hubungan positif signifikan antara min KE dengan intrapersonal [$r = .338, p < .05$], manakala hubungan negatif signifikan antara kecerdasan emosi dengan penyesuaian [$r = -.283, p < .05$]. Sebaliknya tidak terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan mood am [$r = .040, p > .05$], pengurusan tekanan [$r = .160, p > .05$], dan interpersonal [$r = .149, p > .05$]. Keputusan ini menggambarkan KE mempunyai hubungan positif secara langsung dengan intrapersonal.

Jadual 2: Min, Sisihan Piawai dan Korelasi

Karakteristik	1	2	3	4	5	6
1.Kecerdasan Emosi	-	-	-	-	-	-
2.Intrapersonal	.338**	-	-	-	-	-
3. <i>Mood Am</i>	.040	.003	-	-	-	-
4. Penyesuaian	-.283**	-.198*	.333**	-	-	-
5.Pengurusan Tekanan	.160	.194*	-.067	-.317**	-	-
6.Interpersonal	.149	.298**	-.213*	-.140	.154	-
<i>M</i>	3.77	2.69	2.62	3.72	3.72	3.70
<i>SP</i>	.53	1.06	.87	.79	.79	.47

$N=138$ (* $p < .05$, ** $p < .01$)

Sementara itu, Jadual 3 adalah dapatan ujian t bebas dijalankan dan mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan kecerdasan emosi antara jantina di mana lelaki ($M = 3.44, SP = .27$) dan perempuan ($M = 3.51, SP = .33$); $t(448) = -0.154, p > 0.05$. Keputusan ini menunjukkan jantina lelaki dan perempuan pelajar pintar dan berbakat mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sama.

Jadual 3: Ujian t bagi perbezaan kecerdasan emosi antara jantina

t	df	Sig. (2-tailed)	MD	SED
-0.154	448	.877	-0.008	.0513

$N=138$ (* $p < .05$)

Inferensi

Kajian ini telah menemui beberapa bukti kukuh untuk menjelaskan: (i) tahap KE (KE) dan faktor yang mempengaruhi KE, (ii) hubungan antara KE dengan faktor mempengaruhi KE dan (iii) perbezaan KE antara jantina dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Teori kecerdasan emosi Goleman (1995), menegaskan bahawa kecerdasan mental (IQ) bukan satu-satunya ukuran kejayaan dan EQ juga memainkan peranan penting dalam kejayaan seseorang, lebih khusus dalam pencapaian akademik pelajar-pelajar pintar cerdas (Goleman 1995). Dapatan kajian mendapati bahawa tahap KE pelajar pintar dan berbakat ini berada pada tahap sederhana. Hal ini mungkin disebabkan terdapat isu-isu kecerdasan emosi yang berlaku secara konsisten yang menjadi faktor penghalang pelajar pintar dan berbakat daripada mencapai potensi mereka. Walau bagaimanapun, bukan semua pelajar pintar dan berbakat mengalami masalah yang sama. Walaupun terdapat penyelidikan yang agak besar telah mengenal pasti gabungan daripada sebab yang menyumbang adalah seperti dilema tentang kebolehan dan bakat, keputusan peribadi mengenai keluarga, pertentangan ibu bapa dan guru-guru ke arah membangunkan tahap yang berpotensi, dan keputusan mengenai tugas dan sifat penyayang (mengutamakan keperluan orang lain) daripada memupuk isu-isu peribadi, agama, dan sosial (Reis & Moon, 2002).

Hasil kajian ini mendapati faktor yang paling mempengaruhi KE adalah intrapersonal, maka tidak dapat dinafikan pelajar pintar dan berbakat lebih cenderung untuk mengatasi sesuatu perkara atas usaha dirinya. Hal ini disokong oleh kajian Khatena (1992) yang menyatakan bahawa pelajar pintar dan berbakat berusaha untuk mengatasi masalah atau konflik secara bersendirian sehingga menyukarkan diri mereka difahami oleh orang lain. Perkara ini menjadi satu punca kepada pelajar pintar dan berbakat berhadapan dengan pelbagai masalah terutama masalah yang berkaitan dengan keperluan sosial dan emosi yang lebih unik dan berbeza dengan pelajar yang lain (Yoo & Moon, 2006).

Kajian ini mendapati terdapat hubungan signifikan positif antara KE dan faktor intrapersonal pelajar pintar dan berbakat. Keputusan ini memperlihatkan, pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai KE tinggi berkecenderungan mempunyai personaliti intrapersonal. Ciri-ciri intrapersonal adalah berkaitan dengan keupayaan seorang untuk menyesuaikan emosi dalam diri sendiri dan orang lain serta menggunakan emosi untuk merancang, memulakan dan melaksanakan tindakan (Salovey & Mayer, 1994). Bagaimana pun, terdapat hubungan signifikan negatif antara KE dan penyesuaian. Ini menunjukkan pelajar pintar berbakat berkecenderungan mempunyai kesukaran untuk membuat penyesuaian dalam *setting* yang berbeza seperti akademik, sosial dan emosi. Di samping itu, tidak terdapat hubungan signifikan antara KE dengan *mood* am, pengurusan tekanan dan interpersonal yang memperlihatkan KE kurang dipengaruhi oleh faktor-faktor tersebut. Menurut Goleman (1995), individu yang mempunyai KE yang tinggi mempunyai kecenderungan mewujudkan perhubungan yang baik, mudah bergaul dan berjaya dalam kerjaya yang melibatkan kemahiran berhubung dengan orang ramai. Sebaliknya, mereka yang mempunyai KE yang rendah dikatakan mempunyai masalah dalam perhubungan, sukar untuk menyesuaikan diri dan pencapaian kerjayanya juga kurang cemerlang. Dapatan ini memberi implikasi terhadap program pembangunan sendiri pelajar pintar berbakat termasuklah dari aspek kesesuaian kurikulum akademik dan program-program sokongan seperti pembangunan kerjaya, sendiri dan sosial.

Sementara itu, keputusan kajian perbezaan KE antara jantina didapati bahawa tidak ada perbezaan di antara lelaki dan perempuan. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Goleman (1998) yang juga mendapati lelaki dan perempuan mempunyai KE yang sama. Sebaliknya berbeza dengan dapatan kajian oleh Mayer dan Geher (1996), Mayer, Caruso dan Salovey (1999) dan Mandell dan Pherwani (2003) di mana penemuan Mayer dan lain-lain mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor KE antara lelaki dan perempuan. Bagaimana dapatan kajian ini, dapat memahami bahawa lelaki dan perempuan mempunyai KE yang sama dan memerlukan perhatian dan sokongan akademik, sosial dan emosi yang sama dan tidak perlu

dibezakan. Bahkan dalam konteks pembangunan sendiri, mereka perlu diberikan sokongan program yang bersesuaian dengan tahap kecerdasan emosi mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat memahami KE pelajar pintar dan berbakat berada pada tahap sederhana serta memerlukan program-program sokongan termasuklah pembangunan sendiri, emosi dan sosial. Di samping, dapat memahami KE banyak dipengaruhi oleh faktor intrapersonal dan penyesuaian diri. Diharapkan kajian ini dapat memberi penambahan maklumat dan pengetahuan baru tentang pelajar pintar dan berbakat dalam konteks tempatan daripada aspek kecerdasan emosi. Kajian lanjutan hendaklah meneroka KE dengan isu psikologikal lain seperti tekanan, kemurungan resilien ke atas pelajar pintar dan berbakat terutama menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk memahami pelajar-pelajar ini dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

- Brackett, M. A. & Salovey P. (2006). Measuring emotional intelligence with the Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT). *Psychology*, 18, 34-41
- Brackett, M.A. & Mayer, J.D. (2003). Convergent, discriminant, and incremental validity of competing measures of emotional intelligence. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 29 (9), 1147-1158.
- Gagné, F. (1985). Giftedness and talent: Reexamining a reexamination of the definitions. *Gifted Child Quarterly*, 29, 103-112.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam.
- Goleman, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. N.Y.: Bantam.
- Goleman, D. (2001). Emotional intelligence: Issues in paradigm building. In C. Cherniss and D. Goleman (Ed's.), *The Emotionally Intelligence Workplace*. San Francisco: JosseyBass.
- Khatena, J. (1992). *Gifted : Challenge and Response for Education*. USA : F.E Peacock Publisher.
- Lam, L. T., & Kirby, Susan, L. (2002). Is Emotional Intelligence an Advantage? An Exploration of the Impact of Emotional and General Intelligence on Individual Performance. *Journal of social psychology*, 142(1), 133-143.
- Mandell, B. & Pherwani, S. (2003). Relationship between Emotional Intelligence and Transformational Leadership Style: A Gender Comparison, *Journal of Business and Psychology*, 17(3), 387-404.
- Mayer J. D. (2001). *A field guide to emotional intelligence*. In J. Ciarrochi, J.P. Forgas and J.D. Mayer (Ed.). *Emotional intelligence in everyday life*. Philadelphia, PA: Psychology Press. 3-24
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1997). *What is emotional intelligence?* In P. Salovey & D. Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications* (pp. 3–31). New York: Basic Books.
- Mayer, J. D., and Salovey, P. (1993). The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence* 17(4): 433-442.
- Mayer, J. D., Caruso, D. R., & Salovey, P. (1999). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence*, 27, 267– 298.
- Mayer, J. D., DiPaolo, M. T., & Salovey, P. (1990). Perceiving affective content in ambiguous visual stimuli: A component of emotional intelligence. *Journal of Personality Assessment*, 54, 772–781.

- Mayer, J. D., Salovey, P., & Caruso, D. R. (2002). *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT) user's manual*. Toronto, Ontario, Canada: Multi-Health Systems.
- Mayer, J. D., Salovey, P., Caruso, D.R., & Sitarenios, G. (2001). Emotional intelligence as a standard intelligence. *Emotion, 1*, 232-242
- Mayer, J.D. & Geher, G. (1996). Emotional intelligence and the identification of emotion. *Intelligence, 22*, 89-113.
- National Association for Gifted Children. (2010). NAGC Pre-K-Grade 12 gifted programming standards.
- Reis, S.M., & Moon, S.M. (2002). *Models and strategies for counseling, guidance, and social and emotional support of gifted and talented students*. In M. Neihart, S. Reis, N.M. Robinson, & S.M. Moon (Eds.), *The social and emotional development of gifted children: What do we know* (pp. 251–266). Waco, Texas: Prufrock Press, Inc.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Imagination, Cognition, and Personality, 9*, 185–211.
- Salovey, P., & Mayer, J.D. (1994). Some final thoughts about personality and intelligence. In R.J. Sternberg & P. Ruzgis (Eds.), *Personality and intelligence* (pp. 303-318). Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Siti Sarawati bt Hj. Johar. Kecerdasan emosi ketua dalam elemen tadbir urus insan dari perspektif model kerohanian imam Al-Ghazali. 3-18
- The Emotional Quotient Inventory (EQ-i) *Consortium for research on Emotional Intelligence in Organizations*. (online)
<http://www.eiconsortium.org/measures/eqi.html> (23 January 2013)
- Yoo, E.J dan Moon, M. S. (2006). Counseling needs of gifted students : an analysis of intake forms at a University – based counseling centre, *Gifted Child Quarterly*, Vol 50 (1), 53 – 61.

Kepimpinan Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Di Institusi Pendidikan MARA (IPMa)

Nik Hasrawati Nik Hassan¹ & Ku Suhaila Ku Johari²
¹hasrawati@mara.gov.my; ²suhaila@ukm.edu.my

Nik Hasrawati Nik Hassan, Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Bangunan Medan MARA, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

Ku Suhaila Ku Johari, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kepimpinan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Reka bentuk kajian adalah gabungan kajian deskriptif dan korelasi. Kajian ini melibatkan 117 orang responden yang dipilih secara bertujuan. Kajian ini menggunakan soal selidik Malaysia Leadership Audit Trail Inventory (MLATI) dan Job Descriptive Index (JDI). Aspek kepimpinan yang dikaji meliputi strategi perkhidmatan dan model kepimpinan, rekrut, penilaian dan penghormatan, penempatan, membina kepimpinan, penglibatan dan pengekalan dan perhubungan pemegang setara. Manakala aspek kepuasan kerja pula meliputi situasi pekerjaan sekarang, gaji, peluang kenaikan pangkat, rakan sekerja, penyeliaan dan pekerjaan sampingan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan peratusan dan statistik inferensi iaitu Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan mempunyai hubungan signifikan dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMa), $P < 0.05$. Kajian lanjutan dicadangkan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepimpinan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling MARA.

Kata kunci: *kepimpinan; kepuasan kerja; guru bimbingan dan kaunseling*

PENDAHULUAN

Peranan dan tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling semakin kompleks dan mencabar menyebabkan mereka perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran-kemahiran kaunseling dengan baik, mematuhi kod etika kaunselor, memiliki kemahiran sosial yang tinggi. Guru bimbingan dan kaunseling juga perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan dalam diri kerana mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membentuk keharmonian dan sikap saling bekerjasama dengan rakan sejawat yang lain dan pihak pentadbiran. Ciri – ciri ini sangat penting dalam usaha mencapai kepuasan kerja dalam kerjaya dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab.

Tugas guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah meliputi lima bidang tugas iaitu akademik, kerjaya, psikososial, keibubapaan dan masalah pelajar (Sapora Sipon, 2010). Kelayakan untuk menjadi guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) adalah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana dalam bidang kaunseling atau psikologi. Tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) juga turut dikaitkan dengan isu kepuasan kerja. Kepuasan bekerja guru berkait rapat dengan isu yang sering ditimbulkan iaitu profesionalisme guru, penglibatan dalam membuat keputusan, perkembangan guru, keupayaan guru, persepsi tentang iklim sekolah, kejeleketan dan suasana tempat bekerja (Quaqlia & Marion, 1991).

Menurut Pearson & Moomaw (2005) kepuasan bekerja guru juga berkait rapat dengan penglibatan dalam membuat keputusan, autonomi yang tinggi di tempat kerja, keadaan persekitaran tempat bekerja dan kemajuan dalam pencapaian pelajar. Menurut Daud (2010) pula, kepuasan kerja merupakan elemen yang penting kepada sesebuah organisasi untuk membuatkan pekerja itu sendiri setia dan

berminat untuk terus bersama dengan organisasi berkenaan terutama pekerja yang berkualiti.

Guru bimbingan dan kaunseling perlu membuat perancangan kerja, menghadiri mesyuarat, kursus dan program pementapan. Selain itu guru bimbingan dan kaunseling perlu menjalankan tugas-tugas perkeranian seperti urusan hal ehwal kebajikan pelajar, disiplin pelajar dan aktiviti ko-kurikulum. Beban tugas yang banyak menyebabkan guru bimbingan dan kaunseling semakin hilang fokus kepada kerja-kerja hakiki. Penambahan beban tugas ini sudah tentu akan membawa kesan kepada mutu dan kualiti sesi kaunseling yang dijalankan oleh kaunselor (Nur Yusrina Mohd Roodzi, 2012). Namun setakat ini, kajian berkaitan kepimpinan dan kepuasan kerja dalam guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) ini masih belum dikaji secara khusus. Justeru itu perlunya satu kajian berkaitan kepimpinan dan kepuasan kerja ini untuk mengenal pasti isu yang timbul.


Objektif kajian:

1. Menenalpasti tahap kepimpinan dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA).
2. Menenalpasti tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA).
3. Menenalpasti hubungan antara kepimpinan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA).

Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat hubungan antara kepimpinan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA).

Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian

Dalam menghuraikan hubungan pembolehubah, kerangka konsep kajian telah dibina dan dibentuk, seperti dalam rajah di atas. Kerangka konsep ini mempunyai dua komponen utama iaitu kepimpinan dan kepuasan kerja. Komponen kepimpinan dikenalpasti sebagai pembolehubah bebas dalam kajian ini, manakala kepuasan bekerja pula dikenalpasti sebagai pembolehubah bersandar. Tujuh konstruk komponen kepimpinan ialah strategi perkhidmatan & model kepimpinan, rekrut, penilaian dan penghormatan, penempatan, membina kepimpinan, penglibatan & pengekalan dan perhubungan pemegang setara.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dan pengetahuan dalam bidang kaunseling. Antara pihak yang bakal mendapat manfaat daripada hasil kajian ini ialah Guru Bimbingan dan Kaunseling, pihak pengurusan di pusat-pusat Institusi Pendidikan MARA, Bahagian Sumber Manusia MARA, Pengurusan Tertinggi MARA, Persatuan Psikologi dan Kaunseling MARA Malaysia, pelajar dan lain-lain lagi. Kajian ini juga dapat membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling membuat penilaian sendiri untuk meningkatkan lagi kualiti profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling dengan cara cuba mengenal pasti kompetensi utama untuk menjadi Guru Bimbingan dan Kaunseling yang berkesan.

Pendekatan Teori

Kepimpinan telah dikaji secara meluas dalam pelbagai konteks dan berasaskan teori. Kepimpinan didefinisikan sebagai sifat-sifat, kualiti dan tingkah laku seseorang pemimpin. Kajian tentang kepimpinan telah merentasi budaya, zaman dan kepercayaan. Teori yang menjadi rujukan utama dalam kajian ini ialah Teori Kepimpinan Tret atau Personaliti dan Teori Kepimpinan Path Goal (1971) manakala Teori Herzberg Dua Faktor dan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1958) dijadikan rujukan utama bagi kepuasan kerja.

Teori Kepimpinan Tret atau Personaliti

Teori ini telah popular dalam tahun 1930-an. Prinsip asas teori ini adalah andaian bahawa seseorang pemimpin itu sememangnya mempunyai ciri-ciri yang istimewa dalam dirinya secara semula jadi. Pengalaman hidup, zaman persekolahan dan latihan formal yang dilaluinya akan meningkatkan lagi ciri-ciri asas yang istimewa tadi. Ciri-ciri yang diketengahkan melalui teori ini amat bersesuaian dengan ciri-ciri peribadi yang perlu ada pada seseorang pemimpin atau Guru Bimbingan dan Kaunseling. Kategorinya adalah seperti berikut:

- a) Keperibadian: ceria, proaktif, aktif, bersemangat, beriltizam, mempunyai fokus dan matlamat.
- b) Kemahiran: mahir berkomunikasi, memberi hujah yang jelas, berdiplomasi, membuat keputusan, mengkonsepsikan idea dan rancangan, mahir berkomunikasi secara tulisan.
- c) Fizikal: Tinggi, kemas, mempunyai suara yang mantap dan paras rupa yang menarik.
- d) Status Ekonomi: mempunyai ekonomi yang memuaskan seperti tidak terikat dengan terlalu banyak masalah kewangan sehingga menjejaskan semangat dan sikap terhadap kehidupan dan pekerjaan.
- e) Kerohanian: mempunyai etika yang tinggi, mampu membuat keputusan yang bermoral dan cekap.
- f) Intelektual: Boleh berfikir secara abstrak dan beroperasi dalam berlapisan konteks dan situasi.

- g) Sahsiah: Optimis, boleh menangani emosi secara berkesan, cekal dan berani.
- h) Sosial: Mampu berinteraksi dengan baik, menunjukkan komitmen dan kesediaan melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat dan berpengetahuan dalam isu-isu masyarakat.
- i) Berjaya: Telah membuktikan kebolehan mencapai sesuatu dengan baik seperti pelantikan kepada jawatan dan pengiktirafan yang diterima.

Sembilan ciri yang digariskan dalam teori kepimpinan tret dan personaliti ini menunjukkan betapa pentingnya personaliti cemerlang yang menjadi sebahagian daripada aspek pembentukan kepimpinan seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling.

Teori Hierarki Keperluan Maslow (1958)

Teori ini menyatakan bahawa setiap manusia mempunyai susunan tingkat keinginan asas yang mesti dipenuhi. Kesan kepada tingkah laku seseorang dapat dilihat apabila keperluan asas wujud atau tidak dalam hierarki keperluan tersebut. Secara ringkas teori Maslow menyatakan manusia memiliki dua keperluan iaitu keperluan jasmani dan rohani. Keperluan sosial disusun mengikut tingkat seperti di bawah:



Rajah 2.1 Hierarki Keperluan Maslow

i. Keperluan Fisiologi

Peringkat ini merupakan keperluan yang paling asas. Keperluan ini adalah penting bagi sesuatu organisma, apatah lagi manusia. Keperluan asas ini merangkumi apa yang diperlukan untuk diri atau fizikal seseorang seperti keperluan mendapatkan makanan, minuman dan tempat tinggal.

ii. Keperluan Keselamatan

Termasuk di dalam keperluan ini adalah keselamatan peribadi, keselamatan kewangan, kesihatan. Seseorang memerlukan pekerjaan yang selamat, wang simpanan, rumah kereta, motor dan sebagainya.

iii. Keperluan Untuk Bersosial

Inilah keperluan manusia untuk dicintai dan merasai perasaan “kekitaan”. Semua pekerja perlu merasai bahawa mereka diperlukan dan mempunyai peranan tersendiri di dalam organisasi. Jika dipenuhi, perasaan ketegangan dan tekanan (stres) di kalangan pekerja dapat dielakkan atau dikurangkan.

iv. Keperluan Penghargaan Kendiri

Keperluan ini ada kaitan dengan keperluan pekerja untuk dihormati dan diberi peluang menghormati orang lain. Setiap individu akan seronok bila disanjung dan dipuji. Setiap individu berkeinginan untuk dihargai oleh orang lain.

v. Keperluan Kesempurnaan Kendiri

Keperluan kesempurnaan sendiri merupakan keperluan yang paling tinggi. Keperluan ini dapat dicapai sekiranya seseorang telah berjaya mencapai peringkat-peringkat keperluan seperti yang dikemukakan terdahulu.

Berdasarkan sorotan kajian tersebut jelaslah membuktikan bahawa kepimpinan memainkan peranan penting dalam menentukan kepuasan kerja. Tidak kira apa pun faktor yang ada, individu perlu memiliki tahap kepimpinan yang tinggi agar mereka dapat mencapai kepuasan kerja dalam kerjaya masing-masing.

Batasan Kajian

Sampel kajian terdiri daripada Guru Bimbingan dan Kaunseling di Institusi Pendidikan MARA sahaja. Oleh itu, kajian ini hanya akan menggambarkan fenomena dalam populasi tersebut sahaja. Oleh yang demikian, dapatan data hanya boleh digeneralisasikan kepada populasi Guru Bimbingan dan Kaunseling di Institusi Pendidikan MARA atau yang mempunyai persamaan dari segi demografi populasinya. Instrumen kepimpinan adalah berdasarkan kepada Model Kepimpinan *Malaysian Leadership Audit Trail Inventory* (MLATI) Noriah-Elmi (2013) versi yang pertama kali digunakan dalam kalangan Ketua Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam konteks kajian di Malaysia. Instrumen kepuasan kerja menggunakan model yang diperkenalkan oleh Smith et al. (1985) dan Iskandar (2008) yang kemudiannya diubahsuai oleh Elmi (2013) dalam konteks kerjaya Guru Bimbingan dan Kaunseling.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan bertujuan menguji tahap kepimpinan, tahap kepuasan kerja dan hubungan antara kepimpinan dan kepuasan kerja. Ianya khas untuk menentukan keadaan situasi yang wujud pada masa penyelidikan dijalankan. Selain itu, bertujuan untuk menerangkan apa yang wujud berhubung dengan pemboleh ubah dalam sesuatu tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan kerja peninjauan kuantitatif. Kaedah tinjauan ini melibatkan penggunaan borang soal selidik. Menurut Azlina dan Shiqah (2010), kajian tinjauan adalah cara yang lebih efisien kerana data dapat dikumpulkan dengan mudah dan cepat, menjimatkan masa serta boleh melibatkan ramai sampel.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini adalah di semua IPMA yang terdapat di Malaysia iaitu di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Kolej MARA (KM), Kolej Profesional MARA (KPM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran MARA (IKM) dan MARA - Japan Industrial Institute (MJII). MRSM adalah di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) yang menawarkan penempatan pelajar cemerlang Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Kolej MARA dan

KPM di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT). Kolej MARA menawarkan program pelajar cemerlang lepasan SPM bagi persediaan ke luar negara. Kolej Profesional MARA menawarkan program Diploma bagi lepasan SPM. IKM, KKTM dan MJII di bawah kelolaan Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) yang menawarkan program Sijil dan Diploma dalam bidang kemahiran dan teknikal.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini populasi sasaran penyelidik terdiri daripada guru bimbingan dan kaunseling yang sedang bertugas di IPMA seluruh Malaysia. Jadual 1 menunjukkan bilangan keseluruhan populasi kajian yang terdiri dalam kalangan Guru bimbingan dan kaunseling yang sedang berkhidmat di IPMA yang terdapat di Malaysia.

Jadual 1 Populasi Kajian

Nama IPMa	Bilangan Pusat	Bilangan GBK
Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	52	90
Kolej MARA (KM)	4	7
Kolej Profesional MARA (KPM)	6	12
Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)	10	14
Institut Kemahiran MARA (IKM)	13	15
MARA – Japan Industrial Institute (MJII)	1	2
JUMLAH KESELURUHAN	86	140

Sumber : Bahagian Sumber Manusia (BSM) MARA

Kajian dijalankan ke atas 117 orang sampel yang terdiri dari guru bimbingan dan kaunseling yang sedang berkhidmat di IPMA seluruh Malaysia. Saiz sampel ditentukan dengan merujuk kepada jadual yang dikeluarkan oleh Krejcie & Morgan (1970) dengan jumlah populasi seramai 140 orang yang melibatkan 84% orang Guru bimbingan dan kaunseling.

Instrumen Kajian

Kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga (3) bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A mengandungi tujuh soalan yang berkaitan dengan demografi responden iaitu jenis jantina, taraf perkahwinan, umur, gred jawatan, kelulusan tertinggi, pemilihan kenaikan gred dan tempoh dalam perkhidmatan kaunseling. Manakala Bahagian B mengukur kepimpinan menggunakan instrumen MLATI (*Malaysia Leadership Audit Trail Inventory*) Noriah-Elmi (2013) yang mengandungi 69 item berkaitan tahap kepimpinan yang dikaji meliputi strategi perkhidmatan dan model kepimpinan, rekrut, penilaian dan penghormatan, penempatan, membina kepimpinan, penglibatan dan pengekalan dan perhubungan pemegang setara. Bahagian C pula mengukur kepuasan kerja menggunakan *Job Descriptive index* yang dibangunkan oleh Smith, et.al. (1975) dan diterbitkan oleh Bowling Green University yang mengandungi 30 item berkaitan situasi pekerjaan sekarang, gaji, peluang kenaikan pangkat, rakan sekerja, penyeliaan dan pekerjaan sampingan. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan statistik deskriptif (min dan peratusan) dan statistik inferensi (Korelasi Pearson).

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah langkah yang diambil oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian. Dalam proses tersebut termasuklah menyediakan cadangan penyelidikan, memohon kebenaran untuk menjalankan penyelidikan, menyediakan set soal selidik, mengedar set soal selidik dan menganalisis data serta menyediakan laporan akhir penyelidikan. Seterusnya mendapatkan kebenaran dari pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) MARA bagi menggunakan guru bimbingan dan kaunseling sebagai sampel kajian. Selepas memperoleh kebenaran, pengkaji mengagihkan borang soal selidik kepada guru yang terlibat semasa kursus dan mesyuarat Guru bimbingan dan kaunseling diadakan.

Analisis Data

Soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menerangkan faktor demografi. Manakala Statistik Inferensi yang digunakan adalah Korelasi Pearson untuk menguji hubungan antara efikasi kepimpinan dan kepuasan kerja. Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis fokus utama kajian iaitu hubungan kepimpinan dan kepuasan kerja.

DAPATAN KAJIAN, KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian dijalankan ke atas 117 orang sampel yang terdiri dari Guru bimbingan dan kaunseling yang sedang berkhidmat di IPMA seluruh Malaysia. Saiz sampel ditentukan dengan merujuk kepada jadual yang dikeluarkan oleh Krejcie & Morgan (1970) dengan jumlah populasi seramai 140 orang. Jadual 2 di bawah menunjukkan maklumat demografi 117 orang sampel yang terlibat dalam kajian dari segi jantina, status perkahwinan, umur, gred jawatan, kelulusan tertinggi, tempoh perkhidmatan dan pemilihan kenaikan gred. Dari segi jantina data menunjukkan responden terdiri daripada 41% (48) orang guru lelaki dan 59% (69) orang guru perempuan. Daripada jumlah itu sebanyak 79% (93) orang sudah berkahwin dan 20.5% (24) yang masih belum berkahwin.

Profil berdasarkan kategori umur pula menunjukkan Guru bimbingan dan kaunseling yang berumur 23 tahun hingga 32 tahun adalah 41.9% (49) orang, 53% (62) orang adalah berada pada tahap umur 33 hingga 42 tahun dan 5.1% (6) orang berumur 43 hingga 53 tahun. Manakala dari segi gred pula, majoriti adalah dari Gred DG 41 iaitu sebanyak 81.2% (95) orang, 16.2% (19) orang gred DG 44 dan 2.6% (3) orang dari Gred DG 48. Manakala dari kategori kelulusan tertinggi pula, 77.8% (91) orang adalah lepasan Sarjana Muda, 21.4% (25) orang memiliki Sarjana dan 0.9% (1) orang yang memiliki Doktor Falsafah.

Manakala tempoh perkhidmatan yang paling tinggi ialah antara tempoh 6 hingga 10 tahun iaitu 68 orang (58.1%), tempoh 1 hingga 5 tahun 28 orang (23.9%), tempoh 11 hingga 15 tahun ialah 12 orang (10.3%) dan tempoh 16 tahun ke atas ialah 9 orang (7.7%). Kebanyakan GBK, 84 orang, (71.8%) memilih kenaikan gred adalah berdasarkan tempoh masa berbanding kenaikan pangkat.

Jadual 2 Maklumat Demografi Sampel

Profil Respondan Peratusan	Kategori	Kekerapan	
Jantina	Lelaki	48	41.0
	Perempuan	69	59.0
Status Perkahwinan	Bujang	24	20.5
	Berkahwin	93	79.5
Umur	23 - 32 tahun	49	41.9
	33 - 42 tahun	62	53.0
	43 - 53 tahun	6	5.1
Gred Jawatan	DG 41	95	81.2
	DG 44	19	16.2
	DG 48	3	2.6
Kelulusan Tertinggi	Ijazah	91	77.8
	Sarjana	25	21.4
	Doktor Falsafah	11	0.9
Tempoh Perkhidmatan	1 – 5 tahun	28	23.
	6 – 10 tahun	68	58.1
	16 tahun ke atas	99	7.7
Pemilihan Kenaikan Gred	Kenaikan Pangkat	33	28.2
	Tempoh Masa	84	71.8

Kajian yang dijalankan melibatkan sampel Guru bimbingan dan kaunseling ini menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 3 dibawah telah digunakan untuk mentafsirkan purata min skor yang diperoleh dari setiap item.

Jadual 3 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Barnett 2000; Jamil 2002; Jainabee 2005 & Mumtaz 2008

Tahap Kepimpinan

Dapatan analisis tahap kepimpinan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) menggunakan skor min dan sisihan piawai (Jadual 4). Tujuh komponen kepimpinan yang dikaji adalah Strategi Perkhidmatan dan Model Kepimpinan, Membina Kepimpinan, Latihan, Penilaian dan Penghormatan, Penglibatan dan Pengekalan, Penempatan dan Perhubungan Pemegang Setara.

Jadual 4 Analisis Min Tahap Kepimpinan

Kepimpinan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Strategi Perkhidmatan dan Model Kepimpinan	4.33	0.340	Tinggi
Membina Kepimpinan	4.20	0.440	Tinggi
Latihan	4.11	0.423	Tinggi
Penilaian dan Penghormatan	4.09	0.440	Tinggi
Penglibatan dan Pengekalan	3.68	0.428	Tinggi
Penempatan	3.64	0.382	Sederhana
Perhubungan Pemegang Setara	3.58	0.365	Sederhana

Dapatan ini menunjukkan tahap kepimpinan bagi guru bimbingan dan kaunseling ialah pada tahap tinggi bagi strategi perkhidmatan dan model kepimpinan (min 4.33), membina kepimpinan (4.20), latihan (4.11), penilaian dan penghormatan (4.09) dan penglibatan dan pengekal (3.68). Kategori pada tahap sederhana ialah penempatan (3.64) dan perhubungan pemegang setara (3.58). Berdasarkan hasil kajian, min tahap kepimpinan Guru bimbingan dan kaunseling secara keseluruhannya ialah pada tahap tinggi (min 3.94).

Tahap Kepuasan Kerja

Dapatan analisis tahap kepuasan kerja guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) menggunakan skor min dan sisihan piawai (Jadual 5). Terdapat enam komponen yang mengukur tahap kepuasan kerja Guru bimbingan dan kaunseling ialah situasi pekerjaan sekarang, penyeliaan, peluang kenaikan pangkat, gaji, rakan sekerja dan pekerjaan sampingan.

Jadual 5 Analisis Min Tahap Kepuasan Kerja

Kepuasan Kerja	Min	SisihanPiawai	Interpretasi
Situasi pekerjaan sekarang	4.18	0.433	Tinggi
Penyeliaan	4.00	0.458	Tinggi
Peluang kenaikan pangkat	3.99	0.508	Tinggi
Gaji	3.64	0.518	Sederhana
Rakan Sekerja	3.33	0.410	Sederhana
Pekerjaan sampingan	3.23	0.758	Sederhana

Dapatan ini menunjukkan tahap kepuasan kerja bagi guru bimbingan dan kaunseling ialah dapat dikategorikan kepada dua tahap iaitu tinggi dan sederhana. Min pada tahap tinggi ialah situasi kerja sekarang (4.18), penyeliaan (4.00) dan peluang kenaikan pangkat (3.99). Manakala min pada tahap sederhana ialah bagi kategori gaji (3.64), rakan sekerja (3.33) dan pekerjaan sampingan (3.23). Min

kepuasan kerja guru bimbingan dan kaunseling secara keseluruhannya ialah pada tahap tinggi (min 3.72).

Hubungan antara Kepimpinan dan Kepuasan Kerja

Keputusan analisis menunjukkan wujudnya hubungan positif yang signifikan antara kepimpinan dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di Institusi Pendidikan MARA (IPMA). Jadual 6 menunjukkan nilai korelasi bagi kepimpinan adalah $r = .580 = .58$, $p < .05$. Nilai ini menunjukkan wujudnya hubungan korelasi positif yang teguh antara kepimpinan dan kepuasan kerja guru bimbingan dan kaunseling. Hal ini bermaksud semakin tinggi tahap kepimpinan guru bimbingan dan kaunseling, maka semakin tinggi kepuasan kerja.

Jadual 6 Korelasi Pearson Hubungan Kepimpinan dan Kepuasan Kerja

Pembolehubah	Kepuasan Kerja
Kepimpinan	.580**
Signifikan	0.00
N	117

RUMUSAN, KESIMPULAN & CADANGAN

Tahap Kepimpinan

Berdasarkan kepada ketujuh-tujuh komponen kepimpinan, guru bimbingan dan kaunseling menunjukkan dapatan skor min yang tinggi bagi lima komponen kepimpinan iaitu Strategi Perkhidmatan dan Model Kepimpinan, Membina Kepimpinan, Latihan, Penilaian dan Penghormatan dan Penglibatan dan Pengekalan. Manakala skor min yang sederhana pula melibatkan dua komponen iaitu Penempatan dan Perhubungan Pemegang Setara.

a) Strategi Perkhidmatan dan Model Kepimpinan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang tinggi bagi komponen strategi perkhidmatan dan model kepimpinan. Berdasarkan hasil dapatan ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam merangka model kepimpinan sendiri dari masa ke semasa mengikut kehendak pihak pentadbiran dan pengurusan. Ini dapat dilihat bahawa guru bimbingan dan kaunseling mampu merancang dan melaksanakan aktiviti atau program mengikut keperluan pelajar dan bukannya menunggu sesuatu arahan pihak pengurusan. Sekiranya kepakaran mereka terbatas kepada sesuatu aspek, mereka akan meminta bantuan dari rakan-rakan setugas yang lain dalam memastikan sesuatu program itu dapat dijalankan dengan jayanya. Kenyataan ini menyokong pandangan Ciulla (2004) yang menyatakan kepimpinan adalah berkaitan dengan mempengaruhi orang lain dalam melakukan sesuatu tindakan dan mampu menggerakkan orang lain untuk menyempurnakan visi dan misi sesuatu organisasi di samping menjaga hubungan baik dengan pengikut. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Siti Halimah (2003) yang mendapati bahawa guru bimbingan dan kaunseling didapati mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan keterampilan dalam diri dan serba boleh dalam menjalankan tugas dan menangani pelbagai isu yang timbul di dalam organisasi.

b) Membina Kepimpinan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang tinggi bagi komponen membina kepimpinan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mampu mengembangkan potensi dengan sentiasa berusaha dan saling memberi maklumat dan mengenal pasti kursus-kursus serta latihan dalam meningkatkan profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling dari masa ke semasa. Mereka tidak mementingkan diri sendiri dan saling berkongsi kepakaran dan pengalaman agar sesuatu kerja dapat dilaksanakan dengan mudah dan cepat. Hasil dapatan ini menyokong pernyataan yang terkandung dalam model *Leadership Development Audit* (LDA) (2006) iaitu pemimpin yang cemerlang perlu sentiasa berusaha untuk mendapatkan pemimpin

yang berpotensi dengan memastikan penglibatan dalam apa jua program kemajuan kepimpinan yang berkesan.

c) Latihan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang tinggi bagi komponen latihan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai kemahiran yang baik dalam membuat pembahagian tugas dan kerja yang diberikan berdasarkan kepada kemahiran dan kepakaran masing-masing. Guru bimbingan dan kaunseling juga dapat mengenal pasti kepakaran guru-guru lain dalam pelantikan sesuatu jawatankuasa agar program dapat dijalankan dengan baik dan dapat menghasilkan impak yang positif.

d) Penilaian dan Penghormatan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang tinggi bagi komponen penilaian dan penghormatan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mampu membuat penilaian prestasi terhadap diri, rakan sekerja dan pelajar. Mereka juga mampu membuat penilaian dengan baik tentang sesuatu program yang telah dijalankan dan bersedia untuk meningkatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ini dapat dilihat juga bila rakan setugas atau rakan-rakan lain menunjukkan kecemerlangan maka mereka sentiasa memberikan ganjaran samada berbentuk kata-kata perangsang atau hadiah yang bersesuaian. Disini guru bimbingan dan kaunseling tidak berkira dalam memberi kata-kata semangat dan kadangkala memberikan hadiah kepada rakan. Hal ini dapat meningkatkan motivasi bekerja dalam kalangan mereka dan saling menghargai antara satu sama lain.

e) Penglibatan dan Pengekalan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang tinggi bagi komponen penglibatan dan pengekalan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mampu mewujudkan suasana dan persekitaran yang menyeronokkan di dalam

sesebuah pusat. Dimana guru bimbingan dan kaunseling dapat bertindak dengan baik dalam memenangi hati rakan-rakan ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang positif. Ini secara tidak langsung guru bimbingan dan kaunseling dapat mewujudkan hubungan erat dengan guru-guru lain dan pelajar dan menjadikan bilik kaunseling sentiasa dikunjungi oleh guru dan pelajar.

f) Penempatan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang sederhana bagi komponen penempatan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang sederhana dalam pembahagian tugas dan peranan masing-masing dalam melaksanakan tugas bimbingan, kaunseling dan sebagainya. Dalam hal ini, guru bimbingan dan kaunseling perlu memberi cabaran dan pengalaman kepada orang lain juga untuk membantu menjayakan sesuatu program.

g) Perhubungan Pemegang Setara

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan yang sederhana bagi komponen perhubungan pemegang setara. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai kemahiran yang sederhana dalam menjalin hubungan yang baik dengan semua warga pusat terutamanya dengan pengetua atau pengarah. Hubungan yang baik terutama dengan pihak pengurusan dan pentadbiran akan mampu membantu urusan bimbingan dan kaunseling dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Kepuasan Kerja

Berdasarkan kepada keenam-enam komponen kepuasan kerja itu, guru bimbingan dan kaunseling menunjukkan dapatan skor min yang tinggi bagi 3 komponen kepuasan kerja iaitu situasi pekerjaan sekarang, penyeliaan dan peluang kenaikan pangkat. Manakala skor min yang sederhana pula melibatkan tiga komponen iaitu gaji, rakan sekerja dan pekerjaan sampingan.

a) Situasi Pekerjaan Sekarang

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi bagi komponen situasi pekerjaan sekarang. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai persepsi yang positif dalam kerjaya dan kepada majikan iaitu Majlis Amanah Rakyat. Guru bimbingan dan kaunseling seronok dengan tugas dan peranan mereka. Mereka dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik berdasarkan pengalaman yang mereka miliki. Pengalaman yang mereka miliki mampu meningkatkan lagi mutu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dari masa ke semasa. Hasil kajian ini didapati selari dengan kajian Massithah (2009) mendapati situasi pekerjaan sekarang adalah menentukan kepuasan kerja guru.

b) Penyeliaan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi bagi komponen penyeliaan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling berpuas hati dengan corak penyeliaan terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dilakukan oleh pengetua atau pengarah dan Unit Kaunseling Bahagian Sumber Manusia MARA. Penyeliaan yang diadakan oleh pihak MARA adalah untuk memastikan bahawa segala perancangan unit dapat dilaksanakan dengan baik dan secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kompetensi profesional Guru bimbingan dan kaunseling. Menurut kajian Arsaythamby (2011) mendapati bahawa penilaian dan penyeliaan yang adil mampu memberikan kepuasan kerja dalam kalangan guru.

c) Peluang Kenaikan Pangkat

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi bagi komponen peluang kenaikan pangkat. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling merasakan bahawa mereka mempunyai peluang kenaikan pangkat dalam meningkatkan laluan kerjaya mereka. Ini dapat dilihat, MARA merupakan sebuah organisasi yang menawarkan peluang kenaikan pangkat kepada semua pegawainya

yang berkecukupan dan mampu menyumbang idea dan peranan dalam meningkatkan kecemerlangan organisasi MARA. Kajian ini didapati selari dengan kajian Kamarudin (1995) mendapati peluang kenaikan pangkat juga mempengaruhi tahap kepuasan kerja guru di negeri Perak.

d) Gaji

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kepuasan kerja yang sederhana bagi komponen gaji. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling kurang berpuas hati dengan pendapatan yang diterima setiap bulan iaitu gaji dan penghargaan lain daripada hasil kerja yang mereka telah lakukan. Ini juga dapat dilihat ada di kalangan mereka yang masih belum dapat menetap bersama pasangan masing-masing kerana kekangan pusat MARA yang terhad dan akan melibatkan perbelanjaan yang tinggi setiap bulan. Menurut Yusoff (2012) ganjaran adalah suatu pemangkin bagi menggalakkan pekerja untuk terus bekerja dengan lebih baik dan bersemangat. Ini secara tidak langsung membuatkan seseorang pekerja merasa dirinya dihargai dan hasil kerja mereka diiktiraf oleh organisasi.

e) Rakan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kepuasan kerja yang sederhana bagi komponen rakan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling berpuas hati dengan corak perhubungan dan interaksi dalam kalangan rakan sejawat dan rakan yang lain.

f) Pekerjaan Sampingan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi bagi komponen pekerjaan sampingan. Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling kurang berminat untuk melaksanakan kerja sampingan bagi menambahkan pendapatan sampingan kewangan keluarga. Ini dapat dilihat bahawa, tugas guru bimbingan dan kaunseling menuntut masa yang tinggi kerana selalu terlibat dengan program pada hujung minggu

dan hari cuti persekolahan. Jadi secara tidak langsung minat untuk melaksanakan kerja sampingan adalah agak terbatas dan terhad.

Hubungan Antara Kepimpinan Dan Kepuasan Kerja

Daripada kajian yang dijalankan, didapati kepimpinan dan kepuasan kerja mempunyai hubungan signifikan yang positif. Keadaan ini menggambarkan kepuasan kerja bergantung kepada tahap kepimpinan yang ada pada seseorang individu. Perkara ini dapat dilihat apabila kepimpinan dikaitkan dengan kemahiran-kemahiran moral dan sosial yang dimiliki oleh seseorang individu. Ini menunjukkan bahawa guru bimbingan dan kaunseling mempunyai kemahiran kepimpinan dalam diri. Hasil kajian ini didapati selari dengan kajian Rorlinda (2009) yang menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai tahap kecekapan orientasi perkhidmatan yang tinggi. Implikasi kajian ini memberi impak penting kepada pengurusan organisasi pendidikan dalam usaha mempertingkatkan tahap kepimpinan dan meningkatkan kepuasan bekerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling. guru bimbingan dan kaunseling perlu kreatif dari segi pembahagian tugas, perancangan program, hubungan baik dengan rakan sejawat, guru-guru dan pentadbir sekolah, mengutamakan penghargaan dan tidak mementingkan diri dan lain-lain lagi.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian lanjut dicadangkan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepimpinan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling Institusi Pendidikan MARA (IPMA) kerana masih menjadi elemen penting dalam menentukan sumbangan bekerja kepada organisasi.

KESIMPULAN

Isu kepuasan kerja dalam kalangan guru tidak seharusnya dibiarkan berlarutan agar prestasi kerja guru tidak menurun. Adalah diharapkan hasil kajian ini juga dapat memberi implikasi yang bernilai kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang pendidikan. Kepuasan kerja guru menjadi satu indikator penting untuk menjamin kesejahteraan guru dan pelajar-pelajar. Peningkatan kepuasan bekerja mendorong kepada pengendalian jawatan dan dapat menghasilkan guru yang berkualiti. Langkah awal perlu diambil dalam menangani isu ketidakpuasan kerja dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling yang boleh menjatuhkan profesionalisme kaunseling di Malaysia.

RUJUKAN

- Arsaythamby & Wirda. 2011. *Atribut Sistem Penilaian Prestasi Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru*. IJMS 18 (1), 197-216.
- Azlina Mohd Kosnin & Shiqah Jantan. 2010. *Tahap Stress dan Tahap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana.
- Daud, N. 2010. *Jaminan Kerja dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Organisasi*. *International Conference on Ethics and Professionalism (ICEP 2010)*, Equatorial Hotel, Bangi -Putrajaya.
- Jamaliah & Norasimah. 2010. *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan: Teori, Polisi dan Pelaksanaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Junaidah Mohamad & Nik Rosila Nik Yaacob. 2013. *Kajian Tentang Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Guru – Guru Pendidikan Khas*. *Asia Pacific Journal Of Educators and Educators and Education*, Vol 28, 103-115, 2013.
- Kamus Dewan. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Massithah. 2009. *Persepsi Guru Terhadap Kepuasan Kerja dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan kerja Guru di Sekolah Menengah*. (Kertas Projek Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan). Universiti Utara Malaysia.
- Nur Yusrina Mohd Roodzi. 2012. *Isu Keguruan: Isu Beban Tugas Guru*. Utusan Malaysia (2012).
- Pearson, L., & Moomaw, W. 2005. *The relationship between teacher autonomy and stress, work satisfaction, empowerment and professionalism*. *Education Research Quarterly*, 29(1),37-53.
- Robbins. S.P. 2003. *Organizational Behaviour*. (10th ed.). New Jersey, Prentice Hall.
- Rorlinda. 2009. *Kecerdasan Emosi, Efikasi Kendiri dan Sumbangannya Terhadap Komitmen Tugas Guru Kaunseling Sekolah Menengah*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sapora Sipon. 2010, *Stress Kerja Guru, Punca, Kesan dan Strategi Daya Tindak*. Prosiding Seminar Profesion Perguruan.

- Siti Halimah Syed Nordin. 2003. *Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Kaunseling*. Seminar Kaunseling Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Smith, et.al. 1975. *Strategies Of Social Research: The Metodological Imagination*, Prentice Hall PTR.
- Suradi Salim. 1994. *Tahap Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Jurnal PERKAMA 11:1-14.
- Yusoff, M. K. 2012. *Pendekatan program Kualiti Kehidupan Bekerja (KKB)*. Darpada Md Kamal Yusoff: <http://mdkamalyusoff.blogspot.com>.
- Zulkifli Ahmad.2003. *Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Sekolah-Sekolah Kebangsaan Zon Majidi, Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Zuria Mahmud & Jazimin Jusoh. 2008. *Kualiti Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah Menengah*. Jurnal PERKAMA 14: 129-144.

Solution-Focused Interviewing for Suicidal Feeling Client: A Case Study in Higher Institution

Farhana Sabri¹, Mohd Yahya. Ariffin¹, Mohd Khairul Anuar, R.¹

¹Faculty of Leadership and Management, USIM

Abstract

This case study employs solution-focused interviewing to reduce the intensity of suicidal ideation in a depressed client. Depression and suicidal tendency are frequent comorbid symptoms in clients seeking for treatment. For some of these, being Malay Muslims may further complicate treatment in a way it presents a barrier to clients seeking help due to mental illness stigma attached to depression. The objective of this paper is to illustrate the utilization of solution-focused interviewing in helping a depressed client with suicidal feeling. Case study methodology was utilized to illustrate what interventions the therapist used in the case. Following three sessions of solution-focused interviewing spaced at 1-week interval, the findings indicated reducing suicidal feeling in client and a reduction in the intensity of dark thoughts that had previously plagued the client when triggered. The client's symptoms of depression as measured by Beck Depression Inventory (BDI) reduced from severe to normal range. In conclusion, solution-focused interviewing produced positive outcomes in dealing with a suicidal feeling client.

Keywords; suicidal client; solution-focused interviewing

INTRODUCTION

Solution-focused interviewing is originating from Solution-Focused Brief Therapy (SFBT); developed by de Shazer and Insoo Kim Berg in 1981 (de Shazer, 1985). SFBT rooted in post-modernism philosophy of knowledge that believes in multiple “truth” in explaining a situation. A client constructs his or her own problems as well as solutions. Thus, there is no preconception notion in describing a client’s presenting concerns. SFBT focuses on a client’s resources and resilience instead (de Shazer, 1985). SFBT is also known as strength-based approach that stresses on solution and future-oriented questions. Effective questioning is central to the solution-focused approach as it’s aim is to facilitate purposeful positive change. Questions that are truly effective should have the effect of enhancing motivation and increasing positive affect and self-efficacy for change. Psychological health develops when a person devotes his or her time in creating solutions rather than analyzing the problems. Focusing too much on the problems would create problem-saturated life and lead further psychological problems. SFBT counselor argues that when a counselor tries to find the root of the problem, it could even cause damage for the client (Grant, 2012). Therefore, language to develop question is critical to highlight solution and future orientation of counseling interaction. There are three main interviewing questions that direct counseling interaction towards a client’s vision of solutions; exception questions, miracle questions, and scaling questions.

Exception questions are used to identify a client’s coping strategies. Exception is a situation where the problem should or could have happened, but it did not; either with or without a client’s intention. This is possible as the problem does not happen all the time. That is, a client has tried strategies that worked and for unknown reasons has stopped doing them. Miracle questions are used to articulate goals that require a client to visualize what would be different if the problem solved. The miracle questions could be phrased as such *“When you go to bed tonight, a miracle happens and the problems that you prompted to me now is solved. But since that happen while you are sleeping, you have no way of knowing that a miracle night just happened. When you wake up in the morning, what would be the small changes telling you that*

your problems solved?" The key in miracle questions is to elicit small changes for goal development (Grant, 2012).

Scaling questions are used to assess a client's current situation and progress. To set up a scale, a client is asked to mark any number on the scale that signifies his or her current situation. Next, a counselor would explore the meaning of the number. A counselor might say *"Last week you were at 4 on good communication scale, and this week you feel like at 5. I was wondering what did you do differently? How do you know that you are at 5? Let's suppose you increase one point on the scale, how would you and your significant others discover this?"* This is important for the counselor to probe why the number on the scale increased and not lowered as that would punctuate new changes and focus on solutions (Grant, 2012).

Past studies indicated that SFBT has been used among clients with depression and anxiety. Mental health issues that are presented with depression and anxiety symptoms are the most important risk factor for suicide (Kondrat & Teater, 2012; Rapaport, Clary, Fayyad, & Endicott, 2005). Kondrat and Teater (2012) reported that solution-focused therapy was effective in an emergency room setting to increase hope for patients presenting with suicidal ideation. Guterman (2006) asserted that an effective therapy for depressed clients with suicidal ideation is one that provides immediate hope and a vision of possibility of change. SFBT seeks to do just this by encouraging clients to see that they already managing their problems.

In Malaysia, the Ministry of Health Malaysia reported that mental disorders, depression, emotional stress, relationship problems, anxiety, poverty, physical abuse, alcoholism, drug abuse, unemployment, and financial problems are possible risk factors for suicide in the Malaysian society (Kaur, 2006). Following this emergence, the National Suicide Registry Malaysia (NSRM) was established in 2007 to monitor suicide. Based on the registry, it was reported that financial problems and job problems were among the factors that correlated high with suicide individuals (NSRM, 2009). Furthermore, this report was concurred by a study conducted by Hamidin and Maniam (2011), which reports that six most commonly reported life

threatening events prior to a suicide attempt; personal illness, family illness, interpersonal issues (i.e., serious problems with close friends, breaking off a steady relationship, and a separation due to marital difficulties), work issues, and other life events issues.

Due to this alarming risky factor among the Malaysian society, researchers were urged to investigate protective factors that could counteract with the risky factors. This effort can be started as early as in adolescent population to indicate prevention should be started off early in school. Ahmad, Cheong, Ibrahim, and Rosman (2014) found that protective factors as in having close friends and married parents were less likely for students to engage in suicidal ideation. Despite this effort, suicidal behavior is also seen among university and college students in Malaysia. A significant positive relationship was found between suicidal ideation and depression among university students in Malaysia (Mustaffa, Aziz, Mahmood, & Shuib, 2014). Suicidal behavior is becoming a worrisome polemic in Malaysia.

In response to this matter, this paper aims to illustrate the utilization of solution-focused interviewing in helping a depressed client with suicidal feeling. Solution-focused interviewing has been indicated to have a quicker reduction in depressive symptoms and better results for patients with a comorbid personality disorder (Knekt & Lindfors, 2004), significant improvement in depression and symptom distress for depressed substance abusers (Smock, Trepper, Wetchler, McCollum, Ray & Pierce, 2008), and to be superior to usual outpatient treatment for problem drinkers (de Shazer & Isebaert, 2003). The findings of this paper would contribute strengthening the discussion of strategies and techniques of solution-focused interviewing in mental health services.

METHODOLOGY

Case study was utilized as a methodology to strengthen and refine the existing theoretical construct of SFBT. Case study was selected because it allows the researcher to identify which interventions and processes of SFBT were used to address the suicidal case and depression. The researcher used information-oriented selection

as a case selection strategy. The population consist of undergraduate counseling students, who received counseling services at the Counseling Laboratory Centre, Universiti Sains Islam Malaysia. Thus, the participant of this research was drawn from a pool of cases at the centre. The specific case of this client was carefully chosen to investigate because it was deemed critical, which can be exemplars for counselor to work with this population. The protocol of the case selection was adhered throughout the entire process. The participant was presented with informed consent and a detail explanation about the study (i.e., the nature of the study, any risks involved in taking part, and implications).

Case Introduction

Ms. B, a 21-year old woman who presented with appropriate clothing and was cooperative throughout the session. She was referred by her course professor for assessment for psychotherapy following severe stress-induced depression behavior in the class. She was a second year student by the time this case study was conducted, 2017.

Presenting Complaints

During the initial interview, Ms. B maintained good eye contact and her affect was in normal range and reactivity. This was evidenced by tears in response for topics as would be expected for the situation shared in the session. There was no evidence of psychotic phenomenon. She reported no history of major depression and suicide. Ms. B expressed concern that she has been feeling “overwhelmed” since the past week.

Ms. B reported that she has not been able to fall asleep, stay asleep, and feel restless after waking up. She reported feeling lethargic and loss of interest or pleasure in daily activities. She said that she has difficulty getting out of bed and reported “*I have nothing to look forward to*”. Moreover, Ms. B reported feeling sad almost every day for the past week, less appetite, loss concentration, low self-esteem, and crying for unknown specific reasons. She stated having rapid heart beat at night and worrying about “something”. These symptoms have been going on for the past week.

Ms. B is living with other housemates, whom also her course mates. She reported feeling being ignored by her friends and stated “*I can't believe they did this to me*”. Ms. B reported she has absent few classes due to her depression. She has informed her professor of her absence, and her professor is supportive of her seeking treatment. However, she is worried that her many unexplained absences would result to dropping off the course. She stated that she was ready to attend some counseling sessions for help.

History

Ms. B described an intense family home during her childhood, including her mother being scolded excessively by her father when she was trying to protect the children from her father's anger rage. The father had had anger problems where he used cursing words towards Ms. B and her siblings. She has six siblings, which she described “detached relationship” with their father. She reported no mental health issues in her family.

Ms. B reported she was bullied in primary school and stated she did not have a lot of friends. Reported “*I have to be someone else for me to feel accepted by the peers*”. She reported her mother had to consolidate her when she came home from school. Ms. B has one older sister and five brothers. She stated that her father and her older sister has an intense father/daughter relationship because of the sister's interest to be a police officer. The father would like his children to be successful in Islamic field. As a second child, she reported the pressure to be successful in academic fell on her shoulder. When she was 15 years old, Ms. B shared an incident where she passed out on the day she had to sit for her *Penilaian Menengah Rendah* (PMR) examination. She said “*It was too much for me*”.

When Ms. B 17-years old, her mother gave birth to her youngest brother, whose now is four-years old. The mother gave birth when she was 41-years old and the father was 52-years old. Ms. B reported growing up in a big family with “detached relationship” with her father was a constant challenge for her. She reported her father started to change when her youngest brother was born. He would come back home

from work angry and project the feeling to his family by cursing and addressing them with bad names. The father would not return home occasionally at night and if so, his actions would full of rage towards her mother and her siblings. Ms. B reported however, her father has never physically abused her. She reported “*I have been emotionally abused*” by him. Ms. B. reported the mother would complain to her about the financial problems of the family and other family-related issues.

Two years ago, she moved to a college to further her studies in Bachelor degree. She lives with another three roommates who also students pursuing their Bachelor degree in the same college. Ms. B reported feeling upsets thinking about her mother at home. She would call her mother occasionally to check on her. Ms. B reported feeling worried and guilty for not being able to be with her mother.

Assessment

During the initial interview, Ms. B reported having suicidal feeling. She was assessed using self-report measure; Beck Depression Inventory (BDI). Ms. B meets the criteria for Major Depressive Disorder, Single episode, Mild (F32.0) according to Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder (DSM-5; American Psychiatry Association, 2016). She scored in the severe range for depression on the BDI. Among the indicators that she scored highest were “*I feel sad almost all the time and I can’t snap out of it*”, “*I feel the future is hopeless and that things cannot improve*”, “*I cry all the time*”, and “*I have lost most of my interest in other people*”. Ms. B reported having no depression episodes in her life and stating that “*I’ve never felt like so depressed in my life*”. From her presentation at interview and the items endorsed on BDI, Ms. B’s depression appears to be due to feeling worthlessness rather than lethargy or health problems.

Given Ms. B’s current situation suggesting lacking of social support, the therapist felt that it was prudent to further conducting suicidal assessment to assess her suicidal thoughts, plan, intent, means, and protective factors (PIMP). Ms. B reported having suicidal feeling at the initial interview and the feeling has been lingering in her mind for the past week. She reported suicidal feeling came two to three times per day

and gotten worse at night. She reported having no specific plan for suicide, however she stated “*How I wish I could be hit by a lorry or a train now*”. Ms. B also reported having thoughts to jump off an apartment where she lives now, however reported having no intent to carry out the thoughts. She stated that “*Actually I don’t want to die, I just feel that I want to disappear for a while from this world*”. Although Ms. B current situation suggesting lacking of social support, she stated that she has a close friend that she knew she would be a reliable friend for support (i.e., close distance and accessible to reach out for help). Furthermore, it was prudent to provide Ms. B with a card containing the number for the Crisis Counseling Services and encouraging her to call if thoughts of suicide did occur. Based on the suicidal assessment, at the end of the initial interview, the therapist concluded that Ms. B was safe not to be referred to the hospital for suicidal case and believed that Ms. B had not specific plan and no intention for suicide.

Case Conceptualization

It is clear that Ms. B’s depression is around feeling of worthlessness and overwhelmed by suppressed feelings of her father action of rage towards her and her mother and hatred towards her father. The overwhelmed feelings were triggered by her current situation (i.e., living apart from her mother, studying stress, and feel being rejected by her peers) and poor coping skills. Given Ms. B history of bullying and a great deal of sadness in Ms. B’s history in a “detached relationship” with her father from childhood throughout the early adulthood years, it is reasonable to use a milder structured interventions to avoid stressing the sadness and opening old wounds. Therefore, solution-focused interviewing questions in SFBT adopting a curious, nonjudgmental stance, and taking optimistic an optimistic view may help Ms. B to find her own healthier solutions to increase her coping skills and manage her moods.

Solution-Focused Interviewing and Assessment of Progress

The main goal of initial interview is to reduce suicidal feeling in her. During the suicidal assessment, Ms. B rated her suicidal feeling at number seven on the scale of one (*1 = less likely to feel suicide*) through ten (*10 = more likely to feel suicide*).

Ms. B agreed to the safety contract where she and the therapist developed at the initial interview session. She was aware that the safety contract was the plan consisted of steps that she should be taking if suicidal feeling increased on the scale.

According to SFBT, the notion of change is that a person is already doing something that is working for him or her in coping with struggles. It is derived from the basis that problems do not happen all the time and there is exception in individuals' life (de Shazer, 1991). In this case, the therapist evaluated that Ms. B rated her suicidal feeling at seven although it could have been at ten (worsen) on the scale. This led to the belief that Ms. B has practiced some sort of coping strategies that work for her, even though without her realization. To assess Ms. B's coping strategy, the therapist began by acknowledging how difficult that must have been and inquired what resources had assisted her through those times. In response to the exception questions, Ms. B has tended to remind herself of sacrifices her mother has done for the family and keeping her spirits as she copes with challenges. However, reminding herself of her mother's spirits was not always possible, for example at evening when she was trying to working on her school work or at night when she was trying to sleep. This led into a discussion of kinds of thoughts or other potential strategies and where they could be used.

The therapist complimented her on her achievements and encouraged her to see whether she could make more of this technique or discover a better solution to discuss in the next session.

The therapist began each session with the question "*what has been better since we last met?*" rather than the usual "*how are you doing today?*". The earlier encourage the client to see her issues differently whereby the later will increase the likelihood of the client to be trapped in problem-saturated discussion. Ms. B had three sessions of SFBT. Ms. B was asked to pay more attention to small changes and details that occurred between the sessions. Each session used this same format that begins with Ms. B's hope for the future, looks for times when the depression was absent, explores

coping strategies and solutions, and uses scaling to track her achievements and compliments her.

The session outcomes were assessed by using pre to post-treatment changes on BDI, suicidal intensity, client’s self-reported on session satisfaction, and the therapist judgment regarding her progress. Ms. B rated her suicidal feeling at one on the scale of 1 through 10, which indicated having no suicidal feeling at all. Pre and post-treatment changes on BDI are presented in Table 1.

Table 1. Pre- and Post-scores on BDI

BDI	Score	Depression Severity
Pretreatment	33	Severe
Posttreatment	13	Minimal

Note: BDI = Beck Depression Inventory

DISCUSSION

Ms. B brought a number of assets to session and responded well to solution-focused interviewing question that were asked throughout the session. Once she was told that this session would not going to dwell on her past experience, she was able to engage well and work on her goals. She responded well to being complimented on her achievements and appeared to be pleased with her progress.

Overall, the results of the present study indicate that SFBT was successful in helping a depressed client with suicidal feeling. Specifically, Ms. B reported a decrease in depressive symptoms (from severely depressed to minimal as measured by the BDI) as well as reducing suicidal feeling and the intensity of dark thoughts. An important aspect of Ms. B’s treatment was the therapist’s reinforcement of the need to focus on small changes and emphasis on the present during the psychotherapy session.

CONCLUSION

Ms. B's case represents a successful example of solution-focused interviewing in helping a depressed client with a suicidal feeling. However, Ms. B's outcome may not generalize to all depressed clients and clients with substance abuse problems. Ms. B's improvement was probably enhanced by her determination to look for solution and motivation for change. Furthermore, use of a non-confrontational and future-oriented approach in solution-focused interviewing may increase engagement of the client.

Declaration of Conflicting Interests

The author declared no potential conflicts of interest with respect to the research, authorship, and /or publication of this article.

REFERENCES

- Ahmad, N., Cheong, S. M., Ibrahim, N., & Rosman, A. (2014). Suicidal ideation among Malaysian adolescents. *Asia Pacific Journal of Public Health, 26*, 63 - 69.
- de Shazer, S. (1985). *Keys to solution in Brief Therapy*. New York: W. W. Norton.
- de Shazer, S. (1991). *Putting difference to work*. New York: Norton.
- de Shazer, S. & Isebaert, L. (2003). The Bruges model: A solution-focused approach to problem drinking. *Journal of Family Psychotherapy, 14*(4), 43–53. Retrieved from http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1300/J085v14n04_04
- Grant, A. M. (2012). Making Positive Change: A Randomized Study Comparing Solution-Focused vs. Problem-Focused Coaching Questions. *Journal of Systemic Therapies, 31*(2), 21–35. doi:10.1521/jsyt.2012.31.2.21
- Guterman, J. T. (2006). *Mastering the art of solution-focused counseling*. Alexandria, VA: American Coun-seling Association.
- Hamidin, A., & Maniam, T. (2011). Life events and parasuicides in Hospital Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences, 7*, 45 – 52.
- Kaur, M. (2006). Living dangerously. *New Straits Times*, 10 Oct; 10: 59.

- Knekt, P., & Lindfors, O. (2004). A Randomized Trial of the Effect of Four Forms of Psychotherapy on Depressive and Anxiety Disorders. Design, Methods, and Results on the Effectiveness of Short-Term Psychodynamic Psychotherapy and Solution-Focused Therapy During A One-Year Follow-up. Kela: Finland.
- Kondrat, D. C., & teater, B. (2012). Solution-focused therapy in an Emergency Room setting: Increasing hope in persons presenting with suicidal ideation. *Journal of Social Work, 12*, 3 – 15.
- Mustaffa, S., Aziz, R., Mahmood, M. N., & Shuib, S. (2014). Depression and suicidal ideation among university students. *Procedia – Social and Behavioral Science, 116*, 4205 – 4208.
- National Suicide Registry Malaysia (2009). *Annual Report for 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rapaport, M. H., Clary, C., Fayyad, R., & Endicott, J. (2005). Quality-of-life impairment in depressive and anxiety disorders. *American Journal of Psychiatry, 162*, 1171-1178
- Smock, S. A., Trepper, T. S., Wetchler, J. L., McCollum, E. E., Ray, R., & Pierce, K. (2008). Solution-focused group therapy for level 1 substance abusers. *Journal of Marital and Family Therapy, 34* (1), 107–20. doi:10.1111/j.1752-0606.2008.00056.x

Pembangunan Alat Ukur Orientasi Seks Perlakuan Gay dan Lesbian

Roslee Ahmad, Salleh Amat, Mohd Isa Amat, Rezeki Perdani Sawai,
Muhammad Khairi Mahyuddin, Ahmad Najaa' Mokhtar

Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia,

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan alat ukur trait orientasi seksual kecelaruan jantina Gay dan Lesbian. Model asas alat ukur ini adalah berdasarkan 7 Dimensi Orientasi Seksual Fritz Klein (1993). Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif iaitu gabungan kajian kes dan analisis dokumen. Berdasarkan kajian kes, 8 orang responden Gay dan Lesbian dipilih secara bertujuan. Responden Gay dan Lesbian ditemu bual menggunakan teknik temu bual semi struktur. Manakala analisis dokumen pula menggunakan literature lepas, jurnal, artikel, dokumen bertulis dan soal selidik Sexual Deviant Behavior. Dapatan temu bual membentuk tema-tema dan digabungkan dengan dapatan analisis dokumen untuk membentuk alat ukur. Seterusnya alat ukur dibangunkan mengikut prosedur yang standard (Brown, 1983). Kesahan konstruk alat ukur diperolehi daripada 2 orang pakar bidang kaunseling untuk membentuk Alat Ukur Orientasi Seks Gay Roslee (ISGR) dan Alat Ukur Orientasi Seks Lesbian Roslee (ISLR). Trait inventori ISGR mengandungi 6 subkonstruk iaitu Instinct, Expression, Nurture, Gay Behaviour, Experience Sexual Deviant Behaviour dan Spiritual. Manakala trait ISLR mengandungi 5 subkonstruk iaitu Instinct, Nurture, Gay Behaviour, Experience Sexual Deviant Behaviour dan Spiritual. Ujian rintis alatukur ISGR mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.67 manakala ISLR mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.70. Mengikut Kerlinger (1979) dan Mohd Majid (1990) nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach melebihi 0.6 adalah baik dan boleh diterima.

Kata Kunci : Gay; Lesbian; Alat Ukur Orientasi Seks; Seks Sonsang; LGBT

PENDAHULUAN

Kecelaruhan orientasi seksual merupakan ketidakselesaian berterusan oleh individu terhadap jantina mereka dan kemahuan untuk menjadi jantina sebaliknya (Vock, Stahn, Loenser dan Legenbauer (2009). Terminologi lain adalah kecelaruhan identiti gender atau *Gender Identiti Disorders* (Puteri Hayati dan Nurul Hadani, 2015). Individu yang mengalami kecelaruhan orientasi seksual ini akan mengalami rasa ketidaksesuaian dalam peranan biologi jantina dengan cara menghapuskan kriteria utama jantina mereka. Ini dilakukan dengan cara mengambil hormone atau pembedahan dengan tujuan untuk mengubah ciri fizikal supaya nampak maskulin atau feminin mengikut naluri diri (*American Psychiatric Association*, 2000).

Kajian ini merupakan kajian peringkat *preliminary* pembangunan alat ukur yang dilakukan secara empirikal berfokus untuk melihat tingkah laku seks songsang Gay dan Lesbian. Rentetan trend perubahan sosial yang melibatkan kes-kes perceraian dan kebimbangan HIV dan AIDS dan pembedahan alat kelamin yang meningkat kini di Malaysia, maka trend gejala sosial kini melibatkan seks songsang seperti Gay, Lesbian dan Transgender perlu diberi keutamaan. Kes LGBT menjadi keutamaan masyarakat dan pihak kerajaan apabila fenomena ini berlaku melibatkan pertentangan agama, nilai-nilai dan sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Mereka sanggup melakukan apa saja walaupun sanggup memusnahkan diri seperti menjalinkan hubungan dengan rakan sejenis, menyediakan perkhidmatan seks dan menjalani pembedahan perubahan jantina. (Puteri Haryati dan Nurul Hadani, 2015). Menurut Asraf Wajdi (2016) dilaporkan lebih 90,000 pasangan bercerai berpunca LGBT. Justeru, usaha menangani masalah ini perlu diberi keutamaan dan diperluaskan di peringkat pencegahan di peringkat sekolah.

Tujuan Kajian

- i. Membangunkan Alat ukur Orientasi Seksual yang mengukur trait-trait kecelaruan jantina Gay dan Lesbian

Objektif Kajian

- i. Mengukur kebolehpercayaan alat ukur Orientasi Seks Gay Roslee (ISGR) dalam kalangan pelajar lelaki yang tinggal di sekolah berasrama.
- ii. Mengukur kebolehpercayaan alat ukur Orientasi Seks Lesbian Roslee (ISLR) dalam kalangan pelajar perempuan yang tinggal di sekolah berasrama.

Kepentingan Kajian

Penularan kes-kes melibatkan LGBT melibatkan generasi muda amat membimbangkan. Banyak kajian-kajian lepas yang dilakukan penyelidik Barat berkaitan LGBT hanya berkisar cara hidup dan amalan seks selamat dalam kalangan pengamal LGBT dan kesan persepsi negatif komuniti terhadap anak-anak golongan LGBT. Namun, kajian untuk memahami simptom-simptom dan pencegahan LGBT tidak diberi penekanan. Justeru, pembangunan inventori yang berkaitan Gay dan Lesbian sangat penting dibangunkan dengan hasrat membantu ibu bapa, guru dan kaunselor mengenal pasti karakter atau ciri-ciri tingkah laku LGBT di kalangan kanak-kanak dan remaja berdasarkan pengesanan awal menerusi pemerhatian dan ujian inventori yang dilakukan terhadap mereka. Ini adalah kerana impak arus media dan teknologi masa kini, banyak memberi kesan negatif terhadap pembangunan sahsiah kanak-kanak dan remaja secara tidak langsung yang dipelajari daripada *computer mediated communication* dalam bentuk teks, imej, video yang dihantar menerusi telefon bimbit, e-mel dan mesej. (Lenhart, 2009)

Teori Kajian

Asas model kajian ini adalah berdasarkan kepada Fritz Klein (1978) yang mengklasifikasikan 7 dimensi atau multidimensi grid dalam orientasi seksual manusia iaitu tarikan *sexual attraction*, *sexual behaviour*, *sexual fantasy*, *emotional preference*,

social preference, gaya hidup homoseksual atau heteroseksual, dan *self-identification*. Grid Klein mengkaji orientasi seksual pada masa lalu, masa kini dan pada masa depan berkaitan 7 faktor untuk sejumlah dua puluh satu nilai. *The Klein Sexual Orientation Grid* (KSOG) menggunakan nilai-nilai untuk menerangkan kontinum daripada bertentangan-seks untuk melihat kewujudan tret bagi seks sejenis.

Sexual attraction bermaksud tarikan seksual adalah keinginan seksual yang difikirkan seseorang individu untuk dijadikan pasangan. Rasa tertarik ini berbeza dengan pengalaman seksual. Individu yang tertarik pada jenis seksual tertentu ini tidaklah bermakna beliau pernah terlibat dengan tingkah laku seksual. *Sexual Behaviour* pula bermaksud tingkah laku seksual adalah perilaku seksual. Ia melibatkan pengalaman seksual yang tidak terbatas kepada hubungan intim dan yang meningkatkan dorongan seksual. *Sexual Fantasy* berkait dengan imaginasi seseorang yang bersifat erotik dan seksual. Fantasi seksual didefinisikan sebagai fikiran yang menyenangkan (*pleasure*) berkait aktiviti seksual. Fantasi seksual penting untuk meningkatkan dorongan seksual. *Emotional Preference* atau kecenderungan emosi berkaitan dengan kebebasan individu untuk memilih dan menjalinkan hubungan emosi yang kuat. Individu mempunyai pilihan dan bebas untuk menjalin kemesraan dan meluaskan ikatan persahabatan dengan siapa yang beliau suka dan selesa untuk menjalinkan hubungan. *Social Preference* atau kecenderungan sosial berkait dengan tempoh masa yang diambil seseorang individu sewaktu menjalinkan hubungan sosial. Hubungan sosial ini juga melibatkan sesama jantina atau jantina yang berbeza. Walaupun kesannya hampir sama dengan kecenderungan emosi, kecenderungan sosial menekankan dengan siapa dan kelompok individu untuk bersosialisasi. Gaya Hidup Heteroseksual atau Homoseksual Manusia adalah melibatkan budaya hidup tertentu yang diamalkan seorang individu dalam sesuatu kelompok. Ini bermaksud gaya hidup heteroseksual/homoseksual berkait dengan cara hidup individu tertentu yang memilih bersosial berdasarkan orientasi seksual dalam sesuatu kelompok. *Self Identification* atau Identifikasi Diri berkait penilaian terhadap orientasi seksual diri sendiri. Identifikasi individu atau refleksi diri ini sebenarnya memberikan impak yang besar kepada diri sendiri kerana di sinilah faktor yang mempengaruhi fikiran dan tingkah laku seseorang individu sama ada positif atau negatif.

Kajian Lepas

Faktor masa silam mempunyai kaitan dengan tingkah laku LGBT kanak-kanak dan remaja masa kini. Kecelaruhan identiti gender bagi subjek berdasarkan orientasi peranan seksual masa kecil seperti bermain anak patung, masak memasak, dan berkawan dengan kanak-kanak perempuan dipercayai menyumbang kepada tingkah laku yang feminin dan sebaliknya. (Smith, Van Goozen, Kniper & Cohen Kettens, 2005). Menurut Nor'Bayah dan Yahaya (2002), fenomena kanak-kanak sering bermain dengan perempuan semasa kecil adalah peristiwa yang menyumbang kepada kegagalan membina personaliti dan seterusnya memberi kesan kepada tingkah laku transeksual.

Kajian penyelidik lepas turut mendapati remaja yang terlibat dengan LGBT mempunyai risiko yang tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko dan mempunyai masalah kesihatan mental berbanding remaja normal (Bell & Weinberg, 1978, Hetrcik & Martin, 1987) serta berisiko untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol (Ramafedi, 1991, Rotheramborus & rakan-rakan, 1995). Mereka juga dilihat mempunyai masalah sikap dan sebab itu mereka sering dipinggirkan oleh individu terdekat sehingga menghalang ke fungsian psiko logikal mereka. Kajian Gottman (2003) melihat pasangan Lesbian dan Gay mempunyai ekspresi emosi yang positif berbanding dengan pasangan heteroseksual dalam menyelesaikan sesuatu konflik kerana mereka mempunyai persefahaman yang tinggi. Mereka mendapat pemuasan dalam perhubungan dan kepuasan yang dicapai sama seperti pasangan heteroseksual. Carrington (1999) melihat perhubungan lesbian apabila mereka tinggal bersama di dalam rumah. Hasil kajian beliau mendapati tiga dapatan utama daripada perhubungan Lesbian iaitu wujud kerjasama yang rapat, keseimbangan ketika membahagikan kerja rumah dan membahagikan kerja mengikut kepakaran masing-masing. Kerjasama yang rapat antara mereka menyebabkan mereka lebih menghormati antara satu sama lain, dan saling bantu membantu antara satu sama lain serta mengurangkan konflik dalam perhubungan. Justeru, kerja rumah yang dilaksanakan semakin cekap apabila wujud spesifikasi tugas antara mereka.

Faktor kurang kasih sayang juga menyumbang kepada masalah Lesbian (Schumm, 2010). Kekurangan komunikasi antara anak dengan ibu bapa menyebabkan mereka mencari perhatian di luar untuk mencari kasih sayang dan perhatian melalui hubungan rapat dengan rakan sejenis. Frisch (2006) melihat kurang kasih sayang dan perhatian sejak zaman kanak-kanak menyebabkan remaja perempuan mula menjauhkan diri daripada ibu bapa dan mengalih kasih sayang dengan mencari rakan sebaya yang rapat hubungan dengan mereka. Ini adalah kerana rakan sebaya perempuan lebih memahami diri mereka, sedang berbincang, bertukar tukar hal peribadi dan yang paling penting adalah bersama apabila menghadapi konflik peribadi. Simari dan Baskin (1982) pengalaman lepas seorang wanita yang pernah ditipu dan diambil kesempatan oleh teman lelaki turut menyumbang kepada wujudnya perasaan negatif kepada lelaki. Justeru, ini mengakibatkan sikap, kepercayaan dan rasa kasih sayang beralih kepada teman perempuan. Ini ditambah dengan sikap pasangan perempuan yang mengambil berat, memahami dan suka membantu menjadikan pasangan perempuan tadi lebih menaruh harapan dan mempercayai teman perempuan berbanding lelaki. Kajian ini pula membangunkan alat ukur tret tingkah laku Gay dan Lesbian di kalangan remaja sekolah berasrama.

Definisi Operasi

Orientasi Seks

American Psychological Association (2008) mendefinisikan orientasi seksual sebagai “*an enduring pattern of emotional, romantic, and/or sexual attractions to men, women, or both sexes.*” Orientasi seksual adalah hubungan seseorang yang memiliki unsur perasaan dan bertingkah laku terhadap orang lain menerusi tingkah laku berciuman dan berpegangan tangan. Kesan hubungan yang mesra dan intim ini dapat mengeratkan hubungan dan memenuhi keperluan cinta. Di samping itu, ekspresi orientasi seksual juga melibatkan kesan tingkah laku tanpa seks antara pasangan seperti meningkatkan nilai-nilai dan matlamat pasangan, keinginan untuk saling memahami dan komitmen dalam kehidupan.

Perlakuan Gay

Mengikut Hogan dan Hudson (1998) Gay adalah istilah yang terutamanya merujuk kepada seseorang homoseksual atau sifat menjadi homoseksual. Istilah ini pada asalnya digunakan untuk bermaksud "riang", "gembira", atau "terang dan menonjol".

Perlakuan Lesbian

Sears (20025) mentakrifkan Lesbian adalah istilah bagi perempuan yang mengarahkan orientasi seksualnya kepada sesama perempuan. Istilah ini juga merujuk kepada perempuan yang mencintai perempuan baik secara fizikal, seksual, emosional, atau secara spiritual. Istilah ini dapat digunakan sebagai kata benda jika merujuk pada perempuan yang menyukai sesama jenis, atau sebagai kata sifat apabila bermakna ciri objek atau aktiviti yang terkait dengan hubungan sesama jenis antara perempuan.

Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kegunaan hanya mengukur orientasi seksual Gay dan Lesbian sahaja dan tidak berkait kecelaruan gender yang lain. Justeru itu, inventori ini tidak boleh digeneralisasikan untuk kecelaruan jantina untuk jenis parafilias yang lain termasuklah biseksual, transgender, queer, pedofilia, fetisyisme dan sebagainya. Pengukuran jenis parafilias tingkah laku seksual yang lain perlu dibangunkan untuk mengukur tret dan personaliti parafilias mengikut kecenderungan seksual dan penyelidikan berdasarkan kaedah yang sama dilaksanakan penyelidik.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif iaitu gabungan kajian kes dan analisis dokumen. Berdasarkan kajian kualitatif, 8 orang responden Gay dan 8 orang responden. Lesbian ditemu bual menggunakan teknik temu bual semi struktur. Manakala analisis dokumen pula menggunakan literatur lepas, jurnal, artikel, dokumen bertulis dan soal selidik *sexual deviant behavior*. Dapatan temu bual

membentuk tema-tema dan digabungkan dengan dapatan analisis dokumen untuk membentuk alat ukur. (Yin, 2008, Silverman, 2013)

Penyelidik telah mendapatkan maklumat berkaitan dengan LGBT dan untuk menemui mereka dengan nasihat *Association of LGBT Rainbow*, responden memberi nama, lokasi dan pekerjaan golongan Gay dan Lesbian. Premis tempat kerja mereka dikenal pasti seperti premis pengantin, kedai gunting rambut, kedai urut, dan kedai tukang jahit baju. Tempoh masa selama 4 tahun (2012-2016) telah diambil untuk memilih hanya responden yang memiliki karakter sebagai Gay dan Lesbian dipilih sebagai responden. Sepanjang tempoh itu, penyelidik telah mengumpulkan seramai 30 orang golongan LGBT dan untuk memenuhi tujuan kajian ini, hanya Gay dan Lesbian sahaja dicerap dan dipantau segala tingkah laku mereka. Justeru, 8 orang Gay dan 8 orang Lesbian telah dirakam temu bual bagi membentuk tema-tema kajian.

Seterusnya, dapatan temu bual ini digabungkan dengan literatur lepas, jurnal, artikel, dokumen bertulis dan soal selidik *sexual deviant behavior*. Antara soal selidik *sexual deviant behavior* yang dirujuk dan melalui disesuaikan konstruk adalah seperti *Instrument Gender Stratification in the Lesbian and Gay Band Association* (M. W. Hudson, dan rakan-rakan, 2014), *Fenway Health Patient Survey on Asking Sexual Orientation and Gender Identity Questions* (Robbie Singgal and Harvey Makadon, 2013), dan *Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale* (Mohr, J and Kendra, M. S, 2011). Berdasarkan *Instrument Gender Stratification in the Lesbian and Gay Band Association* (M. W. Hudson, dan rakan-rakan, 2014) dan *Fenway Health Patient Survey on Asking Sexual Orientation and Gender Identity Questions* dan *Fenway Health Patient Survey on Asking Sexual Orientation and Gender Identity Questions* (Robbie Singgal and Harvey Makadon, 2013), penyelidik mengenal pasti trait dan pola personaliti Gay manakala bagi *Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale* (Mohr, J and Kendra, M. S, 2011).

Pembangunan Inventori Orientasi Seksual Gay Roslee (ISGR) dan Inventori Orientasi Seksual Lesbian Roslee (IPLR)

Inventori Orientasi Seksual Gay Roslee (ISGR) ini mengandungi 70 item yang direka sendiri penyelidik manakala *Inventori Orientasi Seksual Lesbian Roslee* (IPLR) pula mengandungi 60 item yang direka sendiri penyelidik yang disesuaikan daripada *Instrument Gender Stratification in the Lesbian and Gay Band Association* (M. W. Hudson, dan rakan-rakan, 2014), *Fenway Health Patient Survey on Asking Sexual Orientation and Gender Identity Questions* (Robbie Singgal and Harvey Makadon, 2013), dan *Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale* (Mohr, J and Kendra, M. S, 2011). Berdasarkan *Instrument Gender Stratification in the Lesbian and Gay Band Association* (M. W. Hudson, dan rakan-rakan, 2014) dan *Sexual Orientation and Gender Identity Questions* dan *Fenway Health Patient Survey*, penyelidik mengenal pasti trait dan pola personality Gay manakala bagi *Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale* (Mohr, J and Kendra, M. S, 2011) penyelidik mengambil 2 item dari subkonstruk *Concealment Motivation*.

Penyelidik turut merujuk kepada fokus utama pembangunan inventori ini adalah untuk mengukur perlakuan seks songsang yang berkait dengan tingkah laku Gay dan Lesbian. Oleh kerana fokus pembangunan alat ukur adalah untuk mengenal pasti dan mengesan simptom tingkah laku seks songsang, maka pembinaan item mengambil kira konteks budaya tempatan dan konteks ajaran Islam. Untuk mengukur tingkah laku seks songsang Gay, beberapa subkonstruk dibina berdasarkan pengamatan penyelidik berdasarkan aspek personaliti, *instinct* (naluri), *expression* (gaya penampilan), *nurture* (didikan keluarga), *Gay Behaviour* (tingkah laku Gay), *deviant sexual experience* (pengalaman seks songsang) dan spiritual (kerohanian). Manakala untuk mengukur tingkah laku seks songsang Lesbian pula, penyelidik fokus kepada beberapa subkonstruk dibina berdasarkan pengamatan penyelidik berdasarkan aspek personaliti, *instinct* (naluri), *nurture* (didikan keluarga), *Lesbian Behaviour* (tingkah laku Lesbian), *deviant sexual experience* (pengalaman seks songsang) dan spiritual (kerohanian).

Responden Kajian

Responden kajian adalah di kalangan golongan Lesbian dan Gay yang berumur antara 19 hingga 45 tahun. Semua responden tinggal di Johor Bahru, berbangsa Melayu dan bekerja. Penyelidik telah mengenal pasti Persatuan Pelangi Johor Bahru yang mempunyai perkaitan dengan ahli ahli LGBT. Dengan bantuan maklumat, penyelidik telah mengenal pasti pergi responden yang bekerja sebagai juru andam solek pengantin, penggunting rambut salon wanita, tukang urut biseksual, dan tukang jahit baju yang bekerja pada waktu siang. Terdapat juga responden yang bekerja sebagai pelayan di kelab malam. Di samping itu, ada di kalangan mereka bekerja secara profesional sebagai eksekutif, guru dan jurutera. Seramai 8 orang responden Lesbian dan Gay di temu bual di lokasi yang berbeza seperti di restoran makanan segera, kantin, dan taman awam. (Yin, 2008). Untuk mendapatkan maklumat tambahan, penyelidik turut merakamkan temu bual dan dokumen daripada seorang responden yang sering berulang alik dari Johor Bahru ke *Blue Boy Club*, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Ini adalah kerana di situlah tempat pertemuan dan hiburan bagi golongan LGBT berhibur pada hari Sabtu dan Ahad.


Tatacara Kajian

Untuk membangunkan alat ukur ini proses pembentukan telah melalui proses pembentukan alat ukur yang disyorkan Brown (1983) dengan menetapkan definisi dan operasi alat ukur, membangunkan item-item yang berkualiti berdasarkan tema-tema yang diperolehi dari kajian kualitatif, melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan dan *Back to Back Translation* terhadap sesetengah perkataan dan tingkah laku berkait agama, budaya dan norma masyarakat tempatan. (Brislin, 1969)

Untuk memperoleh trait dan kandungan kriteria, penyelidik menggunakan dapatan kualitatif secara kajian kes dan berserta dengan dokumen kajian. Kajian kes bagi dapatan 8 responden dianalisis secara manual. Analisis dokumen dan artikel juga dianalisis secara manual bagi memperoleh tema-tema yang dikehendaki penyelidik. (Silverman, 2013). Gabungan data-data kajian kes, dokumen berserta rujukan beberapa inventori seksual Gay dan Lesbian telah dijadikan rujukan dan panduan

untuk membangunkan alat ukur orientasi seks gender dan Lesbian. (Rujuk Carta Alir 1: Aliran Proses Pembentukan Alat Ukur Betsy, Gable dan Madura, 2013). Seterusnya, selepas melalui proses *Back to back translation* dan mengambil kira faktor agama dan sosiobudaya tempatan, penyelidik membangunkan alat ukur Orientasi Seks Gay dan Lesbian.

Carta Alir 1: Aliran Proses Pembentukan Alat Ukur (Betsy, Gable and Madura, 2013)



Analisis Kajian

Alat ukur yang dikenali sebagai alat ukur Orientasi Seks Gay dan Lesbian melalui kajian rintis dan kelompok rintis telah dianalisis menggunakan SPSS versi 19 untuk melihat ujian inferensi. Analisis ujian inferensi dilakukan untuk melihat nilai kebolehpercayaan konstruk item dengan menggunakan analisis *Reliability*.

DAPATAN KAJIAN, KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Inferensi (Kuantitatif)

Untuk memperoleh analisis item yang paling mudah, program *Reliability* boleh digunakan (Sidek, 1995). Berdasarkan kajian rintis terhadap 72 orang pelajar lelaki dan 82 pelajar perempuan didapati nilai *alpha Cronbach* bagi semua konstruk Orientasi Seks Gay berkenaan ialah 0.67 manakala bagi Oreintasi Seks Lesbian pelajar perempuan pula memperoleh 0.70. Bagi subkonstruk ISGR didapati nilai *Instinct* ialah 0.61, *Expression* ialah 0.62, *Nurture* ialah 0.62, *Gay Behaviour* ialah 0.71, *Experience* ialah 0.67, *Spiritual* ialah 0.783 Nilai semua subkonstruk adalah 0.76 yang melebihi 0.6, dan mengikut Majid (1990) dan Kerlinger (1970) nilai yang melebihi 0.6 menunjukkan item yang baik dan boleh diterima dalam kajian. Manakala kajian rintis 82 orang pelajar perempuan bagi mengukur ISLR mempunyai nilai subkonstruk berkenaan adalah bagi subkonstruk *Instinct* ialah 0.67, *Nurture* ialah 0.72, *Lesbian Behaviour* ialah 0.76, *Experience* ialah 0.66, *Spiritual* ialah 0.71. Nilai semua subkonstruk adalah 0.75 yang melebihi 0.6, dan mengikut Majid (1990) dan Kerlinger (1970) nilai yang melebihi 0.6 menunjukkan item yang jitu dan baik.

Nilai Kebolehan percayaan Alat Ukur Orientasi Seksual Gay Roslee (ISGR)

Alat Ukur Orientasi Seksual Gay Roslee (ISGR)

Subkonstruk	Item	Bil Item	Nilai <i>alpha Cronbach</i>
<i>Instinct</i>	1-14	14	0.61
<i>Expression</i>	15-26	12	0.62
<i>Nurture</i>	27-34	8	0.62
<i>Gay Behaviour</i>	35-53	19	0.71
<i>Experience</i>	54-64	11	0.67
<i>Spiritual</i>	65-70	6	0.83
Nilai keseluruhan		70	0.67

Nilai Kebolehan percayaan Alat ukur Orientasi Seksual Lesbian Roslee (ISLR)

Alat Ukur Orientasi Seksual Perlakuan Lesbian Roslee (ISLR)

Subkonstruk	Item	Bil Item	Nilai <i>alpha Cronbach</i>
<i>Instinct</i>	1-20	20	0.67
<i>Nurture</i>	21-28	8	0.72
<i>Lesbian Behaviour</i>	29-42	14	0.76
<i>Experience</i>	43-55	13	0.66
<i>Spiritual</i>	56-60	5	0.71
Nilai keseluruhan			0.70

Secara asas, pembangunan alat ukur ini telah melalui prosedur pembangunan alat ukur yang standard (Sidek, 1995). Gabungan kajian kualitatif iaitu kajian kes dan dokumen bertulis serta literatur lepas dijadikan sandaran untuk membangunkan alat ukur kajian. Alat ukur juga melalui proses kesahan muka dan kesahan konstruk dari pakar bidang kaunseling untuk melihat definisi dan terminologi kajian seterusnya turut melalui proses *back to back translation*. Selepas mengalami ujian rintis sebanyak dua kali pada persampelan yang dikenal pasti mempunyai ciri-ciri Gay dan Lesbian, maka penyelidik telah mengenal pasti ciri-ciri dan karekter kecelaruan jantina bagi Gay dan Lesbian tersebut.

Kajian ini selaras dengan kajian Christi dan rakan rakan (2015) menjalankan kajian persepsi penilaian latihan *Affirmative Terapi* (ATIF) di kalangan rakan-rakan di Fakulti terhadap tahap penerimaan di kalangan LGB . Ini adalah kerana pada masa

kini terdapat pengamal *Couple and Family Therapy* (CFT) tidak pernah menerima sebarang latihan *affirmative* program sedangkan mereka banyak berurusan dengan golongan LGB berkait urusan kerjaya mereka. Keperluan CFT adalah untuk menyediakan untuk bekerja dengan golongan LGB yang amat memerlukan perkhidmatan terapi dua hingga empat kali semasa pertemuan. Latihan ini juga dapat memberi kefahaman kecekapan kepada golongan LGB. Keputusan kajian ini menyokong kekurangan LGB dalam latihan *Affirmative* Terapi khususnya dalam pengajaran, program dan pengalaman. Dapatan yang diperoleh penyelidik selaras dengan kajian Christi dan rakan rakan (2015) kerana untuk memahami karakter LGBT seseorang perlu memahami ekologi dan persekitaran mereka dan ini hanya boleh diterima menerusi pengalaman bercampur gaul dengan mereka menerusi aktiviti hidup bermasyarakat.

Kajian penyelidik juga selaras dengan dapatan Swann dan rakan rakan (2016) menjalankan kajian kebolehpercayaan inventori seksual orientasi mikroagresi di kalangan dua kelompok remaja LGBTQ. Kajian *Teori Race* mendapati mikroagresi merupakan suatu yang biasa dalam masyarakat tanpa mengira bangsa. Teori mikroagresi diambil daripada komuniti LGBTQ. Kajian ini menemui tiga faktor taksonomi yang berkait dengan kelompok remaja LGBTQ yang menggunakan inventori seksual orientasi mikroagresi (SOMI). Analisis faktor analisis digunakan untuk menentukan keputusan kepada 206 kelompok sampel remaja LGBTQ. Analisis kebolehpercayaan mendapati majoriti varians dikira dalam semua semua faktor. Keputusan ini merupakan peramal yang signifikan untuk mengenal pasti depresi simptom yang berkait dengan faktor konvergen, faktor kriteria dan kesahan. Justeru, SOMI merupakan skala yang signifikan untuk mengukur kepelbagaian sampel remaja LGBTQ.

Kajian penyelidik juga selaras dengan Nasrudin dan rakan rakan (2014) menjalankan pengaruh homofobia perkahwinan di kalangan Gay. Kajian ini bertujuan untuk melihat perasaan negatif sama ada untuk berkahwin dengan perempuan atau tidak. Seramai 29 responden terlibat dalam kajian menerusi laman sosial *facebook*,

e-mel, dan kampus UKM, Bangi. Keputusan mendapati alasan lelaki Gay berkahwin untuk mendapat zuriat (51.72%), kesedaran merubah identiti seksual (31%), desakan keluarga (24%), dan damba cinta wanita (24%). Manakala alasan mereka tidak mahu berkahwin dengan perempuan kerana faktor tidak yakin (20%), risau tidak mampu cinta perempuan (17.24%), tidak mahu mengecewakan perempuan (19.34%) dan sukar mendapat jodoh (10.34%). Kajian ini juga mendapati golongan Gay perlukan sokongan sosial yang padu untuk mengurangkan diskriminasi dan homofobia daripada masyarakat. Dapatan penyelidik mendapati bahawa kelompok LGBT mempunyai naluri yang sensitif selaras dengan kajian Nasrudin dan rakan rakan (2014) dan karakter ini diletakkan sebagai sub item dalam *Instict, Gay Behavior dan Lesbian Behaviour*. Mereka mempunyai perasaan yang amat halus, sensitif dan mudah terguris hati dengan teguran ibu bapa dan orang awam dan lantaran itu, mereka lebih sesuai bersosial dan berkomunikasi dengan kelompok mereka yang lebih mudah menerima, faham memahami, bertolak ansur dan hormat menghormati Antara satu sama lain dalam semua aktiviti, kehidupan, kerjaya dan masa depan hidup.

Kajian penyelidik juga menyokong dapatan Puteri Hayati dan Nurul Hudani (2015) mengkaji latar belakang, faktor pengekalan dan pandangan terhadap mahasiswa lelaki kecelaruan identiti gender yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini dilakukan secara kualitatif menerusi temu duga berstruktur melibatkan 9 subjek lelaki berdasarkan penampilan fizikal mereka. Dapatan kajian dianalisis dan dikelompokkan kepada tema pemahaman latar belakang, fokus penampilan, hubungan interpersonal, ciri teman istimewa dan alasan mengekalkan tingkah laku penampilan dan pandangan mengenai tingkah laku, perasaan terhadap pandangan masyarakat, alasan memilih gaya hidup, pandangan terhadap diri dan kehidupan sekarang. Dapatan kajian mendapati semua subjek sedar tingkah laku tersebut tidak disukai oleh ibu bapa, dan sebab itu mereka menyembunyikan tingkah laku tersebut daripada pengetahuan ibu bapa.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini dapat mengenal pasti dan membentuk pola-pola trait Gay dan Lesbian berdasarkan persampelan bertujuan yang dikenal pasti. Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa persamaan trait tingkah laku Gay dan Lesbian seperti sensitif, anti sosial, mesra dengan kelompok tertentu, naluri feminin atau maskulin, dan sebagainya. Namun begitu, pembangunan alat ukur LGBT di Barat dilihat kurang dibangunkan disebabkan tingkah laku LGBT di Amerika Syarikat, Eropah, United Kingdom, Australia, New Zealand, dan negara Korea, Jepun dan Thailand sebahagian besar telah diterima dalam sosiobudaya dan perlembagaan (perkahwinan sejenis) negara berkenaan. Justeru, persoalan adalah tidak timbul pendekatan pencegahan tingkah laku LGBT di kalangan kanak-kanak dan remaja di negara berkenaan berbanding di negara yang mengamalkan ajaran Islam seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Pembangunan alat ukur ini perlu diperluaskan kegunaan kepada persampelan yang lebih besar seperti di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bagi melihat konsistensi item yang lebih baik dan tekal. Justeru, adalah diharapkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat membantu memberikan kerjasama kepada usaha penyelidik seterusnya untuk membangunkan alat ukur orientasi seksual Lesbian dan Gay dengan hasrat mengenal pasti dan mengesan simptom-simptom tingkah laku Lesbian dan Gay kepada kanak-kanak dan remaja di sekolah dengan lebih awal. Kajian juga harus memberi fokus ke Sekolah Berasrama melibatkan sekolah jenis agama kerana banyak kajian kes menunjukkan amalan dan budaya seks songsang seperti perlakuan Gay bermula di kalangan pelajar sekolah aliran Arab dan agama. Justeru bagi menghasilkan kajian secara komprehensif, maka responden yang besar daripada persampelan pelajar sekolah aliran agama boleh dilakukan melibatkan kajian empirikal.

RUJUKAN

- American Psychiatric Association (2000). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental disorders* (4th ed). Washington.
- Asraf Wajdi Dusuki. (2016). LGBT antara punca lebih 90,000 pasangan bercerai. Malay Mail Online. 4 Mac 2016.
- Bell, AP.& Weinberg, MS (1978). *Homosexualities: A study of diversity among Man and Women*. New York: Simon and Schuster.
- Brislin, R. Back-translation for cross-cultural research. (Doctoral dissertation: The Pennsylvania State University), Ann Arbor, Michigan: University Microfilms, 1969, No. 70-13, 803.
- Brown, FG. (1983). *Principles of Educational and Psychological Testing*. New York: Rinehart & Winston.
- Creswell, John and Clark Plano. (2010). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. SAGE Publications, Inc; 2nd ed. Edition. United States.
- D. Betsy McCoash, Robert K Gable, and John P. Madura. (2013). *Review of The Steps for Designing and Instrument*. New York : Publisher Springer.
- David Silverman. (2013). *Doing Qualitative Research. A Practical Handbook*. 4th edition. United States. Sage Publications.
- Dean Harmer and Peter Copeland. (1995). *The Science of Desire: The Search for the Gay Gene and the Biology of Behavior*. New York : Simon and Schuster.
- Klein, Fritz. (1993). *The Bisexual Option*. The Haworth Press. page. 19. ISBN 1-56024-380-5.
- Frisch, M. A, (2006). *Childhood family correlates of heterosexual and homosexual marriages: a national cohort of two million Danes*". Arch Sex Behaviour, 35 (5), 533-547.
- James T. Sears. (2005). *Youth, Education, and Sexualities : An International Encyclopedia*. Westport, Conn. Greenwood Press

- Joseph Nicolosi. (1991). *Reparative Therapy of Male Homosexuality: A New Clinical Approach*. Rowman and Littlefield Publishers. United Kingdom.
- Kerlinger, F, (1970). *Foundation of Behaviour Research*. Holt Rinehart and Winston Inc.
- Lenhart, A. 2009. Overview: Teens and sexting : How and why minor teens are sending sexually suggestive nude or nearly nude images via text messaging. Pew internet and American life project. Di akses daripada [http :www.pewinternet.org/media/files/reports/2009/PIP_Teens and Sexting.pdf](http://www.pewinternet.org/media/files/reports/2009/PIP_Teens and Sexting.pdf).pada 17 November 2017.
- Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Michael W. Hudson, John O Egger and Ann M Harrington. "Instrument Gender Stratification in the Lesbian and Gay Band Association" *National Association for Music Education Music Research and Teacher Education National Conference* 2014.
- Mohr, J. J & Kendra, M.S. (2011). Revision and extension of a multi dimensional measure of sexual minority identity. The Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale. *Journal of Counseling Psychology*, 58, 234-45.
- Morse, Janice and Linda Niehaus. (2009). *Mixed method design : Principles and procedures*. Left Coast Press : Pennsylvania State University.
- Nasrudin Subhi, Mohd Radzi Tarmizi A Halim, Ezarina Zakaria dan Salina Nen (2014). Pengaruh Homofobia dalaman terhadap Perkahwinan Lekaki Gay. *Jurnal Psikologi Malaysia* 28 (2) ms 18-38.
- Nor Ba'iyah Abdul Kadir dan Yahaya Mahmood. (2002).Pembangunan Loose personality dan gangguan seksual di kalangan pelajar transeksual: temubual personal dan kumpulan fokus. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar transeksualiti di institusi pengajian tinggi* Century Mahkota Hotel Melaka.
- Puteri Hayati Megat Ahmad dan Nurul Hudani Md Nawi. (2015). Latar belakang, Faktor Pengekalan dan Pandangan Terhadap Tingkah laku Mahasiswa Lelaki Kecelaruan Identiti Gender. *Journal Southeast Asia Psychology* Vol. 1. Malay. Diakses daripada <http://www.cseap.edu.my/sapj>. pada 17 November 2017.

- Remafedi, G Farrow, JA & Deisher, RW.1991. *Risk factor of attempted suicide in Gay and bisexual youth paediatrics*. 87, page 869-875.
- Schumm, W. R. (2010). Children of homosexuals more apt to be homosexuals? A reply to Morrison and to Cameron based on an examination of multiple sources of data. *Journal of Biosocial Science*, 72, 721-742.
- Sidek Mohd Noah. (1995). *Pengujian dan Penilaian dalam Kaunseling*. Penerbit UPM. Serdang.
- Simari, C dan Baskin, D. (1982). Incestuous experiences within homosexual populations : A preliminary study. *Archives of sexual behaviour*. 11(4), 329-344.
- Smith, YLS Van Goozen, Kniper , AJ, Choen Kettenis (2005). Transexual subtypes: Clinical and theoretical significance. *Psychiatric Research*. 137, pages 151-160.
- Steve Hogan dan Lee Hudson. (1998). *Completely Queer : The Gay and Lesbian Encyclopedia*. New York : Henry Holt, 1998
- Yin, Robert. (2008). *Qualitative case study research : Design and methods*. United States. Sage Publications.

DEPRESSION, ANXIETY AND STRESS AMONG FIREFIGHTERS AT ONE OF BALAI BOMBA IN NEGERI SEMBILAN-A CASE STUDY

Dr Othman Ab. Rahman¹, Asiah Sufian¹ & Zuliana bte Kamaruzaman¹

¹ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (USIM)

Abstract

Depression, anxiety and stress is a global major risk factors to worker's health, which triggers the workers to be poorly motivated and less productive. The objective of this study is to examine the prevalence of depression, anxiety and stress at one of Balai Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan. This study also explores the associated factor and stress coping strategies. Quantitative and qualitative methods were used in this study. The sample was forty two (42) firefighters. Six (6) respondents were selected for interview session. The prevalence of depression, anxiety and stress was measured using Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS21). The result showed that mean value for stress is 9.67, depression is 7.76 and anxiety is 8.11. The findings showed that a few respondents have severe and extremely severe depression, anxiety and stress. The result also showed 23.8% (10 of the respondent) suffer from high level of depression. Meanwhile, 42.9% (19 of the respondent) suffer from anxiety. In addition, 19% (8 of the respondent) were having higher level of stress. This indicates that career as a firefighter does not discount them from depression, anxiety and stress. Further, the factor that lead to stress were workload, community and order from superiors. The respondents cope with stress through personal coping, spend time with family and friends, sharing with others and Islamic approach. The suggestion of this study can be used to help the fire rescue department deal with the psychological issues in the future.

Keywords: *Depression, Anxiety, Stress, Firefighter, Health*

INTRODUCTION

Stress is common in today's life (Redhwan, Sami, Karim, Chan, & Zaleha, 2009) and can be related to high risk job. News on stress has been widely published lately. According to Kosmo online (2008), based on a research been done by Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Center between 2007 and 2009, 53.7% of four hundred fifty three (453) police officers were under work stress. They also found that police officers stress were in the first rank followed by firefighters at 47.3%. This shows that, firefighters are in the first five rank among those facing stress at their workplace. There has been quite a number of researches conducted on stress. The result shows that stress is the main contributing factor of depression and anxiety. Stress, anxiety and depression bring negative impact towards human. Many did not realize that these three elements are much related to mental illness. Due to this, a research was conducted on a group of firefighters at one of *Balai Bomba dan Penyelamat*, Negeri Sembilan. This study focuses on the prevalence of depression, anxiety, stress and its associated factor together with the coping strategy.

Depression is one of the mental illnesses. In the past, Mohd Dahlan and Ida Shafinaz (2013) have studied the occupational stress among emergency services. Further, Nydegger, Basile & Nydegger (2011) have conducted a study on the trauma among professional firefighters. World Health Organization, (2011) had stated that depression will affect people across all age regardless geographic location, demographics or social position. It is projected that depression will be among the leading causes of worldwide disability by the year 2020. According to Figley (1995) (as cited by Milen (2009) firefighting personnel may experience physical and emotional problems after returning from an emergency call or returning home for 48 hours. The emotional distraction could be due to secondary trauma which is a concept that describes the effects of stress experienced by public health workers involved with traumatized individuals.

Apart from depression and stress, according to Fogiel and Piscataway (1989) (as cited by Mundia, 2009), anxiety is a general state of uneasiness for example fear, tension, worry or apprehension whose cause can be ambiguous. According to Shaffer (1999) (as cited by Mundia, 2009), anxiety is a bodily response to a perceived threat or danger whether real or imagined and it seems to be triggered by an individual's thoughts, beliefs and feelings. Depression, anxiety and stress have been recognized as important mental health outcomes in stressful work setting (Edimansyah, et al., 2008). Thus, this paper will cover on the prevalence of stress, anxiety and depression among firefighter. It will also cover stress factor and coping strategies.

Problem Statement

Depression, stress and trauma is common in high risk work. Many scholars have studied this issue previously. Vivekanandan, et al., (2016) had conducted a research on stress perceived by a houseman in a hospital in northern Malaysia. His study showed that the houseman was facing work stress. While the research has been done to study the housemen stress, the number of research in firefighters stress level are still limited. As other people's life savior firefighters put their own life at risk during the rescue operation.

According to Chief Director of Fire and Rescue Department (JBPM), firefighters' responsibility becomes more challenging today (Utusan Online, 2015). They faces wider job scope as their responsibility is not only limited to fire extinguishing but also to rescue the people. The recent development in social media and the unexpected number of natural disaster such as flood and landslide adds more challenge to them.

Apart from the wider job scope, firefighters today do faces risky disease such as heart attack, hypertension and diabetes (Utusan Online, 2010). Amongst the contributing factors to this disease are the risky nature of their work and the needs to act fast during

the rescue operation. Adding more stress to the firefighters are the urgency for them to act fast in rescuing the victim.

Previous researches and report have highlighted that high risk work is exposing the worker with stress. In view of this, the researcher would like to study on the depression, anxiety and stress among the firefighters. In addition, this research will also explore the stress contributing factors and its coping strategies.

The findings from this study will benefit the firefighters and their employer, authorities, community, family and counselor. Through this study, the participating firefighter will be able to realize their depression anxiety and stress level as well as its impact. The findings will help the employers and authorities to take the necessary action and measures in supporting the firefighter facing depression, anxiety and stress. It is also good to the community for them to be aware on the prevalence of stress, anxiety and depression in firefighters for them to be more appreciative than criticizing. The findings from this study are important for the family as they are the first supporting line to the firefighters. Lastly, for the counselors, the findings from this study will help them to better understand the issue faced by the firefighters and thus work with the relevant authorities in preventing stress occurrence.

Research Questions

1. What is the level of depression, anxiety and stress among firefighters?
2. What is the stress factor for firefighters?
3. What is the stress coping strategy for firefighters?

Research Objectives

1. To examine the level of depression, anxiety and stress in firefighters.
2. To investigate the stress factor for firefighters.

3. To explore firefighters' stress coping strategy.

Literature Review

Depression is a mood disorder that manifests itself in various way (Mundia, 2009). According to National Institute of Mental Health (2015), when someone had depression, it will interfere with their daily routines and normal functioning. Sometimes, when the feeling like hopelessness, worthlessness and those related to the symptoms of depression last for a short period of time, it may be called a passing case but it is likely to be a depressive disorder when they last for more than two weeks and interfere with regular daily activities.

Anxiety is the word commonly uses to describe feelings of unease, worry and fear (Marsh, 2015). It incorporates both the emotions and the physical sensations people might experience when they are worried or nervous about something.

According to Hussein and Hussein (as cited by Ahmad M. & Lama M., (2012)), stress is a situation whereby the individual suffers from physical and psychological hyper tension resulting from factors that cannot be handled and exceeds human ability to cope with.

Apart from the depression, stress and anxiety define from the Western perspective as above, the following paragraph will describe the definition of these concept from Islamic perspective.

According Baloch (2003), depression is characterized by hopelessness, loss of meaning in life, self-worthlessness and feeling of sadness without being able to identify the cause of the gloominess in life. Depression could happen when humans are not

following Allah's guidance and teaching (Naziha, Norzarina, & Yasmin, 2014). Allah s.w.t cited this in al-Quran a few times in the following verses:

And whoever turns away from My remembrance – indeed he will have a depressed life and we will gather him on the day of Resurrection blind.

(al-Quran 20:124)

And we send not the Messengers except as bringers of good tidings and warner. So whoever believes and reforms – there will be no fear concerning them, nor will they grieve. (al-Quran 6:48)

From the above verses Muslim have to understand that those not following Allah's guidance may feel sorrow and will lead to depression. Depression could happen due to idleness, laziness, anger, sinning and deviation from God. Amongst depression symptoms are the feeling of sadness or unhappiness, irritability or frustration even over a small matter, loss of interest or pleasure in normal activities, reduced sex drive, insomnia or excessive sleeping and changes in appetite (Bhowmik, Sampath Kumar, Shweta, Shravan, & Amit Sankar, 2012).

Al-Ghazali, a renowned Islamic scholar described anxiety as a disease that is developed by the heart (Che Haslina, Hairul Nizam, Nor Shafrin, & Wan Syakira, 2012). It grows from an unhealthy soul of humans. It is similar to the other diseases such as anger, hatred, envy, sadness and others. He characterized anxiety as a fear towards certain things which lead to restlessness and frustration. An anxiety disorder is due to unstable emotion and mental feelings resulting from a person's prolonged stress (Che Haslina, Hairul Nizam, Nor Shafrin, & Wan Syakira, 2012). The symptoms of anxiety include rapid heartbeat and rapid breathing, sweating, nausea and stomach upset, feeling dizziness and lightheaded, tight or painful chest, numbness and tingling sensations (Anxiety BC).

Islam, views human stress is part of life that each and every individual have to face as a nature of human beings. According to Imam Al-Ghazali, human beings consist of the metaphysical heart (*qalbs*), soul (*nafs*), spirit (*ruh*) and mind (*aql*) that will influence their thought process. The heart consists of three important elements which is softness (*latifah*), divinity (*rabbaniyah*), and spiritual (*ruhaniyyah*) (Nor Azah, 2011). Islam view stress does not only comes from mental health but also from the confusion and weakness of heart (*qalb*), soul (*nafs*), mind (*aql*) and spirit (*ruh*). Those who has the weak heart, soul, cognitive and spirit is most likely due to poor relationship with Allah s.w.t. This leads them to think that there is no solution to the problems and will easily get stressed. Islam also describe stress as a test from Allah s.w.t (Mohd Juraimy & Ahmad Azan, 2014). Allah s.w.t. will test every human and the most important thing to do is to rely on Allah. Among stress symptoms are memory problems, indecisiveness, inability to concentrate, having difficulty to think clearly, poor judgment, seeing only the negative, anxious or racing thoughts, constant worrying, loss of objectivity, fearful anticipation (University at Buffalo, 2009).

The theories referred to in this study are Cognitive Behavioral Theory (CBT) and Rational Emotive Behavior Therapy (REBT). CBT is based on the idea that how a person thinks (cognition), feels (emotion) and how they act (behavior) all interact together. In other words, our thoughts determine our feelings and behavior. Therefore, negative and unrealistic thoughts will cause stress, depression and anxiety to a person. REBT, describe that almost all human emotions and behaviors are the result of what they think, assume or believe about themselves, other people, and the world in general. It is what people believe about situations they face not the situations itself that determines how they feel and behave. Thus, CBT and REBT are much related to depression, anxiety and stress as it involve touches on the aspect of thought that can cause people's behavior.

METHODOLOGY

Survey research design was chosen in this study. The respondents are forty two (42) firefighters from Balai Bomba and Penyelamat, Negeri Sembilan. Both qualitative and quantitative data has been collected in this study. The Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS21) questionnaire was given to the respondents in order to obtain the quantitative data. Meanwhile, six (6) firefighters were selected randomly as the interviewee for the purpose of qualitative data collection.

DASS21 instrument was chosen to measure the prevalence of depression, anxiety and stress among the firefighters. The interpretation of DASS21 has been divided into five dimensions which is normal, mild, moderate, severe and extremely severe. As for the qualitative data, the respondents were required to answer three (3) direct questions related to stress. The interview question focuses more on stress since the DASS21 result shows that the level of stress is higher than depression and anxiety. Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23 was employed to analyze the quantitative data.

FINDINGS

Based on DASS21 questionnaire, the data collected is tabulated in Table 1 to Table 4.

Table 1: Respondents' Depression Level

Depression Level	No. of Respondents	Percentage (%)
Mild	12	28.6%
Normal	12	28.6%
Moderate	8	19%
Severe	7	16.7%
Extremely Severe	3	7.1%
Total	42	100%

The findings for Depression level shows that 10 (23.8%) respondents were under severe and extremely severe depression. Meanwhile, the remaining 32 (76.2%) respondents are categorized as moderate to mildly depress.

Table 2: Respondents' Anxiety Level

Anxiety Level	No. of Respondents	Percentage (%)
Mild	11	26.2%
Normal	10	23.8%
Moderate	8	19%
Severe	7	16.7%
Extremely Severe	6	14.3%
Total	42	100%

The Table 2 above shows the result of respondents' anxiety level. The data gathered shows that 13 (31%) respondents were under severe and extremely severe anxiety. 29 (69%) respondents on the other hand are under moderate to mild anxiety level.

Table 3: Respondents' Stress Level

Stress Level	No. of Respondents	Percentage (%)
Mild	10	23.8%
Normal	11	26.2%
Moderate	13	31%
Severe	5	11.9%
Extremely Severe	3	7.1%
Total	42	100%

The analysis performed for stress level shows that 8 (19%) of the respondents are under severe and extremely severe stress. Whereas 34 (81%) respondents showed that they are under moderate to mild stress.

Table 4: Respondents’ Depression, Anxiety and Stress Mean Value

Item	N	Mean Value
Depression	42	7.76
Anxiety	42	8.11
Stress	42	9.67

Based on the mean value analysis, the result shows that the respondents stress level is the highest at mean value of 9.76. This is followed by anxiety level at 8.11 mean value and depression level at 7.76 mean value.

Based on the high stress mean value as tabulated in Table 4, the researcher had selected six (6) respondents for an interview session. The interview session focuses on the stress factor and their coping strategy. Three (3) themes which is workload, community and superior’s instruction was chosen in the identifying the stress factor.

Table 5: Stress Factors

No.	Primary Theme	Basic Themes
1.	Workload	<ul style="list-style-type: none"> i) Faces continuous emergency cases ii) Continuous working hours iii) Requires to work fast during operation iv) Requires immediate respond even during meal break up to the extent that the firefighters have to stop eating to attend the emergency case v) Expected to work efficiently vi) Risky job vii) Wide job scope, seems have to attend all scope.

No.	Primary Theme	Basic Themes
2.	Community	i) Stress with community that always push them ii) Social punishment iii) Judgment from community iv) Exposed to be criticized publicly in social media
3.	Superior's Instruction	i) Employer gave different orders from what they want to do ii) Required to take to 2 - 3 instructions from employers at the same time.

Table 6: Stress Coping Strategies

No.	Primary Themes	Basic Themes
1.	Personal coping	i) Take leave ii) Go back to hometown iii) Keep calm and take a deep breath iv) Think positive v) Always wear complete uniform when executing the job vi) Do the work rightfully to prevent community judgment vii) Love the career viii) Have hobby
2.	Spending time with family and friends	i) Ask for support from friends and family ii) Laughing iii) Playing sport with cliques iv) Share problem with friends v) Establish teamwork with co-workers at work place
3.	Sharing with others	i) Sharing issues faced during Friday meeting ii) Explore the problem occurred iii) Communicate with other
4.	Islamic approach	i) Zikr'

No.	Primary Themes	Basic Themes
		ii) Perform ablution (<i>wudhuk</i>) iii) Praying (<i>solat</i>) iv) Always remember that work as <i>ibadah</i> v) Get back to Allah.

The interview session revealed that there are four (4) stress coping strategies adopted by the respondents. As and when they will opt between personal coping to spending time with family and friends or sharing with other party. The respondent also adopted Islamic approach in coping with their stress as detailed in Table 6.

DISCUSSION AND CONCLUSION

Research Objective 1: To examine the level of depression, anxiety and stress among firefighters.

The data gathered and analyzed shows that respondents have moderate level of depression, anxiety and stress. However, amongst the three (3) construct, the result showed a higher level of stress as compared to depression and anxiety. The mean for level of stress is 9.69, depression is 7.76 and anxiety is 8.11. Based on this, it can be concluded that the respondents seems to have stress at their workplace. This finding is similar with the study by Mundia (2009) and (Husni, Lilie Zahara, Farhaniza, Sapora, & Khatijah, 2013)) where they found that the level of stress is higher than depression and anxiety.

The high prevalence of stress was due to the workload and some other stressors that make the firefighters feel stressed. This is further supported by the Chief Director of Fire and Rescue Department (JBPM) in Utusan Online (2015), that the firefighters responsibility will be more challenging in the future. That could be the underlying reason

for the respondents' high level of stress, anxiety and depression. The result shows that preventive and supportive steps should be taken to address the stress, anxiety and depression faced by the firefighters to maintain their efficiency in providing full service. The firefighters' service is important as their task will usually involve with the victim's life. Depressive, stressful or anxious firefighters will impact their competency during emergency rescue. This is in line with to Herman, (2000) (as cited by Shantz (2002), higher levels of stress will interfere with the person's ability perform, is rarely pleasurable and will lead to emotional and physical problems

The firefighters seem to show the symptoms of mental illness since some of them were under extremely severe depression, anxiety and stress. It is highly recommended for the firefighters to consult a counselor the issue faced.

Research Objective 2: To investigate the factor of stress among firefighters

The respondent faced the findings showed that workload as the biggest issue. This in fact is a normal stress factor faced by workers. Based on the interview, the respondents highlighted that are instructed to perform other task in addition to fire rescue. This additional task had put them under stress. This finding is similar to the study conducted by (Vivekanandan, et al., 2016) where workload contributes to stress.

The next stress factor comes from the community. Based on the interviews, some of the respondents mentioned that negative perception and judgment from the public is stressful to them. Moreover, the public that criticizes them did not know exactly the firefighters task. However, this finding was in contrast to the study conducted by (Murphy, 2014). In his study, Murphy (2014) found out that the perception from civilian towards the firefighters' rescue service is positive at 51% and only 10% have poor perception towards the firefighter service. This could be due to lack of understanding on the firefighter's task.

The third stress factor among firefighter at Fire and Rescue Department is their superiors being given with too many instruction during operation leads to the firefighter's confusion on the order need to be followed. Thus, it is important for the employees to be satisfied with their job, as this will motivate them to increase their job performance (Rusli, Hii, & Sopian, 2014).

Research Objective 3: To explore the coping strategies for stress among firefighters.

Result showed that the first coping strategies are personal coping. The respondents take leave when they were under stress and unable to focus on their work. Hence, they will release their tension by going back to the hometowns or travelling. Other than that, the respondents will usually take positive self-coping action by thinking something positive to cope with the stress. This way of coping is similar to that finding of study conducted by Kabunga & Kihoro (2014) where the workers used positive thinking to cope with their stress.

The second stress coping strategy is by spending time with family and friends. Most of the respondents said that they will spend time with family and friends if they were under stressed and unable to resolve the issue. Some respondent states that laughing with his friends will reduce the stress. This finding is similar to the study by Harvey (1999), who found that people are returning to their family and friends in order to reduce stress.

The third stress coping strategy is by sharing with others. The respondent stated that, when they get into stress or problems, they will share it with other people. The firefighters at Nilai Rescue Department will gather every Friday for a meeting. During the meeting they will express and share dissatisfaction felt. This finding is similar to the study by Kabunga & Kihoro (2014) which found that one of the coping strategies is by getting social support from other people.

Based on the result, most of the respondents used Islamic coping strategies when they were having stress. The result showed that the respondents performed '*solat*', taking '*wudhuk*', pray to Allah, get back to Allah and remember Allah by '*zikr*'. Since all of the respondents were from Islamic background, they practices Islamic approach to reduce stress. According to Arnetz et al. (2013) (as cited by Syed Mahnaz, Usman, & Syed Salman (2015), if employees practice their spiritual or religious values in their workplace it will help them to promote good psychological well-being and will be able to avoid workplace stress. Islamic practices will help spiritually in a situation where people feel psychological, physiological and social or any other major physical stress.

SUGGESTION AND RECOMMENDATION

Firefighters are recommended to take this issue seriously because it is feared that the firefighters will experience mental illness. Thus, they need to always be careful and to consult a counselor if they start to have depression, anxiety and stress symptoms. There are many ways to cope with depression, anxiety and stress including having healthy life styles, spending time with beloved ones, travels as well as adopting the Islamic approach.

Family and friends also plays an important role in this case. They need to give support, encouragement and motivation to the firefighters. Community on the other end has to play their role in reducing the level of depression, anxiety and stress among firefighters. The result shows that one of the stress factors is the assumptions and perceptions from the community. The government has to play their role in reducing depression, anxiety and stress among workers. Among the activity that can be done is a program on healthy lifestyles which covers stress, depression and anxiety coping strategy.

REFERENCES

- Ahmad M., T., & Lama M., Q. (2012). Assessing Stress among University Students. *American International Journal of Contemporary Research*, 110-116. *Al-Quran*. (n.d.).
- Anxiety BC*. (n.d.). Retrieved from
https://www.anxietybc.com/sites/default/files/What_is_Anxiety.pdf
- Baloch, S. O. (2003). *Furqan Institute of Quranic Healing*. Retrieved from
<http://www.fiqh.org/resources/depression/>
- Bhowmik, D., Sampath Kumar, K., Shweta, S., Shravan, P., & Amit Sankar, D. (2012). Depression - Symptoms, Causes, Medications and Therapies. *The Pharma Innovation*, 37-51.
- Che Haslina, A., Hairul Nizam, I., Nor Shafrin, A., & Wan Syakira, M. H. (2012). Generalized Anxiety Disorder (GAD) from Islamic and Western Perspectives. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 44-52.
- Edimansyah, A., Rusli, N., Naing, L., Muhammad Rusli, A., Winn, T., & Tengku Mohamed Ariff, R. (2008). Self-perceived Depression, Anxiety, Stress and Their Relationships with Psychosocial Job Factors in Male Automotive Assembly Workers. *Industrial Health*, 90-100.
- Harvey, R. (1999). Under Stress: The Concerns and Coping Strategies of Teacher Education Students. *Colloquium in Field Base Education* (pp. 2-15). Adelaide: Flinders University.
- Husni, M., Lilie Zahara, R., Farhaniza, G., Sapora, S., & Khatijah, O. (2013). Religious and Spiritual Coping Used by Student in Dealing with Stress and Anxiety. *International Journal of Asian Social Science*, 314-319.

- Kabunga, A., & Kihoro, M. (2014). Work Stress And Coping Strategies Among Social Workers: A Case Of Northern Uganda. *International Journal of Liberal Arts and Social Science*, 33-38.
- Marsh, L. (2015). *Understanding Anxiety and Panic Attacks*. London: MIND (National Association for Mental Health).
- Milen, D. (2009). The Ability of Firefighting Personnel to Cope With Stress. *Journal of Social Change*, 38-56.
- Mohd Dahlan, A., & Ida Shafinaz, M. (2013). The Moderating Effect of Work Motivation and Coping Strategies on Job Satisfaction and Psychological Well Being among Fire Fighters. *The Asian Conference on Psychology & the Behavioral Sciences*, (pp. 249-262). Osaka, Japan.
- Mohd Juraimy, K., & Ahmad Azan, R. (2014). Strategi Menguruskan Tekanan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 27-41.
- Mundia, L. (2009). The Prevalence of Depression, Anxiety and Stress in Brunei Preservice Student Teachers. *The Internet Journal of Mental Health*, 1-7.
- Murphy, A. (2014). *The public's perception of the modern day Fire and Rescue Service*. Lancaster: Lancaster University.
- Naziha, A., Norzarina, Z., & Yasmin, M. (2014). Examine Islamic Perspective of Depression Causes among Libyan Muslims Adult. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 51-56.
- Nor Azah, A. (2011). Kaedah Menangani Stres Dengan Solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1-10.
- Nydegger, R., Basile, F., & Nydegger, L. (2011). Post-Traumatic Stress Disorder And Coping Among Career Professional Firefighters. *American Journal of Health Sciences*, 11-20.

- Redhwan, A., Sami, A., Karim, A., Chan, R., & Zaleha, M. (2009). Stress and Coping Strategies among Management and Science University Students: A Qualitative Study. *The International Medical Journal*, 11-15.
- Rusli, A., Hii, E., & Sopian, B. (2014). Relationship Between Selected Factors of Job Satisfaction and Job Performance Among Workers at Palm Oil Industries. *International Review of Management and Business Research*, 1751-1766.
- Shantz, M. C. (2002). *Effect of Work Related Stress on Firefighter*. Paramedic.
- Syed Mahnaz, H., Usman, R., & Syed Salman, H. (2015). Spirituality and Workplace Stress Management. *Al-Adwa*, 47-56.
- University at Buffalo*. (2009, January). Retrieved from <https://socialwork.buffalo.edu/content/dam/socialwork/home/self-care-kit/stress-warning-signs-and-symptoms.pdf>
- Utusan Online*. (2010, November 16). Retrieved from Anggota bomba hadapi risiko penyakit bahaya:
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1116&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm
- Utusan Online*. (2015, May 5). Retrieved from Tugas bomba Kian Mencabar:
<http://www.utusan.com.my/rencana/tugas-bomba-8232-kian-mencabar-1.87977>
- Vivekanandan, G., Thirupathy, U., Muhammad Affan, Adam, A., Kamal Ariffin, Anwar Asraff, & Sugnathan, S. (2016). Stress perceived by houseman in a hospital in northern Malaysia. *Medical Journal Malaysia*, 8-11.

Kesan Modul Program Kerjaya Terhadap Kematangan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Menengah Atas

Siti Mariam Jaafar¹, Muhammad Nasir Bistamam, PhD²

¹Unit Psikologi dan Kaunseling, IPGK Ipoh, ²Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan modul program kerjaya terhadap kematangan kerjaya pelajar di sebuah sekolah menengah di Negeri Perak. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian eksperimen kuasi dengan model, iaitu reka bentuk kumpulan kawalan rawak pra-ujian pos-ujian. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar Tingkatan Empat yang diagihkan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan rawatan (lelaki dan perempuan) dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen mendapat rawatan dan kumpulan kawalan adalah menunggu. Kumpulan eksperimen menjalani rawatan selama 3 minggu menggunakan modul kerjaya yang mengandungi enam bahagian berdasarkan kaedah Hanid Abdul Halit. Ketiga-tiga kumpulan ini telah diberikan Inventori Kematangan Kerjaya (Crites & Savickas, 1995) pra dan pos-ujian. Data dianalisis secara deskriptif (min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus) dan ujian statistik iaitu ANCOVA. Hasil kajian menunjukkan Modul Program Kerjaya berkesan untuk meningkatkan kematangan kerjaya dalam kalangan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan betapa perlu dan pentingnya Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan Program Kerjaya dalam kurikulum sekolah untuk membantu perkembangan dan kematangan kerjaya pelajar.

Kata Kunci : Kematangan kerjaya

PENGENALAN

Menurut Sidek Mohd Noah (2002b), maklumat kerjaya adalah satu susunan maklumat yang teratur yang boleh membantu individu memahami diri, mempelajari dunia pekerjaan serta mendapat pengalaman yang dapat membantu mereka membuat keputusan tentang kerjaya. Maklumat kerjaya juga termasuk segala data yang sah dan berguna tentang sesuatu pekerjaan yang meliputi deskripsi pekerjaan, kondisi kerja, jenis dan tempat latihan, kelayakan akademik, cara menghadapi temu duga, cara menulis resume, cara memohon kerja, peluang pekerjaan, ganjaran dan prospek kerja pada masa depan. Pemilihan kerjaya yang baik hanya boleh dilakukan sekiranya maklumat yang berkaitan dengan diri dan kerjaya diperoleh sepenuhnya. Dengan kata lain, maklumat kerjaya merupakan petunjuk kepada pelajar untuk membuat perancangan kerjaya dan patut diketahuinya seawal mungkin. Maklumat yang tepat merupakan kriteria yang penting dalam memastikan pelajar membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan ciri – ciri dirinya. Manakala kematangan kerjaya yang dikenal pasti oleh Crites dan Savickas (1995) pula memerihalkan bahawa kematangan kerjaya sebagai kejayaan pelajar berhubung dengan proses membuat keputusan kerjaya, imej sendiri, pemilihan matlamat, pengetahuan tentang pekerjaan dan perancangan serta kemahiran menyelesaikan masalah. Persoalannya ialah apakah faktor yang mempengaruhi kematangan kerjaya seseorang ?. Pengisian Modul Program Kerjaya yang macam mana dapat membina kematangan kerjaya seseorang untuk mereka menghadapi dunia pekerjaan yang sentiasa berubah – ubah. Apakah pengetahuan, sikap dan kemahiran yang perlu dimiliki? Adakah Modul Program Kerjaya dapat meningkatkan kematangan kerjaya seseorang pelajar? Oleh itu satu kajian eksperimen reka bentuk kumpulan kawalan rawak pra-ujian dan pos-ujian telah dijalankan dengan menggunakan Modul Program Kerjaya yang dihasilkan oleh Abdul Hanid Halit (2004) di kalangan pelajar menengah atas.

METHODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian eksperimental kuasi dengan modul eksperimen sebenar yang menggunakan reka bentuk pra-ujian dan pos-ujian ke atas kumpulan rawatan (lelaki dan perempuan) dan satu kumpulan kawalan. Subjek kajian dipilih menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kajian eksperimen merupakan satu rancangan penyelidikan yang dijalankan untuk menentukan kesan sesuatu olahan (Tuckman, 1999). Menurut Mohd Majid Konting (1990), kajian eksperimen digunakan untuk menguji hipotesis penyelidik di mana penyelidik dengan secara sengaja dan sistematik mengenakan pemboleh ubah yang telah dikenal pasti kepada subjek yang dikaji dan mencerap kesan ke atasnya. Manakala Sidek Mohd Noah (2002a) pula menyatakan bahawa kajian reka bentuk eksperimen adalah bertujuan untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan dengan mendedahkan satu atau lebih kumpulan percubaan kepada satu atau lebih rawatan dan membandingkan keputusan kepada satu atau lebih kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan.

Kajian eksperimen ini dipilih bagi mengkaji perubahan pemboleh ubah bersandar (Kematangan Kerjaya) yang disebabkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar (Modul Program Kerjaya). Menurut Ary, Jacobs dan Razavieh (1996), reka bentuk kumpulan kawalan rawak pra-ujian dan pos-ujian dapat mencegah pemboleh ubah ekstraneus yang mengancam kesahan bentuk kajian ini. Instrumen Inventori Kematangan Kerjaya (IKK) digunakan dalam kajian secara pra-ujian dan pos-ujian bagi mengukur pemboleh ubah bersandar. Justeru itu, penyelidikan ini telah menggunakan 40 orang sampel kajian (eksperimen) yang diberi olahan pemboleh ubah tidak bersandar dan 20 orang lagi sampel kajian (kawalan) yang tidak diberi olahan pemboleh ubah tidak bersandar. Bagi mengkaji perubahan yang disebabkan oleh olahan dua cerapan telah dilakukan iaitu melalui pra-ujian dan pos-ujian.

Jadual 1: Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Rawak Pra-ujian dan Pos-ujian


Pemilihan Subjek	Kumpulan	Pra-ujian	Rawatan	Pos-ujian
R	E	C1	0	C2
R	K	C3	-	C4

Sumber: Ary, Jacobs dan Razavieh (1996:334) Catatan:

R	Pemilihan sampel secara rawak	C1 & C3	Pra-ujian
E	Eksperimen	C2 & C4	Pos-ujian
K	Kawalan	0	Rawatan

Kajian ini menggunakan satu kumpulan sampel ($n=60$) di mana 40 daripada jumlah sampel kajian merupakan kumpulan eksperimen (E) dan 20 lagi ialah kumpulan kawalan (K). Penggunaan kumpulan kawalan adalah untuk menentukan kesan olahan terhadap pemboleh ubah bersandar (Kematangan Kerjaya) yang telah dicerap secara kuantitatif berbanding dengan kumpulan eksperimen. Pemilihan subjek kajian telah dilakukan secara rawak (R). Rawatan (0) mewakili olahan pemboleh ubah tidak bersandar (Modul Program Kerjaya). Cerapan (C) melalui pra-ujian (C1 dan C3) dan pos-ujian (C2 dan C4) telah dilakukan melalui pengukuran kematangan kerjaya pelajar dengan menggunakan Inventori Kematangan Kerjaya (IKK) terjemahan daripada *Career Maturity Inventory-Revised* (Crites & Savickas, 1995) dengan kaedah *back translation*.

Pelajar Tingkatan Empat bagi sekolah yang dipilih telah diminta melengkapkan soal selidik kajian. Data yang diperoleh sebelum rawatan diberikan dianggap sebagai skor pra-ujian. Skor ini dianalisis untuk memilih sampel kajian, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Selepas itu, sampel kajian yang terpilih mengikuti aktiviti-aktiviti yang ditetapkan dalam Modul Program Kerjaya. Apabila program tamat, sampel kajian diminta menjawab soal selidik sekali lagi. Data ini dianggap sebagai skor pos-ujian.



Rajah 1: Carta Aliran Persampelan Subjek Eksperimen, Tatacara Rawatan dan Pengumpulan Data Subjek Kajian.

Alat Kajian

Satu set borang soal selidik yang mengandungi Bahagian A dan Bahagian B digunakan untuk mengumpul data. Alat –alat kajian ini adalah:

- (1) Bahagian A: Inventori Kematangan Kerjaya (IKK) iaitu terjemahan daripada *Career Maturity Inventory-Revised* (Crites & Savickas, 1995)

- (2) Bahagian B: Soal Selidik Maklumat Diri.
- (3) Modul Program Kerjaya yang dihasilkan oleh Abdul Hanid Halit (2004) digunakan untuk kumpulan rawatan.

Penerangan tentang Modul

Modul kerjaya Abdul Hanid Halit (2004) dibahagikan kepada enam bahagian dan mengandungi 17 aktiviti. Bahagian – bahagian modul adalah seperti berikut:

Jadual 2: Kandungan Modul Kerjaya

Bahagian dan Isi kandungan	Bahagian dan Isi kandungan
<p>Bahagian A: Pengetahuan Kendiri. Bahagian ini mengandungi aktiviti – aktiviti untuk mengetahui konsep sendiri, personaliti, nilai diri terhadap sesuatu tugas atau pekerjaan dan minat.</p> <p>Bahagian B: Mengkaji Maklumat Kerjaya. Bahagian ini mengandungi aktiviti mengkaji maklumat kerjaya.</p> <p>Bahagian C: Perancangan Kerjaya. Bahagian ini mengandungi aktiviti – aktiviti mengenal kebolehan diri, kemahiran dalam satu – satu mata pelajaran dan hubungannya dengan pekerjaan serta merancang kerjaya.</p>	<p>Bahagian D: Penerokaan. Peluang Pendidikan dan Latihan. Bahagian ini mengandungi aktiviti – aktiviti meneroka kekuatan dan kelemahan diri dalam mata pelajaran serta laluan pendidikan akademik vokasional serta hubungannya dengan matlamat kerjaya.</p> <p>Bahagian E: Membuat Keputusan Pemilihan Kerjaya. Bahagian ini mengandungi aktiviti – aktiviti ke mana saya selepas SPM, bekerja di sektor kerajaan, swasta atau bekerja sendiri dan membuat keputusan kerjaya.</p> <p>Bahagian F: Mendapatkan Pekerjaan. Bahagian ini mengandungi aktiviti – aktiviti memahami iklan pekerjaan, persediaan memohon pekerjaan, menulis resume dan surat iringan serta persediaan menghadiri temu duga pekerjaan.</p>

Jadual 3: Pengujian Hipotesis

BIL	HIPOTESIS	PENGUJIAN
i.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pra-ujian dan pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dengan kumpulan kawalan.	ANCOVA
ii.	Terdapat perbezaan yang signifikan min pos-ujian kematangan kerjaya kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dengan kumpulan kawalan.	ANCOVA Post hoc-Tukey

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**Analisis Data**

Proses penganalisan data kajian ini menggunakan analisis ANCOVA. Analisis ANCOVA merupakan singkatan dari *Analysis of Covariance*. ANCOVA merupakan analisis statistik yang terdiri dari gabungan dua analisis statistik yang lain iaitu analisis ANOVA dan analisis Regresi. Dengan menggunakan analisis ANCOVA, perbezaan antara kumpulan sampel di peringkat awal yang tidak dapat dikawal oleh kaedah pemilihan sampel yang dilakukan secara rawak dapat dikawal. ANCOVA mengawal perbezaan tersebut menerusi kehadiran ujian pra. Ujian pra digunakan sebagai kovariat yang akan dijadikan sebagai alat pengukur (Mohd Salleh & Zaidatun,2001).

Analisis deskriptif skor min pra-ujian dan pos-ujian bagi pemboleh ubah kematangan kerjaya, sikap dan kecekapan berdasarkan kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan dinyatakan.

Di samping itu, analisis ANCOVA kesan MPK terhadap pemboleh ubah kematangan kerjaya , sikap dan kecekapan bagi kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan juga dianalisis menggunakan *Statistical*

Packages for Social Sciences (SPSS) versi 12.0. Hasil dapatan tersebut dihuraikan dalam bab ini.

Data Demografi Subjek Berdasarkan Jantina

Data demografi subjek akan ditafsirkan untuk mengekspresikan situasi sebenar subjek sebagai sampel kajian. Seramai 60 orang subjek kajian terlibat dalam kajian ini iaitu 20 orang pelajar terdiri daripada kumpulan rawatan lelaki, 20 orang pelajar lagi terdiri daripada kumpulan rawatan perempuan dan 20 orang pelajar berikutnya terdiri daripada kumpulan kawalan. Pembahagian responden secara jelas adalah seperti dalam jadual 4.1 di bawah:

Jadual 4: Demografi Berdasarkan Jantina Subjek Kajian

Kumpulan	Bil	%
Kumpulan Rawatan Lelaki	20	33.3
Kumpulan Rawatan Perempuan	20	33.3
Kumpulan Kawalan	20	33.3
Jumlah	60	100 %

1. Analisis ANCOVA Kesan MPK Terhadap Kematangan Kerjaya antara ketiga – tiga kumpulan kajian.

Jadual 5 : Ringkasan Analisis ANCOVA Kesan MPK Terhadap Kematangan Kerjaya Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan dan Kumpulan Kawalan.

Sumber	Pembolehubah Bersandar	JKD	Dk	MKD	F	Sig.
Kematangan Pra-ujian	Kematangan Pos-ujian	267.915	1	267.915	63.73	.000
Kumpulan	Kematangan Pos-ujian	833.752	2	416.876	99.178	.000

* $k < .05$

Jadual 5 di atas adalah keputusan kajian berdasarkan analisis ANCOVA kesan MPK terhadap kematangan kerjaya kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min pra-ujian dengan min pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan pada nilai $F(1,19) = 63.739$ ($k < .05$).

Oleh itu, Hipotesis Alternatif kajian ini, iaitu terdapat perbezaan signifikan min pra-ujian dan min pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan adalah diterima.

Maka, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan data pra-ujian dan pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan, oleh yang demikian, ujian *Post Hoc* adalah diperlukan.

2. Analisis Post Hoc-Tukey Perbezaan Min Pos-Ujian Kematangan Kerjaya antara ketiga – tiga kumpulan kajian.

Jadual 6: Ringkasan Analisis *Post Hoc-Tukey* Perbezaan Min Pos-ujian Kematangan Kerjaya Antara Kumpulan Rawatan Lelaki, Kumpulan Rawatan Perempuan dan Kumpulan Kawalan.

Pembolehubah	Jenis Kumpulan		Perbezaan Min (I-J)	Sig.
	I	J		
Kematangan	RL	RP	.25	.962
Kerjaya	RL	K	8.4	.000*
	RP	K	8.15	.000*

* $k < .05$

Jadual 6 menunjukkan analisis Post Hoc-Tukey perbezaan min pos-ujian antara kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan kematangan kerjaya.

Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan lelaki dengan kumpulan kawalan dan terdapat juga perbezaan signifikan pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan perempuan dengan kumpulan kawalan. Namun demikian, hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara pos-ujian kematangan kerjaya antara kumpulan rawatan lelaki dengan kumpulan rawatan perempuan.

Hasil kajian menunjukkan MPK adalah berkesan untuk meningkatkan kematangan kerjaya dalam kalangan subjek kajian lelaki dan perempuan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya didapati Modul Program Kerjaya (MPK) ini memberi kesan untuk meningkatkan kematangan kerjaya dalam kalangan subjek kajian, ini dapat dilihat dengan meningkatnya peratus dalam kalangan subjek. Hasil dapatan kajian ini juga dilihat bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi kematangan kerjaya. Hasil dapatan kajian lain yang menyokong kajian pengkaji bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi kematangan kerjaya adalah Barnes dan Carter (2000), Hasliza Rosedin (1995), Mohd Yazid Buntal (1997), Talib Md. Sed (2001), Mohd Said Julpin (2003) dan Ng Soon Chin (2003) yang telah bersetuju dengan andaian tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting, (1993). *Memahami penyelidikan pendidikan*. Serdang: Penerbit UPM.
- Abdul Hanid Halit. (September, 2004), *Keberkesanan intervensi program kerjaya ke Atas perkembangan kerjaya di tahap penerokaan di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Dungun, Terengganu*. Kertas yang dibentangkan di Konferens Kebangsaan Penyelidikan Pasca Siswazah, pada 11 September 2004. Uniten, Bangi.
- Busacca, L. A. & Taber, B. J. (2002). The career maturity inventory-revised: A preliminary psychometric investigation. In J. O. Crites & M.I.Savickas. *CMI sourcebook*. Bridges. Com Inc.
- Chan Shiau Ken. (2001). *Sikap kematangan kerjaya di kalangan remaja di sekolah menengah kerajaan dan sekolah menengah swasta*. Kertas ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: UKM.
- Chartrand, J. M. & Robbins, S. B. (1997). *Career Factors Inventory applications and technical guide*. Palo Alto, CA: Counseling Psychologists Press, Inc.
- Crites, J. O. (1995). *Career maturity inventori sourcebook*. Monterey: McGraw Hill/CTB.
- Crites, J. O. & Savickas, M. L. (1995). *Career maturity inventori sourcebook*. Bridges. ComCo.
- Devarajoo Ponnai, (2002). *Kesan modul motivasi ke atas sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor Darul Ehsan*. Tesis Ijazah Master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Engles, D. W. (Ed.). (1994). *The professional practice of career counselling and consultation: A resource document* (2nd ed.). Alexandria, VA: American Counseling Association.
- Fitts, W. H. (1995). *Manual for Tennessee Self-Concept Scale*. Nashville: Tennessee Counselor Recording & Test.
- Hasliza Haji Rosedin. (1995). *Tahap kematangan kerjaya mahasiswa tahun akhir*

- Bachelor Sains Hortikultur*. Laporan projek kursus yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Holland, J. L. (1978). *Manual for the Vocational Preference Inventory*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Hughes, K. L. & Karp, M. M. (2004). *School-based career development: A Synthesis of the literature*. New York: IEE, Teachers College, Columbia University.
- Isaacson, L. E. & Brown, D. (2000). *Career information, career counselling and career development* (7 th ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Jamaludin Ahmad. (2002). *Kesahan, kebolehppercayaan dan keberkesanan modul Program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Selangor*. Tesis Ph. D yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Lapan, R. T., Gysber, N.C. & Petroski, G.F. (2001). Helping seventh graders be save and successful: A statewide study of the impact of comprehensive guidance and counselling programs. *Journal of Counseling and Development*, 79 (3): 320-330.
- Lokan, J. (1984). *The Career Development Inventory Australia*. Australia Country for Educational Research.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Said Julpin. (2003). *Hubungan kematangan dengan ketidakpastian kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Ng Soon Chin. (2003). *Hubungan konsep sendiri dengan sikap kematangan kerjaya di kalangan pelajar Sekolah Menengah*. Latihan ilmiah penyelidikan yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Othman Mohamed. (2005). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling* (2nd ed.).Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Patton, W. & Creed, P.A. (2001). Development issues in career maturity and career Decision status. *Career development Quarterly*, 49: 336-351.
- Savickas, M. L. (2000). Super, Donald Edwin. Dalam Alan E. Kazlan (Ed.). *Encyclopedia of psychology: Vol.7.* (pp.516). New York: Oxford University Press.
- Sidek Mohd Noah. (2002a). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori & praktis.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002b). *Perkembangan kerjaya: Teori & praktis.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Talib Md. Seh. (2001). *Hubungan kematangan kerjaya dengan konsep sendiri pelajar –pelajar Tingkatan Lima: Satu kajian kes.* Laporan Praktikum Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: UKM.
- Tuckman, B.W. (1999). *Conducting educational research (5th ed.).* Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Wu Wu Tien. (2000). Vocational interests and career maturity of male high school Student talented in Math and Science. *National Science Council*, **10(3)**: 137-143.

Permasalahan Diri Dalam Kalangan Pelajar Bacelor Pendidikan Di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Nur Ayuni Mohd Taupek*, Jamaluddin Ahmad PhD.*

**Nur Ayuni Mohd Taupek, Kementerian Pendidikan Tinggi, 62200 Putrajaya
Jamaluddin Ahmad PhD., Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor

Abstrak

Kajian permasalahan diri dalam kalangan pelajar bacelor pendidikan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia ini bertujuan untuk mengkaji masalah-masalah diri yang dihadapi oleh para pelajar bacelor pendidikan khususnya dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga. Kajian ini ialah kajian deskriptif dan alat ukur yang digunakan ialah Senarai Semak Masalah Mooney. Teori yang mendasari kajian ini ialah Teori Hierarki Keperluan Maslow. Kaedah kajian ialah persampelan rambang mudah dan sebanyak 282 borang soal selidik dianalisa dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0746) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi oleh pelajar bacelor pendidikan secara keseluruhan. Kategori masalah kedua tertinggi ialah kategori Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0613) dan diikuti oleh Masalah Sosial dan Hiburan (skor min: 0.0544). Manakala jika dikaji berdasarkan program pengajian mendapati bahawa Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.05) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi pelajar bacelor pendidikan dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling. Manakala masalah kedua yang kerap dihadapi ialah Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0528) dan masalah ketiga kerap ialah Masalah Percintaan dan Seks (skor min: 0.0519). Bagi Program Pengajian Pendidikan Jasmani, Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0794) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi, diikuti oleh Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0665) dan masalah ketiga kerap ialah Masalah Penyesuaian Kerja (skor min: 0.0613). Seterusnya untuk pelajar Program Pengajian Sains Rumahtangga, Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0752) merupakan masalah yang paling kerap disusuli oleh Masalah Moral dan Agama (skor min: 0.0600) dan Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0595). Kajian ini juga mendapati bahawa hipotesis nul diterima kerana tidak terdapat perbezaan signifikan pada skor min antara masalah dan jantina dan juga masalah di antara pelajar bacelor pendidikan mengikut program pengajian.

Katakunci : Kajian permasalahan diri; pelajar bacelor; Senarai Semak Masalah Mooney, Teori Hierarki Keperluan Maslow; Masalah Kewangan dan Kehidupan

PENDAHULUAN

i. Latar Belakang Kajian

Masalah merupakan satu perkara yang tidak asing lagi daripada kehidupan setiap manusia yang berada di muka bumi ini. Keratan akhbar Utusan Online pada 7 November 2014 melaporkan 13,359 pelajar sering terlibat salah laku disiplin berat. Antara kesalahan yang dilakukan berunsur jenayah, kelucahan, ponteng sekolah, vandalism dan kes buli. Manakala Madiha Abdullah (2016) melaporkan dalam berita Astro Awani bahawa pelajar institusi pengajian tinggi menghadapi isu kewangan untuk menampung kos sara diri. Isu lain yang turut dilaporkan pada tahun 2016 yang menjadi gangguan emosi pelajar apabila biasiswa yang ditawarkan terpaksa dihentikan buat sementara dan menyebabkan pelajar tidak dapat menyambung pengajian ke luar negara (Malaysiakini 2016).

Penyelidik memilih untuk menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar bachelo dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pendidikan Jasmani dan Program Sains Rumahtangga. Pemilihan Program Bimbingan dan Kaunseling di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM. Pemilihan pelajar ini adalah kerana ciri-ciri karakter pelajar dalam ketiga-tiga program adalah berbeza.

ii. Pernyataan Masalah

Pada Januari 2016, negara Malaysia telah digemparkan dengan berita seorang pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia telah putus tali perutnya kerana sering mengikat perut dan menahan kelaparan. Siasatan yang dijalankan mendapati pelajar berkenaan mengikat perut disebabkan oleh masalah kewangan kerana sebahagian besar pinjaman pelajarannya digunakan untuk perbelanjaan yuran pengajiannya. Faktor kesempitan wang turut menjejaskan kesihatan pelajar ini. Manakala di luar negara pula, pada 17 Ogos 2016, Berita

Harian melaporkan seorang pelajar Universiti Florida berusia 19 tahun dan tiada rekod jenayah telah melakukan satu pembunuhan yang kejam iaitu dengan menikam satu pasangan suami isteri hingga mati. Pemilihan mangsa dalam perbuatan jenayah keji ini dibuat secara rambang. Pelajar ini disyaki di bawah pengaruh dadah semasa melakukan kekejaman tersebut. Muhamad Hasan Abdul Rahman (2001) dalam artikelnya kepada Utusan Malaysia telah mengetengahkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa. Antaranya ialah pemilihan kursus yang tidak mencabar, kelemahan berbahasa Inggeris, latar belakang pelajar dan keluarga, stail pembelajaran yang berbeza di alam persekolahan dan di alam universiti, masalah kejutan budaya serta kelemahan dalam berkomunikasi.

Daripada contoh-contoh berita di atas, didapati pelajar universiti menghadapi pelbagai masalah, tanpa mengira lokasi negara atau zaman.

iii. Persoalan Kajian

1. Apakah masalah-masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh para pelajar bacelor pendidikan secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih?
2. Apakah masalah-masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh pelajar bacelor pendidikan mengikut Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis masalah dan jantina pelajar bacelor pendidikan secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar bacelor pendidikan Program Pengajian Bimbingan

dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga?

iv. Objektif kajian

1. Untuk mengenal pasti masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh pelajar bachelo pendidikan secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih;
2. Untuk mengenal pasti masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh pelajar bachelo pendidikan mengikut Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga;
3. Untuk menganalisa perbezaan masalah diri berdasarkan jantina pelajar bachelo pendidikan secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih; dan
4. Untuk menganalisa perbezaan masalah diri di antara pelajar bachelo pendidikan dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga

v. Hipotesis kajian

Hipotesis nul yang dibentuk untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga:

H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis masalah dan jantina pelajar bachelo pendidikan secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih.

Hipotesis nul yang dibentuk untuk menjawab persoalan kajian yang keempat:

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor masalah antara pelajar bachelo pendidikan dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga.


vi. Teori berkaitan

Teori yang mendasari kajian ini ialah Teori Hierarki Keperluan Maslow.

Teori Hierarki Keperluan Maslow

Masitah Zulkepli (2011) menerangkan latar belakang Teori Hierarki Keperluan Maslow yang merupakan teori yang diperkenalkan oleh Abraham Maslow pada tahun 1954. Teori ini menjelaskan mengenai keperluan asas manusia dengan menggunakan konsep hierarki berbentuk piramid (Rajah 1). Keperluan asas manusia diletakkan mengikut peringkat yang bermula dari keperluan yang paling segera dan primitif dan meningkat sehingga ke tahap pencapaian hasrat diri. Masitah Zulkepli (2011) serta Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton Zakaria dan Wan Muhamad Wan Abdullah (2012) merungkaikan mengenai tahap-tahap dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow bermula dengan memenuhi keperluan asas atau fisiologi seperti makanan dan tempat tinggal. Dalam kata lain, tahap ini merujuk kepada keperluan yang paling asas untuk menjalani sesuatu kehidupan seperti udara, makanan, minuman, perlindungan daripada panas dan hujan serta tidur untuk merehatkan diri. Seterusnya, tahap kedua dalam teori ini adalah tertumpu kepada keperluan keselamatan. Antara contoh yang diberikan ialah keselamatan fizikal seperti pakaian dan keselamatan kesejahteraan seperti pekerjaan. Tahap ini juga merujuk kepada kebebasan daripada ancaman bahaya kepada nyawa dan tubuh badan serta keperluan untuk memastikan kesihatan emosi dan fizikal dipelihara. Tahap ketiga dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow ialah keperluan sosial yang dijelaskan melalui keperluan kasih sayang dan pemilikan. Seseorang individu itu mempunyai perasaan untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat. Ianya juga merujuk kepada keperluan untuk mendapatkan dan memberikan kasih sayang. Seterusnya ialah tahap keperluan harga diri atau penghargaan. Antara contoh pencapaian pada tahap ini ialah keperluan untuk dihormati, diterima, dihargai dan menjadi sanjungan rakan-rakan. Keperluan penghargaan ini juga boleh dipenuhi melalui pengiktirafan

bagi sesuatu tugas yang diselesaikan. Tahap kelima dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow ialah keperluan aktualisasi diri atau pencapaian hasrat diri. Ianya menjelaskan tentang bagaimana seseorang itu berfikir dan menilai diri sendiri. Tahap ini merupakan tahap pertumbuhan di mana terdapat keperluan untuk menjadi lebih daripada hakikat diri sendiri serta mencapai potensi diri yang paling tinggi. Yohan Kurniawan dan rakan-rakan (2012) turut menjelaskan bahawa tahap ini seringkali diukur dengan menilai tahap kejayaan dan/atau cabaran di tempat kerja. Walau bagaimanapun, menurut Yohan Kurniawan dan rakan-rakan (2012), keperluan dan kehendak manusia adalah bertentangan tahap susunan. Individu yang memenuhi kelima-lima keperluan ini dikatakan telah memenuhi keperluan diri sebagai seorang manusia.



Rajah 1: Teori Hierarki Keperluan Maslow

vii. Kajian lepas

Masoumeh Alavi dan Syed Mohamed Shafeq Mansor (2011) telah menjalankan kajian ke atas para pelajar antarabangsa peringkat ijazah lanjutan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan menggunakan alat ukur MPCL. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa para pelajar antarabangsa di UTM merekodkan dua (2) kategori masalah yang paling mengganggu iaitu Masalah Sosial dan Hiburan (19%) dan Masalah Kurikulum dan Kaedah Pengajaran (12%). Manakala Hassan Hushin dan Nurfarahiyah Mahmud (2010) juga telah menjalankan kajian ke atas pelajar antarabangsa di UTM. Namun begitu, kajian ini menumpukan kepada pelajar

antarabangsa peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dengan menggunakan MPCL, Hassan Hushin dan Nurfarahiyah Mahmud (2010) mendapati bahawa kategori masalah yang paling mengganggu pelajar ialah Masalah Akademik dan Kerjaya (52.15%) dan diikuti oleh Masalah Kewangan dan Kehidupan (43.11%). Manakala Masalah Sosial dan Hiburan merupakan masalah ketiga tertinggi iaitu merekodkan 42.70%. Hassan Hushin dan Vaskalista Dua Nurak Pelipos (2010) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti kategori masalah dalam kalangan pelajar tahun satu di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan menggunakan MPCL, kajian ini mendapati bahawa kategori masalah yang paling mengganggu para pelajar tahun satu ini ialah Masalah Kewangan dan Kehidupan (42.3%) dan diikuti oleh Masalah Penyesuaian Kerja (30.9%). Masalah Akademik dan Kerjaya serta Masalah Perhubungan Sosial dan Psikologikal (kedua-dua kategori masalah ini memperoleh nilai 21.5%) merupakan kedudukan ketiga tahap masalah yang mengganggu.

Memandangkan penyelidik menggunakan instrumen MPCL yang direka untuk ditadbirkan kepada pelajar sekolah menengah, maka penyelidik juga meninjau sorotan literatur untuk kajian-kajian yang dibuat ke atas pelajar sekolah menengah. Azizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Sabihah Sapuan (2010) telah menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Mersing untuk mengenal pasti kategori masalah yang paling utama bagi populasi ini. Hasilnya, kajian mendapati bahawa kategori Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min 3.82) merupakan masalah paling utama. Seterusnya, Nor Elizma Ismail (2016) telah menjalankan kajian ke atas para pelajar sekolah menengah di daerah Dungun dengan menggunakan alat ujian MPCL. Kajian yang dijalankan ke atas 177 orang pelajar yang dipilih secara persampelan rawak berlapis ini mendapati bahawa masalah paling utama yang dihadapi oleh pelajar ialah Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min 3.66). Masalah kedua yang kerap dihadapi ialah Masalah Penyesuaian Kerja (skor min 3.27) dan diikuti oleh Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min 2.36). Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Chin Mei Keong (2007) ke atas 340 pelajar tingkatan empat di Pahang, beliau mendapati bahawa Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min

1.38) merupakan masalah yang paling mengganggu sampel kajian ini. Seterusnya, dapatan kajian beliau mendapati bahawa Masalah Psikologikal (skor min 1.09) merupakan kategori masalah kedua paling mengganggu para pelajar ini dan disusuli oleh Masalah Penyesuaian Kerja (skor min 1.07). Penyelidik juga meninjau kajian yang dijalankan oleh Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor dan Hairiza Othman (2011) untuk mengenal pasti kategori masalah dan perbezaannya dari segi demografi pelajar (jantina, bangsa, program pengajian, aliran sekolah menengah, kelayakan akademik) di kalangan pelajar Tahun Satu Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia. Dalam kajian ini, 385 orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden kajian. Alat kajian yang digunakan ialah Senarai Semak Masalah Pelajar (SSMP) yang dibangunkan oleh Syed Shafeq (2008) dan mengandungi 232 item. Keputusan kajian ini mendapati kategori masalah yang paling mengganggu pelajar ialah Penyesuaian dan Kerjaya Masa Depan (67.3%), diikuti oleh Moral dan Agama (56.7%) dan Kegiatan Sosial dan Rekreasi (53.6%).

Di luar negara pula, M.P.Ganesh dan Sujaritha Magdalin (2007) menjalankan kajian di sekolah kerajaan dan institusi (residential school) di India dengan menggunakan alat ukur MPCL. Kajian yang dijalankan ke atas 80 orang pelajar lelaki di mana 40 pelajar terdiri daripada pelajar sekolah kerajaan dan dikategorikan sebagai pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga tidak bermasalah dan 40 pelajar ialah dari institusi dan dikategorikan sebagai pelajar dengan latar belakang keluarga yang bermasalah. Kajian ini mendapati bahawa pelajar di institusi melaporkan Masalah Sosial dan Hiburan (skor min: 23.075) sebagai masalah paling kerap dihadapi dan disusuli oleh Masalah Psikologikal (skor min: 22.825) dan Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 22.375). Bagi pelajar di sekolah kerajaan pula, kajian ini mendapati bahawa Masalah Sosial dan Hiburan (skor min: 20.575) sebagai masalah yang paling kerap dihadapi dan diikuti oleh Masalah Kurikulum dan Kaedah Pengajaran (skor min: 19.4) dan Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 19.000). Perez (2013) dalam kajiannya di Kolej Sains Kesenian, La Salle University, Ozamiz City, Filipina, menggunakan alat ukur MPCL untuk menentukan masalah

yang paling kerap dihadapi oleh pelajar tahun satu di kolej tersebut. Kajian yang dijalankan ke atas seramai 80 orang pelajar ini mendapati bahawa Masalah Rumahtangga dan Keluarga (52.5%) merupakan masalah paling kerap dihadapi oleh pelajar-pelajar tersebut. Keputusan ini diikuti dengan Masalah Hubungan Sosial (51.25%) dan Masalah Kewangan dan Kehidupan (50%). Di India pula, Azeem, Jamia Nadawiyya dan Edavanna Malappuram (2012) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti masalah pendidikan utama yang dihadapi oleh remaja Islam di Malabar, India. Kajian ini dijalankan secara berperingkat iaitu fasa pertama melibatkan 1009 pelajar dan menggunakan alat ukur MPCL manakala fasa kedua melibatkan 140 pelajar dan menggunakan Self Developed Questionnaire. Hasil kajian mendapati bahawa 50% pelajar memerlukan bimbingan dalam bidang pendidikan dan remaja Islam lelaki menghadapi lebih masalah dalam bidang pendidikan berbanding remaja perempuan. Priti Arun dan Chavan (2009) telah menjalankan kajian di Chandigarh, India untuk mengenal pasti tahap tekanan, kesihatan psikologi dan idea untuk membunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian ini menggunakan alat ukur General Health Questionnaire, MPCL dan Suicide Risk Eleven. Seramai 2402 pelajar adalah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa 1201 pelajar (50%) mempunyai masalah dalam peranan sebagai seorang pelajar, 1078 pelajar (45.8%) mempunyai masalah psikologi, 930 pelajar (45%) melaporkan masalah penurunan dalam akademik, 180 pelajar (8.82%) merasakan kehidupan sebagai satu bebanan, 122 pelajar (6%) mempunyai idea untuk membunuh diri dan 8 pelajar (0.39%) melaporkan pernah mengadakan cubaan untuk membunuh diri.

Daripada contoh-contoh sorotan literatur di atas, dapat dirumuskan bahawa lazimnya apabila seseorang individu itu yang bergelar pelajar maka kategori masalah utamanya atau antara yang utama ialah berkaitan Akademik dan Kerjaya.

viii. Definisi konsep dan operasi

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan alat kajian Senarai Semak Masalah Mooney (*Mooney Problem Check List - MPCL*) yang dibangunkan

oleh Ross L. Mooney dan Leonad V. Gordon pada tahun 1950 dan diterjemahkan oleh Sidek Mohd Noah (2001). Borang MPCL membahagikan masalah-masalah kepada 11 kategori berikut:

- i. Masalah Kesihatan dan Fizikal;
- ii. Masalah Kewangan dan Kehidupan;
- iii. Masalah Sosial dan Hiburan;
- iv. Masalah Perkahwinan dan Seks;
- v. Masalah Perhubungan Sosial dan Psikologikal;
- vi. Masalah Psikologikal;
- vii. Masalah Moral dan Agama;
- viii. Masalah Keluarga dan Rumahtangga;
- ix. Masalah Akademik dan Kerjaya;
- x. Masalah Penyesuaian Kerja; dan
- xi. Masalah Kurikulum dan Kaedah Pengajaran.

ix. Batasan kajian

Kajian ini dijalankan ke atas tiga (3) program pengajian peringkat bachelors di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Memandangkan FPP menawarkan lapan (8) program pengajian peringkat bachelors, maka pemilihan tiga (3) program sahaja merupakan 37.5% daripada program pengajian peringkat bachelors yang ditawarkan oleh FPP. Bilangan responden kajian yang dipilih secara rawak dan tidak melibatkan jumlah keseluruhan populasi pelajar bachelors FPP.

a. METODOLOGI

Dalam melaksanakan kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik ialah reka bentuk diskriptif dengan menggunakan statistik ANOVA sehalu bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu sama ada terdapat perbezaan jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar bachelors Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains

Rumahtangga. Reka bentuk kajian secara diskriptif dipilih kerana reka bentuk ini memberi keterangan yang sistematik dan tersusun. Ianya akan menerangkan mengenai fakta dan ciri-ciri populasi secara fakta dan tepat (Sidek Mohd Noah, 2002).

Bagi tujuan pengumpulan data, set borang soal selidik yang mengandungi 220 item disediakan dan diedarkan untuk dijawab oleh para pelajar bachelar dalam program pilihan kajian. Seterusnya, setiap item data yang dikumpul, diterjemahkan ke dalam bentuk kuantitatif.

i. Persampelan/subjek/populasi

Populasi Kajian dan Teknik Persampelan

Populasi kajian adalah seramai 402 pelajar. Bagi melaksanakan kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah persampelan rambang mudah dengan edaran alat kajian Senarai Semak Masalah Mooney. Kaedah ini dipilih kerana ianya memberi peluang yang sama kepada semua unit dalam sesuatu populasi kajian untuk dipilih sebagai subjek kajian (Breakwell, Hammond, Fife-Schaw dan Smith, 2006).

Sampel Kajian

Dengan membuat perkiraan manual saiz sampel menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970), penyelidik mendapati bilangan sampel yang diperlukan ialah seramai 197 pelajar.

ii. Material/instrument/soal selidik

Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik Senarai Semak Masalah Mooney yang telah dibangunkan oleh Ross L. Mooney dan Leonad V. Gordon pada tahun 1950 (Nor Elizma Ismail, 2016) dan diterjemahkan oleh Sidek Mohd Noah

(2001). Para responden yang dipilih diberikan satu set borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Borang Soal Selidik Senarai Masalah Mooney

Menurut Nor Elizma Ismail (2016), Senarai Semak Masalah Mooney yang dibina oleh Ross L. Mooney dan Leonad V. Gordon pada tahun 1950 ini digunakan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dan juga sesuai ditadbirkan untuk golongan dewasa. Sidek Mohd Noah (2001) dalam Nor Elizma Ismail (2016) menjelaskan bahawa Senarai Semak Masalah Mooney ini bukanlah suatu ujian. Sebaliknya, ianya merupakan suatu senarai masalah-masalah yang sering dialami oleh para pelajar dan remaja. Sidek Mohd Noah (2013) dalam Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore dan Ahmad Zamri Khairani (2014) menjelaskan bahawa Senarai Semak Masalah Mooney tidak memerlukan pengetahuan yang mendalam untuk menggunakannya serta merupakan instrumen senarai semak masalah yang paling banyak digunakan dan popular di Malaysia kerana mudah dikendalikan.

iii. Analisis data/cara analisis

Persoalan kajian pertama dan kedua adalah untuk mengenal pasti kategori masalah yang paling kerap dihadapi oleh pelajar bachelors yang menjadi responden dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, penyelidik menggunakan alat ukur min, sisihan piawai dan kekerapan bagi tujuan ini. Penggunaan min disebabkan ianya merupakan alat ukur yang terbaik untuk mengukur kecenderungan memusat memandangkan perkiraan min menggunakan setiap skor dalam taburan untuk menghasilkan satu nilai terbaik yang mewakili taburan tersebut. Bagi tujuan menganalisa hipotesis kajian (H_{01}) iaitu untuk menganalisa perbezaan di antara jantina pelajar dengan masalah diri yang kerap dihadapi pelajar bachelors pendidikan, penyelidik menggunakan ujian t. Ujian t ini merupakan alat statistik yang digunakan untuk mengenal pasti perbezaan min yang wujud dalam dua sampel yang berbeza. Dalam perkembangan yang lain, analisis varians (ANOVA) satu hala merupakan ujian statistik yang digunakan untuk

membandingkan min bagi tiga atau lebih kumpulan menggunakan data sampel. Perbandingan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada data tersebut. Kaedah ANOVA digunakan untuk mengkaji perbezaan antara dua atau lebih kumpulan maklumat yang mempunyai beberapa pembolehubah bersandar (Breakwell, Hammond, Fife-Schaw dan Smith, 2006). Oleh yang demikian, penyelidik menggunakan ANOVA sebagai alat ukur statistik untuk menganalisa hipotesis kajian (H_{02}) yang dibentuk.

b. DAPATAN KAJIAN, KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

i. Kategori masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh para pelajar bacelor secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih.

Berikut ialah analisa kategori masalah yang kerap dihadapi keseluruhan pelajar bacelor dalam program pengajian yang dipilih sebagai populasi dalam kajian ini:

Jadual 2: Taburan min dan sisihan piawai bagi kekerapan masalah yang dihadapi program pengajian yang dipilih

Bil.	Kategori Masalah	Jumlah (N)	Min	Sisihan Piawai
1.	Kewangan dan Kehidupan	282	0.0746	0.14801
2.	Akademik dan Kerjaya	282	0.0613	0.13719
3.	Sosial dan Hiburan	282	0.0544	0.12053
4.	Moral dan Agama	282	0.0528	0.12345
5.	Psikologikal	282	0.0525	0.11921
6.	Kesihatan dan Fizikal	282	0.0505	0.10380
7.	Perkahwinan dan Seks	282	0.0479	0.11230
8.	Perhubungan Sosial dan Psikologikal	282	0.0475	0.10718
9.	Penyesuaian Kerja	282	0.0473	0.11819
10.	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran	282	0.0332	0.10268
11.	Keluarga dan Rumahtangga	282	0.0321	0.09332
Jumlah			0.5541	1.28586

Daripada taburan di atas, didapati skor min paling tinggi dalam 11 kategori masalah yang disenaraikan dalam Senarai Semak Masalah Mooney (MPCL) ialah kategori Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0746). Kategori masalah kedua tertinggi yang dihadapi oleh para pelajar bachelo dalam keseluruhan program-program pengajian yang dipilih ialah kategori Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0613). Seterusnya, kategori ini diikuti oleh Masalah Sosial dan Hiburan (skor min: 0.0544).

ii. Kategori masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh para pelajar bachelo mengikut Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga.

Jadual 3 berikut menunjukkan taburan kategori masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar bachelo dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling dan disusun mengikut kedudukan skor min tertinggi sehingga skor min terendah:

Jadual 3: Taburan kedudukan kategori masalah pelajar bachelo Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling

Bil.	Kategori Masalah	Jumlah (N)	Min	Sisihan Piawai
1.	Kewangan dan Kehidupan	53	0.0623	0.12668
2.	Akademik dan Kerjaya	53	0.0528	0.11112
3.	Perkahwinan dan Seks	53	0.0519	0.10873
4.	Kesihatan dan Fizikal	53	0.0500	0.08605
5.	Sosial dan Hiburan	53	0.0396	0.09872
6.	Psikologikal	53	0.0396	0.07927
7.	Perhubungan Sosial dan Psikologikal	53	0.0377	0.07653
8.	Moral dan Agama	53	0.0358	0.06458
9.	Keluarga dan Rumahtangga	53	0.0217	0.04652
10.	Penyesuaian Kerja	53	0.0217	0.05676
11.	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran	53	0.0160	0.04249
Jumlah			0.4291	0.89745

Daripada dapatan di atas, didapati kategori Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.05) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi pelajar bachelo dalam Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling. Manakala masalah kedua yang kerap dihadapi oleh pelajar dalam kategori ini ialah Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0528) dan masalah ketiga kerap ialah Masalah Perkahwinan dan Seks (skor min: 0.0519).

Jadual 4 berikut menunjukkan taburan kategori masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar bachelo dalam Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan disusun mengikut kedudukan skor min tertinggi sehingga skor min terendah:

Jadual 4: Taburan kedudukan kategori masalah pelajar bachelo Program Pengajian Pendidikan Jasmani

Bil.	Kategori Masalah	Jumlah (N)	Min	Sisihan Piawai
1.	Kewangan dan Kehidupan	124	0.0794	0.17238
2.	Akademik dan Kerjaya	124	0.0665	0.16176
3.	Penyesuaian Kerja	124	0.0613	0.14745
4.	Sosial dan Hiburan	124	0.0601	0.14242
5.	Psikologikal	124	0.0577	0.14554
6.	Perkahwinan dan Seks	124	0.0556	0.13423
7.	Moral dan Agama	124	0.0540	0.13261
8.	Kesihatan dan Fizikal	124	0.0528	0.12580
9.	Perhubungan Sosial dan Psikologikal	124	0.0492	0.12767
10.	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran	124	0.0448	0.13537
11.	Keluarga dan Rumahtangga	124	0.0379	0.12402
Jumlah			0.6193	1.54925

Daripada dapatan di atas, didapati kategori Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0794) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi pelajar bachelo dalam Program Pengajian Pendidikan Jasmani. Masalah kedua yang kerap dihadapi oleh pelajar dalam kategori ini ialah Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min:

0.0665) dan masalah ketiga kerap ialah Masalah Penyesuaian Kerja (skor min: 0.0613).

Jadual 5 berikut menunjukkan taburan kategori masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar bachelo dalam Program Pengajian Sains Rumahtangga dan disusun mengikut kedudukan skor min tertinggi sehingga skor min terendah:

Jadual 5: Taburan kedudukan kategori masalah pelajar bachelo Program Pengajian Sains Rumahtangga

Bil.	Kategori Masalah	Jumlah (N)	Min	Sisihan Piawai
1.	Kewangan dan Kehidupan	105	0.0752	0.12617
2.	Moral dan Agama	105	0.0600	0.13452
3.	Akademik dan Kerjaya	105	0.0595	0.11687
4.	Sosial dan Hiburan	105	0.0552	0.10118
5.	Psikologikal	105	0.0529	0.10044
6.	Perhubungan Sosial dan Psikologikal	105	0.0505	0.09367
7.	Kesihatan dan Fizikal	105	0.0481	0.08173
8.	Penyesuaian Kerja	105	0.0438	0.09920
9.	Perkahwinan dan Seks	105	0.0367	0.08153
10.	Keluarga dan Rumahtangga	105	0.0305	0.06449
11.	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran	105	0.0281	0.07465
Jumlah			0.5405	1.07445

Daripada dapatan di atas, didapati kategori Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0752) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi pelajar bachelo dalam Program Pengajian Sains Rumahtangga. Masalah kedua yang kerap dihadapi oleh pelajar dalam kategori ini ialah Masalah Moral dan Agama (skor min: 0.0600) dan masalah ketiga kerap ialah Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0595).

Dengan membandingkan dapatan masalah paling kerap untuk ketiga-tiga program pengajian dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa masalah utama para pelajar bachelo ini ialah Masalah Kewangan dan Kehidupan. Manakala masalah kedua dan ketiga kerap adalah berbeza bagi setiap kategori

iii. Perbezaan skor min antara jenis masalah dan jantina pelajar bachelor secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih

Memandangkan penyelidik ingin melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara masalah dan jantina pelajar bachelor secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih maka Ujian t digunakan. Dapatan analisa adalah seperti Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Keputusan Ujian t untuk perbezaan masalah berdasarkan jantina pelajar

Jantina	Bilangan (N)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Nilai-t	Tahap Signifikan
Lelaki	90	.0357	.07747	1.353	.179
Perempuan	192	.0240	.04146		

Nota: Tidak signifikan pada aras keertian .05 .

Berdasarkan Jadual 6 di atas, adalah didapati nilai t bagi perbandingan perbezaan masalah berdasarkan jantina pelajar ialah $t = 1.353$ dan tahap signifikan $p = 0.179$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Secara kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis masalah dan jantina pelajar bachelor pendidikan secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih [$t(282) = 1.353, p > .05$]. Oleh itu, hipotesis nul (H_{01}) diterima.

iv. Perbezaan skor min kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar bachelor Program Bimbingan dan Kaunseling, Pendidikan Jasmani dan Sains Rumahtangga.

Memandangkan penyelidik ingin melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min masalah antara pelajar bachelor Program Bimbingan dan Kaunseling, Program Pendidikan Jasmani dan Program Sains

Rumahtangga yang merupakan tiga (3) kumpulan berbeza maka Ujian ANOVA digunakan. Dapatan analisa adalah seperti Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Keputusan ANOVA untuk perbandingan kategori masalah dan program pengajian

Sumber	SS	df	MS	F	Sig.F
Antara Kumpulan	.003	2	.002	.552	.576
Dalam Kumpulan	.867	279	.003		
Jumlah	.871	281			

Nota: Tidak signifikan pada aras keertian .05 .

Daripada jadual di atas, keputusan Ujian ANOVA ialah $[F(2, 279) = .552, p = .576 > .05]$. Keputusan ini menggambarkan dapatan kajian sebagai tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min di antara kategori masalah dengan program pengajian iaitu Program Bimbingan dan Kaunseling, Program Pendidikan Jasmani dan Program Sains Rumahtangga. Justeru, hipotesis nul (H_{02}) bagi persoalan kajian ini adalah diterima.

v. Perbincangan Kajian

Kategori masalah diri yang paling kerap dihadapi oleh para pelajar bachelor secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih.

Dengan melaksanakan kajian ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar bachelor yang menjadi responden dalam kajian ini menghadapi semua kategori masalah yang disenaraikan dalam Senarai Semak Masalah Mooney. Walau bagaimanapun, kategori Masalah Kewangan dan Kehidupan (skor min: 0.0746) merupakan masalah yang paling kerap dihadapi oleh para pelajar bachelor. Kategori masalah kedua tertinggi yang kerap dihadapi oleh para pelajar bachelor dalam program-program pengajian yang dipilih ialah kategori Masalah Akademik dan Kerjaya (skor min: 0.0613) dan diikuti oleh kategori Masalah Sosial dan Hiburan (skor min: 0.0544) sebagai masalah ketiga tertinggi kerap dihadapi daripada senarai kategori masalah yang diedarkan.

Dengan mendapat keputusan Masalah Kewangan dan Kehidupan sebagai masalah yang paling kerap dihadapi pelajar bachelor, ianya selari dengan isu yang

hangat diperkatakan pada masa ini. Laporan isu yang membelenggu diri para pelajar kerap dipaparkan di berita dan media massa terutamanya masalah yang berkaitan dengan kewangan. Jika dikaitkan dengan Teori Hierarki Keperluan Maslow, masalah kewangan adalah relevan kerana kewangan diperlukan untuk membiayai kehidupan dan mendapatkan keperluan asas seperti makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Jika dirujuk kepada rajah piramid hierarki yang menggambarkan teori ini, keperluan asas merupakan tapak kepada piramid tersebut. Oleh yang demikian, individu cenderung untuk memenuhi keperluan asas ini sebelum peningkatan kepada keperluan yang lain. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini adalah relevan dengan Teori Hierarki Keperluan Maslow yang menjadi dasar kepada kajian ini.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga adalah selari dengan dapatan kajian Hassan Hushin dan Vaskalista Dua Nurak Pelipos (2010) yang menjalankan kajian untuk mengenal pasti kategori masalah dalam kalangan pelajar tahun satu di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Selain mendapat keputusan kajian yang selaras, kedua-dua kajian ini dijalankan ke atas pelajar bachelors atau pelajar ijazah sarjana muda di Fakulti yang menawarkan program pengajian Pendidikan.

Implikasi Praktikal

Dapatan kajian ini yang meletakkan Masalah Kewangan dan Kehidupan di tempat pertama masalah yang paling kerap dihadapi pelajar bachelors adalah selari dengan isu yang hangat diperkatakan di media massa mengenai masalah kewangan yang membelenggu pelajar universiti. Oleh yang demikian, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat amnya dan pihak berkuasa seperti pengurusan universiti dan Kementerian yang berkaitan untuk melihat isu kewangan pelajar universiti ini sebagai satu isu yang sangat serius dan memerlukan cadangan penyelesaian dan kerjasama daripada semua pihak. Walaupun kumpulan pelajar responden diambil dari tiga (3) program pengajian yang berbeza tetapi meletakkan masalah utama yang sama iaitu Masalah Kewangan dan Kehidupan. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini dilihat berupaya untuk sama-sama menyokong kebenaran isu kewangan pelajar universiti yang diwar-warkan di berita dan media massa.

c. CADANGAN & KESIMPULAN

Masalah merupakan suatu yang tidak dapat dinafikan atau dielakkan dalam menjalani kehidupan. Walau bagaimanapun, terdapat masalah yang boleh diselesaikan jika semua pihak-pihak yang berkaitan memberikan perhatian yang serius dan komitmen serta kerjasama yang tinggi dalam menyelesaikan isu yang dihadapi. Memandangkan Masalah Kewangan dan Kehidupan dilaporkan sebagai masalah paling kerap dihadapi oleh pelajar universiti, maka pihak universiti disyorkan mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu pelajar mengatasi atau mengurangkan bebanan masalah ini.

Kesimpulan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, beberapa rumusan dapat dibentuk iaitu:

1. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masalah Kewangan dan Kehidupan merupakan masalah yang utama dalam diri pelajar bachelors secara keseluruhan program pengajian yang dipilih, diikuti oleh Masalah Akademik dan Kerjaya serta Masalah Sosial dan Hiburan;
2. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masalah Kewangan dan Kehidupan merupakan masalah yang utama dalam diri pelajar bachelors Program Pengajian Bimbingan dan Kaunseling, diikuti oleh Masalah Akademik dan Kerjaya serta Masalah Perkahwinan dan Seks;
3. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masalah Kewangan dan Kehidupan merupakan masalah yang utama dalam diri pelajar bachelors Program Pengajian Pendidikan Jasmani, diikuti oleh Masalah Akademik dan Kerjaya serta Masalah Penyesuaian Kerja;
4. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masalah Kewangan dan Kehidupan merupakan masalah yang utama dalam diri pelajar bachelors Program Pengajian Sains Rumahtangga, diikuti oleh Masalah Moral dan Agama serta Masalah Akademik dan Kerjaya;

5. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis masalah dengan jantina pelajar bachelor secara keseluruhan program-program pengajian yang dipilih; dan
6. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min antara kategori masalah dengan program pengajian iaitu Program Bimbingan dan Kaunseling, Program Pengajian Pendidikan Jasmani dan Program Pengajian Sains Rumahtangga.

RUJUKAN

- Anne Muhammad. (26 Januari 2016). *Pelajar menangis biasiswa JPA digantung sementara*, dimuat turun pada 3 Mei 2016 daripada <https://www.malaysiakini.com/news/328328>
- Azeem. C. M., Jamia Nadawiyya dan Edavanna Malappuram. (2012). Educational Problems of Muslim Adolescents: A Study With Special Reference To Malabar Region. *Academic Research International*, 2, 1, 545 – 556.
- Aszizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Sabihah Sapuan. (2010). Kajian permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Mersing berasaskan Senarai Semak Mooney. Laporan tidak diterbitkan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Asriah Sarbini. (1999). *Pola Dan Faktor Penyebab Permasalahan Kanak-Kanak Awal Remaja*. Penulisan Ilmiah Master Sains yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Berita Harian. (17 Ogos 2016). *Pelajar Universiti Florida bunuh pasangan*. dimuat turun pada 21 Ogos 2016 daripada <http://www.bharian.com.my/node/183979>
- Breakwell G. M., Hammond, S., Fife-Schaw C., dan Smith J. A. (2006). *Research Methods In Psychology, 3rd Edition*, SAGE Publications: London
- Chin Mei Keong. (2007). *Pola Masalah, Kecerdasan Emosi Pelajar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Di Sekolah Menengah*. Penulisan Ilmiah Master Sains yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, (n.d.). Definisi Permasalahan, dimuat turun pada 7

Disember 2016 daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=permasalahan>.

Dewan Bahasa dan Pustaka, (n.d.). Definisi Diri, dimuat turun pada 14 Disember 2016 daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=diri>

Fatimah Najihah Omar. (2014). *Hubungan Antara Humor Dan Stres Dengan Efikasi Swasdiri Dalam Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Di Daerah Klang, Selangor*. Penulisan Ilmiah Master Sains yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang. Gerbang Maya, Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia di laman web <http://prpm.dbp.gov.my/Default.aspx>

Harper, J. F. dan Marshall, E. (2003). Adolescents' Problems and Their Relationship to Self- Esteem. *Adolescence*, 26, 104, Winter 1991. Dimuat turun pada 26 Januari 2017 daripada <http://search.proquest.com/openview/3d88bf43ff427c16e9669512ec3eb692/1?pq-origsite=gscholar&cbl=1819054>

Hassan Hushin dan Nurfarahiyah Mahmud. (2010). Tinjauan Kategori Masalah Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim. Laporan tidak diterbitkan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Hassan Hushin dan Vaskalista Dua Nurak Pelipos. (2010). *Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim*. Laporan tidak diterbitkan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Khairil Ashraf. (21 Oktober 2016). *Yuran mahal masalah utama pelajar universiti, bukan baucar buku*, dimuat turun pada 31 Oktober 2016 daripada <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/21/yuran-mahal-masalah-utama-pelajar-universiti-bukannya-baucar-buku/>

Krejcie R. V. dan Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*, Educational And Psychological Measurement, 30, 607-610.

M.P. Ganesh dan Sujaritha Magdalin. (2007). *Perceived Problems And Academic Stress In Children Of Disrupted And Non-Disrupted Families*, Journal of the Indian Academy of Applied Psychology, 33, 1, 53 – 59.

Madiha Abdullah. (10 Januari 2016). *Isu sara diri pelajar IPT: Pelajar dinasihat berdikari, bersuara bila ada masalah*, dimuat turun pada 3 Mei 2016 daripada <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/isu-sara-diri-pelajar-ipt-pelajar-dinasihat-berdikari-bersuara-bila-ada-masalah-88943>

- Masitah Zulkepli. (2011). *Pembangunan Model Penentuan Keperluan Perumahan. Kajian Kes: Johor Bahru, Malaysia. Penulisan Ilmiah Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.*
- Masoumeh Alavi dan Syed Mohamed Shafeq Mansor. (2011). *Categories of Problems among International Students in Universiti Teknologi Malaysia*, *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 30, 1581 - 1587
- Melati Sumari, Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid dan Azmawaty Mohamad Nor. (2014). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore dan Ahmad Zamri Khairani, (2014), *Mengenal pasti Cabaran Pelajar Politeknik Di Malaysia Menerusi Model Rasch*, *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 10, 1, 59 – 74
- Muhamad Hasan Abdul Rahman. (5 Mac 2001). *Cabaran pelajar bergelar mahasiswa*, dimuat turun pada 21 Ogos 2016 daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0305&pub=Utusan alaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_04.html](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0305&pub=Utusan%20Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_04.html)
- Nor Elizma Ismail, (2016), *Perbandingan Permasalahan Diri Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Dungun. Penulisan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.*
- Perez, N. C. (2013). *Prosiding daripada Global Summit on Education 2013: Most Felt Non-Academic Problems Encountered By First Year College Of Arts And Sciences Students.*
- Priti Arun dan BS Chavan. (2009). *Stress and Suicidal ideas in adolescent in Chandigarh. Indian Journal of Medical Sciences*, 63, 7.
- Rahayu Mohamed Yusof. (2012). *Hubungan Antara Pengetahuan Pengajaran Dengan Efikasi Mengajar Bidang Makanan Dan Pemakanan Dalam Kalangan Guru Ekonomi Rumah Tangga. Penulisan Ilmiah Master Sains yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.*
- Sidek Mohd Noah. (2001). *Senarai Semak Masalah Mooney yang dialih bahasa.*

Selangor: Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.

Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*.
Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Star Malaysia. (9 Januari 2016). *Universiti Awam Diminta Lapor Pelajar Ada Masalah Kewangan*, dimuat turun pada 3 Mei 2016 daripada <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/01/09/universiti-diminta-lapor-pelajar-ada-masalah-kewangan/>

Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*, Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur

Syafira Che Razak. (2012). Masalah yang dihadapi dan kesediaan menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Penulisan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor dan Hairiza Othman. (2011). *Kategori Masalah Pelajar Tahun Satu, Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*, Journal of Educational Psychology and Counseling, 1, 44-58

Tan Cheow Yum. (2001). Sumber Keyakinan Diri Dalam Sukan Di Kalangan Peserta Kursus Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Tahun Dua Universiti Putra Malaysia: Satu Tinjauan Kuantitatif. Penulisan Ilmiah Master Sains yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Undang-Undang Malaysia. (2009). *Akta A1342: Akta Universiti Dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Utusan Malaysia. (7 November 2014). *13,359 pelajar terlibat salah laku disiplin berat*, dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/13-359-pelajar-terlibat-salah-laku-disiplin-berat-1.21677>

Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton Zakaria dan Wan Muhamad Wan Abdullah. (2012). *Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah?: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan*, Jurnal Personalia Pelajar, 15, 13-22

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN PERSONALITI PSIKOLOGI KAUNSELING (I2PK)

**NORISHAM BINTI ABD GHANI (PhD)
MOHD TAUFIQ BIN MAHMUD
HALIMATUN SAADIAH BT AHMAD USULDIN
NOR HAFIZAH BT. MOHAMMAD HANAFI
NORDIANA BT ABD RAHIM**

ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan agensi kerajaan yang mempunyai bilangan kakitangan yang paling ramai berbanding dengan kementerian yang lain. Justeru, adalah satu keperluan untuk kementerian ini membina profil personaliti setiap warganya untuk urusan pembangunan diri, pemulihan dan pencegahan. Untuk membina profil, perlu adanya ujian personaliti untuk mengukur personaliti individu. Oleh itu, Instrumen Personaliti Psikologi & Kaunseling telah dibina dengan menggunakan responden seramai 2402 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan gred, lokaliti sekolah dan bangsa. Instrumen ini telah melalui proses pembinaan instrumen seperti yang disarankan oleh Brown dan diadaptasikan oleh Sidek. Model asas yang menjadi teras pembinaan instrumen ini adalah Model Big Five dan Teori Pembelajaran Sosial. Beberapa orang pakar dalam bidang psikometrik dan psikologi kaunseling telah membantu membina instrumen ini sehingga terhasilnya lima domain dan 11 subdomain di bawahnya. Instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan Alpha Cronbach .916 dan telah sedia digunakan sepenuhnya.

Kata kunci : instrumen personaliti; profil; pembangunan diri; pemulihan; pencegahan

LATAR BELAKANG KAJIAN

Personaliti merupakan perkataan yang berasal dari bahasa Greek iaitu ‘pesona’ yang bermakna untuk bercakap melalui (*to speak through*). Tret personaliti secara relatifnya boleh dirujuk sebagai pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang berlaku secara automatik sewaktu individu berhubung dengan rangsangan persekitaran. Menurut (Guilford & Smith, 1959), personaliti merupakan tret-tret yang unik untuk seseorang individu itu kelihatan berbeza antara satu sama lain. Sementara Costa dan McCrae (2003) pula mendefinisikan personaliti sebagai tingkah laku individu yang mencerminkan karakter tingkah laku yang unik. Selain itu, personaliti secara relatifnya menunjukkan corak tingkah laku yang stabil dan konsisten yang memperjelaskan kecenderungan tingkah laku individu (McShane & Von Glinow, 2009).

Personaliti dalam organisasi amat penting dalam memastikan sesebuah organisasi itu terurus, stabil dan terus bertahan (Anderson, Spataro, & Flynn, 2008). Untuk mengenali personaliti diri, ujian psikologi diperlukan. Terdapat banyak ujian psikologi yang memfokuskan pada personaliti individu. Ujian Personaliti merupakan soal selidik atau apa sahaja alat yang standard yang direka atau dibangunkan untuk mendedahkan karakter individu. Secara umumnya, ujian personaliti adalah merupakan alat pengukuran tret kecenderungan diri yang dijawab oleh seseorang individu itu agar dia memahami dan mengenal pasti kekuatan serta kekurangan diri untuk menjana potensi yang ada ke arah kesejahteraan emosi, tingkah laku dan pemikiran dalam konteks hubungan interpersonal dan intrapersonal (Roberts, 2011).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melihat keperluan untuk mewujudkan ujian personaliti berdasarkan acuan dan keperluan warga kerja kementerian ini. Namun, ujian personaliti yang mengukur personaliti warga kerja KPM belum lagi dibangunkan. Justeru, Bahagian Psikologi & Kaunseling, KPM melihat adanya keperluan untuk membangunkan ujian personaliti tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Pembinaan Instrumen Personaliti Warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan inisiatif Bahagian Psikologi Dan Kaunseling (BPsk) dalam menyediakan satu instrumen yang boleh digunakan sebagai satu kaedah dalam pengumpulan data dan profil personaliti warga KPM. Keperluan mengumpul data dan profil warga KPM untuk memudahkan pelaksanaan dasar dan pembangunan insan yang dirancang demi kebaikan warga KPM keseluruhannya. Instrumen Tret Personaliti ini adalah sinergi bagi keperluan berikut:

- **Profil Psikologi :**
Memberikan maklumat diri dan perspektif psikologi merangkumi tret personaliti dan potensi sendiri
- **Data Informasi Individu :**
Data terperinci yang boleh diakses berdasarkan gred jawatan, jantina, kumpulan guru dan bukan guru serta demografi asas seperti umur, dan sebagainya.
- **Untuk Pembangunan Diri**
Melalui Instrumen Psikologi Kaunseling ini, seseorang itu mampu menilai personaliti diri sendiri dan dapat melihat kekuatan dan kelemahan yang dimilikinya. Mengenal diri mampu untuk membangunkan potensi individu ke arah pembangunan bakat, pemilihan dan pemantapan kerjaya.
- **Untuk Pembentukan Kumpulan**
Selain itu, mengenali diri juga boleh membantu individu membina jaringan berkesan khususnya dalam pembinaan kumpulan. Ini berlaku apabila setiap individu dalam kumpulan tersebut mengenali diri dan orang lain dan memberi ruang kepada mereka untuk memahami karakter rakan-rakan dalam kumpulan. Pemantapan kumpulan ini akan

meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman dalam urusan kerja secara bersama-sama

- **Untuk Pembentukan Kepimpinan**

Melalui Instrumen Personaliti I2PK ini, pihak pentadbiran boleh menilai sama ada secara individu atau kumpulan individu yang mempunyai potensi untuk dilantik menjadi pemimpin yang mampu untuk berhadapan dengan cabaran dan tidak mudah mengalah apabila berada dalam situasi-situasi yang sukar. Pihak pentadbir boleh menentukan sendiri apakah ciri-ciri personaliti yang diperlukan untuk memenuhi kriteria tugas yang diperlukan.

TEORI DAN KONSEP

Terdapat banyak ujian personaliti yang terdapat di luar negara namun, kebanyakan penyelidikan berkaitan dengan pembinaan karakter dan tret personaliti menggunakan Model Big Five yang mempunyai 5 faktor sebagai asas keperibadian tret individu (Ashton, 2013; Han & Pistole, 2017; Hassan, Asad, & Hoshino, 2016; Otero-Lopez, Villardefrancos Pol, & Castro Bolano, 2017).

5 faktor tersebut adalah:

Faktor 1 - *Openness to experience* atau keterbukaan pada pengalaman yang mewakili ciri-ciri karakter berkaitan dengan kreativiti, imaginatif dan pemikiran kritikal. Dalam pembinaan I2PK faktor ini menjadi asas kepada pembinaan konstruk Tingkah laku Kognitif.

Faktor 2 – *Conscientiousness* yang merupakan tret yang dikaitkan dengan prestasi kerja. Ada dua tret yang mendasari faktor ini iaitu pencapaian dan kebolehpercayaan. Individu yang mempunyai karekter ini adalah orang yang bertanggungjawab, tersusun dan boleh dipercayai. Dalam Pembinaan I2PK, domain Struktur merupakan domain yang berasaskan pada inti pati ciri personaliti *Conscientiousness* ini.

Faktor 3 – *Extroversion* adalah merupakan elemen personaliti yang mempamerkan karakter mudah didekati, aktif, suka pada keseronokan, mudah mesra, asertif dan mempunyai tenaga dalaman yang sangat kuat apabila dapat berkomunikasi dengan orang lain. Justeru, dalam pembinaan I2PK, ciri-ciri individu ini dikaitkan dengan konstruk Komunikasi.


Faktor 4 – *Agreeableness* atau persetujuan. Model ini menyatakan bahawa individu yang memiliki ciri-ciri personaliti ini mempunyai kecenderungan untuk menjadi orang yang lembut, mudah mempercayai, boleh dipercayai dan mudah menerima, bertolak ansur dan mudah bekerjasama dengan orang lain. Oleh itu, dalam konteks pembinaan I2PK, domain yang dibangunkan atas ciri-ciri personaliti ini bersesuaian dengan domain Penerimaan.

Faktor 5 – *Emotional Stability* atau kestabilan Emosi. Bagi domain personaliti ini, individu yang mempunyai skor yang tinggi dalam faktor ini menunjukkan individu tersebut seorang yang positif, tenang, memiliki keyakinan diri, rasa selamat dan dikaitkan dengan kepuasan hidup. Dalam konteks pembinaan I2PK, domain Introspeksi merupakan domain karakter yang dibina atas ciri personaliti ini.

Walaupun, pembinaan I2PK ini banyak diasaskan pada 5 faktor yang terdapat dalam Model Personaliti *Big Five*, namun pembinaan item adalah berasaskan pada keperluan organisasi yang bersesuaian dengan budaya dan cara hidup masyarakat orang Asia khususnya di Malaysia. Justeru, pembinaan I2PK adalah berasaskan konsep pendidikan yang lebih menekankan aspek pembelajaran tingkah laku. Oleh itu, satu lagi teori yang mendasari pembentukan I2PK ini adalah Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura. Walaupun personaliti adalah tekal namun ia boleh berubah mengikut situasi dan persekitaran kerja. Perubahan ini boleh berlaku apabila tingkah laku-tingkah laku baharu dipelajari dan diadaptasi menjadi personaliti. Sebagai contoh, untuk diterima dalam sesebuah organisasi yang baharu, individu yang kurang dominan dalam sesuatu tret personaliti yang akan cuba untuk melakukan penyesuaian diri

berdasarkan pada keperluan dan kehendak persekitaran yang baharu. Walaupun, karakter ini tidak mampu berubah sekelip mata dan memerlukan masa yang mencukupi untuk perubahan itu berlaku, namun personaliti boleh berubah. Dalam gambar rajah 1.0 di bawah, diperjelaskan kerangka konsep bagi Instrumen ini yang menunjukkan tentang konseptual secara keseluruhan I2PK dan kaitannya dengan visi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gambar rajah1.0 Kerangka konsep I2PK



Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui tebaran instrumen personaliti yang dibangunkan sendiri oleh Bahagian Psikologi & Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia.


Responden Kajian

Seramai 2402 orang responden telah dilibatkan dalam kajian rintis ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan gred perjawatan Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh negara. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk melihat kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman item-item. Kebolehpercayaan item merujuk pada sejauh mana item-item yang dibina ini mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kekuatan kebolehpercayaan ini biasanya dinilai menggunakan pekali alpha cronbach.

Pembinaan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling

Terdapat beberapa kaedah proses membina ujian psikologi yang dikemukakan oleh mereka yang pakar dalam bidang ini. Untuk pembinaan I2PK, proses yang dikemukakan oleh Brown (1983 adaptasi Sidek Mohd Noah 1995) telah digunakan. Proses ini diterangkan seperti rajah di bawah:

Gambar rajah 2.0 Proses Pembinaan I2PK mengikut Brown (1983) adaptasi Sidek Mohd Noah (1995)



Berdasarkan gambar rajah 2.0 di atas, proses awal pembinaan instrumen ini bermula dengan spesifikasi tujuan membina instrumen. Telah dijelaskan bahawa instrumen ini dibina untuk mengukur personaliti individu berdasarkan kepada acuan dan kehendak kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyediakan profil warga Kementerian

seluruhnya. Setelah jelas tujuan pembinaan, maka kumpulan pembina instrumen telah melakukan pembacaan literatur berkaitan dengan personaliti supaya setiap konstruk yang dibina bersesuaian dengan kehendak KPM khususnya.

Untuk menghasilkan ujian personaliti yang berkualiti, pembacaan literatur telah dilakukan khususnya dalam bidang tingkah laku dan tret personaliti. Kajian-kajian lalu telah diteliti dan dianalisis sebaiknya. Melalui pembacaan yang meluas, adalah didapati kebanyakan kajian yang berkaitan dengan personaliti banyak menggunakan Model Big 5 sebagai teori dan model asas dalam melihat kepelbagaian personaliti individu yang dikaji. Justeru, kumpulan pembina bersepakat untuk menjadikan Model Big 5 sebagai asas pembentukan model ujian personaliti yang dibangunkan. Selain itu, beberapa ujian personaliti di dalam dan luar negara telah dibentangkan dan disusun atur untuk mendapatkan satu bentuk pemetaan yang dijadikan asas kepada pembinaan 5 konstruk dalam ujian personaliti ini. Konstruk yang dinamakan secara sementara ini diwujudkan bertujuan untuk memudahkan pembinaan item yang berasaskan pada huraian definisi konsep serta definisi operasi yang dibina.

Pembinaan definisi ini memenuhi proses pembinaan ujian personaliti yang ketiga iaitu pembinaan item. Melalui definisi tersebut, sebanyak 336 item telah dibina yang mewakili 5 konstruk utama. Setiap konstruk memiliki jumlah item yang berbeza. Setelah dikumpulkan item-item ini, proses seterusnya adalah menjalankan analisis kesahan muka (*face validity*) untuk kesemua item-item tersebut dinilai dari sudut konteks bahasa yang mudah difahami, diterima dan untuk memastikan tiada pelanggaran nilai budaya yang dikhuatiri boleh menjadi isu setelah ujian personaliti ini siap nanti.

Untuk memastikan semua item benar-benar boleh difahami oleh semua lapisan gred perjawatan serta masyarakat warga Kementerian Pendidikan Malaysia, kesahan muka dijalankan di seluruh negara sehingga ke Sabah dan Sarawak. Hasilnya, tidak banyak perubahan yang dicatat kerana majoriti responden telah menunjukkan kefahaman yang jelas bagi setiap item yang terkandung dalam ujian personaliti ini. Walau bagaimanapun, perubahan kecil dari sudut pemahaman bahasa disesuaikan untuk

memenuhi keperluan segelintir responden yang kurang memahami beberapa istilah yang di luar konteks kefahaman mereka.

Setelah kesahan muka dijalankan, dan penambahbaikan dilakukan pada beberapa item, soal selidik ini diedarkan pula pada 11 orang kaunselor yang merupakan pakar dalam bidang psikologi kaunseling yang dilantik sebagai panel untuk mengukur kesahan kandungan (*content validity*) setiap item. Oleh itu, kaedah *Content Validity Ratio* oleh Lawshe (1975) telah digunakan untuk mengukur kesahan kandungan ini. Kesahan kandungan merujuk pada proses yang bertujuan untuk memberi jaminan bahawa instrumen atau ujian psikologi yang dibina ini mengukur kandungan yang dalam konteks bidang yang diukur (Frank-Stromberg & Olsen 2004 dalam Ayre and Scally 2014). Formula yang digunakan dalam proses pengiraan kesahan kandungan ini adalah seperti berikut:

$$CVR = \frac{n_e - (N / 2)}{N / 2},$$

CVR - Content Validity Ratio

n_e - Bilangan pakar/panel yang memberikan skor sesuai

$N/2$ - Bilangan pakar/panel

Gambar rajah 3.0 Pengukuran Kesahan Kandungan Mengikut Pengiraan Kaedah Lawshe

82 *Measurement and Evaluation in Counseling and Development 47(1)*

Table 1. CVR_{critical} One-Tailed Test ($\alpha = .05$) Based on Exact Binomial Probabilities.

N (Panel Size)	Proportion Agreeing Essential	CVR _{critical} Exact Values	One-Sided p Value	N _{critical} (Minimum Number of Experts Required to Agree Item Essential)—Ayre and Scally, This Article	N _{critical} Calculated From CRITBINOM Function—Wilson et al. (2012)
5	1	1.00	.031	5	4
6	1	1.00	.016	6	5
7	1	1.00	.008	7	6
8	.875	.750	.035	7	6
9	.889	.778	.020	8	7
10	.900	.800	.011	9	8
11	.818	.636	.033	9	8
12	.833	.667	.019	10	9
13	.769	.538	.046	10	9
14	.786	.571	.029	11	10
..

Berdasarkan bilangan panel seramai 11 orang yang terlibat dalam mengukur kesahan kandungan ini, maka bilangan minimum yang diterima hanyalah seramai 9 orang. Ini bermakna untuk setiap item, bilangan panel yang bersetuju bahawa item itu sesuai digunakan sekurang-kurangnya 9 orang yang membawa pada nilai CVR .636. Jika kurang daripada 9 orang, maka nilai CVR yang ditunjukkan adalah lemah iaitu kurang dari .6 Contoh dapatan kesahan kandungan adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Paparan Sebahagian Item yang dinilai oleh Panel

Elemen	Item	Panel size	Number Expert Agree	CVR
1	Saya tidak menyokong pihak yang bersalah walaupun dia rakan baik saya	11	9	0.636
2	Saya akan memastikan anak saya tidak dikenakan hukuman walaupun dia bersalah	11	11	1
3	6. Saya percaya pandangan yang berbeza itu memberi kebaikan pada organisasi	11	11	1
4	7. Saya mendengar pandangan orang lain sebelum membuat keputusan	11	10	0.818
5	8. Saya tetap menghormati pandangan orang lain walaupun saya tidak bersetuju dengan pandangan mereka	11	9	0.636
6	1. Saya menghormati amalan budaya penganut agama lain	11	9	0.636
7	2. Saya memberikan tempat duduk kepada orang tua yang sedang berdiri	11	9	0.636
8	4. Saya akan meminjamkan barangan peribadi saya jika kawan saya memerlukannya	11	9	0.636
9	5. Saya boleh menerima jika ada rakan memasang radio semasa bekerja	11	9	0.636
10	Saya mudah menyesuaikan diri di tempat baharu	11	10	0.818
11	Saya tiada masalah untuk bekerja dengan orang yang berlainan bangsa dengan saya	11	8	0.636

12	Saya akan melaksanakan sebarang tugas yang diberikan walaupun sukar	11	9	0.636
13	Saya mudah menerima perkara baharu dalam hidup saya	11	11	1
14	Saya boleh menyesuaikan diri saya dengan kerja baharu	11	10	0.818
15	Saya boleh mengubah perancangan yang lain jika perancangan asal tidak menjadi	11	8	0.636

Setelah proses kesahan kandungan dijalankan, daripada 336 item yang diberikan, hanya 144 item sahaja yang mempunyai sekurang-kurangnya nilai CVR .636. Oleh itu, item yang tinggal ini dimurnikan dan disusun dan diedarkan untuk tujuan kajian rintis.

Analisis Data

Dapatan daripada tebaran kajian rintis yang telah dijalankan, hasil dapatan menunjukkan nilai alpha cronbach bagi 144 item yang dianalisis adalah .960. Selain analisis yang menggunakan *alpha cronbach*, kesemua item ini juga dianalisis menggunakan kaedah *split-half*. Kaedah *split-half* digunakan untuk menilai konsistensi dalaman ujian, yang mengukur sejauh mana semua bahagian ujian menyumbang sama dengan apa yang diukur. Ini dilakukan dengan membandingkan hasil setengah ujian dengan hasil dari separuh lagi. Untuk itu, hasil dapatan analisis *split-half* ini, nilai pekali menunjukkan .946 dan .925. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan 144 item yang diuji menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan ketekalan yang tinggi.

Setelah memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi, data ini melalui proses seterusnya iaitu proses *Exploratory Factor Analysis* (EFA) yang bertujuan untuk membina faktor atau konstruk bagi alat ujian personaliti ini. Kumpulan pembina telah menetapkan pembahagian item kepada lima konstruk sahaja bersesuaian dengan konseptual model yang menggunakan Model Big 5. Berdasarkan EFA yang dijalankan, daripada 144 item yang dianalisis, dengan menggunakan nilai *coefficient* tidak melebihi .6, sebanyak 64 item telah digugurkan menjadikan jumlah yang diterima adalah sebanyak 80 item sahaja dalam 5 konstruk yang dibina.

Analisis data tidak setakat ini sahaja, data ini melalui lagi proses seterusnya iaitu *Confirmatory Factor Analysis (CFA)* atau Analisis Faktor Pengesahan dengan menggunakan aplikasi *Structural Equation Modeling (SEM)*. Ini bertujuan untuk melihat kesalingan (interrelations) dan kovarians antara item dalam konstruk yang sama untuk memenuhi kesesuaian model (model fit) dengan dapatan data berdasarkan fit indices dan factor loading instrumen ini seperti dalam jadual 2 di bawah. *Fit indices dilihat pada nilai Chi-square, RMSEA* dan salah satu daripada *Baseline Comparisons* yang terdiri daripada Relative Fit Indices (RFI) Normed Fit Index (NFI) and Non-Normed Fit Index (NNFI) dan Comparative Fit Index (CFI). Sementara factor loading mestilah tidak boleh kurang daripada nilai .5 serta tidak boleh ada yang bertanda negatif (-ve.) (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2014).

Jadual 2 Model Fit Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling

Model Fit Summary

CMIN

Model	NPAR	CMIN	DF	P	CMIN/DF
Default model	141	5111.402	1035	.000	4.939
Saturated model	1176	.000	0		
Independence model	48	46105.151	1128	.000	40.873

Nilai Khi Kuasa Dua Goodness of Fit bagi model ini adalah signifikan pada $[X^2 (N=2402, df=1035)=5111.4, p < .05]$. Ini menunjukkan model modifikasi lebih sepadan dengan data kajian. Disebabkan kajian ini menggunakan responden yang ramai (saiz persampelan yang besar), keputusan Khi Kuasa Dua Goodness-of-Fit boleh menjadi signifikan (berlakunya ralat jenis II). Oleh itu, petunjuk dua model fit yang lain turut digunakan iaitu *Baseline Comparisons* dan *RMSEA*

Baseline Comparisons

Model	NFI Delta1	<u>RFI</u> <u>rho1</u>	IFI Delta2	TLI rho2	CFI
Default model	.889	.879	.910	.901	.909
Saturated model	1.000		1.000		1.000
Independence model	.000	.000	.000	.000	.000

Berdasarkan baseline comparisons di atas, nilai kesepadanan yang melebihi .90 (IFI, TLI, CFI) adalah diterima untuk dicadangkan signifikan sepadan dengan data kajian.

RMSEA

Model	RMSEA	LO 90	HI 90	PCLOSE
Default model	.041	.039	.042	1.000
Independence model	.129	.128	.130	.000

Nilai *RMSEA* (*Root Mean Square Error of Approximation*) bagi model kajian ini yang bersamaan dengan .041 (<0.3 , $>.008$) juga menunjukkan bahawa model ini bersepadanan dengan data kajian.

DAPATAN KAJIAN

Kebolehpercayaan item

Setelah item-item ini diproses dengan menggunakan kaedah CFA, daripada 80 item yang dikemukakan, hanya tinggal 52 item sahaja yang diterima untuk dijadikan sebagai item-item dalam I2PK. Kebolehpercayaan pekali Alpha Cronbach telah digunakan sekali lagi untuk melihat kebolehpercayaan setiap item. Kebolehpercayaan seringkali dirujuk untuk menggambarkan kestabilan dan ketekalan dalaman sesuatu alat kajian (Cresswell & Eklund, 2006). Ia dipaparkan seperti jadual 3 di bawah.

Konstruk/Elemen	Alpha Cronbach
Keseluruhan	.916
*Tingkah laku kognitif	.856
Analitikal	.801
Kreatif	.814
*Komunikasi	.823
Asertif	.740
Ekstrovert	.800
*Introspeksi	.790
Kerohanian	.725
Penghargaan Kendiri	.725
Intra Refleksi	.841
*Penerimaan	.840
Toleransi	.752
Penyesuaian Diri	.805
*Struktur	.731
Tanggungjawab	.765
Keakuran	.618

Berdasarkan paparan di atas, adalah didapati bahawa keseluruhan item menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .916 alpha Cronbach. Malahan konstruk yang dianalisis juga menunjukkan kebolehpercayaan yang diterima iaitu melebihi .6. Antara konstruk yang paling tinggi nilai alphanya adalah Tingkah laku Kognitif (.856), diikuti Penerimaan (.840), Komunikasi (.823), Introspeksi (.790) dan Struktur (.731). Untuk memastikan I2PK ini memenuhi keperluan statistik dalam memastikan ia boleh dipercayai dan mempunyai kesahan, nilai *Average Variance Extracted* (AVE) perlu juga dilihat. Nilai ini menjadi penentu kepada kesahan konvergen (*Convergent Validity*) yang diharapkan adalah lebih besar dari 0.5.

Menurut Campbell & Fiske (1959), ada dua kaedah untuk mengukur kesahan konstruk sesuatu alat kajian iaitu dengan menggunakan Kesahan Konvergen dan Kesahan Diskriminant (*Discriminant Validity*). Kedua-dua ini hanyalah boleh dilakukan melalui proses SEM. Menurut Campbell & Fiske, *Convergent validity: is the degree of confidence we have that a trait is well measured by its indicators. Sementara Discriminant validity, is the degree to which measures of different traits are unrelated.*

Ini menjelaskan bahawa Kesahan dengan adanya kesahan diskriminan menunjukkan setiap konstruk personaliti yang diukur berbeza antara konstruk personaliti yang lain.

Beraskan pada 5 konstruk yang diukur, berikut adalah Jadual yang memaparkan nilai AVE dan Kebolehppercayaan Konstruk yang ditunjukkan oleh data kajian.

Jadual 4 Nilai AVE dan Kebolehppercayaan Konstruk I2PK

Konstruk	Average Variance Extracted (AVE) (>0.5)	Kebolehppercayaan Konstruk (Construct Reliability)
Tingkah laku Kognitif	.503	.911
Introspeksi	.509	.927
Stuktur	.500	.901
Komunikasi	.503	.910
Penerimaan	.544	.922

Untuk mengukur nilai kesahan diskriminan, pengukuran dibuat berdasarkan pada kriteria yang telah dicadangkan oleh Fornell & Lacker (1981, dalam Henseler, Ringe & Sarstedt 2014). Menurut Fornell & Lacker, kesahan diskriminan berlaku apabila nilai kolerasi koefisien r kuasa dua kurang daripada nilai AVE ($r^2 < AVE$). Jadual 5 menunjukkan Kesahan Diskriminan bagi setiap pasangan konstruk berdasarkan pada nilai korelasi koefisien r .

Konstruk	AVE	Nilai r^2
Tingkah laku Kognitif	.503	.023
& Introspeksi	.509	
Tingkah laku kognitif	.503	.001
& Penerimaan	.544	
Tingkah laku kognitif	.503	.082
& Struktur	.500	
Tingkah laku kognitif	.503	.319
& Komunikasi	.503	
Introspeksi	.509	.033

& Penerimaan	.544	
Introspeksi	.509	.162
& Struktur	.500	
Introspeksi	.509	.000
& Komunikasi	.503	
Penerimaan	.544	.377
& Struktur	.500	
Penerimaan	.544	.135
& Komunikasi	.503	
Komunikasi	.503	.382
& Struktur	.500	

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa kesemua domain memenuhi kesahan diskriminan seperti yang disarankan oleh Fornell & Lacker (1981). Oleh itu, boleh ditegaskan bahawa alat ini telah memenuhi semua keperluan statistik dalam pembinaan instrument baharu dari segi kesahan dan kebolehpercayaannya.

PENUTUP

Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling ini dibina untuk mengukur personaliti berasaskan pada 5 domain yang diukur. Instrumen ini telah melalui proses pembinaan instrumen psikologi yang bersesuaian mengikut proses yang dikemukakan oleh Brown adaptasi Sidek (1995). Segala langkah analisis statistik diambil kira untuk memastikan instrumen yang dibina ini tepat untuk mengukur personaliti yang hendak diukur. Melalui I2PK, individu yang mengambil instrumen ini boleh mengenali diri mereka dengan mudah di samping mengenal pasti apakah kekuatan dan kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi kerja dan diri. Selain itu, melalui I2PK juga, boleh digunakan oleh organisasi sebagai alat untuk membuat pemilihan pekerja mengikut keutamaan domain yang diperlukan, penempatan baharu, kenaikan pangkat dan juga berkaitan dengan masalah psikologi yang membolehkan individu yang mengambil inventori ini (klien) diberikan bantuan sewajarnya. Instrumen ini akan diperkemas dari semasa ke semasa untuk mendapatkan menjadikan instrumen ini lebih stabil dan tekal dalam mengukur setiap kumpulan responden.

RUJUKAN

- Anderson, C., Spataro, S. E., & Flynn, F. J. (2008). Personality and organizational culture as determinants of influence. *J Appl Psychol*, 93(3), 702-710. doi:10.1037/0021-9010.93.3.702
- Ayre, C & Scally, A. J (2014). Critical values for Lawshe's content validity ratio: Revisiting the original methods of calculation. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 47(1), 79-86: Sagepub.
- Ashton, M. C. (2013). *Individual differences and personality* (2. ed.). Amsterdam: Academic Press.
- Campbell, Donald T., & D. W. Fiske (1959) "Convergent and discriminant validation by the multitrait-multimethod matrix." *Psychological Bulletin*, 56: 81-105.
- Chua Yan Piaw (2014). *Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM: Kaedah dan statistik penyelidikan*. Buku 5. Ed. 2. Kuala Lumpur, Mc Graw Hill Education
- Cresswell, S. L., & Eklund, R. C. (2006). The convergent and discriminant validity of burnout measures in sport: a multi-trait/multi-method analysis. *J Sports Sci*, 24(2), 209-220. doi:10.1080/02640410500131431
- Guilford, J. P., & Smith, P. C. (1959). A system of color-preferences. *Am J Psychol*, 72, 487-502.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Multivariate data analysis*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Han, S., & Pistole, M. C. (2017). Big Five Personality Factors and Facets as Predictors of Openness to Diversity. *J Psychol*, 151(8), 752-766. doi:10.1080/00223980.2017.1393377
- Hassan, H., Asad, S., & Hoshino, Y. (2016). Determinants of Leadership Style in Big Five Personality Dimensions. *Universal Journal of Management*, 4(4), 161-179. doi:10.13189/ujm.2016.040402
- Hensler, J., Ringle, M. C., & Sarstedt, M (2014). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. Dipaut daripada atas talian <https://pdfs.semanticscholar.org/ad1d/cedd70ecf26cb5bdb52248b9fea180995199.pdf>.
- McShane, S. L., & Von Glinow, M. A. (2009). *Organizational behavior : Emerging knowledge and practice for the real world*. Boston, MA: McGraw-Hill.

- Otero-Lopez, J. M., Villardefrancos Pol, E., & Castro Bolano, C. (2017). Beyond the Big Five: the role of extrinsic life aspirations in compulsive buying. *Psicothema*, 29(4), 440-445. doi:10.7334/psicothema2016.392
- Roberts, W. B. Y., T. (2011). <personality trait development in adulthood Patterns and implications
httpeds.a.ebscohost.com.newdc.oum.edu.myedspdfviewerpdfviewersid=3fc06014-a12c-4c28-89fe-10f42bc08472%40sessionmgr4009&vid=1&hid=4202.pdf>.
Japanese Journal of Personality, 1(2011).
- Sidek Mohd Noah.(1995). Pengujian dan penilaian dalam kaunseling; Teori dan aplikasi.Universiti Putra Malaysia:Serdang.

BIODATA PENULIS

1. NURHAIZA BT CHE MAT

Berkhidmat sebagai guru kaunseling sepenuh masa di SMK Cheras, Kuala Lumpur. Mendapat Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan dan Bachelor Pendidikan Bimbingan Dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Kepakaran dalam bidang penulisan dan penyelidikan di sekolah. Mempunyai blog nurhaizachemat.blogspot.com yang aktif dalam isu –isu semasa perkhidmatan kaunseling sekolah di Malaysia. Jawatan pentadbiran sekarang ialah Ketua Guru Kaunseling dan merupakan Guru Cemerlang Kaunseling.

2. SINTHUMATHI A/P MARIAPAH

Masih menuntut dalam Program Master Sains Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia dalam tahun 4. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Pembangunan Manusia) dan minor Perkembangan Psikologi dari Universiti Putra Malaysia. Kini beliau bertugas sebagai seorang guru di sebuah sekolah dan pernah bertugas sebagai kaunselor pelatih sekolah menengah. Beliau aktif melibatkan diri dalam ceramah, proceeding dan aktiviti sukarela.

3. HAJI JAMALUDIN B. HAJI AHMAD PhD

Beliau merupakan bekas guru dan pernah bertugas sebagai kaunselor peelajar sekolah menengah dan kaunselor Jabatan Pelajaran Selangor. Beliau merupakan lulusan Maktab Perguruan Kinta, Ipoh, Perak. Seterusnya beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Bimbingan dan Kaunseling) dan Ijazah Sarjana (Pengurusan) dari Universiti Putra Malaysia. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah kanan di Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM. Buku beliau, Modul dan Pengendalian Bimbingan Kelompok serta Modul dan Kaunseling Penyalahgunaan Dadah mendapat sambutan yang menggalakkan. Beliau aktif sebagai kaunselor berdaftar, penceramah motivasi untuk pelajar, guru dan ibu bapa serta perunding pembinaan pelbagai modul.

4. SIDEK MOHD NOAH PhD

Beliau merupakan Profesor di Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Master Sains dari Western Michigan University (WMU) dan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah psikologi kaunseling dengan pengkhususan kaunseling kerjaya, pengujian dan pengukuran dalam kaunseling dan pembangunan modul kerjaya.

5. WAN MARZUKI WAN JAAFAR PhD

Beliau merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Mendapat pendidikan awal di peringkat Matrikulasi Sains Universiti Pertanian Malaysia. Seterusnya mendapat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Seterusnya beliau mendapat ijazah Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia (UPM). Dan memiliki Ijazah Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang kepakaran beliau adalah dalam bimbingan dan kaunseling, isu dan etika dalam kaunseling dan penyeliaan dalam kaunseling.

6. MUHAMMAD AJIB BIN ABD RAZAK

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling (dengan kepujian) dari UMS dan Sarjana Sains Sosial Psikologi Kaunseling (UKM). Beliau juga merupakan Pensyarah di Pusat Penyelidikan Psikologi Dan Kesejahteraan Manusia (UKM). Beliau juga merupakan kaunselor berdaftar dan berpengalaman dalam mengendalikan sesi kaunseling. Bidang pengkhususan beliau adalah kaunseling remaja dan keluarga serta permasalahan akidah.

7. MAZIAH SYAFIQAH BINTI MAT TOB

Beliau merupakan pelajar tahun 3 bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (dengan kepujian) dalam bidang Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis menamatkan pengajiannya pada bulan Oktober 2017. Bahkan, penulis juga mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan berkaitan psikologi dan kaunseling.

8. YEE SIEW KUAN

Beliau merupakan seorang pegawai tadbir di Unit PERMATA STEM Talent, Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri. Beliau memiliki pendidikan Ijazah Sarjanamuda Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan Kepujian (Psikologi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan sedang melanjutkan pelajarannya dalam Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling di UKM.

9. DHARATUN NISSA BT FUAD MOHD KARIM PhD

Seorang pensyarah bimbingan dan kaunseling di Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki pendidikan peringkat Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian Oleokimia dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari UKM dan Doktor Falsafah Kaunseling dari Universiti Malaya (UM). Bidang kepakaran beliau adalah Bimbingan dan Kaunseling serta Kaunseling Keluarga.

10. JAMALIAH HAMDAN

Seorang kaunselor di Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mendapat Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Psikologi Kaunseling di Universiti Malaysia Sabah. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling.

11. JAFNY HJ. JAAPAR

Berkhidmat sebagai Guru Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield, Subang Jaya, Selangor. Mendapat Ijazah Master Sains dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah selama 10 tahun. Sekarang turut memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Daerah Petaling Perdana. Pernah menerbitkan beberapa buah artikel dan penulisan kreatif dalam akhbar Utusan, Berita Harian (Minda), Buletin Jendela Selatan (DBP), Majalah terbitan JAKIM serta jurnal. Antara artikel yang telah diterbitkan seperti Kenali Pembuli, Batasan Adik Angkat, Indahnya Sebuah Kejayaan, Keluarga dan Cabaran Hari Ini.

12. ROHANI HJ. IDRIS

Berkhidmat sebagai Guru Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 12, UEP Subang Jaya, Selangor. Mendapat Ijazah Master Pendidikan dalam bidang Sosiologi di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah selama 10 tahun. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA International. Penulis buku “Kita Adalah Pemimpin”.

13. NURSAKINAH MAT HAZIR

Seorang instruktur Kimia Kolej PERMATApintar, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dan Ijazah Sarjana Sains (Forensik Sains) dari Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor. Bidang kepakaran beliau ialah Kimia dan Forensik Sains.

14. AZRINA MD AZHARI

Seorang instruktur pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta instruktur pendidikan moral di Pusat PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki pendidikan dalam Sarjana Muda Pendidikan Sains Sukan dari Universiti Teknologi Malaysia Skudai dan Sarjana Sains Sukan dari Universiti Teknologi Mara Shah Alam. Bidang kepakaran beliau ialah psikologi sukan dan juga sains sukan.

15. NURUL SUZAINA JOLI

Seorang instruktur Matematik di Pusat PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Aktuari di Universiti Teknologi Mara. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran dalam bidang Sarjana Statistik di Fakulti Sains Teknologi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah di dalam bidang matematik dan statistik.

16. AFIFAH MOHAMAD RADZI

Beliau merupakan guru bahasa dalam subjek Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Inggeris di Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (dengan Kepujian) dalam Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Ijazah Sarjana Sastera dalam Kesusasteraan Pascakolonial dalam Bahasa Inggeris (Universiti Kebangsaan Malaysia). Memegang jawatan sebagai Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, beliau mempunyai kepakaran berkaitan penilaian pelajar dalam pelbagai aspek antaranya jati diri, kepimpinan, sosio-emosi dan personaliti selain kepakaran dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris.

17. ROSLINA AHMAD FAISAL

Beliau merupakan seorang kaunselor di Pusat PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Linguistik Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran dalam bidang Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling di Fakulti

Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah bimbingan dan kaunseling.

18. NAWAL BINTI SAPARIN

Seorang pelajar sepenuh masa sarjana mendapat Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang beliau kemudiannya menyambung pelajaran dalam bidang Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah bimbingan dan kaunseling.

19. DATUK NORIAH MOHD ISHAK PhD

Pengarah Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Matematik) di Universiti Malaya (UM), Sarjana Muda dalam bimbingan dan kaunseling di Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Kaunseling daripada Universiti Western Michigan. Bidang kepakaran beliau dalam bidang pendidikan Pintar dan Berbakat.

20. MOHD IZWAN MAHMUD PhD

Pensyarah bimbingan dan kaunseling di Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Univrsiti kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki pendidikan peringkat BA kaunseling dan universiti Malaya (UM), Master Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia bidang kepakaran beliau adalah Kaunseling kerjaya Pendidikan Tinggi dan Personalia Pelajar.

21. NIK HASRAWATI BINTI NIK HASSAN

Berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah di Unit Hal Ehwal Pelajar Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Mendapat Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaunselor Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Berkepakaran dalam bidang pengurusan bimbingan &

kaunseling juga perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di MRSM. Telah menerbitkan buku *Katarsis Life The Sharing*. Turut terlibat aktif dalam menjalankan kajian dan membentangkan kajian di dalam dan luar negara. Beliau merupakan seorang Ahli Eksekutif Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA International) sesi 2017-2019.

23. KU SUHAILA KU JOHARI PhD

Berkhidmat sebagai pensyarah dalam program kaunseling di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor. Mendapat Ijazah Kedoktoran dalam Pendidikan Kaunselor dan Penyeliaan (Counselor Education and Supervision) dari University of Wyoming, Amerika Syarikat. Bidang kepakaran adalah kaunseling kanak-kanak dan keluarga, Play Therapy dan Sandtray Therapy. Aktif dalam pengajaran, penyelidikan, penyeliaan klinikal, pembinaan modul, penulisan dan penerbitan dalam bidang kaunseling.

24. FARHANA SABRI PhD

Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Mendapat Ijazah Kedoktoran dalam Kaunseling Pendidikan dan Penyeliaan di Kent State University, Ohio Amerika Syarikat. Seorang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Mempunyai kepakaran dalam bidang Kaunseling Penagihan dan Dual-Diagnosis.

25. MOHD YAHYA MOHAMED ARIFFIN PhD

Berkhidmat sebagai Professor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Perhubungan Awam di Universiti Malaya. Kepakaran dalam bidang komunikasi dan penulisan. Jawatan pentadbiran sekarang adalah Pengarah Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti, USIM. Banyak menerbitkan buku dan penulisan dalam akhbar-akhbar khususnya dalam bidang komunikasi.

26. MOHD KHAIRUL ANUAR BIN RAHIMI PhD

Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Mendapat Ijazah Kedoktoran dalam Kaunseling Pendidikan dan Penyeliaan di Kent State University, Ohio Amerika Syarikat. Seorang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Mempunyai kepakaran dalam bidang Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan.

27. ROSLEE AHMAD PhD

Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau merupakan kaunselor berdaftar. Bidang kepakaran ialah kaunseling tingkah laku songsang, penyalahgunaan dadah dan pembangunan alat ukur psikologi.

28. SALLEH AMAT PhD

Timbalan Dekan (Akademik) di Fakulti Pendidikan UKM, Bangi. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Lembaga Kaunselor Berdaftar Malaysia, dan juga kaunselor berdaftar. Bidang kepakaran ialah bimbingan dan kaunseling, personaliti pelajar pendidikan tinggi.

29. MOHAMAD ISA AMAT PhD

Pengarah Asean Centre for Research On drug Abuse (ACREDA) di Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau merupakan kaunselor berdaftar. Bidang kepakaran ialah kaunseling pencegahan dan penyalahgunaan dadah, dan personaliti manusia.

30. REZEKI PERDANI SAWAI

Seorang pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang pengajaran dalam bidang psikologi dan pengukuran dan penilaian psikologi. Kini sedang menyiapkan PhD dalam bidang psikologi di UPM.

31. MUHAMAD KHAIRI MAHYUDDIN PhD

Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau merupakan pensyarah kanan dan bidang kepakaran ialah ilmu wahyu dan warisan.

32. AHMAD NAJAA' MOKHTAR PhD

Pensyarah kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Kepekaran beliau dalam bidang akidah dan ilmu tasawuf.

33. OTHMAN BIN AB RAHMAN PhD

Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling selama 29 tahun. Pernah menerbitkan beberapa buah buku seperti Stres, Punca, Teori dan Pengurusan Efektif dan Buku Sosiologi Pendidikan. Beliau juga giat menghasilkan artikel jurnal serta membentangkan hasil-hasil kajian dalam seminar-seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

34. ASIAH BTE SUFIAN

Graduan lepasan Universiti Sains Islam Malaysia dalam bidang Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian. Semasa di universiti, merupakan seorang pelajar yang dedikasi serta berakhlak mulia. Beliau memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir semester. Kerajinan beliau terbukti apabila terpilih sebagai pelajar Cemerlang dalam Projek Ilmiah tahun akhir.

35. ZULIANA BTE KAMARUZAMAN

Graduan lepasan Universiti Malaya dalam bidang Kejuruteraan Komunikasi. Beliau mula terlibat dalam penulisan artikel dan analisis Statistik (SPSS) sejak tahun 2004 serta turut pernah berkhidmat sebagai Pembantu Pengkaji (Research Assistant). Artikel jurnal yang beliau hasilkan adalah usahasama dengan pakar dalam bidang

psikologi kaunseling. Beliau kini berkhidmat di sektor swasta dalam bidang pengurusan projek (Project Manager) serta secara tidak langsung terlibat dalam penyeliaan dan pembangunan modal insan staf.

36. SITI MARIAM BINTI JAAFAR

Berkhidmat sebagai Ketua Unit Psikologi dan Kaunseling, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak. Mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak serta Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang sama di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling selama 16 tahun.

37. MUHAMMAD NASIR BIN BISTAMAM PhD

Berkhidmat sebagai pensyarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Psikologi Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling selama 30 tahun. Banyak menghasilkan penerbitan buku Bimbingan dan Kaunseling.

38. NORISHAM ABD GHANI PhD

Berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Psikologi & Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kelulusan Doktor Falsafah (Psikologi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Berpengalaman dalam membuat penyelidikan dan membina instrumen dalam bidang psikologi kaunseling.

39. NORDIANA ABD RAHIM

Beliau adalah kaunselor kanan di Bahagian dan Kaunseling, kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan MA Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2014, BA Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008 dan Diploma Pengurusan Perniagaan di Universiti Putra Malaysia 2004. Beliau juga melibatkan diri dalam bidang penulisan, artikel dan jurnal berkaitan bimbingan dan kaunseling.

40. MOHD TAUFIQ BIN MAHMUD

Berkhidmat sebagai kaunselor di Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia 2015. Mendapat Bacelor Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hampir 9 tahun. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang penulisan, artikel berkaitan bimbingan dan kaunseling di Portal MyHealth, Kementerian Kesihatan.

41. NOR HAFIZAH BT. MOHAMMAD HANAFI

Berkhidmat sebagai kaunselor di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) UPSI, 2013 dan Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), 2008. Merupakan kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor, ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

42. HALIMATUN SAADIAH BINTI AHMAD USULDIN

Berkhidmat sebagai kaunselor di Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia 2015. Berkelulusan Bacelor Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hampir 9 tahun. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

43. NUR AYUNI MOHD TAUPEK

Merupakan seorang pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya. Telah melanjutkan pelajaran sambil bekerja sepenuh masa. Mendapat Ijazah Master Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia. Pengalaman dan cabaran yang dilalui dijadikan sebagai panduan di masa depan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ISBN 978-967-5398-76-6



9 789675 398766